

UMNO

*Dalam Arus Perdana
Politik Kebangsaan*

Suntingan
WAN HASHIM WAN TEH


MAHIR

Terbitan:

Mahir Publications Sdn. Bhd.
No. 7, Jalan 3/82B
Bangsar Utama, Off Jalan Bangsar
59000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2827372
Fax: 03-2827417

© Mahir Publications Sdn. Bhd. 1993

ISBN: 983-70-0229-8

Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Mahir Publications Sdn. Bhd.

M 716827

190 SEP 1994
Pustaka Nasional
Malaysia

• KANDUNGAN •

BAHAGIAN SATU* UMNO Dulu dan Kini

- 1 MAHATHIR MOHAMAD
UMNO Lama dan UMNO Baru 3 - 27
- 2 ANWAR IBRAHIM
UMNO: Wadah Perjuangan Abad 21 28 - 34
- 3 MOHD NAJIB TUN ABD. RAZAK
*Agenda Pemuda Untuk
Membina Tamadun Bangsa* 35 - 48
- 4 A. KADIR JASIN
*Percubaan Melemahkan UMNO
dan Menumbangkan Barisan Nasional* 49 - 53
- 5 A. NAZRI ABDULLAH
*Mahathir dan Krisis
Kepimpinan UMNO 1987* 54 - 78
- 6 MOHD NOR NAWAWI
*Pemilihan UMNO 1987 Sebagai
Manifestasi Pertentangan Dua Aliran* 79 - 88

* Ucapan, Kertas Kerja Seminar, Artikel yang telah diterbitkan dalam akhbar, dan karya asal.

• KANDUNGAN •

BAHAGIAN SATU*

UMNO Dulu dan Kini

- | | | |
|----|---|-----------|
| 7 | ZAINUDDIN MAIDIN
<i>UMNO Tetap Tidak Berorientasi Ideologi</i> | 89 - 94 |
| 8 | AMINUDDIN MOHD YUSOF
<i>Melayu UMNO Melayu PAS;
Manifestasi Dua Personaliti</i> | 95 - 101 |
| 9 | IBRAHIM ABU BAKAR
<i>Perbandingan Pemikiran
Politik-Agama PAS dan UMNO</i> | 102 - 132 |
| 10 | CHAMIL WARIYA
<i>Persediaan Pemimpin Melayu
Untuk Keperluan Masa Depan</i> | 133 - 144 |
| 11 | ABDUL MUNIR YAACOB
<i>Perjuangan UMNO dan Perjuangan
Islam Dalam Konteks Masyarakat Malaysia</i> | 145 - 155 |
| 12 | WAN HASHIM WAN TEH
<i>UMNO dan Bangsa Melayu:
Sejarah Silam dan Cabaran Mutakhir</i> | 156 - 180 |

• KANDUNGAN •

BAHAGIAN DUA**

Arus Politik Kebangsaan

- 13 WAN MOKHTAR WAN AHMAD
Arus Politik Kebangsaan di Malaysia 183 - 191
- 14 MOHD YUSOF NOOR
*Penerapan Nilai-nilai Islam
Dalam Konteks Arus Politik Kebangsaan* 192 - 203
- 15 ZAINAL ABIDIN ABDUL WAHID
Faham Kebangsaan Melayu; Cabarannya 204 - 215
- 16 ABU BAKAR HAMZAH
Islam dan Faham Kebangsaan 216 - 234
- 17 KASSIM AHMAD
*Ideologi, Islam, dan
Politik Kebangsaan Masa Kini* 235 - 244
- 18 SYED HUSSEIN AL-ATAS
*Kepimpinan Politik di
Negara Membangun: Tokoh
Ukuran dan Tokoh Siaran* 245 - 260
- 19 AISHAH GHANI
*Peranan Wanita UMNO
Dalam Politik Kebangsaan* 261 - 271

** Koleksi kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Arus Politik Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 3 - 4 Mei 1985.

BAHAGIAN SATU

UMNO Dulu dan Kini

- Mahathir Mohamad
- Anwar Ibrahim
- Mohd Najib Tun Abd. Razak
- A. Kadir Jasin
- A. Nazri Abdullah
- Mohd Nor Nawawi
- Zainuddin Maidin
- Aminuddin Mohd Yusof
- Ibrahim Abu Bakar
- Chamil Wariya
- Abdul Munir Yaacob
- Wan Hashim Wan Teh

UMNO LAMA DAN UMNO BARU*

Mahathir bin Mohamad**

Pendahuluan

Syukur Alhamdulillah. Pada hari yang mulia ini kita dapat bersidang sekali lagi dalam Perhimpunan Agung UMNO setelah 18 bulan berlalu. Sebagai Presiden parti, bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi (MT), saya mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan sekalian ke Perhimpunan Agung kita ini. Saya juga mengalu-alukan wakil-wakil parti-parti komponen Barisan Nasional di Perhimpunan ini. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala supaya diberi hidayat dan petunjukNya kepada kita semua bagi menjayakan Perhimpunan Agung kita ini.

x UMNO Tetap UMNO

Sebenarnya UMNO yang bersidang pada hari ini, daripada segi semangatnya, daripada segi perjuangannya, daripada segi perlembagaannya, daripada segi keahliannya adalah UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei, 1946, di Istana Besar, Johor Bahru. UMNO ini ialah UMNO, parti yang mewakili orang-orang Melayu semenjak tahun 1946, yang berjuang melawan Malayan Union, yang berjuang mencapai kemerdekaan, yang berjuang untuk mengisi kemerdekaan itu dengan semua keperluan dan hak satu bangsa yang merdeka, yang berjuang untuk meletakkan orang-orang Melayu khususnya sebagai bumiputera yang mempunyai tempat tertentu dalam negara

* Ucapan presiden UMNO Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kompleks UMNO, Kuala Lumpur, pada hari Jumaat, 28hb. Oktober 1988 pukul 8.30 pagi.

** Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad adalah Perdana Menteri Malaysia yang keempat sejak tahun 1981.

Malaya dan kemudiannya Malaysia/UMNO yang telah menjadi tulang belakang Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional. Hukuman bahawa UMNO tidak sah adalah perkara teknikal. Pembatalan pendaftaran UMNO juga adalah teknikal juga. UMNO sebagai instrumen perjuangan orang-orang Melayu tidak pernah tidak wujud.

Umno sebagai sebuah badan yang hidup telah melalui evolusi mengikut perkembangan dalam negara dan peredaran zaman. Pada peringkat awal penubuhannya, UMNO hanya menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan memupuk perpaduan orang-orang Melayu dalam usaha menentang Malayan Union. Di waktu itu UMNO dipimpin oleh Allahyarham Dato Onn Jaafar dan telah berjaya dalam usaha ini.

Kemudian Dato Onn bercadang menjadikan UMNO, parti orang-orang Melayu, sebagai parti semua kaum. Ini telah menyimpang daripada asas dan semangat UMNO. Cadangan Dato Onn bercanggah dengan selera politik orang-orang Melayu. Oleh itu UMNO telah menolak kepimpinan Dato Onn dan orang-orang yang sependapat dengannya.

Selepas itu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dijemput oleh Allahyarham Tun Razak dan rakan-rakan yang setia kepada perjuangan UMNO untuk memimpin UMNO. Tunku bukan sahaja telah meningkatkan perjuangan UMNO kepada pencapaian kemerdekaan tetapi juga Perlembagaan UMNO telah dipinda supaya kuasa Presiden diperkukuhkan untuk menjayakan perjuangan parti.

Kali pertama pindaan dibuat ialah untuk mengubah komposisi Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO supaya Setiausaha, Bendahari dan lima orang ahli MKT dilantik oleh Presiden bagi menentukan pentadbiran UMNO Pusat dikuasai oleh Presiden dan mudah bagi Presiden mendapat sokongan majoriti dalam MKT.

Kali yang kedua Perlembagaan UMNO dipinda ialah untuk menguatkan lagi kuasa UMNO Pusat. Ketika itu setiap negeri mempunyai UMNO Negeri yang menguasai semua bahagian UMNO di negeri berkenaan. Pindaan yang dibuat menghapuskan UMNO Negeri. Ini digantikan dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri tanpa sebarang kuasa eksekutif. Bahagian-bahagian UMNO berhubung terus dan dikuasai terus oleh UMNO Pusat. Badan Perhubungan Negeri hanya menyelaraskan kegiatan bahagian-bahagian sahaja. Perwakilan ke Perhimpunan Agung tidak lagi terdiri daripada wakil negeri-negeri tetapi wakil bahagian-bahagian.

Dari masa Dato Onn sehingga sekarang, berbagai-bagai pindaan telah dibuat berkali-kali kepada Perlembagaan UMNO. Tetapi pindaan-pindaan ini tidak mengubah asas, semangat, cita-cita dan perjuangan

UMNO. UMNO tetap UMNO, parti yang ulung yang mewakili semangat, rita-cita dan perjuangan orang-orang Melayu. Seperti peninggalan Dato Onn dan penyokong-penyokong tidak menjejaskan kekuatan dan perjuangan UMNO untuk orang-orang Melayu, begitu juga penyingkiran beberapa tokoh UMNO oleh Presiden Parti dan lain-lain pemimpin tidak menjejaskan UMNO. Antara tokoh-tokoh UMNO yang dipecat ialah Encik Aziz Ishak, seorang menteri kabinet ketika itu (kerana ingin membuat kilang kertas dan kilang baja), Allahyarhamah Khatijah Sidek (Ketua Kaum Ibu), dan beberapa tokoh terkemuka yang lain.

Saya juga dipecat daripada menjadi ahli MT dan UMNO bukan kerana tidak menyokong UMNO tetapi kerana mengkritik kepimpinan Kerajaan semasa itu.

Jelas dilihat bahawa pindaan-pindaan kepada Perlembagaan UMNO dibuat oleh Majlis Tertinggi dari semasa ke semasa untuk memenuhi perjuangan UMNO. Tetapi tiada siapa yang berkata UMNO selepas pindaan Perlembagaan atau pemecatan ahli tidak menjadi UMNO lagi. Ahli-ahli UMNO, orang-orang Melayu, parti-parti kawan dan lawan dan rakyat keseluruhannya telah mengakui dan menerima UMNO, sebelum dan selepas apa-apa perubahan atau tindakan yang diambil oleh UMNO sendiri.

UMNO Dicemar di Mahkamah

Mengheret UMNO ke mahkamah dan mencemarkan parti kita ialah satu perkara yang dahulunya tidak pernah terlintas di hati sanubari ahli-ahli UMNO. Keputusan mahkamah yang menyatakan bahawa UMNO tidak sah adalah perkara yang terasing daripada UMNO. Ia bukanlah pilihan UMNO. Ia bukanlah hajat UMNO yang mempunyai cawangan-cawangan. UMNO sememangnya mempunyai cawangan-cawangan yang tidak sah daripada segi undang-undang semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946. Tetapi ini tidak menimbulkan masalah kerana ahli-ahli UMNO setia kepada parti dan perjuangannya. Mereka menyelesaikan masalah pencabulan perlembagaan parti melalui jentera parti, khususnya Biro Disiplin dan Majlis Tertinggi. Walau apapun perselisihan faham, mereka tidak bertindak di luar UMNO kerana ini akan memburukkan UMNO.

Apabila Parti UMNO diseludupi oleh orang-orang yang berkepentingan diri, yang tidak setia kepada parti, yang tidak bersemangat Melayu, maka berlakulah kegiatan mengheret UMNO ke mahkamah. Mereka membelakangkan parti kerana bagi mereka yang utama ialah kepentingan politik diri mereka. Walaupun parti akan menjadi porak-peranda, menjadi lemah, bahkan diharamkan oleh mahkamah, ini

tidak menjadi hal bagi kumpulan ini. Bagi mereka, yang penting ialah mereka berpeluang merebut kepimpinan parti.

Sebab itulah usaha Majlis Tertinggi dengan melantik sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada 5 orang Ahli Majlis Tertinggi untuk menyelesaikan masalah ahli-ahli UMNO secara rundingan, dan di luar mahkamah telah tidak berjaya. Amaran telah diberi oleh Jawatankuasa Majlis Tertinggi ini kepada mereka yang membawa UMNO ke mahkamah, bahawa tindakan mereka membawa UMNO ke mahkamah akan menyebabkan seluruh Pertubuhan UMNO diharamkan. Amaran ini tidak dihiraukan oleh mereka. Yang penting bagi mereka ialah memaksa supaya diadakan pemilihan Majlis Tertinggi sekali lagi. Hakikat bahawa pemilihan pada 24 April 1987 telahpun menjejaskan perpaduan UMNO tidak dipedulikan. Pemilihan sekali lagi hanya akan menyebabkan pertandingan yang lebih sengit dan memburukkan lagi perpaduan dalam UMNO. Hakikat ini juga tidak mempengaruhi mereka supaya tidak meneruskan kes mereka untuk diputuskan oleh mahkamah. Mereka tidak sabar untuk merebut kepimpinan UMNO. Mereka tidak sanggup menunggu hanya dua tahun lagi, iaitu pada tahun 1990, untuk bertanding dalam pemilihan jawatan-jawatan Majlis Tertinggi. Pada waktu itu mereka boleh cuba merebut kepimpinan UMNO sekali lagi.

Akhirnya, mahkamah menghukum seluruh UMNO tidak sah. Mereka dengan mudah menerima keputusan mahkamah ini dan tidak membuat rayuan kepada Mahkamah Agung supaya dibatalkan keputusan ini. Sebaliknya dengan pantas mereka cuba menubuhkan 'UMNO Malaysia' untuk menggantikan UMNO yang telah diharamkan. Pada ketika itu tidak adapun sebutan 'Semangat 46'.

Bagi mereka, pengharaman UMNO adalah disebabkan perkara teknikal dan bukan kerana kehendak UMNO, maka pemulihannya hendaklah dibuat oleh UMNO sendiri melalui pemimpin-pemimpin UMNO, iaitu Majlis Tertinggi UMNO yang wujud di waktu UMNO diharamkan oleh mahkamah. Hanya Majlis Tertinggi ini yang dapat menjamin penerusan perjuangan, cita-cita dan semangat UMNO. Tidaklah munasabah orang-orang lain mengambil tindakan kecuali pemimpin-pemimpin UMNO sendiri tidak mengambil tindakan memulihkan parti.

Tetapi puak yang telah menyebabkan UMNO didakwa di mahkamah sehingga UMNO diharamkan, membelakangkan Majlis Tertinggi UMNO. Mereka mencari orang yang bukan anggota Majlis Tertinggi untuk mengetuai 'UMNO Malaysia' tajaan mereka. Orang-orang yang mereka anggap tidak secocok dengan mereka, termasuk semua yang dipilih oleh Perhimpunan Agung untuk memegang jawatan tertentu dalam Majlis Tertinggi, diketepikan.

Perkara ini samalah seperti merampas UMNO atau dalam bahasa Inggeris 'hijack' UMNO.

Malang bagi mereka, 'UMNO Malaysia' yang mereka anjurkan itu tidak akan dapat didaftarkan kerana Pejabat Pendaftaran Pertubuhan masih belum membatalkan nama UMNO yang asal. Untuk membatalkan nama UMNO, Pendaftar Pertubuhan dikehendaki memberi notis tunjuk sebab atau *show cause* kepada Setiausaha Agung UMNO mengapa pendaftaran UMNO tidak boleh dibatalkan. Demikian juga 'UMNO 88' yang ditaja oleh Majlis Tertinggi UMNO tidak boleh didaftarkan.

* UMNO Kekal

Apabila Setiausaha Agung UMNO menerima surat *show cause*, di samping tidak membantah kerana keputusan mahkamah tidak boleh diketepikan oleh Pendaftaran Pertubuhan, Setiausaha Agung dan lain-lain ahli Majlis Tertinggi telah membuat permohonan sejourus selepas UMNO (Baru) asal dimansuhkan secara rasmi, untuk mendaftar semula UMNO yang diberi nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO atau *United Malays National Organisation*. Inilah permohonan yang pertama dan terawal untuk mendaftar sebuah parti dengan nama UMNO yang diterima oleh Pendaftar Pertubuhan selepas ia membatalkan pendaftaran UMNO yang asal mengikut peraturan dan kehendak undang-undang. Oleh itu wajarlah ia didaftarkan dan selepas itu tidak ada lagi parti lain yang boleh didaftarkan dengan nama yang sama.

Penggunaan perkataan (Baru) di hujung perkataan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu adalah hanya untuk menentukan urusan rasmi parti yang baru didaftar ini tidak dikelirukan dengan UMNO asal yang masih mempunyai harta dan surat-menyurat yang perlu diambilalih oleh Pemegang Amanah Raya. Sebenarnya, setelah UMNO asal dibatalkan pendaftarannya, pertubuhan yang menggantikan boleh menggunakan nama asal tanpa ditokok-tambah perkataan lain. Tetapi, perbuatan ini akan menyusahkan Pendaftaran Pertubuhan dan Pemegang Amanah Raya sewaktu mereka menguruskan harta dan urusan UMNO asal. Selain daripada keperluan ini, Pertubuhan yang didaftar pada 13 Februari, 1988 adalah UMNO yang asal yang menyambung segala dasar, semangat, keahlian dan perjuangan yang ditentukan pada tahun 1946. Pembatalan UMNO oleh mahkamah dan Pendaftaran Pertubuhan adalah perkara teknikal menurut kehendak undang-undang semata-mata. Walaupun segi undang-undang UMNO tidak wujud buat beberapa hari, namun di segi perjuangan dan semangat, UMNO tetap wujud.

Sebab itulah, kerajaan yang didokong oleh UMNO tidak pun ter-

jejas dan ahli-ahli dewan perundangan terus menjadi ahli dan anggota Kerajaan Barisan Nasional.

Penting diingatkan pembatalan pendaftaran UMNO bukanlah kerana wujudnya cawangan-cawangan yang tidak berdaftar, tetapi kerana ianya dibawa ke mahkamah. Pada tahun 1984, setelah perhimpunan Agung UMNO diadakan, ada ahli UMNO yang membawa UMNO ke mahkamah. Tetapi, mereka tidak meneruskan tindakan mereka sehingga UMNO diharamkan.

Setelah kejadian itu, Ibu Pejabat UMNO telah menyemak semua fail cawangan UMNO dan mendapati ada 5,000 cawangan yang tidak berdaftar. Setelah semua cawangan didaftarkan semula, Setiausaha Agung telah mengarah supaya diadakan mesyuarat penubuhan.

Sebahagian daripada 5,000 cawangan yang didapati tidak berdaftar pada tahun 1984 telah tidak terdaftar semenjak tahun 1966, kerana tidak ada ahli yang membawa UMNO ke mahkamah. Bukanlah ada atau tidaknya cawangan yang tidak berdaftar yang menjadikan UMNO tidak sah, tetapi ada atau tidaknya orang-orang yang tidak sayangkan UMNO dan sanggup membawa UMNO ke mahkamah.

Dengan terdaftarnya semula UMNO, maka halangan undang-undang telah diatasi dan UMNO terus bergerak seperti sediakala. Tidak wujud badan lain yang berhak menggunakan mana-mana perkataan yang terkandung dalam nama asal UMNO atau nama yang ada sekarang atau nama yang boleh dikelirukan dengan parti kita.

UMNO wujud pada hakikatnya dan tidak sesiapa yang boleh membuat fitnah, berpura-pura atau secara rasmi mendakwa UMNO tidak ada dan perlu dihidupkan semula. UMNO tidak mati.

UMNO bukan makhluk yang boleh hidup dan mati seperti makhluk lain. UMNO adalah Pertubuhan yang ditubuhkan mengikut undang-undang. Hanya pendaftarannya sahaja tergugat buat sementara. Segala usaha untuk menghapuskan UMNO gagal.

Serpihan UMNO Memecah-belahkan Perpaduan Melayu

Sikap pihak yang kononnya ingin menghidupkan semula UMNO jelas menunjukkan bahawa mereka tidak faham bahawa pendaftaran UMNO sahaja yang dibatalkan. Undang-undang begitu jelas bahawa yang telah dibatalkan tidak boleh disahkan semula. Ia perlu didaftarkan semula mengikut kehendak undang-undang. Ini telahpun dibuat apabila Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO (United Malays National Organisation) didaftarkan.

Oleh kerana mereka gagal menyakinkan majoriti ahli UMNO bahawa tindakan-tindakan mereka adalah untuk UMNO dan orang-orang Melayu, atau untuk menyatupadukan tenaga politik orang-orang Melayu sebab sebenarnya tindakan mereka adalah untuk kepentingan diri mereka, sekarang mereka tidak segan-silu lagi mempamerkan tindakan mereka yang memecahbelahkan itu. Kalau dahulu mereka cuma bergerak di kalangan orang-orang Melayu untuk memburukkan kepimpinan UMNO supaya mereka boleh menggantikan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang, sekarang secara terbuka mereka berpaling tadah menjadi pembangkang Kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO. Mereka sudah menyeberang ke sebelah pihak pembangkang dalam Dewan Rakyat dan satu dua Dewan Undangan Negeri. Mungkin mereka akan mengundi bersama parti pembangkang setiap kali ada pengundian dalam Dewan-Dewan ini. Dalam hal yang demikian, jika ada pilihan raya, undi UMNO akan berpecah. Malahan di kawasan-kawasan tertentu UMNO akan kalah dan mereka juga akan kalah. Hanya parti lawan yang akan menang. Justeru itu, DAP dan PAS mempunyai harapan yang baik kerana tindakan kumpulan serpihan ini.

Parti DAP tidak pernah bersimpati dengan imbalan kaum yang menjadi cita-cita orang-orang Melayu dan Dasar Ekonomi Baru. Mereka sepanjang masa mengecam rancangan Kerajaan dan UMNO khususnya. Mereka mempunyai dan mempraktikkan perkauman yang tebal. Pemimpin-pemimpin mereka menghina orang-orang Melayu dan UMNO dan membuat tuduhan-tuduhan melulu terhadap UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional. Mereka juga mengecam konsep kerjasama antara kaum seperti yang dianjurkan oleh Perikatan dan Barisan Nasional. Pendeknya, mereka adalah musuh ketat kepimpinan Melayu dan UMNO. Mereka mendokong konsep 'Malaysian Malaysia' yang akan membelakangkan orang-orang Melayu. Dengan konsep ini mereka akan menguasai segala-galanya: pelajaran, perniagaan, politik, sosial, dan lain-lain. Dan orang-orang Melayu akan diketepikan dan ditekan seperti pada masa orang-orang Melayu dijajah dahulu.

Sekarang kerana perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, DAP nampak peluang mereka untuk mencapai 'dominance' sudah muncul. Dengan itu mereka begitu rajin bekerjasama dan memberi sokongan kepada kumpulan serpihan UMNO untuk melemahkan UMNO, Kerajaan Barisan Nasional dan kedudukan orang-orang Melayu.

Kumpulan serpihan UMNO ini adalah kumpulan minoriti. Jika mereka percaya kepada demokrasi, sepatutnya mereka patuh kepada keputusan majoriti. Kumpulan majoriti tidak menolak mereka tetapi sifat semulajadi berkehendakkan yang kecil beralah kepada majoriti

dan bukan yang majoriti mengikut yang kecil, jika penyatuan hendak dicapai.

Adalah tidak demokratik dan ganjil bagi kumpulan minoriti cuba memaksa kumpulan majoriti menerima kepimpinan mereka. Tetapi oleh kerana mereka gagal memaksa majoriti, mereka sanggup mengasingkan diri daripada majoriti dan memecahbelahkan perpaduan Melayu. Jika terjejas kedudukan dan kekuasaan Melayu, sebabnya ialah kumpulan minoriti ini berdegil tidak mahu mengikut majoriti. Demikianlah degilnya mereka sehingga mereka sanggup bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu melalui UMNO.

Menurut kumpulan serpihan ini, sebabnya mereka tidak menyokong kepimpinan UMNO sekarang ialah kerana apabila mereka kalah dalam pemilihan, mereka digugurkan daripada Kabinet. Apakah ini begitu ganjil? Apabila Allahyarham-Allahyarham Dato Onn, Dato Panglima Bukit Gantang, Dato Zainal Abidin, Dato Nik Kamil dan lain-lain pemimpin pengasas UMNO ditolak oleh majoriti UMNO, mereka tidak diterima sebagai anggota Kabinet apabila Malaya merdeka. Sungguhpun Dato Nik Kamil, Dato Panglima Bukit Gantang dan beberapa pemimpin asal UMNO tidak lagi berada di pucuk pimpinan UMNO, mereka terus bekerja keras untuk mencapai kemerdekaan. Apabila Allahyarham Dato Nik Kamil dan Allahyarham Dato C.M. Yusof merujuk balik kepada UMNO, mereka hanya dilantik menjadi Yang di-Pertuan Dewan Rakyat.

Encik Aziz Ishak dan beberapa tokoh lain juga telah disingkirkan. Tun Hussein Onn menjadi anggota Kabinet hanya apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Pada masa Tun Razak pun, beberapa tokoh yang tidak secocok dengannya dikeluarkan daripada Kabinet. Dan pada masa Tun Hussein, Dato Harun hilang jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor. Janganlah sesiapa berpura-pura kononnya tidak pernah ada penyingkiran dalam UMNO bagi sesiapa yang menghalang kepimpinan majoriti. Sayugia diingatkan bahawa penyingkiran daripada Kerajaan yang dibuat tahun lalu ialah kerana mereka tidak memegang pada ikrar sumpah mereka dan kerana mereka membocorkan rahsia Kerajaan.

Dalam usaha untuk merebut kepimpinan UMNO, kecaman dibuat hanya kepada seorang pemimpin sahaja. Oleh kerana orang ini memegang jawatan yang tertinggi sekali, kumpulan serpihan ini percaya jika ianya digulingkan, dan tempatnya diisi oleh peminat utama jawatan itu, maka tokoh yang mengambilalih jawatan itu boleh menggantikan semua pemimpin lain dan orang-orangnya. Orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia bukanlah begitu jahil sehingga tidak faham muslihat ini. Mereka tidak percaya bahawa

jika kumpulan serpihan ini berjaya, tidak ada menteri atau timbalan menteri yang akan disingkirkan.

Demokrasi – Asas UMNO dan Kerajaan

Sekarang ini tuduhan yang dibuat terhadap kerajaan ialah ianya hanya tidak demokratik. Tuduhan ini malangnya dibuat juga oleh Tunku. Kita tidak mahu menyentuh tentang pentadbiran dan tindakan-tindakan Tunku. Kita menghormati beliau sebagai seorang tokoh negara. Tetapi malangnya Tunku sendiri telah dikeliru dan diseretkan ke dalam permainan politik pihak-pihak tertentu untuk memenuhi kemahuan mereka. Sebenarnya yang tidak demokratik ialah kerajaan Malaysia yang pertama. Umum mengetahui UMNO, Perikatan, dan Kabinet tidak dirunding sama sekali apabila pengumuman dibuat mengenai penubuhan Malaysia di satu majlis di Singapura. Perkara yang sebegini besar sepatutnya diberi peluang kepada semua pihak menyuarakan pendapat mereka jika demokrasi wujud pada ketika itu. Dari London, keputusan muktamad dibuat untuk memisahkan Singapura daripada Malaysia. Tun Razak cuma diberitahu tentang keputusan ini. Allahyarham Syed Jaafar Albar, yang kemudian menentang tindakan itu, digugurkan daripada jawatan Setiausaha Agung UMNO.

Sebelum Kerajaan yang ada sekarang, kebenaran untuk mengeluarkan surat khabar atau majalah sukar diperolehi. Kerana mengkritik UMNO, akhbar Mingguan Warta yang diterbitkan di Singapura telah dikeluarkan dari Stesyen Keretapi Johor Bahru dan kemudian dibakar atas arahan Presiden UMNO. Akhbar Utusan Melayu pula diambilalih oleh UMNO. Akhbar *Straits Times* juga dibeli oleh UMNO. Dengan ini tidak ada akhbar yang mengkritik Kerajaan pada masa itu. Apabila akhbar *China Press* mengkritik Kerajaan, lesennya ditarik balik.

Sebaliknya semenjak tahun 1981, permit KDN dikeluarkan dengan mudah untuk sesiapa sahaja, termasuklah mereka yang menentang kerajaan. Jika disemak, banyak akhbar dan majalah dicetak selepas tahun 1981. Banyak daripada akhbar dan majalah yang mendapat KDN menentang Kerajaan. Hanya jika mereka cuba melaga-lagakan kaum-kaum barulah KDN mereka ditarik balik seperti yang dibuat pada bulan Oktober tahun 1987.

Berkenaan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA pula, daripada dua ribu orang berada dalam tahanan semasa pemerintahan tiga Perdana Menteri dahulu bukan sahaja komunis yang dimasukkan ke dalam tahanan, tetapi juga anggota-anggota Parti PAS, Parti Buruh, dan Parti DAP ditahan di bawah ISA. Encik Lim Kit Siang dimasukkan

ke dalam tahanan pada tahun 1969. Encik Aziz Ishak dimasukkan ke dalam tahanan. Apakah benar dakwaan bahawa hanya komunis sahaja yang dimasukkan ke dalam tahanan dahulu?

Pada penghujung tahun 1968 dan awal tahun 1969, Parti Buruh telah mengadakan perletakan jawatan wakil rakyat mereka seorang demi seorang untuk mengganggu kerajaan. Apakah tidak ada tindakan yang diambil terhadap mereka? Kepimpinan pada masa itu telah mengutuk tindakan tersebut. Kemudian Perlembagaan telah dipinda di mana sekiranya berlaku kekosongan kerusi di Dewan Rakyat dalam tempoh masa enam bulan sebelum tamat hayat biasa parlimen, kekosongan itu tidak akan dipenuhi. Mengenai Majlis Bandaran pula, pemilihan anggota-anggota majlis tersebut apabila didapati parti lawan selalu menguasai Majlis Bandaran dan mempolitikkan pentadbiran bandar-bandar.

Apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini. Bahkan ada tindakan-tindakan kerajaan pimpinan perdana-perdana menteri dahulu yang lebih tidak demokratik. Apabila ada tindakan oleh kerajaan untuk mengawal keamanan, hanya parti-parti lawan dan akhbar-akhbar asing sahaja yang membuat tuduhan kerajaan tidak demokratik. Ahli-ahli UMNO, Perikatan dan Barisan Nasional mengalu-alukan tindakan kerajaan. Jika disemak catatan perbahasan dalam Dewan Rakyat dan akhbar-akhbar pada masa itu, apa yang diperkatakan ini akan didapati benar.

Jika hari ini terdapat tuduhan yang kerajaan tidak demokratik, sebabnya ialah kerana ada segelintir bekas ahli UMNO yang kecewa dan ingin memburukkan imej kerajaan supaya tindakan mereka untuk merebut jawatan parti dan kerajaan akan disokong oleh pihak-pihak tertentu dan akhbar-akhbar asing. Sebenarnya merekalah yang tidak demokratik. Merekalah yang menolak keputusan ramai. Apabila mereka berkuasa dahulu, mereka bertindak secara tidak suka, bertindak kasar kepada sesiapa yang tidak mahu menurut mereka. Ramai yang tidak bersetuju kerana mereka tidak dicalonkan sebagai wakil rakyat di negeri-negeri yang mereka menjadi ketua perhubungan. Siapakah yang sebenarnya tidak demokratik - kerajaan dahulu atau kerajaan yang ada sekarang?

Undang-Undang dan Pemerintahan

Negara kita bukan sahaja demokratik tetapi pemerintahan negara ini juga tertakluk dan mendokong kedaulatan undang-undang. Dalam pentadbiran yang diasaskan pada undang-undang, ada prinsip-prinsip tertentu yang mesti diikuti. Antara prinsip-prinsip ini ialah tidak ada sesiapa yang terkecuali daripada tindakan undang-undang.

Memang benar Raja-Raja yang memerintah tidak tertakluk kepada undang-undang biasa. Tetapi mereka juga tidak bebas sehingga boleh melakukan sebarang jenayah. Pada hakikatnya kita semua, sama ada kita Perdana Menteri atau buruh kasar, sama ada kita hakim atau pesalah — semuanya tertakluk kepada undang-undang.

Tetapi undang-undang yang kita gunakan secara am adalah undang-undang yang dibentuk oleh kita melalui Dewan-dewan Undangan mengikut kehendak Perlembagaan Negara. Dari segi undang-undang, Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi sekali, yang mengatasi undang-undang lain.

Oleh kerana undang-undang negara kita digubal oleh kita manusia dan bukannya undang-undang Tuhan, kita boleh meminda undang-undang ini jika perlu. Tetapi pindaan ini tertakluk kepada prinsip-prinsip tertentu. Kita tidak boleh meminda undang-undang sehingga keputusan mahkamah dibatalkan. Jika kita berbuat demikian, Parlimen akan menjadi mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah Agung. Apa yang boleh dibuat oleh Parlimen ialah meminda undang-undang untuk digunakan pada masa hadapan.

Untuk menentukan hakim-hakim bebas daripada tekanan mana-mana pihak, peruntukan khas dibuat dalam Perlembagaan supaya hakim tidak mudah disingkirkan. Kerajaan atau rakyat atau raja yang memerintah, tidak berkuasa menyingkirkan hakim-hakim. Hanya hakim-hakim sahaja yang berhak menyingkirkan mana-mana hakim melalui prosedur tertentu, iaitu melalui sebuah Tribunal yang dianggotai hanya oleh hakim-hakim. Pihak Raja yang memerintah tertakluk kepada nasihat Tribunal itu. Ahli-ahli politik tidak boleh campur tangan dalam hal ini. Demikian peruntukan Perlembagaan.

Peruntukan ini tidak akan dibuat jika mereka yang menggubal Perlembagaan Malaysia tidak mahu hakim yang bersalah disingkirkan. Bahawa peruntukan ini dibuat dalam Perlembagaan menunjukkan betapa seriusnya pandangan penggubal Perlembagaan terhadap kedudukan hakim dan kebebasan kehakiman. Tetapi mereka juga tahu hakim adalah manusia biasa yang mungkin membuat kesalahan. Oleh itu, dalam situasi yang tertentu, melalui proses tertentu, mereka boleh dipecat.

Ramai daripada penentang kerajaan yang bercakap tentang 'Pemerintahan Undang-undang' atau 'Rule of Law', tetapi pada masa yang sama mendesak supaya undang-undang yang sedia ada tidak digunakan bagi orang-orang tertentu, khususnya Ketua Hakim Negara. Apakah maknanya 'Rule of Law' jika ada pilih kasih dan diskriminasi pula dalam kegunaannya?

Penyingkiran hakim mungkin tidak pernah dibuat di Malaysia. Ini adalah kerana dahulu hakim-hakim tidak melanggar undang-

undang. Tetapi di negara-negara lain seperti Kanada, Amerika Syarikat, United Kingdom, dan India, penyingkiran hakim pernah dibuat. Apakah yang istimewa sangat dengan hakim di Malaysia sehingga mereka dianggap lebih tinggi daripada undang-undang?

Sekarang orang yang bercakap tentang 'Rule of Law' dan kononnya berjuang untuk kebebasan kehakiman mahu membawa pindaan undang-undang supaya keputusan mahkamah dibatalkan oleh Parlimen. Apakah benar dakwaan mereka bahawa mereka menjunjung tinggi pemerintahan berasaskan undang-undang atau 'Rule of Law'? Atau adakah kepentingan politik diri sendiri yang menyebabkan mereka berpendirian demikian terhadap pemecatan hakim?

Segala hasutan dan tindak-tanduk yang membawa perpecahan dalam UMNO dan di kalangan orang-orang Melayu berpunca daripada mereka ini. Mereka yang mencabar kepimpinan. Mereka yang tidak mahu menerima keputusan pemilihan Perhimpunan Agung. Mereka yang membuat dakwaan di mahkamah sehingga UMNO dengan menaja parti 'UMNO Malaysia' yang membelakangkan pemimpin-pemimpin yang telah dipilih oleh Perhimpunan Agung tetapi yang mereka tidak setuju. Mereka yang berkempen dan menghasut di merata-rata tempat untuk memecahbelahkan UMNO. Mereka yang meletakkan jawatan dan memaksa pilihanraya kecil diadakan sehingga orang-orang Melayu terkeliru dan berpecah. Mereka yang menyeberang Dewan dan menyertai kumpulan pembangkang. Semua ini dan bermacam-macam tindakan buruk diambil oleh mereka, tetapi mereka menuduh kita pihak majoriti yang menyebabkan segala-galanya. Sebenarnya, kita pihak majoriti hanya memper-tahankan diri daripada tomaham fitnah dan tindakan mereka.

Tindakan mereka ini disokong dan digalakkan oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah asing tertentu dan oleh kumpulan pembangkang dalam negeri. Sokongan daripada media asing tertentu ini bukanlah kerana mereka sayang kepada kumpulan serpihan ini. Tujuan mereka ialah supaya kestabilan dan kemajuan Malaysia terjejas dan orang-orang Melayu dilumpuhkan.

Ancaman Terhadap Pembangunan Negara

Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia sudah mencapai kemajuan yang pesat dalam bidang perindustrian sehingga dalam beberapa bidang telah dapat bersaing dengan negara-negara yang sudah maju. Ada pihak-pihak di negara-negara maju yang tidak senang dengan kejayaan ini dan mereka amat gembira jika pembangunan negara membangun

seperti Malaysia tergugat oleh politik yang menjejaskan kestabilan. Sebab itulah apabila ada sahaja golongan kecil yang boleh mencetuskan kekacauan, mereka membesar-besarkan berita dan kegiatan kumpulan kecil ini. Ada media asing yang sengaja tidak melaporkan apa yang benar tetapi membuat ramalan yang memburukkan keadaan serta menggalakkan kumpulan-kumpulan kecil ini untuk bertindak dengan lebih berani dan dengan lebih tidak bertanggungjawab.

Ada media asing yang sering mengecam Malaysia sebagai tidak demokratik bukan sahaja sekarang ini tetapi juga semenjak negara kita mencapai kemerdekaan lagi. Sekarang mereka mendakwa bahawa kononnya Malaysia pada masa dahulu adalah contoh negara membangun yang demokratik. Tetapi jikalau dibaca balik laporan-laporan mereka dahulu, dakwaan Malaysia tidak demokratik dan mendiskriminasi antara kaum telah dibuat bertalu-talu di masa pemerintahan Tunku, Tun Razak, dan Tun Hussein. Sekarang mereka cuba melaporkan seolah-olah dahulu mereka tidak pernah berkata yang Malaysia tidak demokratik atau mengamalkan diskriminasi antara kaum.

Tujuan media asing dan kumpulan-kumpulan tertentu ini ialah untuk menjejaskan kestabilan dan pembangunan Malaysia. Ada juga unsur-unsur anti-Islam dalam sikap mereka. Ada juga perasaan bahawa orang-orang tempatan terutamanya orang-orang Melayu dan Islam tidak mampu memerintah diri sendiri, jauh sekali mencapai kemajuan. Oleh itu, sesiapa sahaja yang menentang kestabilan dan menimbulkan masalah kepada negara akan mendapat sokongan mereka. Dalam hal ini, kumpulan serpihan UMNO telah diperalatkan oleh media asing untuk menjejaskan pembangunan Malaysia. Tetapi kumpulan ini rela diperalatkan kerana bagi mereka adalah lebih baik Malaysia kucar-kacir dan tidak maju asalkan mereka mendapat sokongan pihak asing untuk kepentingan diri mereka. Jika orang-orang Melayu menjadi lemah dan mundur, itu pun tidak mengapa kerana ini juga akan menolok mereka mendapat sokongan.

Walaupun kumpulan minoriti ini meneruskan tindak-tanduk mereka, Parti UMNO dan Kerajaan akan terus berusaha untuk memajukan negara. Matlamat kita ialah keadilan sosial, pertumbuhan ekonomi, dan kestabilan politik. Kita ingin menentukan bahawa kaum-kaum yang ada di Malaysia akan mendapat habuan atau bahagian masing-masing secara adil. Oleh kerana kaum bumiputera dan orang-orang Melayu khususnya masih lagi ketinggalan, usaha-usaha membantu mereka akan diteruskan supaya mereka mendapat bahagian-bahagian yang adil. Di samping itu, kita tidak akan merebut apa yang telah ditentukan untuk bukan bumiputera.

Dasar Ekonomi Baru dan Ekonomi Negara

Pada tahun 1990 Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan diulangkaji. Matlamat kaum bumiputera belum dicapai sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kita telah dapat mengenalpasti kelemahan-kelemahan DEB. Pemberian peluang, kemudahan, modal, dan tenaga oleh Kerajaan tidak mencukupi untuk menjayakan perniagaan dan perusahaan yang diberi milik kepada bumiputera, sama ada secara langsung atau melalui badan-badan kepentingan bumiputera. Dalam hal ini kecekapan pengurusan adalah perkara yang amat penting, dan ini sukar terdapat di kalangan bumiputera.

Justeru itu, hanya melanjutkan DEB tidak akan memberi faedah sepenuhnya kepada bumiputera. Untuk menjayakan usaha mengimbangkan bumiputera dengan bukan bumiputera, pengetahuan dan pengalaman bumiputera mesti dipertingkatkan melalui pelbagai cara. Antara cara yang berkesan sekali ialah dengan menjadi *apprentice* kepada orang yang cekap dalam bidang pengurusan. Di sini, kaum lain, sama ada rakyat Malaysia atau asing, dikehendaki memainkan peranan penting. Kaum-kaum lain mestilah faham bahawa lebih cepat mereka menolong bumiputera memperolehi kecekapan yang diperlukan, lebih cepat pengimbangan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera dapat dicapai. Selagi bumiputera tidak diberi pertolongan dalam bidang pengurusan, sehingga itulah DEB tidak akan memuaskan. Dalam menjayakan usaha ini bumiputera tidak boleh menunggu sahaja. Mereka mesti berusaha. Mereka mesti membetulkan kesalahan dan kelemahan diri mereka.

Kerajaan akan memberi galakan kepada usahasama bumiputera dengan bukan bumiputera asalkan bumiputera memainkan peranan yang bermakna dalam pengurusan. Kita tidak akan membelakangkan syarikat yang 100% bumiputera yang berkebolehan, tetapi kita harus sedar bilangan mereka tidak banyak dan mereka mungkin tidak berupaya dengan sendiri mengambilalih bahagian 30% saham syarikat yang ditentukan untuk bumiputera. Memberikan sesuatu projek kepada sesuatu syarikat yang 100% dimiliki oleh bumiputera hanya kerana ianya 100% bumiputera, sedangkan ia tidak berupaya menguruskan projek itu adalah perbuatan yang mengkhianati matlamat kita untuk menolong bumiputera. Bilangan bumiputera yang dahulu tidak ada masalah kewangan, tetapi sekarang diserang oleh bank dan menjadi muflis telah meningkat kerana cuba melaksanakan bilangan projek yang lebih daripada kemampuan, kurang kecekapan pengurusan, dan tidak berupaya mengatasi kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Justeru itu kerajaan akan meneliti kemampuan mereka secara mendalam

sebelum memberikan sesuatu projek kepada bumiputera.

Kerajaan sedar pengkritiknya akan menjadikan perkara-perkara ini sebagai isu politik. Sebenarnya ramai daripada pengikut-pengikut kumpulan tertentu terdiri daripada orang-orang yang mempunyai masalah kewangan kerana mereka telah menyalahgunakan pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi dan sekarang ini tidak mampu membayar balik pinjaman tersebut. Kita tidak akan gentar dengan ancaman kumpulan ini.

Kita tidak berniat menjadikan peniaga dan pengusaha Melayu muflis supaya mereka akan bergantung kepada kita. Kita ingin menjadikan orang-orang Melayu usahawan dan peniaga yang cekap, yang berdikari, dan mampu bersaing dengan sesiapa sahaja dengan jaya.

Matlamat ekonomi kita ialah menegakkan asas yang kukuh untuk Malaysia membangun sehingga sampai ke tahap negara yang maju. Matlamat ini bukan mustahil dicapai. Banyak negara-negara maju dan negara-negara industri baru atau NICs adalah dahulunya negara-negara pertanian yang mundur. Tetapi oleh kerana mereka memasuki bidang perindustrian dengan bersungguh-sungguh hari ini, mereka telah maju.

Ada yang berpendapat bahawa kita terlalu bercita-cita tinggi. Pendapat ini adalah pendapat orang yang mudah mengaku kalah atau *defeatist*, hasil sikap kurang percaya kepada diri sendiri. Sebenarnya kita bukan sahaja mampu tetapi kita tidak ada pilihan. Walaupun bidang pertanian merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang penting, namun demikian pertanian tidak mungkin mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi puluhan ribu lulusan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi setiap tahun. Lagi pula penggunaan jentera dan teknologi moden akan mengurangkan lagi penggunaan para pekerja ladang. Hanya sektor industri sahaja yang boleh men-cukupi dan mewujudkan kekayaan yang boleh mengimbangi antara bumiputera dengan bukan bumiputera dan antara negara kita dengan negara-negara lain.

Perindustrian dan Teknologi Moden

Kita hidup pada zaman persaingan. Apa yang boleh dibuat oleh kita boleh juga dibuat oleh orang lain dan sebaliknya. Sebenarnya tidak ada barangan buatan yang tidak boleh kita buat. Yang akan menentukan jaya atau tidaknya barangan buatan kita itu ialah kos dan mutunya.

Di sini kita perlu pengurusan yang cekap, pengurusan yang tahu mengawal kewangan dan kos, yang faham akan cara dan kegunaan jentera, serta teknologi pengeluaran yang terbaik untuk sesuatu industri.

Tidak kurang pentingnya bagi pertumbuhan ekonomi ialah mutu perkhidmatan dan hasil usaha kita. Jika kita terkenal dengan perkhidmatan yang buruk dan barang buatan kita tidak bermutu, maka pertumbuhan industri terjejas. Dan dengan itu pertumbuhan ekonomi juga akan terjejas. Sebaliknya jika perkhidmatan kita baik dan hasil kerja kita bermutu, bukan sahaja para pelabur akan melabur di negara kita, tetapi juga ramai para pelawat dan pelancong akan berkunjung ke Malaysia dan akan membelanjakan wang dengan banyaknya. Ini bukan sahaja akan menambahkan peluang pekerjaan tetapi juga meningkatkan pendapatan para pekerja. Sebenarnya, barangan atau perkhidmatan yang bermutu tinggi tidak sukar dipasarkan dengan harga yang juga tinggi dan lebih menguntungkan. Harga yang murah untuk yang tidak bermutu tidak menjamin penjualan yang laris di pasaran moden ini.

Di sini kita perlukan sikap berbangga atau *pride* dengan apa juga hasil kerja kita. Perkhidmatan dan barangan yang bermutu tinggi hasil usaha kita bukan sahaja akan memberi pendapatan yang lumayan, tetapi juga akan memberi kepuasan kepada kita. Masyarakat pula harus menghargai dan menyanjung tinggi mereka yang mengeluarkan barangan yang bermutu atau perkhidmatan yang baik. Kualiti hendaklah menjadi salah satu nilai yang dikejar oleh masyarakat Malaysia dan mereka yang mencapai kualiti yang tinggi harus diiktiraf dan disanjung tinggi dan diberi tempat yang istimewa dalam masyarakat.

Mengapakah kita hendak mengejar sangat taraf negara maju ini? Hasrat kita bukanlah semata-mata untuk mendapat pendapatan yang lebih supaya boleh hidup mewah, boleh berehat, dan melancong ke sana-sini.

Hasrat kita ialah supaya negara dan masyarakat kita dihormati, disegani, dan diterima sebagai setaraf dengan mereka yang sudah maju. Hasrat kita ialah supaya kita tidak perlu bergantung kepada sesiapa. Hasrat kita ialah supaya kita tidak perlu mengikut telunjuk orang. Kesimpulannya ialah supaya kita bebas dalam segala-galanya.

Untuk mencapai taraf ini, kita perlu mendapat pendapatan per kapita yang sama dengan pendapatan per kapita di negara yang maju. Banyak negara membangun sudah mempunyai angka per kapita yang sekali ganda lebih tinggi daripada negara maju tetapi masih ditakrif sebagai negara membangun. Untuk mencapai taraf negara maju, kita memerlukan peningkatan pengetahuan dalam semua bidang sehingga setaraf atau lebih daripada taraf pengetahuan penduduk negara maju.

Pengetahuan yang dimaksudkan bukan semata-mata dari segi memperoleh ijazah tetapi pengetahuan dan kebolehan mencipta, merekabentuk, membuat barangan buatan yang bermutu dan

sophisticated dengan menggunakan segala jenis logam, bahan mentah semulajadi dan bahan tiruan seperti plastik, serabut karbon, komposit, dan lain-lain lagi. Kita mesti berkebolehan menggunakan komponen elektronik dan laser dalam barangan buatan dan ciptaan kita.

Kita tidak mungkin membuat semua barangan buatan yang ada. Banyak yang tidak dapat tidak, mesti didapati daripada punca luar negeri. Tetapi kita perlu tahu akan cara-cara membuatnya. Bagi kita, tumpuan akan diberikan kepada beberapa bidang mengikut keutamaan yang ditentukan oleh kita.

Malaysia mestilah juga mempunyai rakyat yang cekap dan berpengetahuan dalam bidang pengurusan. Mereka perlu tahu selok-belok perniagaan dan boleh berniaga dengan jayanya. Setiap rakyat Malaysia mesti tahu bahawa kerja mereka, di samping memberi pendapatan kepada mereka sendiri juga mesti menambah kekayaan negara. Mereka harus ingat bahawa yang memberi peluang dan pendapatan kepada mereka ialah negara Malaysia ini.

Untuk mencapai semua ini, rakyat Malaysia dikehendaki mempunyai nilai-nilai hidup dan etika kerja yang mulia. Kita mahu sampai ke tahap di mana rakyat Malaysia terkenal bukan sahaja kerana kecekapan tetapi juga kerana mereka jujur dan tidak mungkir janji, kerana mereka tidak menipu dan mereka rajin, serta setia kepada negara.

Sejarah Sebagai Pedoman

Dalam sejarah manusia terdapat banyak negara yang mundur yang kemudiannya telah menjadi maju, kaya, dan kuat. Tetapi setelah itu prestasi mereka merosot semula sehingga mereka hilang ditelan zaman. Demikianlah dengan negara Parsi lama, Yunani, Roman, Cina pada zaman Kublai Khan dan Genghis Khan, Sri Vijaya, Majapahit, dan Mesir di zaman Firaun. Demikian juga Empayar Islam yang pada satu ketika dahulu menjadi Empayar yang terbesar sekali di dunia, meliputi Sepanyol di Barat hingga ke Cina di Timur. Pada zaman moden, Empayar British juga mengalami nasib yang sama.

Jelas daripada contoh-contoh ini bahawa kemajuan sesebuah negara tidak kekal. Oleh itu, mungkin ada yang bertanya apa gunanya kita mengejar kemajuan? Tidakkah lebih baik jika kita berpuas hati dengan sedikit yang ada pada kita dan sebaliknya kita mengejar ketenangan jiwa sebelum kita kembali ke Rahmatullah?

Yang pertama, masalahnya dalam dunia moden ini, ialah kita tidak akan dibenarkan hidup sempurna, dan kita tidak boleh mendapat ketenangan jiwa jikalau kita tidak maju dan tidak

boleh mempertahankan diri kita. Yang keduanya, menumpukan kepada ketenangan jiwa untuk diri sendiri sahaja adalah sifat yang tamak, yang bercanggah dengan ajaran agama kita, agama Islam. Kita mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat dan agama.

Kejatuhan sesetengah negara yang maju adalah disebabkan keruntuhan akhlak atau kehilangan pedoman agama. Apabila pemimpin-pemimpin empayar Islam lupa pada ajaran Islam dan mereka asyik dengan keseronokan hidup, maka empayar mereka pun merosot. Terdapat Sultan-sultan dan ketua-ketua negara Islam pada masa dahulu yang menyalahgunakan kedudukan mereka semasa negara mereka maju. Wang negara rakyat tidak dihiraukan. Ajaran Islam ditafsir mengikut nafsu sendiri.

Akibatnya kemajuan negara mereka merosot. Mereka tidak lagi sanggup dan sedia mempertahankan negara mereka seperti yang dituntut oleh agama Islam. Mereka tidak memberi perhatian pada pembangunan pengetahuan dan teknologi. Sementara musuh mereka mencipta alat-alat perang dan lain-lain yang meningkatkan kekuatan dan keupayaan mereka, pemimpin-pemimpin Islam bukan sahaja asyik melaungkan sejarah kegemilangan mereka dahulu, tetapi membuat tafsiran-tafsiran agama yang menghalang kemajuan. Mereka lebih menitikberatkan perkara remeh-temeh daripada perkara kemajuan dan peningkatan kemampuan negara. Larangan terhadap lukisan sebarang gambar umpamanya dianggap sebagai begitu utama sedangkan suruhan Tuhan supaya bersedia menentang musuh diketepikan.

Layanan terhadap rakyat yang bukan sebangsa dengan pemerintah, sama ada Islam atau bukan Islam, amatlah kejam dan menghina. Dengan itu, berbagai suku bangsa bersubahat dengan musuh Empayar Islam dengan niat menjatuhkannya. Akhirnya, hancurlah Empayar Islam.

Demikian juga dengan lain-lain empayar dan negara yang maju dan kuat. Apabila sahaja maju, maka pemimpin dan rakyat lupa akan tanggungjawab mereka, asyik dengan kemewahan, dan kemudiannya menjadi lemah. Maka komplot-komplot pun tumbuh seperti cendawan untuk merebut kuasa. Akhirnya, kemajuan merosot dan mereka kembali menjadi mundur.

Islam

Memandang akan gejala-gejala yang menimpa negara-negara maju, maka amatlah penting bagi kita menanam dengan kuat ajaran Islam yang sebenar supaya terbentuk peribadi bangsa dan individu yang tidak akan lupa daratan. Sementara kita berusaha membangunkan bangsa Melayu khususnya sehingga ke tahap yang maju, agama tidak boleh diabaikan.

Tekanan perlu diberi bukan pada rupa bentuk yang dikatakan Islam tetapi pada amalan nilai-nilai yang mencerminkan peribadi Islam yang sebenar. Orang-orang Melayu yang akan maju kerana pengetahuan dan kecekapan mestilah mempunyai nilai-nilai mulia seperti keikhlasan, kejujuran, peramah, bertanggungjawab, keberanian, dan lain-lain sifat yang mulia supaya pengetahuan dan kecekapan mereka tidak disalahgunakan.

Mungkin ada yang akan berkata ini adalah terlalu idealistik dan sukar dicapai rekabentuk yang dikatakan Islam daripada apa yang sebenarnya dituntut oleh Islam. Jika orang-orang Melayu berpegang pada ajaran Islam, mereka harus cuba mengamalkan nilai-nilai Islam yang sebenar dan yang mulia ini. Kita telah melihat bagaimana kemewahan sebelum resesi baru-baru ini telah menjadikan ramai rakyat Malaysia termasuk orang-orang Melayu begitu tamak sehingga yang sudah kaya pun sanggup menipu dan menyalahgunakan kuasa yang diamanahkan kepada mereka. Perasaan tamak juga telah membawa pada perpecahan di kalangan orang-orang Melayu dan percubaan merebut kuasa kerana kepentingan diri. Oleh itu ada yang berpendapat mungkin lebih baik jika kita tidak mengejar kemajuan dan sebaliknya kekal dengan kemunduran kita.

Tetapi sekali lagi perlu ditekankan, kita tidak mempunyai pilihan. Jika kita mundur kita akan dihina dan ditindas oleh orang-orang lain. Kita mungkin dikuasai oleh negara-negara dan orang-orang bukan Islam yang maju. Bahkan kita mungkin dipisahkan daripada agama Islam. Oleh itu, kita harus cuba menerapkan nilai-nilai yang unggul atau ideal walaupun kita tidak mungkin berjaya sepenuhnya. Ini adalah tanggungjawab kita sebagai orang-orang Islam yang bermaruah dan berhemah tinggi. Memandangkan kepada hakikat ini, maka kerajaan akan menumpukan perhatian yang khusus dan memberikan peruntukan yang wajar pada pelajaran agama, dakwah Islamiah, dan latihan rohaniah supaya pegangan agama Islam akan menjadi benteng kepada orang-orang Melayu dan orang-orang Islam yang lain, dalam kita mengejar kemajuan. Tekanan akan diberi pada pembentukan peribadi yang benar-benar Islam.

Dalam usaha ini, keseimbangan perlu diberi pada ilmu duniawi untuk bekalan di akhirat. Imbangan ini dituntut oleh agama Islam seperti mana kita tidak mahu orang-orang yang tamak, mementingkan diri sendiri, dan yang semata-mata memikirkan kepentingan mereka di akhirat, begitu juga kita tidak mahu orang-orang Islam yang terlalu taksud dengan kemajuan di dunia sehingga mereka lupa akan akhirat. Untuk maksud ini, para pendidik agama perlu memberikan penjelasan dan tekanan terhadap imbangan di antara dunia dan akhirat.

Gerakan dakwah akan diberi perhatian yang lebih oleh kerajaan. Peruntukan serta kakitangan yang lebih akan diadakan untuk tujuan ini. Kurikulum dakwah tidak sepatutnya terserah semata-mata kepada budibicara dan kefahaman individu yang mungkin mengelirukan dan memesongkan akidah umat Islam.

Sumbangan dan keberkesanan institusi-institusi pelajaran agama, daripada taman-taman asuhan sehinggalah ke universiti-universiti, kepada pembentukan umat Islam yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam akan dikaji semula supaya sesuai dengan kehendak agama Islam yang sebenar dan bukan kehendak kumpulan-kumpulan tertentu. Penyelewengan yang sedang berlaku mesti dihapuskan.

Tugas mengembangkan kefahaman agama yang betul dan benar serta usaha membangunkan negara adalah sebahagian daripada ibadat yang wajib ditunaikan oleh semua umat Islam di Malaysia. Kerajaan akan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebahagian daripada ibadat kepimpinan kerajaan, sebagai satu fardu kifayah. Kita mesti berusaha menentukan bahawa walaupun kemajuan dicapai, orang-orang Melayu akan terus insaf dan sedar dan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Dengan itu kita tidak akan dilanda dengan masalah tertentu seperti yang dialami oleh beberapa buah negara yang maju.

Peranan Pendidikan

Dalam usaha membangunkan bangsa dan negara, pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Dalam hal ini, peranan pendidikan perlu dikaji dari semasa ke semasa dan tekanan diberi pada berkaitan ilmu yang dipelajari dengan kerja yang dilaksanakan. Ijazah dari institusi pengajian tinggi tidak bermakna semua kerja boleh dibuat oleh pemegangnya. Demikian juga keperluan negara zaman teknologi. Kegunaan teknologi moden secara praktik mestilah diberi perhatian yang sewajarnya di sekolah-sekolah dan universiti-universiti. Sementara kita memberi tempat kepada sastera demi pembentukan peribadi bangsa, kita harus ingat bahawa pertumbuhan industri memerlukan mereka yang bukan sahaja tahu bagaimana alatan moden berfungsi, tetapi perlu tahu secara praktik atau *hands on* bagaimana mengeluarkan barangan buatan, penggunaan bahan-bahan baru, dan menguruskan kerja-kerja yang perlu dalam proses perkilangan.

Kita tidak mahu jurutera yang berkolar putih, yang duduk dalam bilik berhawa dingin dan berfungsi sebagai pentadbir. Kita tidak mahu para professional yang mengejar ijazah seumur hidup tanpa menggunakan pengetahuannya dalam kehidupan diri dan masyarakat. Kita tidak mahu terlalu ramai yang mengejar ilmu hanya untuk mengembangkan ilmu itu secara teori sahaja. Yang kita kehendaki

ialah mereka yang setelah lulus ijazah pertama akan menggunakan pengetahuan itu secara praktikal. Setelah jelas ilmunya berguna dan dia mampu menghasilkan sesuatu, dan setelah beberapa tahun berlalu, barulah dia harus diberi peluang mengejar ijazah yang lebih tinggi. Selepas itu, sekali lagi ilmu yang diperolehi digunakan secara praktikal. Hanya apabila seseorang itu diberi tempat sebagai pentadbir atau sebagai pengembang ilmu, dia akan mendapat tempat dan peluang yang sama dengan pihak pentadbir yang lain.

Ringkasnya, pendidikan diadakan dengan tujuan penggunaan ilmu secara praktikal, supaya proses industrialisasi negara dapat dipertingkatkan. Dalam usaha ini, ijazah tidak harus diberi penilaian secara otomatik. Yang tidak berijazah tetapi nyata cekap dan berpengalaman akan mendapat peluang, kenaikan pangkat, dan gaji yang sama dengan yang berijazah.

Dalam sesebuah negara yang pesat bangun, belajar sematamata kerana ingin belajar tidak harus mendapat penilaian yang tinggi jika dibandingkan dengan belajar dengan tujuan menggunakan ilmu pengetahuan itu bagi kemajuan masyarakat dan negara.

Hasil Kerja Yang Bernilai Tinggi

Di Malaysia kita biasanya menganggap sesuatu kerja itu sebagai cara mendapat pendapatan dan sara hidup sahaja. Ini wajar, tetapi hasil kerja juga perlu diberikan tempat yang tinggi dalam penilaian kita. Kerja yang menghasilkan sesuatu yang baik dan bermutu tinggi mestilah dihargai dan dibanggakan.

Jika kita ingin maju, terutama dalam bidang pengurusan dan pembuatan, apa yang dihasilkan daripada kerja kita amat mustahak. Tidak ada gunanya kita mengurus tetapi tidak mendapat keuntungan. Tidak ada gunanya kita berusaha tetapi hasilnya ialah barangan yang tidak bermutu, yang tidak boleh diguna dan dipasarkan. Kualiti yang tinggi dan kos yang rendah mestilah menjadi tumpuan dan matlamat setiap pekerja, sama ada buruh, atau pengurus, atau pengarang, sama ada dalam kerajaan atau swasta.

Penghargaan juga perlu diberikan kepada pekerja-pekerja kolar biru. Pekerja-pekerja kolar biru yang menghasilkan barangan, membina atau mencipta sesuatu, atau memperbaiki alatan dengan cekap tidak boleh dianggap kurang penting. Mereka mesti dilayan sekurang-kurangnya sama dengan pekerja-pekerja kolar putih dari segi gaji, peluang naik pangkat, dan lain-lain keistimewaan jika mereka menghasilkan barangan yang bermutu dalam proses industrialisasi kita.

Pada masa dahulu, barangan buatan dikeluarkan oleh negara-negara maju semata-mata. Kita hanya mengeluarkan barangan mentah yang kita jual dengan harga yang ditentukan oleh pihak pembeli. Tetapi sekarang jelas kita juga mampu mengeluarkan berbagai-bagai jenis barangan buatan.

Oleh kerana sara hidup kita rendah, maka kos barangan buatan kita juga rendah dan kita mampu bersaing di pasaran dunia dengan barangan buatan daripada negara-negara maju. Ini menyebabkan pengusaha-pengusaha dan pekerja-pekerja di negara-negara maju khuatir nasib dan taraf hidup tinggi mereka akan terancam.

Pengusaha-pengusaha di negara-negara maju cuba mengatasi saingan daripada negara-negara membangun dengan memindahkan industri-industri mereka ke negara-negara membangun. Ini menyebabkan industri-industri pembuatan tidak tumbuh dengan pesat seperti dahulu di negara-negara maju. Pekerja-pekerja di negara-negara maju tidak lagi dapat menuntut kenaikan gaji yang tinggi sepanjang masa. Kita bersimpati dengan para pekerja di negara-negara maju tetapi apakah pekerja-pekerja kita harus menganggur supaya pekerja-pekerja negara-negara maju hidup mewah dan semakin mewah? Kita juga berhak mendapat pekerjaan dan pendapatan yang kian meningkat dan taraf hidup yang tinggi.

Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan menggalakkan pelaburan asing melalui insentif-insentif cukai yang dibantu dengan paras gaji yang berpautan berbanding dengan negara-negara maju, walaupun paras gaji ini tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Strategi ini berjaya menarik para pelabur asing dan industri-industri baru yang mewujudkan ribuan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Harus diingat bahawa walaupun pendapatan kita rendah, kos sara hidup di negara kita juga rendah. Rumah murah yang kita jual dengan harga RM25,000 ringgit di Malaysia berharga hampir sepuluh kali ganda di beberapa negara maju. Di Jepun, semangkuk mi berharga RM25 ringgit. Apakah gunanya pendapatan yang tinggi jika kos keperluan kita begitu tinggi?

Memandang akan kejayaan strategi pelaburan kita, kesatuan-kesatuan sekerja di negara-negara maju cuba menghasut pekerja-pekerja kita menuntut kenaikan gaji sehingga kos pengeluaran kita meningkat dan barangan keluaran kita tidak lagi dapat bersaing di pasaran dunia. Mereka juga menimbulkan soal hak asasi manusia dan *workers rights* untuk menghapuskan GSP kita. Tindakan mereka sebenarnya ialah kerana mereka lebih suka kita menganggur daripada kita bersaing dengan mereka. Hak asasi manusia dan hak pekerja adalah alasan sahaja. Sebenarnya hak pekerja tidak bermakna jika kita menganggur.

Kerajaan tidak berniat untuk menyekat peningkatan pendapatan pekerja-pekerja di negara ini. Sekarang ini pun pendapatan para pekerja sudah meningkat berbanding dengan dahulu kerana pertumbuhan ekonomi hasil pelbagai usaha kerajaan. Tetapi jika kita inginkan taraf hidup yang lebih tinggi dan mengurangkan pengangguran, kenaikan gaji hendaklah jangan terlalu mendadak sehingga menakutkan para pelabur. Juga, janganlah kita mudah mengugut dan mengambil tindakan perusahaan tanpa mengambilkira kesan jangka panjang kepada negara dan kepada yang menganggur.

Insyallah, kalau kita bersabar dan kita membuktikan bahawa sesiapa yang melabur di Malaysia akan memperolehi keuntungan, pelaburan asing akan bertambah dan peluang pekerjaan sudah tentu akan bertambah juga. Pada masa itu kita percaya gaji yang ditawarkan akan meningkat dengan sendirinya. Inilah yang telah berlaku di Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, dan Singapura. Tidak ada sebab mengapa ini tidak boleh berlaku di Malaysia.

Kita harus yakin bahawa satu hari kelak pendapatan para pekerja di Malaysia tidak akan jauh kurangnya daripada pendapatan para pekerja di negara-negara maju. Tetapi produktiviti kita mestilah tinggi dan mutu kerja kita tinggi juga supaya kita boleh terus bersaing dengan jayanya di pasaran dunia. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi pendapatan para pekerja tanpa menjejaskan iklim pelaburan. Adalah mustahil para pekerja di negara-negara maju lebih sayang dan bersimpati dengan pekerja-pekerja Malaysia daripada kerajaan Malaysia sendiri. Dahulu, di waktu kita cuma mengeluarkan getah dan bijih timah dan kita tidak bersaing dengan mereka, para pekerja negara-negara maju sedikit pun tidak menghiraukan nasib kita. Mengapakah sekarang mereka begitu kuat hendak mempertahankan hak pekerja-pekerja kita? Adakah desakan AFL-CIO supaya GSP kita dihentikan satu tanda kesayangan mereka kepada pekerja-pekerja kita? Janganlah kita mudah terpengaruh dengan kata-kata manis mereka. Sebenarnya ada udang di sebalik batu.

Politik Kestabilan

UMNO adalah parti politik. Tetapi wujudnya UMNO bukan kerana hendak berpolitik semata-mata. UMNO ditubuhkan kerana kita tahu bahawa melalui politik kita boleh mempertahankan hak dan memperbaiki nasib orang-orang Melayu, agama Islam, dan negara kita Malaysia. UMNO dan perjuangan politiknya adalah sebagai instrumen dan jentera untuk mencapai matlamat yang telah kita rancangkan itu.

Kita perlu kuasa politik kerana kuasa politik boleh menentukan pencapaian matlamat kita. Lebih kuat kuasa politik kita, lebih mudah

kita mencapai matlamat yang telah kita tentukan. Sekiranya kuasa politik kita lemah, maka sukarlah kita mencapai matlamat kita. Jika kuasa politik kita lumpuh, maka segala cita-cita orang-orang Melayu akan menjadi angan-angan semata-mata.

Dalam negara kita yang berasaskan demokrasi, kuasa datang daripada rakyat. Lebih kuat sokongan rakyat, lebih teguhlah kuasa kita dan lebih mampulah kita melaksanakan rancangan murni kita untuk rakyat, untuk agama, dan untuk negara.

Orang-orang Melayu masih menjadi kaum yang ketinggalan di negara berbilang kaum ini. Kita bernasib baik tidak menjadi kaum yang tertindas atau *oppressed race* seperti orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan. Kita telah dikejutkan oleh British dengan rancangan Malayan Union mereka. Dalam ketakutan, kita telah bersatu dan memberanikan diri menentang British. Kita berjaya. Dengan itu orang-orang Melayu mendapat tempat yang tinggi, sama seperti orang-orang yang pernah menjajah kita. Dan dengan itu juga bermulalah rebutan tempat dan kedudukan oleh yang berkepentingan diri.

Hari ini kita sudah sampai pada satu tahap yang bahaya. Matlamat perjuangan orang-orang Melayu belum tercapai. Tetapi kerana perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, orang-orang lain sudah berpeluang menanggung di air yang keruh ini.

Kepimpinan UMNO sekarang tidak mahu perpecahan diteruskan. UMNO tidak mahu orang-orang Melayu menjadi lemah. UMNO tidak mahu orang-orang Melayu diperalatkan untuk menggagalkan orang-orang Melayu sendiri. UMNO mahu orang-orang Melayu bersatu.

Kita percaya, bahkan kita yakin, perpaduan dan kekuatan politik orang-orang Melayu adalah penting untuk menstabilkan negara dan menjayakannya. Nasib orang-orang bukan Melayu juga bergantung pada kekuatan politik orang-orang Melayu. Jika kita bertanggung-jawab kepada negara dan semua penduduknya, segala usaha kita mestilah dibuat untuk mengukuhkan lagi kuasa politik orang-orang Melayu.

Justeru itu, UMNO sedia menerima sesiapa sahaja yang ingin menjadi ahli UMNO, sama ada ianya bekas ahli UMNO, ataupun bukan. UMNO sedia berunding dengan sesiapa sahaja bagi menyatupadukan orang-orang Melayu. UMNO sedia menerima ahli-ahli PSRM, atau ahli-ahli PAS atau ahli-ahli DAP dan sesiapa sahaja yang terdiri daripada orang-orang Melayu sekiranya mereka memohon dan bersedia menghayati dasar dan perjuangan UMNO.

Semua orang yang menyertai UMNO akan mempunyai hak yang sama mengikut Perlembagaan UMNO. Tetapi hak ini mestilah

disertai dengan perasaan penuh tanggungjawab. Hanya yang kita minta, yang kita rayu, ialah hentikanlah pecah belah yang berlaku di kalangan orang-orang Melayu sekarang ini.

Penutup

Allah berfirman dalam Surah Ali'Imran Ayat 103 yang bermaksud:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai.”

Para perwakilan sekalian, kepada Allah SWT kita berdoa. Ya Allah, Ya Tuhanku. Berikanlah petunjuk kepada hamba-hambaMu yang daif ini. Restulah perhimpunan kami ini. Tunjukkanlah kami ke jalan yang benar. Mudah-mudahan akan terpeliharalah agamaMu dan umatMu. Amin Ya Rabbal A'lamîn.

UMNO; WADAH PERJUANGAN ABAD 21*

Anwar Ibrahim**

Pendahuluan

UMNO pada asasnya ditubuhkan untuk membela dan memelihara kepentingan bangsa Melayu tetapi tidak pula lupa dan mengeneipkan kepentingan bumiputera dan kaum bukan Melayu lainnya. Jika negeri ini diibaratkan sebagai sebuah rumah, UMNO adalah tiang serinya yang memberi kekuatan melebihi daripada tiang-tiang lainnya. Manakala jika negara ini dianggap sebagai sebuah keluarga besar, UMNO, dan orang Melayu adalah saudara yang paling tua bertanggungjawab menjaga kebajikan semua ahli keluarganya tanpa mengira perbezaan keturunan dan agama. Mungkin kerana dwi-fungsi ini yang telah dipikul oleh UMNO dengan begitu baik dan dengan penuh rasa tanggungjawab dan adil, UMNO kekal sebagai sebuah parti yang berwibawa dan dihormati sejak kelahirannya 47 tahun yang lalu.

Setiap orang Melayu tidak seharusnya melupakan tarikh 11 Mei 1946 yang merupakan suatu tarikh keramat kepada sejarah bangsa Melayu. Penubuhan UMNO pada tarikh ini merupakan kemuncak kepada perjuangan umat Melayu di dalam usahanya untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Walaupun kemerdekaan secara rasminya telah dicapai pada 31 Ogos 1957, tetapi jiwa umat Melayu telah berjaya dimerdekakan sejak 1946 lagi. Mulai tarikh itu, bangsa Melayu sudah mampu dan mempunyai keupayaan menentukan masa depannya.

* Rencana asal sebagai sumbangan kepada koleksi esei *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*

** Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah Menteri Kewangan dan Naib Presiden UMNO Malaysia sehingga Perhimpunan Agung UMNO pada 5-7 November, 1993 serta Timbalan Presiden UMNO mulai hari Jumaat 5 November 1993.

Kemerdekaan Bangsa

Menjelang pilihan raya yang pertama pada bulan Julai 1955, pengundi Melayu mempunyai majoriti mutlak dibandingkan dengan sebilangan kecil orang-orang Cina dan India yang mempunyai status warganegara dan layak mengundi. Orang Melayu sebenarnya mampu memerintah secara bersendirian tanpa perlu mengagih-agihkan kuasa kepada penduduk bukan Melayu. Tetapi bangsa Melayu bukanlah suatu bangsa yang tamakkan kuasa dan suka bertindak zalim ke atas orang lain.

Dengan dipandukan oleh agama suci Islam dan adat resam yang meletakkan nilai yang tinggi ke atas kehidupan berkeluarga, kepentingan menegakkan keadilan, berkerjasama, serta amalan memberi dan menerima, bangsa Melayu sanggup bekerjasama dan berkongsi kuasa dengan kaum-kaum lain menjelang hari kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Ternyata pakatan menerusi parti perikatan yang kemudiannya diperluaskan lagi menjadi Barisan Nasional, kepimpinan negara yang dipelopori dan ditunjangi oleh UMNO telah mampu membawa negara Malaysia maju ke hadapan. Kini Malaysia sudah dianggap sebagai negara contoh bagi negara-negara yang sedang membangun dan sering pula suaranya menjadi perhatian dunia.

Tanggung Jawab Pemimpin

Beberapa ciri asas yang memberikan suatu citra (imej) tentang UMNO bukanlah terletak kepada perlembagaannya. Sesebuah perlembagaan kepada sesuatu pertubuhan hanya sekadar memberi rupa dan bentuk yang statik kepada sesebuah pertubuhan, ia tidak mampu menyatakan proses, kedinamikan dan arah perjuangannya. Ia tidak menampakkan pragmatisme dan keluwesannya (*flexibility*) di dalam sesuatu tindakan mengikut iklim dan suasana yang sentiasa berubah.

Apa yang lebih penting daripada sesuatu perlembagaan itu ialah kepimpinannya, sama ada ia ditonjolkan oleh seorang pemimpin yang tertinggi atau ia dicorakkan secara kolektif. Pemimpinlah sebenarnya yang memberikan warna dan citra kepada sesebuah pertubuhan.

(Bagi UMNO, setiap orang pemimpin utamanya pada masa-masa lalu seperti Dato' Onn bin Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putera, Tun Abdul Razak, dan Tun Hussein Onn pernah dan mampu meletakkan UMNO di tengah-tengah arus perdana perubahan dan perkembangan yang diharungi oleh negara dan rakyat jelatanya. Walaupun UMNO, seperti parti-parti politik lain juga tidak sepi daripada menghadapi krisis dan pelbagai cabaran dalaman dan luaran, tetapi ia tidak pernah terpinggir dan tetap kekal sebagai parti dominan dan tulang belakang kepada kekuatan negara dan bangsa Malaysia. Saingan yang kadang-

kalanya sengit dan hebat daripada parti lawan seperti PAS yang tidak pernah letih dan jemu cuba menjadi parti alternatif untuk mewakili bangsa Melayu sentiasa dapat diatasi dan diketepikan.

Tentunya segala kekuatan dan kejayaan ini tidak hanya terletak kepada UMNO sebagai sebuah parti politik yang besar dan berpengaruh. Jika tersalah langkah, yang besar boleh bertukar menjadi kecil manakala yang berpengaruh boleh hilang pengaruhnya. Faktor yang lebih penting ialah pemimpin-pemimpin UMNO sentiasa prihatin terhadap segala kehendak penyokongnya dan segala keperluan masyarakat massa umumnya. Kerajaan yang diterajui oleh gabungan parti Barisan Nasional meletakkan keutamaan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial dalam bentuk memberi kemudahan prasarana asas di samping memberi peluang hidup yang seluas-seluasnya kepada warga negaranya. Justeru, kesemua pemimpin tertinggi UMNO pada masa lalu telah berjaya memberi perlindungan dan keyakinan kepada majoriti rakyat jelata bahawa kerajaan yang memerintah kini merupakan alternatif yang terbaik.

Kesederhanaan

Di manakah pula letaknya rahsia kekuatan dan kemampuan UMNO sebagai sebuah parti politik yang sukar ditandingi kewibawaannya, dibandingkan dengan parti PAS yang cuba menjadi sebuah parti alternatif kepada orang Melayu?

Sejak dari awal lagi matlamat perjuangan UMNO agak jelas, iaitu untuk menebus maruah bangsa Melayu dan untuk mencapai kemerdekaan bagi negara ini. UMNO mewarisi gerakan nasionalisme Melayu yang telah tercetus beberapa dekad sebelum UMNO itu sendiri wujud sebagai sebuah parti politik. Perjuangan UMNO bukan sahaja berkesinambungan dengan gerakan nasionalisme yang lebih awal tetapi telah membawa gerakan nasionalisme ini mencapai ke peringkat kematangannya.)

(Tetapi jika ia sekadar sebagai pewaris perjuangan nasionalisme Melayu, ia tidak mungkin mempunyai kekuatan yang sedia ada seperti sekarang ini. Lebih dari itu, ia juga menjadi wadah untuk menegakkan cita-cita Islam. Dalam hal ini, UMNO mempunyai perbezaan yang jelas dari segi pendekatannya jika dibandingkan dengan PAS yang ingin melaksanakannya dengan secara melulu tanpa mengambil kira sensitiviti orang lain dan suasana masyarakat berbilang keturunan dan agama yang menuntut agar sesuatu dasar yang membabitkan agama dikendalikan dengan secara bijaksana.)

Apabila Datuk Mohd Asri (kemudiannya Tan Sri) meninggalkan PAS pada 1983 dan PAS pula berada di bawah pimpinan baru, jurang

perbezaan di antara kedua parti Melayu ini semakin menjadi besar. PAS 'era baru' dengan secara tegas meninggalkan perjuangan untuk bangsa Melayu yang disamakan dengan 'asabiyah' yang ditafsirkan sebagai bertentangan dengan Islam. Salah seorang pemimpin tertingginya dengan secara lantang pernah membuat kenyataan bahawa "jika PAS berkuasa, ia akan bertindak menghapuskan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia yang memberi Hak Istimewa kepada orang-orang Melayu dan Bumiputera."

Walaupun kenyataan ini dibuat pada waktu menjelang Pilihan raya Umum 1990 dan ia boleh ditafsirkan sebagai bertujuan untuk memancing undi dari kalangan pengundi bukan Melayu, tetapi oleh kerana kenyataan ini telah lahir daripada seorang pemimpin kanan PAS, kenyataan ini tidak boleh dipandang ringan. Ia adalah salah satu dasar dan matlamat perjuangan PAS yang sudah tentunya tidak boleh diterima oleh orang Melayu dan Bumiputera yang masih tetap memerlukan peruntukan ini.

Persaingan untuk mendapatkan pengaruh di kalangan orang Melayu, walaupun masih tetap sengit ketika menjelang pilihan raya, tidak menampakkan bahawa PAS secara umumnya menunjukkan kemajuan/ Kekalahan UMNO dan Barisan Nasional di negeri Kelantan bukanlah kerana kekuatan yang ada pada PAS tetapi disebabkan oleh krisis dalam UMNO sendiri yang mengakibatkan lahirnya parti semangat 46 iaitu serpihan daripada parti UMNO sendiri yang bertindak sebagai pemecah undi orang Melayu untuk UMNO.)

Perpecahan dalam UMNO ini dirasakan tidak akan kekal lama. Hari demi hari, Semangat '46 nampaknya semakin lemah dan bilangan mereka yang kembali semula ke pangkuan UMNO semakin meningkat termasuk di kalangan pemimpin-pemimpin kanan parti itu sendiri. Saya merasa penuh yakin bahawa menjelang pilihan raya yang akan datang nanti, parti Semangat '46 akan tinggal nama sahaja sebagai sebuah parti serpihan Melayu. Jika ini menjadi kenyataan, tidaklah begitu sukar untuk UMNO dan Barisan Nasional kembali berkuasa semula di negeri Kelantan.)

Saya tidak beranggapan bahawa hubungan PAS dan UMNO juga boleh diibaratkan sebagai sudah 'berpatah arang dan berkerat rotan.' Jurang perbezaan UMNO-PAS kini adalah jurang yang sementara dan sengaja dibesar-besarkan. Oleh kerana PAS pada suatu ketika dulu (1973-1977) pernah duduk semeja dengan UMNO dalam kerajaan campuran Barisan Nasional, tidaklah mustahil bahawa persefahaman dan sejarah kerjasama di antara UMNO dan PAS ini akan berulang lagi. Ini semua banyak bergantung kepada lenggok dan gaya pucuk pimpinan PAS itu sendiri yang bertanggungjawab mencorakkan landasan perjuangan partinya mengikut suasana semasa.

Saya percaya, dasar PAS yang agak ekstrim pada masa kini pada suatu hari nanti akan menjadi sederhana atau *moderate* walaupun ia akan tetap kekal sebagai parti PAS dan tidak akan menjadi seperti UMNO.

* Keadilan dan Toleransi

Kelangsungan atau *survival* UMNO sebagai parti induk, dominan, dan parti yang sentiasa berada di tengah-tengah arus perdana perkembangan politik semasa tidak sekadar kerana ia diterima oleh majoriti orang Melayu yang mendapat pembelaan daripadanya. Selain faham kebangsaan yang didokonginya untuk membela nasib dan masa depan bangsa Melayu, UMNO adalah satu-satunya parti Melayu yang sederhana dari segi pendekatannya dan bertimbangrasa serta sentiasa tidak melupakan nasib hidup kaum-kaum lain yang bukan ahli UMNO.

Sejak dari awal penubuhannya, pemimpin UMNO sudah sedia menghulurkan tangan kepada kaum-kaum Cina, India dan suku kaum lainnya sebagai tanda persaudaraan dan sebagai tawaran ikhlas untuk bekerjasama dalam satu pakatan politik yang boleh meningkatkan perpaduan dan integrasi dari kalangan suku bangsa yang dari segi bahasa, agama, dan keturunan. Kerjasama politik yang diasaskan di antara parti-parti UMNO, MCA dan MIC, dan kemudiannya disertai oleh beberapa lagi parti politik merupakan satu model contoh yang mencapai kejayaan yang luar biasa di kalangan negara-negara yang sedang membangun. Malah di kalangan negara-negara maju sekalipun, kerjasama antara kaum melalui pakatan politik tidak mudah wujud seperti yang telah dicipta oleh Malaysia.

Adalah amat menarik untuk diperhatikan bahawa parti-parti bukan Melayu yang mewakili kaum masing-masing sentiasa bersedia menerima parti UMNO sebagai parti utama dalam pelbagai kerjasama dan gabungan antara parti-parti pemerintah yang wujud di negara ini. Jika setiap anggota dalam komponen parti Barisan Nasional dianggap sebagai salah seorang daripada ahli keluarga yang besar yang ingin hidup bersama secara harmoni, UMNO boleh dianggap sebagai abang yang paling tua yang kepimpinannya sentiasa dihormati dan kewibawaannya sentiasa diterima dan tidak pernah dicabar.

Hakikat ini banyak bergantung kepada sikap dan pendekatan pemimpin-pemimpin UMNO masa dulu dan masa kini yang bertimbang rasa, terbuka serta mementingkan keadilan dan kesaksamaan tanpa menzalimi kaum-kaum lain yang berbeza dari segi agama dan keturunan. Toleransi UMNO dan bangsa Melayu terhadap suku kaum lain telah berjaya mewujudkan rasa kepercayaan yang tinggi parti dan kaum lain terhadap kepimpinan UMNO dan bangsa Melayu dan

sekaligus telah membantu melahirkan semangat dan rasa kekeluargaan serta keinginan untuk hidup bersama dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Kini, UMNO telah mengembangkan sayapnya ke Sabah akibat daripada satu desakan dan keadaan yang memerlukan bertindak demikian. Walaupun tindak-tanduk UMNO ini terpaksa menghadapi beberapa masalah di peringkat awal ini, tetapi dalam masa yang dijangka tidak begitu lama, masalah awal ini akan dapat ditangani dan diselesaikan. Sesungguhnya, perkembangan terbaru ini menunjukkan satu lagi kemajuan yang telah dicipta oleh UMNO, iaitu perkembangan dan kedinamikannya daripada sebuah parti politik yang pada asasnya mewakili bangsa Melayu sahaja kepada sebuah parti politik yang turut mewakili dan memperjuangkan nasib dan masa depan kaum Bumiputera di Sabah juga. Perkara ini sememangnya termaktub di dalam perlembagaan UMNO itu sendiri.

Wadah Perjuangan Abad 21

Pada 11 Mei, 1996 nanti, hanya dua setengah tahun dari sekarang UMNO akan menyambut hari kelahirannya yang kelima puluh tahun. Dari segi umur dan jangka waktu, dan lebih-lebih lagi dari segi prestasinya hingga setakat ini, UMNO menampakkan kedewasaannya yang amat jelas.

Seperti yang telah dibincangkan di atas dan dalam beberapa artikel lain dalam koleksi ini, UMNO pernah menanganinya dengan begitu kemas serta bertanggungjawab. Saya merasa yakin bahawa UMNO masih tetap berupaya menghadapi pelbagai macam cabaran yang menandatangani. Lebih penting dari itu, dengan kepimpinan yang begitu dinamik oleh Dr Mahathir Mohamad sejak dua belas tahun yang lalu, UMNO pastinya mampu membawa umat Melayu dan bangsa Malaysia ke satu era yang lebih berkeyakinan untuk mencapai kecemerlangan.

UMNO kini sedang berada di satu lagi tahap penting perkembangannya, iaitu tahap penyediaan pemimpin pelapis untuk mewarisi perjuangan pemimpin-pemimpin masa lampau dan masa kini yang akan mengundurkan diri. Pemimpin-pemimpin pelapis ini sedang dicanai dengan masaknya dalam acuan yang semakin disempurnakan bentuknya.

Tanggungjawab bakal-bakal pemimpin ini amatlah berat dan mencabar. Mereka mestilah memahami dan juga menghayati hasrat Wawasan 2020 serta mampu membawa masyarakat Melayu dan bangsa Malaysia mencapai idealismenya. Kemunculan Melayu Baru, iaitu manusia Melayu yang terikat kuat kepada tradisi budaya Melayu-Islam yang luhur dan unggul tetapi mempunyai daya saing dan daya

tahan serta bersedia berjuang di arena antarabangsa adalah suatu keperluan. Motivasi dan pencapaian masyarakat Melayu dan bangsa Malaysia mestilah ditingkatkan ke suatu tahap sehingga kita mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang maju di dunia antarabangsa.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa UMNO akan terus kekal sebagai satu-satunya wadah perjuangan untuk menangani permasalahan abad ke-21. UMNO adalah sebuah parti yang menggabungkan kekuatan dan pengalaman silam serta keberanian dan kebijaksanaan baru; tegasnya gabungan tua dan muda; memadukan segenap lapisan rakyat, bandar dan desa, petani dan nelayan, pendidik dan pekerja, usahawan dan budayawan, serta cendekiawan dan teknokrat untuk bergerak sebagai satu pasukan.

Secara peribadi, saya juga terdorong dengan iltizam untuk terus menerus membantu Presiden UMNO yang dikasihi Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad untuk meletakkan parti pada landasan yang lebih kukuh dan memperhebatkan pelbagai bidang. Dalam keadaannya yang ada sekarang ini, UMNO tentunya akan terus menjadi wadah bagi perjuangan umat Melayu dan bangsa Malaysia untuk memasuki abad ke-21 dengan penuh kekuatan dan keyakinan.

AGENDA PEMUDA UNTUK MEMBINA TAMADUN BANGSA*

Mohd Najib Tun Abd. Razak**

Pendahuluan

UMNO telah wujud selama lebih empat dekad. Dengan itu setiap peristiwa, sama ada yang pahit atau yang manis, telah sama-sama kita lalui. Ini telah menambahkan pengalaman politik kita bersama. Pada tahun hadapan (1993), UMNO akan melalui pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan nasional. Kita mesti memelihara keutuhan cawangan, bahagian, dan nasional. Kita mesti memelihara keutuhan UMNO di samping mengamalkan prinsip demokrasi. Demokrasi yang dianuti oleh UMNO mesti merupakan demokrasi yang sihat dan positif dan bukan demokrasi yang menentang arus budaya kita.

Sebagai pewaris dan penerus perjuangan parti, budaya dalam Pemuda UMNO mesti mencerminkan aspirasi dan cita-cita nasional untuk membina sebuah bangsa yang lebih cemerlang.

Justeru itu kita mesti membersihkan sehingga ke akar umbi sebarang amalan dan perbuatan yang tidak sihat, yang rendah akal budi dan juga yang dipandang jijik dan kotor. Perbuatan seperti menyebarkan surat layang, fitnah-memfitnah, sengaja menjatuhkan keaiban pemimpin-pemimpin, membeli undi, membawa ahli-ahli parti melancong tetapi **dilencongkan**, adalah di antara gejala buruk yang mesti dihindarkan dan dijauhi oleh Pergerakan Pemuda. Amalan menggunakan media untuk memburuk-burukkan antara satu sama lain, serta melaga-lagakan pemimpin, mesti dibendung. Amalan seperti ini sudah tentu akan membawa kesan buruk kepada UMNO, malah akan menghancurkan UMNO.

* Teks ucapan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO di Perhimpunan Agung pemuda UMNO pada 5 November 1992 di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur

** Dato' Seri Hj. Mohd Najib Tun Abd. Razak adalah Menteri Pertahanan Malaysia.

Kita mesti belajar daripada sejarah keruntuhan tamadun dunia Malah keruntuhan zaman kegemilangan Islam membuktikan bahawa keruntuhan dan kehancuran sesuatu tamadun besar itu adalah berpunca dari pergolakan dalaman. Kita mesti sedar, ketika mencari kemenangan dalam parti, jangan sampai berlaku permusuhan kerana bagi kita, kemenangan seperti ini tak ubah seperti menang jadi arang, kalah jadi abu.

Kita mesti menjunjung kepentingan parti lebih daripada kepentingan peribadi di dalam merebut sebarang jawatan di dalam parti. Kita tidak redha membawa parti berpecah belah dan politik menjadi berpuak-puak di antara kita sehingga ianya menggantikan politik perpaduan dan kebangsaan.

Di samping itu, keadaan yang aman dan stabil ini menyebabkan UMNO tidak lagi terganggu oleh kerenah parti-parti pembangkang yang sudah kehabisan modal – sudah tidak mempunyai alasan dan isu yang boleh mereka bangkitkan untuk menyerang UMNO. Suara parti-parti pembangkang kini seolah-olah sudah terkambus oleh kekalahan mereka dalam pilihanraya umum dua tahun lalu (1990). Kerana tidak ada isu besar yang boleh menjadi modal politik mereka, parti-parti pembangkang kini mengganggu dengan masalah yang remeh-temeh.

Parti PAS yang memerintah Kelantan merupakan parti yang tidak mengamal dan menghayati prinsip-prinsip Islam dari segi praktiknya. Parti PAS hanya mementingkan konsep dan slogan tetapi gagal menterjemahkannya ke dalam program pembangunan konkrit. Inilah yang ditunjukkan oleh PAS dengan cara mencari perlindungan terhadap kelemahan mereka dengan menghalalkan kemiskinan dan mendakwa kemiskinan adalah di atas kehendak Allah s.w.t. dan di luar kuasa manusia mengatasinya. Jelaslah PAS telah gagal untuk menentukan *Awlawiyah* (keutamaan) dalam proses pembangunan rakyat. Begitulah, PAS merestui kemiskinan di Kelantan padahal kemiskinan bukanlah tuntutan di dalam Islam. Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda, "Hampir-hampir kemiskinan itu membawa kepada kekufuran".

Hari ini, pembangunan semakin sepi di bumi Kelantan. Projek-projek pembangunan yang masih berjalan merupakan projek-projek pembangunan yang ditanggung oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Bagi Pemuda UMNO, Kelantan tidak ada pilihan lain, melainkan mengizinkan UMNO dan Barisan Nasional kembali berkuasa untuk membolehkan rakyat Kelantan kembali kepada realiti politik dan pembangunan yang demokratik dan adil.

Parti Semangat 46 yang dulunya berkahwin mut'ah dengan PAS untuk memenangi pilihanraya umum lalu, kini seharusnya sedar,

ianya adalah perkakas kepada PAS dan tak ubah seperti **Pak Si Dogol** dalam wayang kulit yang didalangi PAS.

Sudah terbukti, dengan pemerintahan PAS di Kelantan, Semangat 46 tidak lagi dipedulikan. Saya pernah sebut, Parti Semangat 46 tak ubah seperti pokok nyiur yang sudah condong, menunggu masa untuk tersungkur ke bumi. Seperti pokok nyiur condong ini, kalau berbuah pun, buahnya jatuh ke tempat lain. Kalau nyiur condong, kura-kura boleh merayap naik ke atas, ular pun naik merayap. Sudah nyata, Semangat 46 seperti pokok nyiur condong itu hanya membenarkan PAS dan DAP bertenggek di atasnya.

Kerajaan Negeri Kelantan yang kononnya merupakan gabungan dua parti – PAS dan Semangat 46 – jelas tidak merupakan perkongsian yang tulen antara kedua parti itu. PAS berjaya “berlawak” dengan Parti Semangat 46, dan menjadikan Parti Semangat 46 sebuah parti yang tidak *viable*.

Persekongkolan antara DAP dan Semangat 46 menampakkan bahawa Semangat 46 telah memajakgadaikan Islam kepada DAP. Semangat 46 membisu seribu bahasa terhadap campurtangan DAP dalam beberapa perkara mengenai Islam sebagai agama rasmi negara. Ini termasuk perbuatannya menghasut rakyat bukan-Islam yang menganut agama Islam supaya meninggalkan Islam. Jelas DAP sebuah parti *chauvinist* yang tidak suka kepada Islam, sebagaimana didedahkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad. Tetapi Parti Semangat 46 yang mendabik dada sebagai pejuang Melayu dan Islam – telah menjual harga diri mereka kepada DAP, padahal DAP adalah parti yang sentiasa menyakiti hati orang Melayu dan umat Islam negara ini dengan mencampuri urusan Islam padahal mereka (DAP) tidak ada hak untuk campurtangan.

Begitu juga dengan PBS – Parti Bersatu Sabah – yang masih taksud dengan politik perkauman dan kedaerahan. Parti PBS masih mengapi-apikan perasaan orang-orang Sabah dengan isu *anti-Federal*, *anti-Semenanjung*, dan *Sabah untuk rakyat Sabah*. Mereka memomokkan rakyat Sabah supaya tinggal dalam ketakutan dengan menuduh orang-orang Semenanjung akan menjajah mereka. Kita ingin tegaskan, UMNO berkembang di Sabah bukan untuk merebut hak orang-orang Sabah; kita kembangkan UMNO di Sabah kerana kita mahu rakan-rakan UMNO kita di Sabah membawa kejayaan UMNO Sabah mentadbir sepertimana UMNO berjaya mentadbir Semenanjung, demi membawa rakyat Sabah menikmati keadilan dan kesaksamaan tanpa mengira kaum dan keturunan. Orang-orang Kadazan, Cina, Melayu, dan Bumiputera lain sudah tentu akan mendapat keadilan di bawah pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional.

Baru-baru ini Kerajaan PBS bercadang menguatkuasakan penggunaan pasport bagi rakyat Malaysia di Semenanjung untuk masuk ke Sabah. Perbuatan angkuh ini ditentang keras oleh Pemuda UMNO. Penguatkuasaan semula penggunaan pasport rakyat Malaysia untuk masuk ke Sabah adalah perbuatan yang akan merosakkan perpaduan nasional. Kepada kita 20 perkara yang dituntut oleh PBS tidak timbul kerana ianya sudah dilaksanakan. Pemuda UMNO memberi amaran bahawa kami akan menentang habis-habisan sesiapa sahaja yang melakukan tindakan yang bertentangan dengan perlembagaan negara lebih-lebih lagi merancang membawa Sabah keluar dari Malaysia. Pemuda UMNO menegaskan di sini bahawa Sabah adalah bumi Malaysia.

Kerajaan PBS di Sabah mesti sedar bahawa tindak-tanduk politik mereka yang bertentangan dengan aspirasi nasional telah menyebabkan negeri Sabah kini merupakan negeri termiskin di seluruh Malaysia. Kemiskinan di Sabah telah meningkat kepada kadar 34.3% dengan jumlah isi rumah miskin seramai 99,600 keluarga. Saya sedih kerana saya sendiri telah melihat kehidupan rakyat miskin di Sabah yang begitu menyayat hati.

Bayangkan saudara-saudara di kebanyakan kampung di Sabah, seperti Kampung Lahad-Lahad, di Pulau Sebatik, penduduk desa terpaksa mandi dan minum air perigi yang bukan sahaja berlumpur, tetapi juga busuk dan hanyir. Kita juga tahu, kampung-kampung di pedalaman negeri Sabah yang miskin dan mundur ini masih juga tersisih daripada pembangunan berbagai-bagai jenis kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan api, dan bekalan air.

Kerajaan Pusat sedar akan tanggungjawab kepada Sabah dan tanggungjawab ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat sejajar dengan janji serta tanggungjawab perlembagaan negara. Tetapi PBS tidak pernah sedar akan tanggungjawabnya membela nasib rakyat dan memajukan negeri. Kegagalan mereka ini cuba mereka selindungkan di sebalik slogan *Sabah untuk rakyat Sabah* yang bertentangan dengan aspirasi dan integrasi nasional. Semua ini terjadi kerana kelemahan pemimpin-pemimpin PBS sendiri yang tebal dengan sifat *angkuh, lemah, rasuah, menyelewang, dan parochial*.

Kita ingin mengingatkan PBS bahawa barisan Pemuda UMNO Sabah yang hadir bersama kita hari ini adalah satu barisan gagah berani negeri Sabah yang mewakili 250,000 ahli UMNO Sabah. Kita mahu beritahu Kerajaan PBS di Sabah, UMNO Negeri Sabah sudah mantap dan kukuh dengan 250,000 orang anggota parti dari semua kaum Bumiputera Sabah yang akan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan saudara-saudara mereka dari kalangan UMNO seluruh negeri dalam negara Malaysia tercinta ini.

Kepada pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO Sabah, kami kagum dengan kobaran semangat mereka. UMNO Negeri Sabah keseluruhannya, walau terhimpit, walau tertekan, walau terlambung sekalipun, tetapi semangat untuk menegakkan UMNO tetap menyala dan bersemarak di hati sanubari. Perhimpunan raksasa lebih 30,000 orang rakyat Sabah, menyambut Hari Malaysia 1992 di Tawau, adalah bukti dan petanda kepada kegigihan menegakkan UMNO di Sabah. Apa yang dikagumkan, perhimpunan itu diadakan tanpa mendapat bantuan jentera Kerajaan. Namun dengan semangat yang waja kita dapat mengatasi segala rintangan dan halangan.

Kepada saudara-saudara kita Pemuda UMNO Sabah, saya ingin menegaskan bahawa saudara-saudaralah benteng yang mempertahankan Sabah di dalam Malaysia. Saudara-saudara jugalah pembawa obor membina bangsa. Bersama 250,000 orang ahli UMNO Sabah hari ini saudara-saudara adalah titian kepada perpaduan negara.

Ketika UMNO dan Kerajaan kuat dan stabil, inilah saat dan ketikanya bagi UMNO meneruskan tanggungjawab dan amanat yang telah dimandatkan oleh rakyat. Saat keemasan dan gemilang bagi negara kita Malaysia mewarnakan masa depan yang lebih yakin dan terjamin terletak di bahu UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional. Kita sedang mara ke hadapan, menuju ke satu era yang saya simpulkan sebagai *masa membina tamadun bangsa Malaysia*.

Ekonomi

Pada perhimpunan kita tahun lalu saya menyifatkan perjuangan untuk merealisasikan **Wawasan 2020** merupakan satu "nadwah" atau *renaissance* bagi bangsa kita. Impian yang teragung ini akan mencetuskan suatu kebangkitan peradaban (tamadun) kita. Kita mesti ingat bahawa perjuangan kita bukan sekadar mempertingkatkan taraf hidup masyarakat malahan mengangkat peradaban dan bangsa Malaysia di alam antarabangsa, ala kita sendiri. Kitalah yang akan menentukan rupa bangsa dan peradaban kita tanpa meruntuhkan akal budi dan akhlak bangsa kita.

Justeru itu Pemuda UMNO menyeru semua pihak supaya menyedari bahawa pembinaan tamadun bangsa menuntut komitmen yang tinggi di samping menyedari hakikat bahawa gelombang dan cabaran baru dalam meletakkan bangsa kita menjadi maju setaraf dengan kaum lain. Ia menuntut orientasi baru, sikap baru dan komitmen baru terhadap kepentingan ilmu. Tanpa komitmen dan perubahan ini, orang Melayu akan ketinggalan dan tercicir manakala peradaban baru akan terus berlangsung.

Selaras dengan hasrat yang murni ini, Pemuda UMNO menegaskan sekali lagi bahawa matlamat **Wawasan 2020** mestilah dilaksanakan sepenuhnya. Bagi Pemuda UMNO **Wawasan 2020** mesti dilihat sebagai falsafah pembangunan nasional dalam konteks ekonomi.

Untuk merealisasikan cita-cita menjadi negara maju, Malaysia perlu mencapai perkembangan ekonomi yang melebihi 7% setiap tahun sepanjang tahun-tahun 1990 - 2020. Kita mesti segera mengambil tindakan yang dinamik dan positif. Ini akan mengekalkan iklim dan keyakinan yang tinggi terhadap masa depan ekonomi negara kita.

Kejayaan **Wawasan 2020** tidak hanya boleh diukur semata-mata dari sudut pendapatan per kapita sahaja. Oleh itu kita perlu membentuk masyarakat yang adil dan saksama. Perlu ditegaskan pembahagian yang saksama di antara kaum adalah penting bukan sahaja untuk keadilan tetapi untuk mencapai perpaduan nasional yang mantap.

Pembangunan yang seimbang atau *balance development* di antara kaum dan di antara wilayah adalah prinsip utama **Wawasan 2020**. Rakyat di kampung, di setiap pelosok desa berhak menikmati kemajuan negara yang mencapai status negara maju. Kita tidak mahu hanya kawasan Lembah Kelang, Johor Bahru dan Pulau Pinang sahaja bertukar wajah menjadi pusat-pusat pertumbuhan ekonomi yang sangat hebat tetapi perubahan dan kemajuan di kawasan-kawasan yang lain begitu ketara lembap dan perlahan. Meskipun keadaan pasaran menentukan kawasan-kawasan tersebut akan berkembang lebih pesat, tetapi jangan hendaknya kawasan-kawasan lain begitu ketara tertinggal secara relatif dengan kawasan-kawasan yang pesat membangun.

Pemuda UMNO juga menyarankan supaya perhatian diberikan sama berat, sama serius, terhadap pertimbangan di peringkat makro dan juga mikro. Sepertimana kita begitu prihatin dengan kenaikan KNK, nilai pelaburan, kadar inflasi dan pengangguran, kita juga perlu prihatin kepada aspek-aspek mikro kerana di peringkat inilah terletaknya pendekatan dan program untuk mewujudkan **Masyarakat Perdangangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)** yang merupakan teras kepada **Dasar Pembangunan Negara**.

Kita perlu sedar bahawa masalah ekonomi orang-orang Melayu adalah disebabkan masalah struktur. Dari segi saiz umpamanya 90% daripada syarikat-syarikat Melayu modal berbayarnya adalah RM50,000 ke bawah dan kebanyakan syarikat-syarikat Melayu terlibat dalam perniagaan makanan. Nampaknya sebahagian besar perniagaan orang-orang Melayu berkisar kepada perniagaan kedai runcit dan

restoran serta industri kecil seperti membuat sos cili dan kerepek pisang. Bagi industri-industri yang strategik seperti bidang elektronik, teknologi maklumat, dan perkhidmatan komputer penyertaan bumiputera adalah amat terhad dan tidak menggalakkan. Kita mesti menghalakan penyertaan bumiputera di dalam industri-industri yang strategik dan berpotensi untuk menjamin penguasaan pasaran dalaman dan kerapnya untuk bersaing secara 'global'.

Syarikat-syarikat Bumiputera juga lemah dari segi *networking* atau rangkaian dengan peringkat pengeluaran, pengedaran, dan penjualan. Pendekatan yang menyeluruh untuk mengambilkira setiap peringkat adalah sangat penting untuk menentukan daya saing dan daya tahan peniaga-peniaga Bumiputera dalam pasaran perniagaan yang semakin "competitive".

Pemuda UMNO memandang berat terhadap syarikat-syarikat Kerajaan yang sudah diswastakan. Mulai hari ini Pemuda UMNO mahu supaya syarikat-syarikat Kerajaan yang diswastakan ini sedar bahawa penswastakan bukan isyarat untuk menghentikan tanggungjawab mendorong penyertaan Bumiputera secara bermakna. Pemuda mahu ketua-ketua eksekutif syarikat-syarikat ini bertindak dengan lebih bersungguh-sungguh menyediakan program-program yang lebih berkesan untuk membuka peluang-peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera bertapak di dalam bidang-bidang yang dikuasai oleh mereka.

Pemuda UMNO mendesak setiap badan perniagaan kerajaan yang sudah diperbadankan atau diswastakan supaya menunjukkan komitmen yang kental untuk menyemarakkan lagi percambahan syarikat-syarikat Bumiputera dalam lapangan masing-masing. Mereka mesti menyediakan program-program yang konkrit dan bersungguh-sungguh. Ini ialah untuk membuka peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera mendapat kerja-kerja kontrak dan sub-kontrak. Di samping mementingkan keuntungan, mereka mestilah juga mementingkan tanggungjawab sosial dan aspirasi nasional. Mengikut pengamatan Pemuda UMNO, ada di antara badan-badan perniagaan ini walaupun mempunyai ketua eksekutif Melayu tetapi mereka tidak begitu prihatin terhadap tanggungjawab menolong bangsa mereka sendiri. Tanpa inisiatif seperti ini, impian melahirkan MPPB akan berkecai tanpa menjadi kenyataan dan realiti. Bagi mereka yang mengabaikan tanggungjawab menolong syarikat-syarikat Bumiputera, Pemuda UMNO menasihatkan mereka mengubah sikap. Kalau tidak Pemuda UMNO menyarankan mereka mengundur diri.

Pembangunan sumber manusia adalah sangat penting untuk mencapai matlamat **Wawasan 2020**. Kelemahan ilmu, kemahiran dan ketrampilan di kalangan orang-orang Melayu adalah merupakan suatu

faktor yang amat kritikal. Bagi mempertingkatkan keupayaan Bumiputera, Pemuda menyarankan badan-badan seperti TNB, STM, Petronas, dan lain-lain mengadakan peruntukan melatih Bumiputera dengan cara mewujudkan pusat-pusat pengajian tinggi mereka sendiri yang mengarah kepada bidang-bidang teknikal dan iktibas. Tindakan mereka ke arah ini akan menambahkan tahap penguasaan kemahiran dan keilmuan sebagai melengkap kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan.

Saya telah menegur sikap Dewan Perniagaan Cina kerana tidak menunjukkan kesungguhan dan keikhlasan mereka. Mereka tidak mempedulikan saranan Perdana Menteri dan Kerajaan supaya mengadakan lebih banyak usahasama yang tulen di antara pengusaha Bumiputera dan bukan-Bumiputera. Dewan Perniagaan Cina telah menjawab teguran saya dengan menyatakan bahawa mereka ada menjemput wakil-wakil Dewan Perniagaan Melayu hadir di kongres mereka.

Bagi Pemuda UMNO, jemputan untuk hadir sahaja tidak cukup. Dewan Perniagaan Cina mesti membuat suatu ketetapan yang tegas untuk menjayakan saranan Perdana Menteri itu. Pemuda UMNO mahu satu tindakan tegas dari Dewan Perniagaan Cina. Ahli-ahli mereka mestilah dengan segera menggabungkan perniagaan mereka dengan Bumiputera. Kami tidak mahu Bumiputera diperalatkan dan menjadi orang suruhan sahaja, sekadar untuk naik turun tangga jabatan kerajaan dan berjumpa dengan menteri-menteri dan pegawai-pegawai kerajaan.

Kepada peniaga-peniaga Bumiputera, Pemuda UMNO mahu mereka segera mengubah nilai dan sikap mereka. "Bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi". Sikap yang positif sentiasa berusaha ke arah mencapai matlamat hidup, etika kerja yang memberangsangkan, mengejar kepada kecemerlangan adalah antara sikap yang perlu dijadikan budaya hidup orang-orang Melayu. Di dalam siri kursus perdana, YAB Perdana Menteri telah mengingatkan bahawa bangsa yang tidak mempunyai nilai yang positif dan mulia akan menjadi mundur dan boleh menyebabkan bangsa itu menjadi pupus, sebaliknya bangsa yang mempunyai nilai yang baik akan menjadi bangsa yang dihormati dan disegani.

Ini bersesuaian dengan konsep **Melayu Baru** yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, sebagai Melayu yang memiliki nilai-nilai berkualiti seperti kesungguhan, kerajinan, ketekunan, berdaya saing, dan berdaya tahan. Nilai-nilai inilah yang melahirkan zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka. Tetapi janganlah kita lupa bahawa kejatuhan Kerajaan Melayu adalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan bangsa Melayu sendiri; dan kesan kepada kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka itu, kita terhukum sebagai bangsa yang dijajah selama 446 tahun.

Pendidikan

Untuk membina tamadun bangsa yang mampan dan cemerlang, ilmu dan pendidikan merupakan perkara utama untuk mencapai matlamat ini. Dalam setiap tamadun bangsa di dunia, kemantapan tamadun itu bertitik-tolak daripada pendidikan. Matlamat untuk mewujudkan **Melayu Baru** bukan sahaja melalui nilai-nilai yang berkualiti tetapi juga melalui nilai-nilai ilmu dan pendidikan yang berkualiti tinggi.

Bagi mencapai matlamat ini, kemudahan-kemudahan pendidikan, lebih-lebih lagi untuk para guru dan murid-murid perlu dipertingkatkan lagi. Lebih-lebih lagi untuk melahirkan pendidikan dan pembelajaran berkualiti tinggi. Pemuda UMNO berpendapat, segala prasarana dan sarana pendidikan, serta perkhidmatan perguruan yang ada hari ini mestilah diperbaiki, di samping mengatasi masalah persekolahan dua sesi, iaitu sesi pagi dan petang bagi dijadikan hanya satu sesi sahaja. Nisbah guru dan murid bagi sesuatu kelas seperti yang sudah ditetapkan mestilah dilaksanakan, bagi mengatasi kesesakan murid yang lazimnya menjadi faktor utama kemerosotan nilai pembelajaran.

Pemuda UMNO sudah berkali-kali menyuarakan hasrat serta pendirian Pemuda, supaya *Equal Opportunity for Quality Education* untuk Bumiputera dilaksanakan secara tegas dan intensif, terutama sekali bagi pendidikan di sekolah-sekolah di luar bandar yang masih serba kekurangan. Bagi Pemuda UMNO, maksud *Quality Education* mestilah bermula semenjak dari pendidikan pra-sekolah lagi, hingga ke sekolah rendah, menengah, dan universiti, dengan memberi perhatian kepada usaha menjuruskan kaum Bumiputera ke dalam bidang sains, teknologi, pengurusan, perakaunan dan ekonomi. Di samping itu, bidang-bidang teknikal, vokasional, komputer serta pendidikan teknologi maklumat masih merupakan bidang pendidikan yang pinggir kepada Bumiputera. Ini menyebabkan kaum Bumiputera masih belum mencapai kejayaan sepenuhnya yang sangat diharapkan bagi melahirkan golongan profesional Bumiputera agar sejajar dengan para profesional kaum-kaum lain.

Pemuda UMNO masih belum berpuas hati dengan pencapaian Bumiputera di bidang-bidang profesional. Pencapaian profesional Melayu, mengikut perangkaan rasmi Kerajaan 1991, seperti **Jurutera - 34%, Akauntan - 11.6%, Arkitek - 24.1%, Peguam - 23.2%, Doktor Perubatan - 28.3%**, jelas memperlihatkan kekurangan orang Melayu dan Bumiputera dalam bidang-bidang profesional.

Di samping itu, bidang-bidang sains, teknikal, vokasional, dan komputer serta pendidikan teknologi maklumat masih merupakan

bidang pendidikan yang pingiran kepada orang Melayu dan kaum Bumiputera.

Pemuda UMNO juga ingin menegaskan bahawa pendidikan di bidang sains, teknologi dan lain-lain ilmu yang berhubung dengan bidang ekonomi mestilah diseimbangkan dengan pendidikan yang bersifat non-ekonomi, terutama sekali pendidikan memupuk nilai kemanusiaan dan nilai-nilai murni bagi meningkatkan lagi semangat nasionalisme dan patriotisme dan rasa cinta serta bangga kepada tanahair sendiri.

Bahasa

Sehubungan dengan masalah pendidikan ini, Pemuda UMNO yakin bahawa isu bahasa juga perlu diberi perhatian. Pemuda UMNO yakin masalah bahasa mempunyai kaitan yang langsung dengan soal pendidikan negara. Lebih-lebih lagi apabila dasar pendidikan kebangsaan yang diasaskan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya telah dapat berfungsi dengan jayanya sehingga ke peringkat tertinggi. Dalam erti kata lain, bahasa Melayu sudah pun menjadi bahasa ilmu. Ini adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa juga. Pemuda UMNO mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif, Tun Abdul Hamid Omar di atas usaha beliau yang serius dan tegas melaksanakan menggunakan bahasa Melayu di mahkamah. Dalam pada itu, Pemuda UMNO merasa kesal kerana masih juga terdapat golongan yang masih kurang yakin terhadap kemampuan bahasa kebangsaan. Pemuda UMNO ingin menegaskan bahawa masalah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan jangan lagi dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Pemuda UMNO yakin bahasa Melayu mampu menjadi bahasa antarabangsa dengan syarat bangsa Melayu menjadi di antara kuasa ekonomi dunia. Pemuda UMNO merasa sudah sampai masanya, demi kepentingan nasional, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mempertingkatkan prestasinya sebagai institusi pengembangan bahasa dan ilmu. Pemuda UMNO yakin, kerana ruangnya masih ada, DBP mampu mempelopori bahasa Melayu berdaya komersial. Ini adalah selaras dengan hasrat Wawasan 2020.

Pemuda UMNO amat menyedari bahawa ledakan ilmu tidak mempunyai batas. Dan ilmu bukan milik sesuatu tamadun. Ilmu juga bukan milik sesuatu bangsa. Dengan itu Pemuda UMNO menyokong penubuhan **Biro Penterjemahan Negara** kerana kita percaya institusi ini dapat memainkan peranan dalam mempertingkatkan penguasaan ilmu tanpa halangan bahasa dan budaya. Kita kagum dengan negara

Jepun yang mampu menterjemahkan buku-buku ilmu tanpa halangan bahasa dan budaya. Kita kagum dengan negara Jepun yang mampu menterjemahkan buku-buku ilmu terbaru dalam segala bidang, dari pelbagai bahasa, dalam masa yang amat singkat, ke dalam bahasa Jepun. Ini adalah selaras dengan matlamat membina masyarakat yang mempunyai budaya ilmu dan budaya membaca.

Pada masa yang sama Pemuda UMNO juga yakin bahawa komitmen yang murni terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak bermakna kita harus menutup segala usaha mempelajari bahasa-bahasa lain, terutama sekali bahasa Inggeris, yang kita percaya mengandungi banyak ilmu pengetahuan. Dalam apa suasana dan keadaan sekalipun, seperti hari ini, kita mesti bertindak dengan realistik dan mengakui akan kepentingan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain sebagai alat untuk menguasai ilmu dan atas kepentingan komersial yang tidak boleh diabaikan oleh orang Melayu dan Bumiputera. Serentak dengan itu usaha-usaha yang lebih gigih untuk menjadikan bahasa kebangsaan lebih bernilai komersial dan teknikal hendaklah dipertingkatkan lagi.

Pemuda UMNO menyokong penuh pendirian Kerajaan dan juga Majlis Kerja Tertinggi UMNO supaya pembelajaran bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain yang mampu membawa manfaat kepada pengetahuan dan keilmuan orang Melayu dan Bumiputera akan diteruskan.

Atas hakikat ini, prinsip Pemuda ialah penguasaan sebanyak bahasa manakala penggunaannya bergantung kepada sesuatu tempat dan keadaan. Prinsip penguasaan berbagai-bagai bahasa untuk menguasai dan memanfaatkan ilmu pengetahuan, tidak bermakna kita dikuasai oleh penggunaan bahasa-bahasa tersebut sehingga menjejaskan martabat bahasa kebangsaan.

Pemuda yakin, pembelajaran bahasa lain tidak akan menjejaskan sistem pendidikan negara dan kita yakin, tidak ada anak-anak bangsa kita yang terdidik di dalam sistem pendidikan kebangsaan yang ada hari ini akan menjadi mangsa kepada dasar terbuka terhadap bahasa Inggeris untuk kepentingan ilmu.

Agama

Kebangkitan semula Islam (Islamic resurgence) adalah fenomena sejagat. Umpamanya, dalam era pasca-Marxisme ini, Islam dilihat seolah-olah saingan kepada kapitalisme, padahal ianya tidak sedemikian. Oleh kerana Islam dianggap saingan, ada pihak-pihak yang cuba meruntuhkan Islam. Insiden yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, di Myanmar dan di Kampuchea, adalah gejala yang

membuktikan hakikat tersebut. Sesungguhnya Islam bukan merupakan agama yang dianuti untuk memusuhi orang lain. Islam juga menghormati penganut-penganut agama lain dan keharmonian hubungan mesti terus dijalin untuk tujuan kesejahteraan.

Kita Pemuda UMNO perlu sensitif dan merasa terpenggil untuk turut membela untung nasib saudara-saudara seagama kita ini. Keprihatinan kita bukan sekadar laungan-laungan sokongan moral seperti yang disogokkan oleh pemimpin-pemimpin PAS, tetapi kita telah turut memberikan sumbangan material dan sokongan padu melalui forum-forum antarabangsa. Kita tidak hanya berkokok dalam tempurung kecil perasaan assabiyah yang sempit. Kitalah negara Islam pertama memutuskan hubungan dengan Yugoslavia sebagai bukti penentangan kita terhadap kezaliman ke atas umat Islam di Bosnia-Herzegovina. Malah kita juga negara Islam yang pertama mengambil anak-anak angkat dari Bosnia-Herzegovina.

Malah dalam konteks negara ini, saudara-saudara Pemuda merupakan mujahid-mujahid sebenar yang merupakan barisan hadapan yang akan mencorakkan realiti ummah di zaman mendatang. Malah, di atas bahu kitalah terletaknya suatu pertanggungjawaban untuk menepis golongan yang bertopengkan agama untuk matlamat politik mereka.

Puak-puak yang dangkal persepsi politik ini harus bangun dari mimpi siang hari mereka, bahawa Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu, sekurang-kurangnya dipandang dari ruang angkasa negara ini. Bagi saya, memperkukuhkan bangsa Melayu dalam semua aspek bermakna kita memperkukuhkan Islam. Soalnya, bagaimana ummah dan Islam itu mahu bertegak kukuh, jika terdapat golongan yang meruntuhkan institusi Melayu itu sendiri.

Kebangkitan semula Islam ini hendaklah dianalisis oleh saudara-saudara dan disambut dengan tindakan praktikal mengamalkan konsep ilmu, amal dan iman sepenuhnya, agar kita benar-benar menjadi pemimpin ummah yang sebenarnya, kerana setiap kita merupakan pemimpin dan khalifah Allah yang ditugaskan untuk merencana dan melaksanakan fikrah ke jalan Allah s.w.t.

Luar Negeri

Pemuda UMNO yakin negara kita akan mencapai banyak kejayaan di masa akan datang. Namun begitu, kejayaan yang kita mimpikan ini hanya menjadi kenyataan jika setiap rakyat dan warganegara kita sendiri bekerja kuat dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Tamadun bangsa yang dibina di atas landasan nasionalisme rakyat Malaysia pasti mempertingkatkan martabat dan

imej negara kita di dunia antarabangsa. Kita sedar bahawa kemajuan kita mempunyai banyak pertalian dan hubungan di peringkat antara-bangsa. Oleh itu, dasar luar negara kita mestilah sentiasa dinamik dan progresif.

Pemuda UMNO menyokong penuh segala dasar luar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan mengucapkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada YAB. Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas sumbangan beliau yang cemerlang meningkatkan imej negara di dunia antarabangsa. YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir telah berjaya meletakkan negara sebagai sebuah negara yang disegani kerana isu-isu antarabangsa seperti masa depan negara membangun dan negara kecil di forum antarabangsa, termasuk di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu, di sidang Rio mengenai alam sekitar, dan di Persidangan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Jakarta baru-baru ini, dan pendirian Kerajaan berhubung dengan penubuhan EAEC, isu Selat Melaka di samping ketegasan negara terhadap penderitaan rakyat Bosnia oleh kekejaman kaum Serbia.

Pemuda UMNO mengutuk sekeras-kerasnya keganasan kaum Serb ke atas rakyat Bosnia, bukan sahaja kerana terdorong oleh pertalian agama yang kita anuti, tetapi kerana ianya merupakan satu perbuatan yang sama sekali bertentangan dengan tamadun manusia. Kita ingin bertanya, kalau-kalau kaum Yahudi di Timur Tengah dizalimi oleh orang Islam, apakah Amerika dan sekutu-kutunya dari Eropah serta Bangsa-Bangsa Bersatu akan mendiamkan diri?

Kita dapat melihat dengan jelas bagaimana *ethnic cleansing* yang ditunjukkan di kaca TV saban hari menunjukkan kezaliman kaum Serb ke atas rakyat Bosnia, sehingga tak mengenal mangsa, tidak mengira tua atau muda, lelaki atau perempuan, kanak-kanak, dibunuh, didera, diperkosa, digergaji hidup-hidup, kerana sememangnya niat kaum Serb ialah menghapuskan seluruh baka rakyat Bosnia sampai bila-bila. Jelas kepada Pemuda UMNO, konsep *ethnic cleansing* itu adalah dasar *genocide* iaitu penghapusan sebuah bangsa zuriat-berzuriat. Walaupun keadaan yang begini terdesak sekalipun, Pemuda UMNO amat kecewa kerana dunia masih kaku untuk bertindak dan Bangsa-Bangsa Bersatu masih tidak menggunakan kuasanya. Negara-negara Islam tidak juga terkecuali daripada dikritik dan dipersalahkan kerana tidak mampu mengambil sesuatu langkah yang berkesan untuk membela saudara seIslam kita di Bosnia.

Apa yang berlaku di Bosnia hendaklah dijadikan pengajaran oleh negara-negara kecil, lebih-lebih lagi negara kita sendiri, Malaysia. Nasib negara kecil yang mudah ditindas, ditekan, dizalimi, dan diperkotak-katikkan oleh negara dan kuasa besar, hendaklah dijadikan satu pengajaran dan keinsafan kepada kita.

Sejak aliran politik dunia berubah akibat daripada kemunculan *The New World Order*, Pemuda UMNO berharap, order baru dunia ini tidak membawa aliran **neo-imperialism**, sebaliknya ia mesti merupakan suatu penawaran politik dunia yang membawa keadilan dan kesaksamaan untuk semua negara di dunia, kecil atau besar.

Asean juga memerlukan keadaan dunia yang aman dan stabil bagi membolehkannya meneruskan prinsip aman, bebas, dan berkecuali. Sebagai sebuah persatuan politik, ekonomi, dan sosial, yang kuat lagi berkesan di dalam rangka perkembangan bercorak regionalism yang semakin berkembang dewasa ini, suara kolektif negara-negara **Asean** dan blok Asia Timur yang bertindak secara terselaras dan bersepadu, akan membanteras sebarang tekanan yang boleh dikenakan oleh mana-mana negara atau kesatuan terhadap rantau ini.

Agenda Kita

Sejak setahun yang lalu, saya telah menggariskan tema perjuangan Pemuda UMNO iaitu **Pemuda - Berakar Teguh, Berakal Canggih**, sebagai falsafah dan landasan yang memandu arah perjuangan Pemuda UMNO. Selaras dengan matlamat perjuangan ini, maka tahun ini saya mengagaskan **tujuh (7)** peranan Pemuda UMNO iaitu:

1. Pelopor Tamadun Bangsa.
2. Pembela Agama, Bangsa dan Negara.
3. Pergerakan ke Arah Bangsa Progresif dan Dinamik.
4. Pelindung Budaya Bangsa.
5. Pemikir Ke Arah Kecemerlangan Ilmu.
6. Perjuangan Nilai-nilai Murni dan Luhur.
7. Pewaris Perjuangan UMNO.

PERCUBAAN MELEMAHKAN UMNO DAN MENUMBANGKAN BARISAN NASIONAL*

A. Kadir Jasin**

Pendahuluan

"Biar saya ulang bahawa negara ini telah diterima oleh semua bangsa yang tinggal di sini sebagai negara (yang pada asasnya) negara Melayu, dan ini akan kekal melainkan orang Melayu sendiri bertindak mengubahnya, dengan itu menyebabkan masalah besar bagi kita semua" – **Tunku Abdul Rahman** di dalam buku **13 Mei, Sebelum dan Selepas**.

Tunku Abdul Rahman membuat ulasan itu sebagai menjawab hujah-hujah golongan yang digelar 'ultra' atau pelampau selepas teretusnya Peristiwa 13 Mei, 1969.

Tunku membuat kesimpulan bahawa penentangan terhadap beliau oleh pemimpin-pemimpin muda UMNO seperti Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam sebagai percubaan mengubah perlembagaan negara untuk mewujudkan sebuah negara Melayu.

Apa yang sebenarnya dikecam oleh pemimpin-pemimpin muda yang digelar 'ultra' oleh Tunku ketika itu ialah kegagalan Tunku mewujudkan suasana yang menyakinkan orang Melayu bahawa mereka mempunyai hak dan kepentingan di dalam ekonomi negara setelah 13 tahun merdeka.

Mereka mahu kegagalan dan kesilapan Tunku diatasi dengan memberi ganjaran yang sepadan kepada orang Melayu di bidang ekonomi sebagai membalas jasa mereka menyokong perjuangan kemerdekaan dan mendokong kerajaan selepas merdeka.

Dua puluh satu tahun sudah berlalu sejak peristiwa itu. Allahyarham Tun Razak Hussein mempelopori Dasar Ekonomi Baru yang mengubah rupa bentuk ekonomi Malaysia dan memberi peluang lebih seimbang kepada semua kaum di negara ini.

* Pernah terbit dalam BERITA MINGGU 8 Julai, 1990.

** A. Kadir Jasin adalah Ketua Pengarang Kumpulan, *The New Straits Times Press*.

Sejak itu ekonomi Malaysia berkembang pesat, rakyat menjadi lebih makmur dan terpelajar sehingga ramai lupa rentetan sejarah yang membawa kepada **Peristiwa 13 Mei, 1969**.

Manakala Dr. Mahathir melihat peristiwa itu sebagai manifestasi kemarahan dan kehampaan orang Melayu terhadap ketandusan penyertaan mereka di bidang ekonomi dan pelajaran, Tunku melihatnya sebagai peristiwa yang dicituskan semata-mata oleh samseng, anggota kongsi gelap dan anasir komunis.

Memang benar bahawa dalam perarakan kemenangan melalui jalan-jalan utama di Kuala Lumpur pada 11 dan 12 Mei, penyokong DAP dan Gerakan mengejek orang Melayu yang lalualang dan mencari anggota polis yang bertugas.

Mereka mengeluarkan kata-kata kesat dan mencaci seperti 'Melayu mati', 'awak Melayu bodoh' dan 'Melayu tiada kuasa'. Manakala di hadapan rumah kakitangan balai polis Jalan Travers, sekumpulan penyokong parti pembangkang menunjukkan kemaluan kepada isteri dan anak-anak anggota polis sambil menjeritkan kata-kata kesat.

Ini semua terkandung di dalam buku Tunku dan **Laporan Majlis Gerakan Negara** (Mageran) mengenai peristiwa berkenaan.

Mereka begitu berani dan ghairah kerana buat pertama kali, kebulatan sokongan kepada UMNO dan Perikatan pecah dan parti-parti radikal mendapat sokongan lebih meluas daripada rakyat.

Akibatnya pada senja 13 Mei, tercetuslah pergaduhan kaum yang mengorbankan banyak nyawa dan harta benda. Demokrasi yang begitu ghairah diperalatkan ketika kempen pilihan raya terpaksa digantung dua tahun.

Tetapi amaran Tunku itu jelas sudah dilupai. Segelintir orang Melayu bukan saja sudah bertindak dengan cara yang mengancam keutuhan bangsa mereka sendiri, malah menggugat kestabilan negara.

Malangnya Tunku sendiri turut terbabit di dalam pakatan itu. Ia bermula dengan cabaran Tengku Razaleigh Hamzah terhadap Dr. Mahathir pada 1987 yang kononnya untuk menegakkan demokrasi dan memulihkan ekonomi negara.

Bagaimanapun, cabaran itu tidak berhasil. Sebagai langkah seterusnya, pihak-pihak yang kecewa itu menggunakan sebelas ahli UMNO sebagai proksi menyeret parti ke Mahkamah.

Pada 4 Februari 1988, mereka diberikan lebih daripada yang mereka tuntutan. Mereka mahu Mahkamah mengisytiharkan pemilihan 1987 tidak sah atas alasan ada cawangan yang tidak didaftarkan. Tetapi Hakim Datuk Harun Hashim sebaliknya mendapati UMNO tidak sah atas alasan yang sama.

Serta-merta mereka bertukar warna. Mereka mahu Dr. Mahathir yang mereka gelar diktator menggunakan kuasa pembatal beliau sebagai Menteri Dalam Negeri menghalang Pendaftaran Pertubuhan daripada membatalkan pendaftaran UMNO.

Setelah Dr. Mahathir enggan atas alasan beliau tidak mahu membantah keputusan Mahkamah, mereka menyuruh pula beliau menggunakan suara majoriti Barisan Nasional untuk meminda undang-undang supaya pendaftaran UMNO tidak dibatalkan.

Dr. Mahathir enggan juga atas alasan beliau tidak mahu menyalahgunakan majoriti Barisan Nasional untuk meminda undang-undang negara semata-mata untuk menghalang perintah Mahkamah ke atas UMNO.

Mereka terperangkap. Dr. Mahathir yang mereka tuduh diktator dan anti kehakiman enggan menggunakan kuasa yang ada di tangan beliau semata-mata untuk menyelamatkan UMNO yang mati ditikam oleh ahli-ahli yang mabuk kuasa.

Belum pun UMNO dibubarkan secara rasmi, mereka sudah mengemukakan permohonan mendaftarkan semula parli itu. Demikian dahaganya mereka kepada kuasa. Setelah gagal mendaftarkan UMNO mengikut kehendak mereka, kumpulan yang sama sekali lagi menggunakan proksi.

Kali ini mereka menggunakan seorang pesara polis dan beberapa rakyat biasa mendaftarkan Parti Semangat 46. Apabila media massa mengaitkan parti itu dengan mereka, laporan itu pantas dinafikan.

Sejak itu, banyak tindak-tanduk mereka memberi gambaran mereka tidak lagi menghiraukan apa yang akan berlaku kepada politik dan maruah orang Melayu. Yang penting dan utama ialah menang pilihan raya.

Menyedari dan mengakui bahawa Semangat 46 secara berseendirian tidak mungkin boleh menggugat UMNO dan kerajaan, mereka tidak segan silu membentuk pelbagai pakatan rambang dengan pihak-pihak yang dulu musuh ketat mereka atas alasan pakatan begini adalah biasa dalam politik.

Ini dituruti oleh pelbagai ramalan. Antara yang menjadi buah mulut pada waktu itu ialah peluang mereka menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional di dalam pilihan raya akan datang (akhir 1990).

Antara ramalan mereka ialah Semangat 46 akan memperoleh 40 kerusi Parlimen, DAP 30 dan PAS 25. Dengan itu tumbanglah Kerajaan Barisan Nasional. Serentak itu juga berakhir era di mana perwakilan Melayu yang padu di bawah panji-panji UMNO.

Dalam pilihanraya 1986, UMNO memenangi 83 daripada 84 kerusi yang ditandinginya di bawah panji-panji Barisan Nasional. Kesemua wakil Semangat 46 yang kini menganggotai Parlimen menang ketika bertanding mewakili UMNO.

Kerana undi Melayu tidak lagi padu dan bilangan kerusi mereka tidak lagi sekukuh yang pernah dikuasai oleh UMNO, kesimpulan mudah yang terpaksa dibuat ialah pengaruh orang Melayu juga bertambah lemah. Apatah lagi perwakilan itu pula terbahagi kepada dua atau tiga parti. Berdasarkan ramalan itu, UMNO akan mengekalkan tidak sampai 20 kerusi.

Manakala gabungan kerusi Semangat 46 dan PAS kurang daripada kerusi UMNO sekarang, DAP dengan pertolongan Semangat 46 dan PAS diramalkan memperoleh 30 kerusi berbanding 24 yang dikuasainya sekarang.

Ini bermakna gabungan Semangat 46, PAS dan DAP akan mempunyai kelebihan suara yang kecil di Parlimen - 95 berbanding 82. Tetapi hujah mereka tidak berakhir di situ saja. Dengan kemenangan 95 kerusi itu, mereka berharap dapat memujuk parti-parti Kerajaan yang lain menyertai mereka.

Bagi orang Melayu, pengaruh mereka akan bertambah luntur kerana selain terpaksa bertolak ansur dengan DAP, wakil-wakil Melayu Semangat 46 dan PAS terpaksa juga bertolak ansur dengan wakil parti-parti dari Sabah dan Sarawak.

Soalnya mampukan Semangat 46 dan PAS dengan kekuatan itu mempertahankan hak dan kepentingan orang Melayu? Bolehkah Semangat 46 dan PAS mengawal nafsu DAP mengenai pelaksanaan konsep *Malaysian Malaysia*, penghapusan Hak Istimewa Orang Melayu dan perlaksanaan konsep negara sekular tulen?

Adalah mustahil pakatan Semangat 46, PAS dan akan berpuas hati dengan menumbangkan Kerajaan Dr. Mahathir semata-mata. Tengku Razaleigh sebagai Perdana Menteri tentu melaksanakan dasar-dasarnya sendiri.

Begitu juga Haji Fadzil Noor, Yang Di Pertuan PAS, yang sewajarnya dilantik Timbalan Perdana Menteri, tentu mahu melaksanakan dasar-dasar yang diperjuangkan oleh partinya seperti mengharamkan judi, arak, dan kegiatan-kegiatan lain yang berlawanan dengan Islam sebagai langkah awal mewujudkan negara Islam jati.

Begitu jugalah halnya dengan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, yang sudah dijanjikan jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang oleh Tengku Razaleigh. Beliau tentu mahu melaksanakan dasar-dasar yang lebih radikal daripada yang dilaksanakan oleh Dr. Lim Chong Eu.

Ini belum mengambil kira penajaran politik yang akan berlaku di Sabah dan Sarawak sekiranya ramalan itu menjadi kenyataan.

Seandainya saranan Semangat 46 dan PAS supaya orang Melayu menolak UMNO hendak diterima tanpa menjejaskan pengaruh politik bangsa Melayu, maka satu-satunya jalan yang terbuka dengan

menolak UMNO bulat-bulat ialah memilih hanya satu parti Melayu lain sebagai pengganti.

Ini bermakna memilih antara Semangat 46 dan PAS. Sekiranya di dalam pilihanraya akan datang Semangat 46 atau PAS memenangi bilangan kerusi yang sama banyak dengan UMNO sekarang, harapan mengekalkan politik Melayu sebagai politik peneraju masih ada.

Bagaimanapun, jalan keluar ini tidak mungkin terlaksana kerana Semangat 46 dan PAS tidak bertanding bersendirian. Mereka akan membahagi-bahagikan kerusi di antara mereka di kawasan majoriti Melayu dan berpakat dengan DAP di kawasan campuran.

Jika UMNO tumpas dan perwakilan majoriti Melayu terbelah tiga antara Semangat 46, PAS, dan UMNO, maka berakhirlah era politik peneraju Melayu.

Mulai saat ini, seperti telah berlaku di negara-negara yang mempunyai Kerajaan campuran rambang, parti-partai yang terbabit akan membuat sebanyak tuntutan yang mungkin untuk memperkukuhkan kedudukan masing-masing.

Dalam keadaan itu, masa kerajaan lebih banyak dihabiskan untuk berunding semasa sendiri daripada menunaikan janji kepada rakyat.

Inilah yang kita lihat berlaku di negara-negara seperti Itali, Israel, dan India di mana parti-parti yang tidak mempunyai sebarang persamaan cuba berpakat semata-mata untuk memenangi pilihan raya dan merasa nikmat berkuasa.

Ketua-ketua kerajaan negara-negara itu menghabiskan lebih banyak masa memujuk rakan-rakan kongsi supaya tidak berpecah-belah daripada menumpukan masa membangunkan negara.

Namun, terpulanglah kepada pengundi, terutama orang Melayu, memikirkan semasak-masaknya segala saranan dan gagasan yang dikemukakan oleh pelbagai parti dan gabungan politik selaras dengan amalan demokrasi.

Yang perlu difikirkan ialah masa depan negara dan generasi akan datang. Keteguhan politik Melayu yang dipelopori oleh UMNO bukan saja memberi peranan politik yang begitu menonjol kepada bangsa Melayu, malah kepemimpinan nasional yang diterajui oleh UMNO telah diterima umum dan menjadi asas kestabilan politik negara sejak merdeka.

MAHATHIR DAN KRISIS KEPIMPINAN UMNO 1987

A. Nazri Abdullah*

Pendahuluan

UMNO muncul sebagai parti yang kuat bukan sahaja kerana sokongan padu bangsa Melayu, tetapi juga kemampuan pemimpinnya menangani pelbagai salah faham dan konflik dalaman. Sejak ditubuhkan pada tahun 1946, UMNO tidak pernah sunyi daripada menghadapi pelbagai masalah dalaman dan konflik kepimpinan. Konflik pertama tercetus lima tahun selepas ditubuhkan. Datuk Onn Jaafar mengambil tindakan meninggalkan UMNO apabila cadangannya membuka keahlian parti itu kepada semua bangsa tidak diterima oleh ahli UMNO. Beliau kemudiannya menubuhkan Independence Malayan Party (IMP) tetapi gagal untuk memberi sebarang saingan kepada UMNO.

UMNO pada zaman Tunku Abdul Rahman menyaksikan konflik demi konflik yang kemudiannya berkembang menjadi krisis kepimpinan. Kepimpinan Tunku yang terlalu liberal dan kurang dengan gagasan untuk kemajuan bangsa Melayu menyebabkan menteri-menteri-nya yang lebih nasionalistik mengkritik beliau. Menteri Besar Perak, Datuk Panglima Bukit Gantang yang dipecat pada tahun 1953 adalah orang pertama yang mencabar cara kepimpinan Tunku. Muncul pula Menteri Muda Pertanian Encik Aziz Ishak yang mencabar dan menuduh Tunku terlalu berlembut dengan tuntutan orang Cina (MCA) dan tidak memberi keutamaan kepada orang Melayu. Cabar mencabar secara terbuka berlaku dan akhirnya Tunku memecat Aziz Ishak daripada kabinetnya. Tun Dr. Ismail Abdul Rahman yang kesal dengan tindakan Tunku, meletakkan jawatannya sebagai Menteri Dalam Negeri. Setiausaha Agung UMNO Syed Jaafar Albar juga meletakkan jawatannya kerana tidak setuju dengan cara Tunku

* Ahmad Nazri Abdullah adalah Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian.

menyingkir Singapura dari Malaysia. Dr Mahathir Mohamad dan Musa Hitam yang turut mengkritik kepimpinan Tunku juga disingkirkan daripada UMNO.

Tun Abdul Razak tidak banyak menghadapi cabaran kepimpinan. Setelah bersabar menunggu selama 13 tahun, beliau memulakan tugasnya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO dengan membawa masuk mereka yang dipecat ke dalam parti dan kabinetnya. Tun Hussein Onn juga tidak menghadapi banyak cabaran. Cabaran yang agak getir pun hanyalah isu Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris yang berakhir dengan Haji Sulaiman Palestin menentang Tun Hussein untuk merebut jawatan Presiden UMNO dalam perhimpunan tahun 1976. Haji Sulaiman kalah teruk.

Zaman Dr Mahathir memperlihatkan pelbagai krisis, baik dalam kerajaan mahupun parti. Sebagai pemimpin yang ingin memperkenalkan perubahan dan pembaharuan, Dr Mahathir bukan sahaja bersedia menghadapi cabaran dan krisis, tetapi dalam beberapa keadaan beliau sendiri yang mencipta krisis. Krisis Perlembagaan 1983 adalah krisis yang diciptanya sendiri. Beliau mengemukakan pindaan perlembagaan berhubung kuasa yang di-Pertuan Agong bagi menjamin pembaharuan dan perubahan, termasuk pembaharuan undang-undang yang akan beliau lakukan berjalan lancar tanpa gangguan istana. Selain daripada itu, Krisis Perlembagaan juga dapat mengukur sejauh mana sokongan rakyat kepada kepimpinan beliau.

* Perletakan Jawatan Datuk Musa dan Bermulanya Krisis

Krisis yang terbesar dan paling parah pada zaman Dr. Mahathir ialah krisis kepimpinan UMNO tahun 1987 sehingga menyebabkan UMNO diisytiharkan tidak sah dan perpaduan hampir hancur. Krisis ini berakar umbi sejak tahun 1981 akibat daripada perebutan jawatan Timbalan Presiden di antara Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah. Ianya meledak sebagai krisis terbuka apabila Datuk Musa Hitam menghantar surat meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada 26 Februari 1986. Salinan surat itu turut dihantar kepada semua ahli Majlis Tertinggi UMNO. Surat setebal tujuh halaman itu menerangkan sebab-sebab beliau meletakkan kedua-dua jawatannya yang berkuatkuasa pada 16 Mac 1986. Sebab-sebabnya ialah:

1. Prinsip saya berkhidmat dan menjalankan tugas berasaskan kepada kepercayaan penuh, komitmen, dan dengan sukacita hati saya sendiri. Komitmen sudah merosot kerana tidak dipercayai dan sukacita hati sudah menjadi duka.

2. Walaupun saya buat sesuatu dengan cara apapun, saya akan membuatnya dengan cara takut-takut ditohmah di atas motif kepentingan politik saya sendiri.
3. Kenyataan-kenyataan umum beberapa orang Menteri (saya percaya kebanyakan mereka cuba membantu saudara) dan saudara sendiri 'atas pihak-pihak tertentu' yang cuba 'memecah belah', 'menjatuhkan kerajaan', serta 'kita tahu siapa dia di dalam dan di luar parti' yang mencemarkan nama baik saudara sebagai Perdana Menteri dan kata-kata khusus bahawa 'Doc cannot work together with Musa anymore but cannot do anything because Musa is too powerful now ...'. Semua ini menekan fikiran saya. Tambahlah lagi aktiviti-aktiviti 'komando-komando' dengan rancangan-rancangan khusus mereka merisau fikiran saya atas potensi dan bahaya kita berpecah-belah dan saya dilibatkan.
4. Lagi lama saya terus memegang jawatan, lagi hebat tohmahan-tohmahan berterusan. Kalau saya terus bekerja kuat, ini akan disalah tafsir, kalau sebaliknya, lebihlah lagi. Sebenarnya saya bercadang meletak jawatan sebaik saja pulang daripada Davos. Tetapi saya telah pun meminta supaya lawatan saudara ke Johor pada 20 dan 21 Februari disambut secara besar-besaran dan dijayakan.
5. Dengan saya meletak jawatan sekarang, ini akan membolehkan saudara memilih orang yang saudara percaya penuh bagi membantu saudara berhadapan dengan rakyat nanti. Ini akan mengekalkan juga perpaduan parti dengan saya sendiri tidak menentang saudara atau mengancam saudara."

Surat Datuk Musa mengejutkan pelbagai pihak yang sebelum ini kagum dengan keakraban hubungan '2M'. Bagaimanapun bagi pemerhati politik yang mengikuti dan menganalisis politik pucuk pimpinan UMNO, surat itu mengesahkan khabar-khabar angin berkenaan keretakan perhubungan Datuk Musa dengan Dr. Mahathir. Surat itu mendedahkan betapa hubungan Datuk Musa dan Dr. Mahathir tidaklah seintim yang disangka. Menurut Datuk Musa, pada malam mesyuarat Majlis Tertinggi sebelum Perhimpunan Agung UMNO tahun 1985, Dr. Mahathir telah membangkitkan soal tohmahan yang dilemparkan kepada Presiden oleh sesetengah ahli Majlis Tertinggi. Pada mesyuarat Majlis Tertinggi 15 Januari 1986, Presiden sekali lagi membangkitkan soal tohmahan dan tuduhan yang mengatakan beliau (Presiden) diktator, korup, dan orang terkaya di dunia. Perkara yang dibangkitkan oleh Presiden sebenarnya ditujukan kepada penyokong Datuk Musa dan menurut surat itu lagi, percakapan Datuk Musa dengan Presiden pada pagi 27 Januari 1986, sebelum berlepas ke Davos, lebih tegang dan merenggangkan. Dalam surat itu juga Datuk Musa mengakui sepanjang menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau ada mempersoalkan beberapa dasar dan cara pelaksanaan dasar kerajaan

Dr. Mahathir, tetapi pada dasarnya beliau menerima hakikat bahawa Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri dan menerima prinsip tanggungjawab bersama.

Perletakan jawatan Datuk Musa dilihat sebagai tekanan politik kepada Datuk Seri Dr. Mahathir yang sedang bersiap sedia menghadapi Pilihanraya Umum yang dijadualkan pertengahan tahun itu. Dengan menghantar salinannya kepada semua ahli Majlis Tertinggi, Datuk Musa seolah-olah mahu memberitahu ahli UMNO bahawa tindakannya meletakkan jawatan adalah kerana tidak tahan dengan tohmahan Dr. Mahathir ke atas dirinya, yang beliau sifatkan sebagai satu tampanan yang sebegitu hebat kepada maruah dan kewibawaan beliau. Bagi kebanyakan ahli Majlis Tertinggi UMNO, perletakan jawatan Datuk Musa adalah satu isu besar, isu nasional yang membabitkan masa depan kepimpinan UMNO. Tetapi bagi Dr. Mahathir, beliau menyifatkannya sebagai isu kecil yang boleh diselesaikan. Dalam temu-bualnya dengan akhbar Kompas 8 Mac 1986, Dr Mahathir berkata:

‘Meskipun Datuk Musa mendakwa ini adalah isu besar, saya tidak nampak ia adalah masalah besar yang boleh memecahbelahkan parti. Ianya tidak seburuk seperti pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO di antara Datuk Musa dan Tengku Razaleigh pada tahun 1984. Sistem pengambilalihan pucuk pimpinan sekarang adalah terbaik untuk Malaysia kerana ia mengelak persaingan terbuka untuk jawatan tertinggi. Ia berjalan dengan licin sejak negara mencapai kemerdekaan dan apa yang perlu ialah orang nombor dua itu harus bersabar. Tun Razak menunggu selama 13 tahun sebelum mengambil alih daripada Tunku, tiada masalah. Tunku Abdul Rahman digantikan oleh Tun Razak, tiada masalah. Tun Razak oleh Tun Hussein Onn, tiada masalah. Tun Hussein oleh saya tiada masalah, dan jika tiada apa-apa yang berlaku Datuk Musa akan menggantikan saya. Kalau seseorang itu terlalu gopoh, terlalu tidak sabar maka dia tidak akan menjadi pemimpin yang baik. Seseorang pemimpin harus bersabar hingga sampai gilirannya. Kita tidak ada niat untuk mengekalkan diri sampai tidak dikehendaki lagi. Saya sendiri kalau sudah jelas bahawa tidak lagi dapat menjalankan tugas, maka saya akan berundur. Itu sudah saya nyatakan. Jadi tidak menjadi masalah bagi saya’.

Ungkapan ‘gopoh dan tidak sabar’ dalam kenyataan Dr. Mahathir itu sebenarnya merujuk pada beberapa tindakan Datuk Musa sebelum itu, terutama ketika memangku jawatan Perdana Menteri. Tindakan Datuk Musa menyuruh MCA keluar Barisan Nasional, isu pembuangan sisa nuklear Papan, pilihanraya Sabah tahun 1985 dan Peristiwa Memali yang berlaku sehari sebelum Perdana Menteri berlepas ke China adalah tindakan-tindakan gopoh yang dibuat tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Perdana Menteri. Datuk Musa mempertahankan keputusan

dan tindakan beliau itu sebagai mencerminkan tanggungjawab bersama dan tidak perlu dirujuk kepada Perdana Menteri. Beliau terlupa tugas Timbalan Perdana Menteri atau Timbalan Presiden dikebanyakan negara lain hanya menjalankan kerja yang diarah oleh Perdana Menteri atau Presiden.

Kenyataan Dr Mahathir bahawa perletakan jawatan itu bukan isu besar menunjukkan beliau arif dengan strategi politik Datuk Musa. Tentulah sukar bagi Dr Mahathir untuk mempercayai janji Datuk Musa bahawa beliau 'tidak ada tujuan bermain politik' kerana janji itu lebih berupa strategi politik Datuk Musa untuk mempengaruhi ahli Majlis Tertinggi. Dengan meletakkan 16 Mac sebagai tarikh berkuatkuasanya perletakan jawatan beliau, Datuk Musa sebenarnya mahu isu itu dibincangkan oleh Majlis Tertinggi UMNO yang dijadualkan bermesyuarat pada 15 Mac. Beliau mahu isu perletakan jawatannya dijadikan isu nasional kerana beliau akan kembali berjuang menentang Dr. Mahathir. Hakikat ini diakuinya ketika bertemu bekas Ketua Menteri Sabah Tun Datu Mustapha Datu Harun di London.

Segala teka-teki mengenai perletakan jawatan Datuk Musa Hitam terhurai apabila Majlis Tertinggi bermesyuarat pada 28 Februari. Presiden UMNO memulakan mesyuarat pada malam itu dengan menawarkan diri untuk keluar daripada mesyuarat kerana perkara yang akan dibincangkan oleh Majlis Tertinggi melibatkan dirinya. Bagaimanapun beberapa ahli Majlis Tertinggi yang menyokong Datuk Musa tidak bersetuju dan mahukan Presiden mengikuti perbincangan malam itu. Ahli-ahli Majlis Tertinggi yang menyokong Datuk Musa seperti Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Ajib Ahmad, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dan beberapa lagi berucap dan berhujah mahukan Datuk Musa dikekalkan. Datuk Shahrir adalah antara yang paling lantang berucap dan menyalahkan Presiden di atas perletakan jawatan Datuk Musa. Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilihat sebagai penyokong kuat Dr. Mahathir berucap membela Presiden UMNO.

Selepas ahli-ahli Majlis Tertinggi memberi pandangan masing-masing (kecuali beberapa orang yang dilaporkan tidak bercakap) Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengeluarkan dua pucuk surat yang dihantar oleh Datuk Musa kepadanya pada tahun 1984. Surat Datuk Musa bertarikh 5 Julai 1984 dihantar kepada Perdana Menteri beberapa hari sebelum rombakan kabinet dibuat. Dalam surat itu Datuk Musa menentang dengan keras hasrat Perdana Menteri melantik Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Datuk Musa bimbang jika Perdana Menteri mengekalkan Tengku Razaleigh, laluannya untuk menjadi Presiden parti adalah sukar. Sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh

boleh menggunakan kuasanya untuk mengukuhkan pengaruh politiknya melalui pemberian permit, lesen, saham, pengambilalihan syarikat, dan sebagainya. Lebih penting lagi kata Datuk Musa, sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh boleh mempengaruhi menteri-menteri lain untuk menjadi penyokongnya.

Kebimbangan Datuk Musa ini ada asas-asas yang kukuh. Dengan Tengku Razaleigh kekal sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan, Datuk Musa tidak mempunyai apa-apa untuk ditawarkan kepada penyokongnya. Daim Zainuddin adalah orang Dr. Mahathir yang tidak mempunyai cita-cita politik. Sebagai Menteri Kewangan yang tidak bercita-cita politik, Daim Zainuddin hanya tunduk kepada perintah Perdana Menteri dan ini menyukarkan Datuk Musa. Menurut surat itu lagi, seandainya Perdana Menteri melantik juga Tengku Razaleigh sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Musa akan mengkaji semula pelannya dan ini akan dibincangkan dengan Perdana Menteri selepas pengumuman rombakan Kabinet. Kata-kata Datuk Musa ini secara jelas mengugut Perdana Menteri. Nyata sekali beliau terlalu bimbang dengan pengaruh Tengku Razaleigh, musuh politiknya yang berusaha merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO sejak pemilihan 1981. Walaupun dalam pertandingan 1984 undi Datuk Musa bertambah, tetapi pertambahan yang kecil tidak cukup untuk memaksa Tengku Razaleigh melupakan cita-citanya merebut jawatan nombor dua parti. Jelaslah sekarang bahawa ancaman Tengku Razaleighlah yang sebenarnya merunsingkan fikiran Datuk Musa dan bukannya tujuh sebab yang dinyatakan dalam surat bertarikh 26 Februari 1986.

Strategi Politik Dr. Mahathir Menghadapi Musa dan Tengku Razaleigh

Malangnya bantahan dan ugutan Datuk Musa tidak dihiraukan oleh Dr. Mahathir. Beliau tetap juga melantik Tengku Razaleigh menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dr. Mahathir mempunyai strategi politiknya sendiri. Beliau sedar Tengku Razaleigh mempunyai pengaruh dalam parti kerana lebih lama menjadi Naib Presiden UMNO daripada beliau. Tengku Razaleigh adalah musuh politik Dr. Mahathir. Beliau adalah Naib Presiden UMNO yang sepatutnya dipilih oleh Tun Hussein Onn untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Selepas kematian Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dikatakan memanggil ketiga-tiga Naib Presiden UMNO – Tengku Razaleigh, Encik Ghafar Baba dan Dr. Mahathir untuk membincangkan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Ketiga-tiga mereka dikatakan menyerahkan kepada Tun Hussin untuk melantik salah seorang daripada mereka menjadi

Timbalan Perdana Menteri. Tun Hussein melantik Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan. Encik Ghafar Baba kemudiannya meletak jawatan.

Ketika menjadi Menteri Kewangan di zaman Tun Hussein, Tengku Razaleigh dikatakan tidak langsung menghormati Dr Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tun Hussein memberi kepercayaan penuh kepada Tengku Razaleigh menguruskan ekonomi negara sehingga hutang luar negara meningkat RM50 bilion. Sebagai Menteri Kewangan dan Bendahari UMNO, Tengku Razaleigh dalam kedudukan yang terbaik untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas Dr Mahathir. Dengan itulah dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden 1981, Tengku Razaleigh begitu berkeyakinan akan menang sehingga dalam salah satu kempennya beliau mendakwa jawatan itu sebagai haknya kerana beliau lebih lama menjadi Naib Presiden daripada Dr. Mahathir. Bagaimanapun, Datuk Musa yang disokong oleh Perdana Menteri memenangi pertandingan itu dan kemudiannya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Bagi Dr. Mahathir, mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet adalah strategi politik yang baik untuk beliau dan UMNO. Dengan mengekalkan Tengku Razaleigh, ahli UMNO akan melihatnya sebagai pemimpin yang liberal dan cintakan perpaduan. Langkah ini juga menunjukkan beliau tidak mempunyai sifat dendam terhadap Tengku Razaleigh yang tidak menghormatinya sebagai Timbalan Perdana Menteri ketika pemerintahan Tun Hussein Onn. Bagi penyokong Tengku Razaleigh, perlantikan beliau sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian menunjukkan Dr. Mahathir masih mengakui ketokohan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin penting dalam UMNO dan kerajaan. Strategi ini juga baik bagi politik Dr. Mahathir sendiri. Dengan mengekalkan Tengku Razaleigh di dalam kabinetnya bermakna Tengku Razaleigh boleh terus melayani cita-citanya merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO dan secara langsung menjadikan Tengku Razaleigh sebagai musuh politik Datuk Musa. Pada masa yang sama kehadiran Tengku Razaleigh dapat mengimbangi pengaruh Datuk Musa dalam kerajaan dan UMNO. Bagi mengambil hati Datuk Musa serta mengurangkan pengaruh Tengku Razaleigh dalam UMNO, Dr. Mahathir tidak memberi apa-apa jawatan parti kepada beliau.

Datuk Musa juga tentunya dapat membaca strategi politik Dr. Mahathir. Dengan mengekalkan Tengku Razaleigh dalam Kabinet, bermakna Dr. Mahathir tidak mahu memberi laluan mudah kepadanya. Justeru itu, sebaik saja perlantikan Kabinet 1984 diumumkan, Datuk Musa menghantar suratnya yang kedua kepada Perdana Menteri bertarikh 31 Julai 1984. Dalam surat yang bertulisan

tangan itu, Datuk Musa memberi notis setahun untuk bersara. Katanya, "saya dengan perasaan yang begitu keberatan dan dukacitanya memaklumkan bahawa saya bercadang bersara daripada memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri bermula dari 1 Ogos 1985. Keputusan saya ini adalah muktamad. Saya memberi notis selama satu tahun ini semata-mata bertujuan supaya saudara akan dapat membuat apa-apa jua proses pengambilalihan dengan secara licin dan teratur oleh sesiapa jua yang saudara akan pilih nanti mengambil tempat saya". Bagaimanapun surat itu tidak pula menyatakan Datuk Musa juga meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO. Sesiapa saja yang menjadi Perdana Menteri tentu dapat mencium apakah muslihat sebenar Datuk Musa.

Jelaslah sekarang punca sebenar perletakan jawatan Datuk Musa bukanlah kerana Dr. Mahathir tidak memercayainya lagi seperti yang disebutkan dalam surat bertarikh 26 Februari 1986. Kehadiran Tengku Razaleigh dalam Kabinetlah punca sebenar Datuk Musa meletakkan jawatan. Selepas dua kali bersaing dengan Tengku Razaleigh merebut jawatan Timbalan Presiden, Datuk Musa sedar pengaruh putera Kelantan itu masih kental. Datuk Musa sedar jika Tengku Razaleigh bertanding lagi dalam pemilihan akan datang, kewibawaannya sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri akan tergugat dan lebih buruk lagi padahnya jika Tengku Razaleigh menang.

Strategi Datuk Musa tidak sukar difahami. Beliau mahu Dr. Mahathir menyingkirkan Tengku Razaleigh daripada kabinet supaya beliau mendapat laluan mudah. Bagaimanapun, Dr. Mahathir tidak mencium strategi Datuk Musa. Dr. Mahathir sedar jika beliau menyingkir Tengku Razaleigh daripada kabinet, beliau akan dilihat sebagai pemimpin yang berdendam dan tidak demokratik. Malah Dr. Mahathir juga sedar jika beliau menurut kehendak Datuk Musa, beliau bukan saja kehilangan kuasa pengimbang, malah besar kemungkinan Tengku Razaleigh akan mencabarnya merebut jawatan Presiden UMNO dalam pemilihan akan datang. Dua bekas Presiden UMNO, Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn adalah veteran UMNO yang bersimpati dengan Tengku Razaleigh dan jika perebutan jawatan Presiden berlaku, kedua-dua mereka akan menyokong beliau.

Pendekatan politik Datuk Musa amat jauh bezanya dengan cara Dr. Mahathir. Dr. Mahathir mengurus cabaran, tetapi Datuk Musa mahu menyelesaikan cabaran dengan menyuruh Dr. Mahathir menyingkir Tengku Razaleigh. Pendekatan yang diambil oleh Datuk Musa samalah dengan pendekatan Tunku Abdul Rahman. Tunku tidak pernah berusaha mengurus krisis dan cabaran, tetapi mengambil jalan mudah dengan membuang masalah melalui penyingkiran. Penyingkiran Singapura daripada Malaysia adalah bukti termasyhur bagaimana

Tunku menyelesaikan masalah. Oleh kerana marahkan Lee Kuan Yew seorang, Malaysia kehilangan Singapura.

Berdasarkan kedua-dua pucuk surat Datuk Musa yang dihantar pada tahun 1984 itu, maka tidak menghairankan mengapa surat perletakan jawatannya yang bertarikh 26 Februari 1986 tidak merungsingkan Dr. Mahathir. Kalau Datuk Musa benar-benar serius mahu bersara daripada politik seperti yang dinyatakan dalam suratnya bertarikh 31 Julai 1984, beliau sepatutnya mengosongkan kerusi Timbalan Perdana Menteri pada 1 Ogos 1985, tetapi ini tidak dilakukannya. Sebaliknya dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Disember tahun itu, Datuk Musa berucap memberi sokongan dan taat setia kepada Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Kedua-dua mereka juga berpeluk-pelukan diakhir perhimpunan itu. Walaupun berpelukan, Dr. Mahathir tentunya sedar Datuk Musa sebenarnya sedang bermain politik dengan beliau.

Selepas mengedarkan kedua-dua pucuk surat Datuk Musa yang dihantarnya pada bulan Julai 1984 kepada Ahli Majlis Tertinggi, beberapa penyokong Dr. Mahathir menyarankan supaya beliau menerima perletakan jawatan Datuk Musa, tetapi penyokong Datuk Musa mahu usaha perdamaian dibuat terlebih dahulu. Akhirnya dengan cadangan menghantar rombongan empat orang Menteri Besar iaitu Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad (Terengganu), Datuk Najib Tun Razak (Pahang), Datuk Ajib Ahmad (Johor) dan Datuk Seri Ramli Ngah Talib (Perak) untuk memujuk Datuk Musa menarik balik perletakan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO. Bagaimanapun, rombongan itu tidak diberi mandat untuk memujuk Datuk Musa menarik balik perletakan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri kerana kedua-dua jawatan itu terletak dalam bidang kuasa Perdana Menteri. Rombongan itu pergi sebagai wakil Majlis Tertinggi tetapi segala perbelanjaan ditanggung oleh Menteri Besar sendiri.

Rombongan empat Menteri Besar berlepas ke London pada 10 Mac dan pulang pada 15 Mac bersama surat Datuk Musa yang menarik balik perletakan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO. Dalam kenyatannya yang dibaca oleh Datuk Amar Wan Mokhtar, Datuk Musa berkata beliau meletakkan jawatan Kabinet berasaskan prinsip sistem demokrasi bagi membolehkan Perdana Menteri melantik orang yang boleh dipercayainya, terutama sekali untuk jawatan nombor dua. Bagaimanapun, Majlis Tertinggi yang bermesyuarat pada 23 Mac 1986 menolak kesemua alasan Datuk Musa meletakkan jawatan parti dan Kabinet.

Presiden UMNO dalam sidang akhbarinya selepas mesyuarat itu berkata Majlis Tertinggi menolak semua alasan Datuk Musa setelah

mengkajinya dengan teliti. Majlis Tertinggi juga katanya, tidak membangkitkan soal perlantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru kerana itu adalah kuasa Perdana Menteri yang tidak kena mengena dengan Majlis Tertinggi UMNO. Ditanya bagaimana keputusan Majlis Tertinggi itu hendak disampaikan kepada Datuk Musa, Dr Mahathir menjawab ringkas, "Datuk Musa akan mengetahuinya apabila beliau menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO nanti". Jawapan yang sinis itu menjelaskan betapa isu Datuk Musa bukanlah perkara yang besar bagi beliau.

Seperkara yang menarik dalam surat Datuk Musa yang dibaca oleh Menteri Besar Terengganu ialah ungkapan "membolehkan Perdana Menteri melantik orang yang boleh dipercayainya, terutama sekali untuk jawatan nombor dua". Ungkapan yang sama maksudnya terkandung dalam suratnya bertarikh 31 Julai 1984 dan 26 Februari 1986. Ungkapan ini sebenarnya mempunyai maksud yang tersembunyi. Pada perkiraan Datuk Musa, orang yang boleh dipercayai oleh Dr. Mahathir untuk dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri ialah Saudara Anwar Ibrahim, yang dilantik sebagai anak didik Dr. Mahathir. Kehadiran Anwar Ibrahim juga turut menjadi punca keresahan bukan saja Datuk Musa, tetapi beberapa pemimpin UMNO yang lain. Kejayaan Anwar Ibrahim merebut jawatan Ketua Pemuda daripada Datuk Suhaimi Kamaruddin turut membimbangkan Datuk Musa Hitam kerana Datuk Suhaimi adalah penyokong kuat Datuk Musa. Hubungan mesra Anwar Ibrahim dengan Daim Zainuddin menambahkan lagi kebimbangan Datuk Musa.

Dr. Mahathir mempunyai matlamatnya yang tersendiri membawa masuk Anwar ke dalam UMNO. Sebagai pemimpin yang berpandangan jauh ke hadapan, Dr. Mahathir sedar beliau memerlukan seorang pemimpin yang mempunyai kekuatan peribadi dan kewibawaan dari segi agama untuk mengimbangi kesan kebangkitan Islam ke atas arah politik Melayu. Anwar Ibrahim yang ketika itu menjadi Presiden Angkatan Belia Islam (ABIM) adalah orang yang paling sesuai untuk memenuhi keperluan ini. Beliau bukanlah orang yang asing kepada Dr Mahathir. Ketika menjadi pemimpin pelajar, Anwar turut menyokong tindakan Dr Mahathir mengkritik kepimpinan Tunku. Kehadiran Anwar merancakkan lagi agenda Islam dalam pentadbiran Dr Mahathir. Proses penerapan nilai-nilai Islam yang dijemakan melalui penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Takaful Islam, dan sebagainya dengan cepat menonjolkan Anwar Ibrahim sebagai pemimpin yang boleh menggugat pengaruh tokoh-tokoh lain. Walaupun kemasukannya dalam UMNO bukanlah untuk mengambil tempat Datuk Musa, tetapi arus

kebangkitan Islam yang rancak diperkatakan ketika itu telah menenggelamkan Datuk Musa. Sebagai pemimpin yang mempertahankan prinsip sekularisme, Datuk Musa mendapati dirinya tersisih dari arus politik UMNO ketika itu. Beliau berasa janggal untuk membicarakan soal-soal Islam apatah lagi mengusulkan dasar-dasar yang bercorak Islam.

Seperkara yang paling jelas ekoran kemasukan Anwar ke dalam UMNO dan Kabinet ialah wujudnya kebimbangan di kalangan penyokong-penyokong Datuk Musa, kerana beliau boleh menggugat peluang politik mereka pada masa hadapan. Perkataan '*Your boys*' yang dirujuk kepada penyokong-penyokong Datuk Musa seperti yang dinyatakan dalam suratnya kepada Dr Mahathir termasuklah Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Shahrir Samad, dan pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Biro Tata Negara (BTN), yang ketika itu diletak di bawah pengawasan Datuk Abdullah. Sejauh mana 'budak-budak' Datuk Musa bertanggungjawab merenggangkan hubungan beliau dengan Perdana Menteri hanya boleh dikesan dengan melihat kembali fungsi yang dimainkan oleh BTN dan Jabatan Penuntut Luar Malaysia. Kemunculan istilah-istilah 'AIDS' (Anwar Ibrahim, Daim, Sanusi) dan 'MAD' (Mahathir, Anwar, Daim) yang diucapkan di majlis-majlis tertutup dengan pelajar, pegawai kerajaan dan anggota parti menunjukkan bahawa teguran Dr. Mahathir kepada Datuk Musa mengenai peranan 'budak-budaknya' memang ada kebenarannya.

Berdasarkan senario ini, Datuk Musa dalam perkiraannya menjangka tokoh yang mungkin dilantik oleh Dr. Mahathir bagi menggantikan tempat beliau ialah Anwar Ibrahim. Bagaimanapun, Perdana Menteri melantik Encik Ghafar Baba, tokoh veteran yang disegani oleh ahli UMNO. Keputusan Perdana Menteri melantik Encik Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri adalah langkah yang bijaksana. Seandainya Perdana Menteri melantik Anwar, mudahlah bagi Datuk Musa mengumpulkan penyokongnya dan berpadu tenaga dengan Tengku Razaleigh menumbangkan Dr. Mahathir. Kehadiran Ghafar Baba menyulitkan Datuk Musa menyusun strategi politiknya kerana Ghafar Baba adalah tokoh veteran yang setia dan banyak jasanya kepada UMNO.

Kemenangan besar Barisan Nasional, khususnya UMNO dalam pilihanraya Ogos 1986 mengukuhkan lagi kedudukan Dr. Mahathir. UMNO memenangi 83 daripada 84 kerusi Parlimen dan 235 daripada 240 kerusi Dewan Undangan Negeri. Kemenangan besar ini menjadi halangan serius kepada Datuk Musa dan menyukarkan beliau untuk kembali menerajui Kabinet dan parti pada masa depan. Peluang Datuk Musa akan menjadi lebih cerah jika Dr Mahathir kehilangan be-

berapa kerusi. Kemenangan besar UMNO juga menyelamatkan pucuk pimpinan parti daripada dikritik oleh perwakilan dalam Perhimpunan Agungnya, sebulan selepas pilihanraya 1986. Tidak ada pertandingan Majlis Tertinggi pada tahun itu. Bagaimanapun, pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda menyaksikan pertarungan sengit di antara proksi Dr. Mahathir Mohamad iaitu Anwar Ibrahim dengan proksi Datuk Musa Hitam, dan Syed Hamid Albar. Di sinilah Datuk Musa mengambil kesempatan mencurahkan isi hatinya. Selaku Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa dalam ucapan merasmikan Perhimpunan Pemuda dan Wanita, telah mengkritik kepimpinan Ketua Pemuda dan meminta dikaji kembali fungsi dan peranannya. Ucapannya yang beremosi dan kontroversi itu penuh dengan sindiran kepada kerajaan, tuduhan dan kecaman kepada Pergerakan Pemuda yang disifatkannya sudah dijangkiti sindrom membisu.

Walaupun ucapannya dilihat sebagai berkempen untuk Syed Hamid, keputusan pertandingan memihak kepada Anwar Ibrahim yang mendapat 303 undi dan Syed Hamid Albar cuma memperolehi 109 undi. Kemenangan ini adalah paling besar bagi Anwar Ibrahim sejak menjadi Ketua Pemuda tahun 1982. Datuk Musa yang sedar ucapannya ketika merasmikan Perhimpunan Pemuda dan Wanita kurang disenangi, kemudiannya membuat penjelasan di hari terakhir Perhimpunan Agung. Katanya, beliau terpaksa menyuarakan pandangannya sedemikian rupa kerana beliau tidak mempunyai saluran lain untuk menyuarakan pendapatnya. Kenyataan beliau ini agak bercanggah dengan kandungan surat-suratnya kepada Dr. Mahathir yang menjunjung konsep pertanggungjawaban bersama.

Seperkara yang agak memeranjatkan ialah perletakan jawatan Datuk Musa tidak menjadi isu penting Perhimpunan Agung UMNO 1986. Walaupun ada perwakilan yang menyentuhkannya tetapi sekadar menyatakan perasaan kesal di atas kejadian itu. Dengan Ghafar Baba sebagai Pemangku Timbalan Presiden UMNO, perwakilan UMNO khususnya penyokong Datuk Musa berasa segan dan malu untuk menimbulkan isu perletakan pemimpin mereka. Sementara itu pula punca sebenar Datuk Musa meletakkan jawatannya sudah diketahui umum.

Bagaimanapun, Perhimpunan Agung UMNO 1987 menyaksikan persaingan sengit merebut jawatan Presiden, Timbalan Presiden, dan Majlis Tertinggi. Seperti yang dijangka, Datuk Musa berpakat dengan Tengku Razaleigh untuk merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Kempen pemilihan UMNO 1987 akan kekal dalam lipatan sejarah UMNO sebagai kempen yang paling dahsyat dan parah. Tengku Razaleigh dan Datuk Musa menghentam dan mengkritik hampir semua

dasar Dr Mahathir. Projek Proton Saga, Kompleks Dayabumi, Jambatan Pulau Pinang dan sebagainya dikritik habis-habisan. Segala rahsia Kabinet didedahkan untuk memburuk-burukkan pentadbiran Dr Mahathir sehingga Kabinet terpaksa membenarkan Ketua Setiausaha Negara mendedahkan minit-minit mesyuaratnya untuk menerangkan kedudukan sebenar.

Perpecahan dalam UMNO - Team A dan B

Kempen 1987 benar-benar memperlihatkan perpecahan dalam UMNO. Ahli Majlis Tertinggi dan Kabinet berpecah kepada dua pasukan - Team A dan B. Pasukan Tengku Razaleigh-Musa disokong oleh pemimpin-pemimpin seperti Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Shahrir Samad, Datuk Rais Yatim, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Datuk Kadir Sheikh Fadzil, Datuk Rahmah Osman, Datuk Zainol Abidin Zin, Datuk Ajib Ahmad, Datuk Seri Adib Adam, Datuk Harun Idris, Puan Marina Yusof, Datuk Manan Othman, dan beberapa lagi. Menteri Kabinet dan Ahli Majlis Tertinggi yang benar-benar menyokong pasukan Mahathir-Ghafar Baba ialah Datuk Daim Zainuddin, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Sanusi Junid, Datuk Sabbaruddin Chik, dan beberapa Timbalan Menteri, Menteri Besar, dan Ketua Menteri.

Hampir satu bulan sebelum pemilihan, ahli UMNO dan bangsa Melayu menyaksikan pemimpin-pemimpin mereka cabar mencabar sehingga melewati tatasusila budaya bangsa Melayu. Bukan saja dasar dan kepimpinan parti yang dipertikaikan, soal-soal peribadi pemimpin juga turut dipolitikkan. Dr. Mahathir digambarkan sebagai seorang diktator, rasuah, tamak kuasa, rakus, pilih kasih dan sebagainya, seolah-olah tidak ada satu pun yang baik mengenainya. Semua kempen dihala untuk memburuk-burukkan Dr. Mahathir sehingga Datuk Rais Yatim sanggup membakar jambatan politiknya kerana yakin pakatan Tengku Razaleigh-Musa berjaya menjatuhkan Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir sedar pakatan Razaleigh-Musa hanyalah perkahwinan pura-pura kerana kedua-duanya mempunyai kepentingan yang berbeza. Perasaan syak wasangka dan saling tidak dipercayai di antara satu sama lain di antara Tengku Razaleigh dan Musa jelas wujud. Bahagian-bahagian yang diketahui menyokong Datuk Musa tidak semuanya mencalonkan Tengku Razaleigh sebagai Presiden. Bahagian Johor Bahru pimpinan Datuk Shahrir Samad umpamanya mencalonkan Datuk Musa sebagai Presiden UMNO dan Tengku Razaleigh sebagai Timbalan Presiden. Langkah Tengku Razaleigh lewat-lewatkan pengumumannya sama ada bertanding jawatan Presiden atau tidak, menyebabkan penyokong Datuk Musa

dalam keadaan tertanya-tanya apakah putera Kelantan itu mahu memerangkap Datuk Musa. Sekiranya Tengku Razaleigh bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden bermakna akan berlaku pertandingan tiga penjur. Ghafar Baba walaupun tidak menyatakan secara terbuka, sebagai Timbalan Perdana Menteri sudah pasti akan bertanding merebut jawatan kedua terpenting dalam UMNO. Bagi mengelak pertandingan tiga penjur, Datuk Musa awal-awal lagi mengumumkan beliau akan mempertahankan jawatannya dan bersedia menyokong Tengku Razaleigh merebut jawatan Presiden UMNO.

Bagi Datuk Musa, kerjasamanya dengan Tengku Razaleigh hanyalah sekadar menumpang tuah Tengku Razaleigh dan ini dinyatakannya ketika merasmikan mesyuarat UMNO Bahagian Gua Musang. Bagaimanapun hakikat sebenarnya beliau dan juga penyokong-penyokongnya tidak mahu Tengku Razaleigh menang kerana kemenangan Tengku Razaleigh bermakna lari daripada kandang harimau masuk ke lubang buaya. Matlamat beliau ialah mengekalkan jawatan Timbalan Presiden dengan harapan Tengku Razaleigh akan tewas. Persetujuan Tengku Razaleigh menentang Presiden adalah satu kemenangan bagi Datuk Musa. Dengan menentang Presiden bermakna Datuk Musa berjaya mengangkat kembali kedudukan Tengku Razaleigh sebagai musuh politik Dr. Mahathir. Di mata ahli-ahli UMNO, Datuk Musa berjaya membuktikan kepada Dr. Mahathir bahawa Tengku Razaleigh seorang pemimpin yang tidak boleh dipercayai. Yang penting bagi Datuk Musa, selepas pemilihan itu nanti ialah Dr. Mahathir akan menyingkir Tengku Razaleigh daripada kabinetnya. Bagi dirinya sendiri, jika berjaya mengekalkan jawatan Timbalan Presiden, bermakna laluan untuk menjadi Perdana Menteri kembali cerah. Sebaliknya bagi Tengku Razaleigh, beliau sedia berpakat dengan sesiapa sahaja asalkan matlamatnya menjadi Perdana Menteri tercapai. Beliau menunjukkan keikhlasannya menerima Datuk Musa dengan merasmikan mesyuarat UMNO Bahagian Segamat. Pakatan beliau dengan Datuk Musa tidak mempunyai apa-apa risiko politik malah satu penghormatan baginya kerana Datuk Musa secara tidak langsung sudah menerima Tengku Razaleigh sebagai calon Perdana Menteri.

Pakatan Mahathir-Ghafar sememangnya menghadapi tekanan yang amat berat ketika itu. Jentera pentadbiran kerajaan hampir diabaikan kerana kedua belah pihak menumpukan perhatian kepada kempen. Bagaimanapun, Dr Mahathir tetap tenang menghadapi krisis ini kerana beliau sedar pakatan Razaleigh-Musa bukanlah pakatan yang ikhlas. Walaupun penyokong-penyokong Razaleigh-Musa mencanangkan pakatan mereka di setiap kempen, kedua-dua pemimpin itu jarang kelihatan seiringan. Tengku Razaleigh tidak pernah menyanjung Datuk Musa dalam ceramah dan kempennya, begitu juga dengan Datuk Musa.

Ucapan-ucapan mereka hanya berkisar kepada menghentam kepimpinan Dr Mahathir.

Dr Mahathir tidak mempunyai banyak masalah untuk mematahkan hujah Razaleigh-Musa. Beliau dan Ghafar yang sepuluh tahun lebih tua daripada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa tidak bertindak menyerang balas, sebaliknya bermain dengan emosi ahli-ahli UMNO. Tanpa menyentuh soal-soal peribadi, Dr. Mahathir dan Ghafar Baba hanya perlu menggambarkan pakatan dua orang yang dulunya bermusuh itu sebagai pakatan orang yang tidak sabar untuk berkuasa. Malah dalam kempen-kempennya, Encik Ghafar meletakkan segala yang berlaku itu kepada Datuk Musa, kerana jika Datuk Musa tidak meletak jawatannya, perebutan yang memecahbelahkan UMNO itu tidak akan berlaku. Kempen-kempen Dr. Mahathir juga cuba mengelak daripada menyebut langsung nama Datuk Musa, seolah-olah Datuk Musa bukanlah ancamannya. Ketika merasmikan mesyuarat tujuh Bahagian UMNO Wilayah Persekutuan pada 22 Mac 1987, iaitu hari terakhir penerimaan pencalonan, Dr. Mahathir mengumumkan pencalonan Encik Ghafar Baba menentang Datuk Musa. Dalam ucapannya, Dr. Mahathir mencuit emosi ahli-ahli UMNO dengan menggambarkan Encik Ghafar sebagai tokoh UMNO yang penyabar. Katanya:

"Encik Ghafar sudah 25 tahun menjadi Naib Presiden UMNO, eloklah beliau menjadi Timbalan Presiden UMNO. Ganggu sedikit jika Timbalan Perdana Menteri tidak menjadi Timbalan Presiden UMNO. Yang lama tu (Datuk Musa) nak dikekalkan susah sedikit. Dia sudah letak jawatan kemudian nak bertanding lagi mempertahankan jawatannya. Mula dah letak jawatan, kemudian tarik balik, dan lepas itu buat angkara pula. Ini satu masalah jika beliau bertanding. Sungguhpun Encik Ghafar sudah lama jadi Naib Presiden UMNO, beliau tidak pernah kata mahu menjadi Timbalan Presiden. Baru inilah saya meminta ahli UMNO yang menjadi ahli perwakilan mengundinya sebagai Timbalan Presiden".

Pertandingan tahun 1987 menjadi rancak kerana turut menyaksikan persaingan sengit merebut tiga jawatan Naib Presiden UMNO dan ahli Majlis Tertinggi. Datuk Rais Yatim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dan Datuk Harun Idris mewakili pakatan Razaleigh-Musa manakala Datuk Wan Mokhtar Ahmad, Anwar Ibrahim, dan Datuk Seri Ramli Ngah Talib mewakili pasukan Mahathir-Ghafar. Seramai 69 calon bertanding merebut 25 kerusi Majlis Tertinggi. Datuk Seri Anwar hanya meletakkan jawatannya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO pada hari persidangan Pemuda dan Wanita bermula, setelah Timbalannya Datuk Najib Tun Abdul Razak membuat pengumuman terbuka menyokong pasukan Mahathir-Ghafar.

Keputusan pemilihan Majlis Tertinggi 24 April 1987 sememangnya mendebarkan. Dr Mahathir yang dicalonkan oleh 89 Bahagian cuma menang dengan 43 undi. Beliau mendapat 761 undi manakala Tengku Razaleigh yang dicalonkan oleh 37 Bahagian memungut 718. Bagi jawatan Timbalan Presiden, Encik Ghafar menang dengan 40 undi. Beliau mendapat 739 undi manakala Datuk Musa mendapat 699 undi. Selepas keputusan diumumkan kedengaran tuduh menuduh di antara penyokong Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Penyokong Tengku Razaleigh mendakwa kononnya 22 perwakilan Kelantan yang menyokong Datuk Musa tidak memberi undi kepada Tengku Razaleigh. Di kalangan penyokong Mahathir-Ghafar pula, kedengaran tuduhan kononnya Tengku Razaleigh membeli undi kerana kemenangan kecil Dr Mahathir tidak mencerminkan jumlah pencalonan yang diterimanya.

Bagi jawatan Naib Presiden pula, Datuk Seri Amar Wan Mokhtar Ahmad mendapat 935 undi, Datuk Abdullah Ahmad Badawi mendapat 879 dan Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat 850. Datuk Rais Yatim yang begitu lantang berkempen menyokong pasukan Razaleigh-Musa mendapat 690 undi, Datuk Seri Ramli yang menjadi calon regu Mahathir-Ghafar mendapat 667 undi dan Datuk Harun Idris mendapat 398 undi. Sementara keputusan pertandingan kerusi Majlis Tertinggi menunjukkan kejayaan terbesar pasukan Mahathir-Ghafar apabila 17 calon mereka berjaya. Dua orang penyokong kuat pasukan Razaleigh-Musa, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dan Datuk Adib Adam gagal mempertahankan kerusi mereka.

7 Peninggalan Datuk Musa

Datuk Musa dalam ucapan 'Selamat Tinggalnya' diakhir perhimpunan itu menerima kekalahannya dengan perasaan terbuka. Beliau mengakhiri ucapannya dengan meninggalkan pesanan 'jagalah UMNO baik-baik'. Beberapa pemimpin UMNO mentafsirkan pesanan Datuk Musa itu sebagai '*the vanquished is not the eternal loser*'. Ada pula menyifatkan pesanan 'jagalah UMNO baik-baik' sebagai amaran '*the battle has been lost, but the war is not over*'. Manakala Dr. Mahathir pula, dalam ucapan menggulung perbahasan membayangkan Kabinet yang bakal dilantiknya selepas pemilihan itu. Dengan membaca sumpah syarat utama menjadi anggota Kabinet ialah menyimpan rahsia kerajaan dan bukannya soal taat setia kepada Perdana Menteri.

Beliau juga memetik cerita *Aesop's fable* tentang seekor singa yang dilepaskan ke dalam gelanggang bersama seorang Kristian. Singa yang sepatutnya menerkam mangsanya tidak berbuat demikian kerana orang Kristian berkenaan pernah membantu mengeluarkan duri

daripada kaki singa itu. Malangnya kata Dr. Mahathir, itu cuma cerita dongeng. Cerita sebenarnya ialah apabila orang Kristian itu mencabut duri daripada kaki singa, maka singa itu berasa kuat lalu dia jerkah orang itu. Dr. Mahathir mengakhiri ucapannya dengan memetik kata-kata Mark Anthony sewaktu membaca talkin kepada Julius Ceaser yang berbunyi "Segala keburukan yang manusia buat akan kekal dalam ingatan manusia dan segala kebaikan akan ditanam bersama tulang." Mesej daripada cerita dan petikan ini amatlah jelas maknanya. Rombakan Kabinet selepas pemilihan 1987 memperlihatkan semua penyokong Tengku Razaleigh-Musa disingkirkan. Tiga menteri iaitu Datuk Abdullah Ahmad Badawi (Pertahanan), Datuk Shahrir (Kebajikan), dan Datuk Ajib (Jabatan Perdana Menteri) digugurkan. Sementara Tengku Razaleigh (Perdagangan) dan Datuk Rais (Luar Negara) meletakkan jawatan sebelum rombakan Kabinet diumumkan. Empat timbalan menteri turut digugurkan iaitu Datuk Kadir (Luar), Datuk Rahmah (Pengangkutan), Datuk Zainol Abidin Zin (Tenaga), dan Datuk Radzi (Perusahaan Utama).

Kekalahan dalam pemilihan 1987 tidak bermakna orang Tengku Razaleigh dan Datuk Musa berdiam diri. Di sana sini kedengaran tuduhan dilemparkan kepada Dr. Mahathir kononnya beliau mengamalkan politik cantas. Bagaimanapun, tuduhan itu tidak sukar ditepis oleh Dr. Mahathir yang mempertahankan keputusannya memilih anggota Kabinet dibuat berdasarkan sumpah rahsia. Kesemua mereka yang digugurkan telah membocor rahsia kerajaan ketika berkempen dan sedar akan risikonya berbuat demikian. Selain daripada alasan ini, perlantikan kabinet baru tentulah mengambil kira taat setia dan sokongan penyokong-penyokong Dr. Mahathir dan Ghafar.

UMNO Dibawa ke Mahkamah

Setelah gagal menumbangkan Dr Mahathir melalui Perhimpunan Agung, penyokong Tengku Razaleigh atau lebih dikenali dengan Kumpulan 11 mengemukakan saman di mahkamah pada 25 Jun 1987, mendakwa Perhimpunan Agung UMNO 24 April 1987 tidak sah kerana 53 cawangan yang tidak berdaftar turut menghantar perwakilan ke mesyuarat bahagian yang memilih perwakilan untuk ke Perhimpunan Agung. Kumpulan itu menuntut supaya mahkamah mengisytiharkan Perhimpunan Agung 24 April tidak sah dan batal. Mereka juga memohon mahkamah mengeluarkan perintah meminta UMNO dan Setiausaha Agungnya Datuk Seri Sanusi Junid mengadakan pemilihan perwakilan yang baru dan memanggil Perhimpunan Agung UMNO yang baru. Pada 1 September, Datuk Sanusi mengemukakan

permohonan meminta mahkamah mengeneipkan saman itu dengan mendakwa perhimpunan dijalankan mengikut peraturan, tetapi permohonannya ditolak.

Pada 26 September 1987, Jawatankuasa Khas ditubuhkan oleh Majlis Tertinggi untuk memujuk Kumpulan 11 menyelesaikan kes saman mereka di luar mahkamah. Mahkamah kemudiannya memberi tempoh 14 hari kepada Jawatankuasa Khas untuk menyelesaikan kes itu. Bagaimanapun, dalam beberapa pertemuan yang diadakan, Kumpulan 11 tidak menunjukkan sebarang tolak ansur malah dilaporkan mengemukakan pelbagai tuntutan yang di luar dugaan. Enam orang daripada kumpulan itu umpamanya bersetuju menarik balik saman mereka dengan syarat Presiden UMNO membuat kenyataan bahawa Perhimpunan Agung UMNO 24 April 1987 tidak menurut peraturan. Walaupun Jawatankuasa Khas menjelaskan kesan-kesan saman itu ke atas UMNO dan perpaduan orang Melayu, Kumpulan 11 tetap mahukan kes itu dibicarakan.

Selepas dua minggu perbicaraan berlangsung, pada 4 Februari 1988 Hakim Datuk Harun Hashim dengan berpandukan Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966, menjatuhkan hukuman yang UMNO adalah pertubuhan tidak sah kerana 30 cawangannya tidak didaftarkan. Keputusan ini sememangnya sudah dijangka oleh peguam kedua-dua belah pihak. Bagaimanapun, oleh kerana bukan keputusan itu yang dikehendaki maka Kumpulan 11 kemudiannya mengemukakan rayuan ke Mahkamah Agung untuk membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi supaya Perhimpunan Agung UMNO sahaja menjadi tidak sah, bukannya parti UMNO. Dalam proses inilah, nama Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abbas dikaitkan dengan krisis UMNO. Tun Salleh mendakwa pemecatannya ada kaitan dengan kes UMNO tetapi ini dinafikan oleh Dr. Mahathir. Yang di-Pertuan Agong berkenan melantik sebuah Tribunal yang turut dianggotai oleh Hakim dari Sri Lanka dan Singapura. Selepas keputusan Tribunal dipersembahkan, pada 8 Ogos 1988 Yang di-Pertuan Agong melucutkan jawatan Tun Salleh Abbas.

Di kalangan ahli UMNO, keputusan mahkamah mengharamkan UMNO adalah satu peristiwa pahit yang sukar diterima. Laporan akhbar dan televisyen menunjukkan ada veteran UMNO yang menangis kesedihan kerana peristiwa itu. Kumpulan 11 yang sebelum ini dianggap wira oleh Tengku Razaleigh mula dipersalahkan kerana membawa kes parti ke mahkamah. Pelbagai lapisan pemimpin UMNO baik di peringkat pusat mahupun negeri menyatakan perasaan kesal dan menyeru orang Melayu bersabar. Buat pertama kali dalam sejarah politik bangsa Melayu, parti yang memperjuangkan kemerdekaan negara mereka menjadi tidak sah. Timbul pelbagai tanda tanya mengenai kedudukan kerajaan, Kabinet, dan jawatan Perdana Menteri sendiri.

Bagaimanapun, lain halnya dengan Dr Mahathir yang sememangnya sudah menjangka keputusan mahkamah itu. Beliau muncul dalam sidang akhbar di pejabatnya pada 5 Februari dalam keadaan tenang dan penuh keyakinan. Beliau memulakan sidang akhbarnya dengan menjelaskan kedudukan kerajaan tidak terjejas dengan keputusan mahkamah mengharamkan UMNO. Katanya:

"Kerajaan hari ini masih wujud. Yang tidak wujud cuma UMNO saja. Kedudukan UMNO akan diselesaikan, tetapi yang penting sekarang ialah kerajaan masih wujud. Mengikut Perlembagaan Negara, pihak yang mendapat sokongan dan kepercayaan majoriti dalam Parlimen boleh ditonjolkan sebagai calon dan diterima sebagai Perdana Menteri. Kedudukan Perdana Menteri dan menteri-menteri tidak terjejas dan mereka bertungsi seperti biasa. Tidak wujud sebarang krisis dan apa yang dihadapi sekarang cuma satu masalah teknikal yang boleh diselesaikan".

Beliau kemudiannya menjawab soalan-soalan wartawan dengan tenang dan sekali-sekala berseoroh.

4. Penubuhan UMNO (Baru)

Pada 8 Februari, Dr. Mahathir dan kumpulannya mengemukakan permohonan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menubuhkan UMNO 88. Pada masa yang sama, Datuk Rais Yatim mewakili kumpulan Tengku Razaleigh dan Tunku Abdul Rahman mengemukakan permohonan menubuh UMNO Malaysia. Bagaimanapun, kedua-dua permohonan itu ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan kerana nama UMNO masih belum dikeluarkan daripada senarai daftar pertubuhan. Pada 12 Februari, Dr. Mahathir, Encik Ghafar Baba, Datuk Mohamad Rahmat, dan Datuk Paduka Daam Zainuddin selaku Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, dan Bendahari Jawatankuasa Penaja UMNO Baru menghantar permohonan menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru). Permohonan mereka diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 15 Februari 1988 dan mereka juga dibenar menggunakan singkatan UMNO sahaja. Pada 16 Februari, UMNO kembali menyertai Barisan Nasional dan Dr Mahathir dilantik semula sebagai pengerusinya. Dengan itu *status quo* UMNO kembali seperti sebelumnya. Selepas Jawatankuasa Penaja UMNO cawangan dan bahagian dibentuk, kempen mendatar keahlian dilancarkan di seluruh negara.

Penubuhan UMNO (Baru) dipertikaikan oleh kumpulan Tengku Razaleigh. Beliau menyalahkan Dr Mahathir kerana tidak menggunakan Seksyen 70 Akta Pertubuhan untuk memulihkan UMNO lama. Menurut Seksyen itu, Menteri Dalam Negeri boleh menggunakan

kuasanya untuk mengecualikan mana-mana pertubuhan daripada menjadi haram kerana cawangannya tidak didaftarkan. Seperti biasa, Dr Mahathir mempunyai jawapan untuk setiap persoalan. Katanya, beliau tidak mahu menggunakan Seksyen 70 bagi mengelakkan daripada tuduhan membatalkan keputusan mahkamah. Kalau kuasa itu digunakan, beliau mungkin juga dituduh tidak berlaku adil kerana parti yang diharamkan ialah UMNO.

Bagaimanapun, jawapan itu hanyalah jawapan politik. Sebab sebenar mengapa beliau tidak menggunakan kuasanya untuk memulihkan UMNO lama tidak sukar dimengertikan. Jika UMNO lama dihidupkan kembali melalui cara itu, bermakna UMNO saja yang sah tetapi Perhimpunan Agung 24 April 1987 tetap tidak sah dan jawatan Presiden yang dipegangnya juga tidak sah. Kalaupun Kumpulan 11 tidak kembali ke mahkamah membawa kes yang sama, kesahihan jawatan Presiden dan Perdana Menteri akan terus dipertikai dan dijaja ke seluruh negara sebagai modal politik sehingga perhimpunan akan datang. Sebaliknya dengan menubuhkan UMNO (Baru) yang menggunakan lambang dan perlembagaan yang hampir serupa, bermakna Dr. Mahathir akan dilihat sebagai penyelamat UMNO. Lagi pun Dr. Mahathir mahu peristiwa pengharaman UMNO dijadikan pengajaran untuk bangsa Melayu dan UMNO, kerana dengan cara ini Tengku Razaleigh dan penyokongnya akan kekal sebagai orang yang bertanggungjawab menyebabkan UMNO menjadi tidak sah.

Inilah hakikat yang pahit dan tidak boleh diterima oleh Tengku Razaleigh, Tunku Abdul Rahman, dan Tun Hussein Onn. Mereka tidak menerima UMNO yang dipulihkan oleh Dr Mahathir sebagai UMNO asal, sebaliknya meneruskan usaha memulihkan UMNO 46. Pada 1 April 1988, Tunku, Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, dan Datuk Manan Othman mengemuka permohonan ke mahkamah meminta perintah sementara menghalang UMNO (Baru) mendaftarkan ahlinya kerana kes rayuan Jawatankuasa Penaja UMNO Malaysia berhubung penolakan pendaftaran parti itu 10 Mac lalu belum selesai. Dalam permohonan itu, mereka menamakan Dr. Mahathir dan Datuk Mohamad Rahmat selaku Presiden dan Setiausaha Agung Jawatankuasa Penaja UMNO Baru sebagai defendan. Pada 12 April, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ajaib Singh menolak permohonan ketigatiga mereka dan memutuskan UMNO (Baru) sah didaftar mengikut Akta Pertubuhan 1966, dan usaha mendaftar ahli baru adalah hak, tujuan, dan inspirasi pertubuhan politik yang sah.

Melihat proses pendaftaran ahli UMNO yang semakin rancak, pada 8 April 1988 Datuk Musa mengeluarkan kenyataan menggesa UMNO (Baru) membuka keahliannya kepada semua ahli UMNO asal. Saranan beliau ini dijawab oleh Dr. Mahathir pada 11 April dalam

nada yang menyindir. Katanya, 'UMNO Baru terbuka kepada semua orang Melayu beragama Islam tetapi orang yang berusaha menghancurkan badan yang dianggotainya dan membahayakan pertubuhan akan diteliti dan mungkin ditolak. Semua orang Melayu berhak memohon tetapi adalah tidak benar semua orang Melayu akan diterima. Perkara ini tidak menjadi masalah kerana ada juga ahli-ahli UMNO termasuk saya sendiri pernah disingkir daripada parti'.

Pada 12 Mac, Dr. Mahathir mengeluarkan kenyataan yang lebih tegas iaitu UMNO (Baru) tidak akan menerima Tengku Razaleigh sebagai ahli. Sambil menyifatkan Tengku Razaleigh sebagai pengkhianat beliau menegaskan orang yang berusaha menubuhkan UMNO Malaysia juga tidak akan diterima sebagai ahli UMNO (Baru). Kenyataan Dr. Mahathir yang kasar dan keras ini bukanlah sekadar melepaskan cakap, tetapi mempunyai maksud tertentu. Beliau mahu mengekalkan semangat ahli-ahli UMNO (Baru) supaya terus melihat pakatan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa sebagai punca kepada pengharaman UMNO. Beliau menekankan aspek taat setia supaya orang Tengku Razaleigh tidak menyusup ke dalam UMNO (Baru) ketika proses penubuhan bahagian dan cawangan belum selesai. Pada masa yang sama kenyataan seperti itu akan meniup kemarahan Tengku Razaleigh dan ini terbukti apabila Tengku Razaleigh kemudiannya membuat pengumuman yang beliau tidak akan menyertai UMNO (Baru).

Bagi menyelamatkan UMNO (Baru) daripada mengalami nasib yang sama, serta bagi membolehkan harta UMNO lama dipindahkan kepada UMNO (Baru), pindaan Akta Pertubuhan 1966 dibentangkan di Parlimen dan diluluskan pada 19 Mac 1988. Pindaan Seksyen 12 (3) membolehkan pertubuhan yang berdaftar tetap sah walaupun ada cawangannya yang tidak sah. Manakala pindaan Seksyen 17B (1) pula membolehkan Pemegang Harta memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan perintah meletakkan hak harta, hutang, dan tanggungan pertubuhan lama kepada pertubuhan baru, setelah Pemegang Harta berpuas hati yang pertubuhan baru itu didaftarkan mengikut akta ini dan perlembagaan serta kaedah-kaedah pertubuhan baru itu serupa dengan pertubuhan lama yang dibatalkan, dan sebilangan besar anggota pertubuhan lama menjadi anggota pertubuhan baru.

Perhimpunan Agung UMNO Oktober 1988 mendedahkan strategi politik Dr Mahathir mengurus cabaran Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Kira-kira 10,000 perwakilan dan pemerhati menghadiri perhimpunan itu. Ucapan Presiden yang berkisar sekitar soal demokrasi, kekuatan UMNO, dan perpaduan Melayu menyemarakkan semangat perwakilan UMNO untuk berucap menentang golongan serpihan UMNO yang masih berjuang menghidupkan UMNO lama. Tengku

Razaleigh dan Datuk Musa dikritik habis-habisan dan dipersalahkan sebagai orang yang bertanggungjawab menyebabkan perpecahan UMNO. Strategi Dr. Mahathir yang tidak membenarkan kumpulan yang merosakkan UMNO menjadi ahli UMNO (Baru) di peringkat penubuhannya, berjaya menaikkan semangat perwakilan untuk mencurahkan perasaan marah mereka kepada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa di perhimpunan itu. Setelah perwakilan mencurahkan rasa marah masing-masing, Dr. Mahathir mengumumkan satu lagi strategi yang terus memerangkap kedua-dua musuhnya.

Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Ditawar Jawatan Kabinet

Ketika menggulung perbahasan di hari akhir perhimpunan, Dr Mahathir membuat dua pengumuman yang memeranjatkan semua perwakilan. Bagaimanapun, sebelum pengumuman itu dibuat, beliau dengan suara yang rendah meminta maaf kepada perwakilan jika pengumuman yang akan beliau buat itu tidak disukai mereka. Pengumuman pertama ialah UMNO membuka pintu keahliannya kepada semua orang Melayu termasuk Kumpulan 11 yang membawa kes UMNO ke mahkamah. Pengumuman kedua dibuat atas sifatnya sebagai Perdana Menteri dengan menawarkan jawatan Menteri Tak Berfotfolio kepada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam. Kedua-dua pengumuman ini disambut dengan tepukan gemuruh dan perwakilan kemudiannya berdiri memberi penghormatan kepada Presiden.

Pengumuman ini adalah strategi politik Dr Mahathir untuk memerangkap musuhnya. Beliau bermain dengan psikologi dan emosi perwakilan untuk menebar jaringnya yang bakal mematikan akal dan langkah Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Kedua-dua pengumuman itu menjadikan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang unggul dan seorang negarawan yang cintakan perpaduan. Tidak ada apa-apa lagi yang boleh diperkatakan oleh Tengku Razaleigh dan Datuk Musa kerana Dr Mahathir bukan saja membuka pintu UMNO seluas-luasnya, malah menjemput kedua-dua mereka menyertai Kabinetnya. Sekaligus segala kritikan kedua-dua musuhnya dijawab dengan dua pengumuman yang pahit untuk ditelan oleh mereka.

Dari sudut perpaduan UMNO, tawaran ini melambangkan kesungguhan Dr Mahathir membawa semua bekas ahli UMNO pulang ke pangkuan UMNO. Tetapi dari sudut politik, tawaran jawatan kabinet kepada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa meletakkan kedua-dua mereka dalam keadaan serba salah. Kalau tawaran itu diterima, mereka terpaksa memohon menjadi ahli UMNO (Baru) terlebih dahulu sedangkan kedua-duanya tidak menerima UMNO (Baru). Kalau ditolak, bermakna mereka menolak tawaran perdamaian. Bagaimanapun, bagi

Tengku Razaleigh dan Datuk Musa, tawaran itu tidak ada apa-apa yang menarik. Cuma yang menarik ialah melihat reaksi kedua-dua mereka terhadap tawaran itu.

Datuk Musa, atas sifatnya yang gopoh terus menghantar surat penolakan kepada Dr Mahathir walaupun Dr Mahathir cuma membuat tawaran mulut. Surat penolakan itu turut dihantar kepada media massa. Razaleigh lebih bijaksana dalam hal ini dan tidak melayani tawaran itu kerana beliau tidak menerima apa-apa surat tawaran rasmi daripada Dr. Mahathir. Walaupun surat Datuk Musa dengan jelas menolak tawaran itu, tetapi Dr. Mahathir ketika ditanya wartawan menafikan yang Datuk Musa menolaknya. Katanya, surat Datuk Musa tidak pun menjelaskan beliau menerima atau menolak tawaran itu. Dr. Mahathir kemudiannya mengulangi tawaran itu dan berkata jawatan Menteri Tak Bertanggungjawab untuk kedua-dua mereka masih terbuka kerana tidak ada had tempoh yang ditetapkan.

Mengapakah Dr. Mahathir menafikan berita Datuk Musa menolak tawarannya sedangkan surat Datuk Musa dengan jelas menolak tawaran itu? Sebenarnya Dr. Mahathir mempunyai perkiraan politiknya sendiri. Musuh politik beliau ialah Tengku Razaleigh, bukannya Datuk Musa. Dalam menangani cabaran politik seperti ini, Dr. Mahathir sedar beliau tidak mampu mempunyai dua musuh politik yang masing-masing mempunyai pengaruh yang sama. Strategi beliau ialah membawa Datuk Musa kembali ke pangkuan UMNO supaya mudah baginya menangani Tengku Razaleigh seorang. Justeru itu, tindakannya menafikan berita Datuk Musa menolak tawarannya semata-mata bertujuan mengelirukan penyokong Razaleigh dan Musa.

Bagi Tengku Razaleigh dan penyokongnya, kenyataan Dr Mahathir itu menunjukkan seolah-olah Datuk Musa tidak mempunyai pendirian. Manakala bagi Datuk Musa dan penyokongnya pula melihat kenyataan itu sebagai kesungguhan Dr. Mahathir untuk menerima Datuk Musa kembali. Datuk Musa juga sedar strategi politik Dr. Mahathir ialah membawa beliau kembali ke pangkuan UMNO supaya Tengku Razaleigh keseorangan di luar. Strategi ini secocok dengan hasrat Datuk Musa sendiri. Bagaimanapun, bagi menjaga maruah dirinya, Datuk Musa terpaksa memilih cara terbaik untuk menyertai semula UMNO. Caranya ialah melalui Perhimpunan Melayu Johor yang diadakan pada 18 Disember 1988 yang meluluskan enam resolusi, termasuk mendesak Datuk Musa dan penyokongnya menyertai UMNO (Baru). Pada 24 Januari 1989, negara dikejutkan dengan berita Dr. Mahathir menjalani pembedahan jantung. Peristiwa ini sedikit sebanyak mempercepatkan Datuk Musa membuat keputusan menyertai UMNO. Seminggu selepas Dr Mahathir menjalani pembedahan, Datuk Musa mengeluarkan kenyataan menyertai semula UMNO bersama beberapa penyokongnya.

Walaupun Datuk Musa cuba mengasingkan keputusan beliau dengan pembedahan jantung Dr. Mahathir, dari segi percaturan politik langkah Datuk Musa itu memanglah tepat sekali. Pelbagai kemungkinan boleh berlaku daripada pembedahan itu dan seandainya Dr. Mahathir ditakdir mati ataupun mengambil keputusan bersara maka peluang untuk Datuk Musa kembali ke puncak pimpinan UMNO amatlah cerah sekali. Oleh itu, amatlah perlu sekali Datuk Musa kembali menganggotai UMNO. Selepas menyertai UMNO sebagai ahli yang ke 1,050,001, Datuk Musa dilantik menjadi Duta Khas Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ada sumber yang menyatakan Datuk Musa pada mulanya meminta jawatan Menteri Luar, tetapi tidak diterima oleh Dr. Mahathir.

Sementara itu, Tengku Razaleigh terus dengan cita-citanya untuk memulihkan UMNO lama. Pada 7 Disember 1988, beliau membentangkan rang undang-undang persendirian bagi membawa ke belakang tarikh kuatkuasa pindaan Akta Pertubuhan 1966 yang diluluskan pada 19 Mac, kepada 1 Januari 1987. Jika usul beliau ini berjaya, bermakna UMNO yang diisytiharkan haram pada 4 Februari 1987 dapat dihidupkan semula. Dewan yang bersidang hingga jam 9.30 malam membuat undi secara belah bahagian dengan 108 Ahli Parlimen menentang dan 35 menyokong. Datuk Musa yang ketika itu belum menyertai UMNO (Baru) mengundi menyokong usul Tengku Razaleigh.

Tengku Razaleigh sedar rang undang-undang persendirian itu tidak akan berjaya kerana beliau tidak mempunyai undi majoriti di Parlimen. Beliau juga sedar Parlimen tidak boleh menghidupkan UMNO lama kerana Parlimen tidak ada kuasa untuk membatalkan UMNO (Baru). Sebagai ahli politik yang berpengalaman, Tengku Razaleigh juga sedar Parlimen tidak boleh bertindak sebagai Mahkamah Rayuan untuk membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengharamkan UMNO. Bagaimanapun, Tengku Razaleigh terpaksa mengemukakan rang persendirian kerana inilah satu-satunya cara untuk membersihkan namanya daripada dituduh sebagai orang yang bertanggungjawab menyebabkan UMNO haram. Walaupun gagal, Tengku Razaleigh boleh menggunakan kegagalan itu bagi membuktikan kepada seluruh rakyat bahawa beliau benar-benar berusaha untuk menghidupkan semula UMNO lama, tetapi digagalkan oleh Dr. Mahathir dan penyokongnya. Setelah segala usaha memulihkan UMNO lama gagal, Tengku Razaleigh dan penyokong-penyokongnya menubuhkan Parti Semangat 46.

Pilihanraya Oktober 1990 bolehlah dijadikan tarikh berakhirnya krisis UMNO. Tengku Razaleigh selaku Presiden Semangat 46 muncul sebagai pemimpin yang mengetuai barisan pembangkang menentang UMNO dan Barisan Nasional. Walaupun bekerjasama dengan Pas,

DAP, dan berjaya memujuk Parti Bersatu Sabah (PBS) supaya menikam Barisan Nasional daripada belakang, Tengku Razaleigh dan barisan pembangkangnya gagal mengguling kerajaan Barisan Nasional. Barisan Nasional menang 127 kerusi Parlimen dengan UMNO mendapat 71 kerusi. Semangat 46 cuma memenangi lapan kerusi Parlimen semuanya di Kelantan. Orang kuat Semangat 46 termasuk Datuk Rais Yatim yang bertanding luar daripada Kelantan semuanya kalah. Selepas pilihanraya, dua daripada Ahli Parlimen Semangat 46 menyertai UMNO. Tengku Razaleigh kekal sebagai Ahli Parlimen Gua Musang tetapi terpaksa menyerahkan jawatan Menteri Besar Kelantan kepada Pas. Sementara kemenangan PBS di Sabah tidak memberi apa-apa keuntungan kepada Semangat 46.

Demikian sejarah krisis UMNO 1987-90 memperlihatkan kebijaksanaan dan kecekapan Dr Mahathir mengurus krisis demi krisis yang berakhir dengan kejayaan memihak kepadanya. Kekuatan Mahathir bukan terletak kepada penyokongnya tetapi kebijaksanaannya mengatur strategi politik. Beliau tidak bertindak gopoh dan terburu-buru sebaliknya membaca suasana dengan teliti sebelum membuat sesuatu keputusan. Seandainya beliau bertindak gopoh, barangkali surat perletakan jawatan Datuk Musa tahun 1984 sudah lama menjadi pengetahuan umum. Cara beliau menguruskan krisis jauh berbeza dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain. Tidak seorang pun musuh politiknya dipecat daripada UMNO sebaliknya beliau mengurus dan berdepan dengan mereka untuk mencari kejayaan yang lebih besar. Demikianlah pemimpin yang bijak tidak akan menggunakan kuasa, tetapi akal untuk menghadapi musuhnya. Beliau berperang bukan untuk menghapuskan musuhnya tetapi menawan mereka untuk dijadikan pengikutnya. Yang malang ialah Datuk Musa kerana ketika Tengku Razaleigh tidak lagi menjadi ahli UMNO, beliau juga bukan lagi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Sementara Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn pulang ke rahmatullah sebelum sempat menyertai semula UMNO. Sesungguhnya terlalu banyak pengajaran yang boleh dipelajari daripada krisis ini.

26 Disember, 1991

PEMILIHAN UMNO 1987 SEBAGAI MANIFESTASI PERTENTANGAN DUA ALIRAN*

Mohd Nor Nawawi**

Pendahuluan

Kalau kita meneliti berita-berita akhbar dan media yang lain, akan terasa kepada kita bahawa fokus perhatian umum sekarang ialah 24 April 1987 – tarikh berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO, parti yang menjadi tulang belakang kerajaan. Bukan sahaja ahli-ahli UMNO dan penganalisa politik yang sibuk berkempen, lobi-melobi, dan bertegang leher menegakkan pendapat masing-masing, parti-parti pembangkang dan orang yang sebelum ini tidak meminati politik pun turut terbabit.

Bukan sahaja hotel dan restoran besar dijadikan tempat berkempen, lobi-melobi dan berbahas tentang perkembangan politik UMNO yang semakin mendebarkan, warung burger turut jadi gelanggang. Pelbagai andaian dan tafsiran dibuat bagi menyokong pembahagian pertandingan itu kepada Kumpulan Datuk Musa-Tengku Razaleigh dan Kumpulan Datuk Seri Dr Mahathir-Encik Ghafar Baba.

Seorang rakan yang pro-Tengku Razaleigh membuat analogi yang menarik berdasarkan slogan “perubahan” yang dipopularkan oleh Kumpulan Musa-Tengku Razaleigh. Katanya, UMNO sekarang ibarat budak-budak sekolah swasta yang mengambil peperiksaan STPM. Kalau belajar dengan satu kumpulan guru sebelum ini mereka hanya mampu mendapat tiga prinsipal, apa salahnya mencuba pula belajar dengan guru-guru lain, untung-untung boleh dapat lima prinsipal.

Atas andaian inilah sekarang kumpulan yang mahukan perubahan sibuk berkempen menentang Dr. Mahathir. Kumpulan Musa-Tengku Razaleigh dan beberapa kalangan, termasuk parti pembangkang dan pertubuhan-pertubuhan sosial, kini seolah-olah cuba menganjurkan

* Rencana ini tersiar dalam *Berita Harian*, Rabu, 1 April 1987.

** Profesor Madya Dr Mohd Nor Nawawi adalah Pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa.

satu pandangan umum (*public opinion*) yang menyeleweng daripada hakikat yang sebenar dengan cara memalsukan fakta dan memutarbelitkan hujah.

Bagi mereka masalah kelembapan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang adalah disebabkan salah urus, salah perancangan, dan kelemahan pentadbiran kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dengan kata lain, kelembapan ekonomi yang kita rasakan sekarang adalah kerana kesalahan Dr. Mahathir kerana ia berlaku pada zaman pemerintahannya. Hujah ini diperkuatkan lagi dengan pembongkaran apa yang dianggap sebagai penyelewengan dan projek-projek mewah pada zaman Mahathir.

Sekali imbas memang ada logiknya, tetapi apabila dihalusi, ternyata pandangan yang sedemikian tidak dapat dipertahankan. Kelembapan ekonomi negara sekarang bukan disebabkan oleh kepimpinan Dr Mahathir. Ia disebabkan oleh faktor-faktor luaran dan dalaman. Faktor luarannya ialah kesan kelembapan ekonomi dunia secara keseluruhan, di mana akibat pemakaian sistem ekonomi kapitalisme dan permainan kuasa-kuasa besar, hampir semua negara membangun, termasuk Malaysia, turut terbabit dan menerima kesan buruknya.

Masalah kelembapan ekonomi dunia ini ditambah oleh masalah perancangan dan belanjawan negara-negara membangun sebagai faktor dalamannya. Jadi, masalah ini sebenarnya tidak wajar dibebankan kepada Perdana Menteri seorang, tetapi perlu ditundingkan kepada seluruh anggota kabinet dahulu dan sekarang. Ini kerana secara logiknya, kelembapan ekonomi tidaklah berlaku dengan tiba-tiba. Sesuatu gejala yang berlaku itu tidak terlepas daripada ketentuan Tuhan dan hukum sebab akibat.

Jelas ianya berlaku disebabkan perbuatan-perbuatan dan amalan-amalan pada masa yang lepas, di samping amalan-amalan masakini. Jika kita dapat menerima fakta bahawa sesuatu fenomena buruk itu disebabkan salah urusan, silap perancangan, dan kelemahan pentadbiran dan hakikat bahawa apa yang berlaku hari ini adalah disebabkan keadaan-keadaan masa lepas, yakinlah kita bahawa gejala kemelesetan ekonomi pada zaman Dr. Mahathir juga adalah disebabkan amalan-amalan beberapa tahun sebelumnya. Dengan kata lain, Dr. Mahathir hanya mewarisi masalah-masalah yang berlaku sekurang-kurangnya sejak Tun Hussein Onn dan Tun Abdul Razak.

Warisi Masalah

Dalam perjalanan pemerintahan, walaupun Perdana Menteri adalah orang nombor satu yang boleh memutuskan arah (*direction*) negara, "tugas" menteri-menteri Kabinet lain juga tidak dapat diketepikan

begitu sahaja. Dalam konteks perancangan pembangunan ekonomi dan belanjawan negara, orang yang bertanggungjawab secara langsung ialah Menteri Kewangan. Jika kita menerima fakta dan andaian di atas, bahawa kesalahan juga harus dipertanggungjawabkan kepada "orang di zaman sebelum ini", maka orang itu tidak lain daripada Tengku Razaleigh sendiri.

Beliau menjadi Menteri Kewangan selama lapan setengah tahun sejak tahun 1976 hingga ke pertengahan tahun 1984. Oleh itu, Datuk Paduka Zainuddin hanya mewarisi masalah-masalah kewangan dan belanjawan di zaman Tengku Razaleigh. Masa dua setengah tahun tentulah belum mencukupi bagi beliau untuk menyelesaikan semua masalah yang diwarisinya.

Sebenarnya dakwaan Tengku Razaleigh bahawa pada zaman beliau menjadi Menteri Kewangan dahulu tidak berlaku sebarang isu kontroversi dan rasuah yang membabitkan namanya mudah dipertikaikan. Semua orang tahu bahawa skandal-skandal besar penipuan kewangan seperti BMF dan penyelewengan institusi-institusi kewangan yang lain berlaku di zaman Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan. Ambil saja contoh BMF yang dibongkar pada penghujung tahun 1983 dan pembunuhan Jalil Ibrahim di Hong Kong.

Penyelewengan dan penipuan dalam urusan Bumiputra Malaysian Finance di Hong Kong telah dilakukan sejak tahun 1980 atau mungkin lebih awal lagi. Jadi, bagaimanakah Tengku Razaleigh dapat dengan mudah menyatakan bahawa pada zamannya tidak berlaku apa-apa kontroversi dan penyelewengan.

Ada tuduhan nakal yang menyatakan bahawa Perdana Menteri sendiri kononnya turut terbabit sama, tetapi ia belum dan tidak dibuktikan secara konkrit dan hanya menjadi "cakap-cakap politik" penyebar fitnah yang hanya berani "lempar batu sembunyi tangan" sahaja. Tetapi jika ada orang yang masih berpendapat bahawa Dr. Mahathir juga mungkin terbabit, kenapa beliau begitu berani mendedahkan penyelewengan-penyelewengan seumpama itu?

Siapa yang cuba menyekat pengeluaran laporan Jawatankuasa Penyiasatan Tan Sri Ahmad Noordin, Dr. Mahathir atau Encik Daim? Jawabnya bukan Dr. Mahathir dan bukan juga Encik Daim. Yang kita ingat ialah percubaan menyekat laporan jawatankuasa itu berlaku ketika Dr. Mahathir melawat ke luar negara.

Belum kedengaran di mana-mana bahagian di dunia ini orang sanggup membongkar skandal-skandal yang juga membabitkan dirinya sendiri, kecuali selepas itu dia hendak membunuh diri. Bahkan Perdana Menteri lah yang memberikan arahan supaya semua kegiatan rasuah, penipuan dan penyelewengan yang berlaku pada zaman sebelumnya dan pada zamannya dibongkar. Beliau lah yang mendedah-

kan kegiatan politik wang (*money politics*) di kalangan pemimpin dan ahli UMNO semata-mata untuk melaksanakan dasar-dasar *Bersih, Cekap dan Amanah: Kepimpinan Melalui Teladan*, dan *Penerapan Nilai-Nilai Islam*. Dasar-dasar itu terus dilaksanakan oleh Dr Mahathir demi 'survival' bangsa dan negara walaupun mendapat tentangan dan cemuhan daripada sesetengah anggota kabinet yang kini berpakat pula menentanginya. Bagi orang yang mengikut perkembangan politik Datuk Musa dan Tengku Razaleigh secara mendalam, penentangan Musa-Tengku Razaleigh terhadap Dr. Mahathir hanyalah disebabkan krisis peribadi. Tengku Razaleigh sakit hati dengan Dr. Mahathir kerana menyokong dan memenangkan Datuk Musa dalam pertarungan merebut kerusi Timbalan Pengerusi UMNO pada 1984. Sebaliknya seperti mana yang didedahkan baru-baru ini, perletakan jawatan Datuk Musa pula disebabkan perasaan kecil hatinya terhadap Dr. Mahathir yang terus mengekalkan Tengku Razaleigh dalam susunan kabinetnya dan memberi peluang kepada pemimpin muda seperti Anwar Ibrahim.

Musuh Politik

Bagi Datuk Musa, Tengku Razaleigh adalah 'rival' (saingan) dan musuh politik yang paling berbahaya. Ini berdasarkan sokongan yang masih kuat terhadap Tengku Razaleigh dalam pemilihan UMNO 1984, walaupun banyak bulu sayapnya dicabut.

Dalam pemilihan tahun 1984, walaupun Tengku Razaleigh hanya mendapat sembilan pencalonan bagi merebut kerusi Timbalan Presiden, beliau berjaya meraih 501 undi, berbanding Datuk Musa walaupun mendapat 94 pencalonan, tetapi mampu menarik 744 undi sahaja. Itu pun kerana beliau (Datuk Musa) mendapat sokongan terbuka dan bulat daripada Dr. Mahathir. Tengku Razaleigh juga, bagi Datuk Musa, bukanlah calang-calang orang, kerana seimbab lalu, dari satu segi, beliau adalah seorang ahli perniagaan dan perancang ekonomi yang agak berjaya. Oleh itu, bagi Datuk Musa, sekiranya Tengku Razaleigh masih diberi peluang berada dalam kabinet, masa depannya sebagai bakal pengganti Dr. Mahathir belum benar-benar selamat.

Datuk Musa memang tidak dapat bekerjasama dengan Tengku Razaleigh sejak dahulu lagi. Sebagai seorang ahli sains politik, beliau tentulah sedikit sebanyak terpengaruh dengan teori 'zero-sum game', iaitu pengaruh musuh politiknya dianggap boleh mengurangkan pengaruh politiknya sendiri. Oleh kerana Datuk Musa telah berjaya mengalahkan Tengku Razaleigh dua kali dalam pemilihan Timbalan Presiden, Datuk Musa berpendapat kemenangannya itu boleh dijadikan alasan untuk menyingkirkan musuhnya. Tetapi apabila Dr. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh, Datuk Musa mula berasa tercabar.

Dr. Mahathir mengekalkan bekas Menteri Kewangan itu dalam kabinet kerana pengaruhnya yang masih kuat di kalangan ahli-ahli UMNO ketika itu.

Sebenarnya Datuk Musa tahu bahawa sekiranya beliau sanggup bersabar beberapa tahun lagi, jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO itu akan diturunkan kepadanya mengikut tradisi UMNO. Tetapi Datuk Musa juga melihat masa depannya yang semakin dilapisi kabus kerana pengaruh Tengku Razaleigh terus berkembang secara diam-diam. Datuk Musa juga sudah dapat mengesan sesuatu yang berbahaya bagi masa depannya. Apa lagi dengan kehadiran Anwar Ibrahim yang begitu cepat popular di kalangan ahli UMNO, terutama generasi muda. Ketakutan ini rupanya bukanlah ketakutan Datuk Musa seorang, tetapi ketakutan beberapa tokoh lain yang baru dan sedang berusaha mengukuhkan tapak masing-masing. Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Shahril Samad, Datuk Ajib Ahmad, Datuk Rais Yatim, Datuk Radzi Shaikh Ahmad, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Zainal Abidin Zin, Puan Marina Yusof dan beberapa yang lain turut berada dalam dilema dan 'tidak senang duduk'.

Menghalang

Dalam kes ini, contoh yang paling ketara ialah Datuk Abdullah Ahmad Badawi, calon '*favourite*' bakal "pengganti" Datuk Musa. Semua orang tahu pendiriannya apabila Tengku Razaleigh mengumumkan bahawa seramai enam orang Menteri sudah sanggup "menganggur" sekiranya "kumpulan kami" tewas dalam pemilihan kali ini. Bagi Datuk Musa, Datuk Abdullah Ahmad Badawi ialah satu-satu tokoh yang layak diketepikan untuk menghalang Anwar Ibrahim yang datang dari negeri yang sama itu.

Jelasnya, krisis peribadi ini berjaya dimanifestasikan oleh Datuk Musa Hitam dalam bentuk dan tujuan kepentingan bersama. Atas dasar kepentingan bersamalah juga Datuk Musa kini sanggup berkompromi dengan Tengku Razaleigh, musuh ketatnya. Mereka sanggup "melupakan" buat sementara segala pertelingkahan dan sakit hati masa lalu, semata-mata untuk '*survival*' politik masing-masing. Bagi kedua-dua, kekuatan Dr. Mahathir memang sukar digugat secara persendirian. Mereka berdua saling "menumpang tuah" antara satu sama lain. Datuk Musa menggunakan Tengku Razaleigh sebagai regunya untuk menarik perhatian ahli-ahli UMNO terhadap apa yang disebutkan sebagai "kesalahan" Dr. Mahathir. Tengku Razaleigh pula menggunakan Datuk Musa untuk mengukuhkan pengaruhnya menentang Dr. Mahathir. Dengan mewujudkan satu pakatan dan mengheret lebih ramai penyokong masing-masing, mereka berharap Dr. Mahathir dan penyokongnya dapat ditumbangkan.

Datuk Musa Untung Jika Tengku Razaleigh Kecundang

Walaupun Datuk Musa Hitam, sebagai Timbalan Presiden UMNO, telah menghulurkan tangan persahabatan dan memeluk erat Tengku Razaleigh Hamzah, beliau mungkin mempunyai strateginya sendiri. Pemerhati-pemerhati politik sekian lama memberi amaran agar tidak memperkecil-kecilkan kepandaian Datuk Musa bermain politik.

Dengan mengharapkan Tengku Razaleigh bertanding menentang Dr. Mahathir bagi kerusi Presiden, Datuk Musa mungkin sudah menduga kekalahan regunya. Seandainya Tengku Razaleigh kecundang, laluan mungkin lebih mudah bagi beliau dan penyokong-penyokong beliau.

Sebenarnya kedua-dua mereka dan lebih-lebih lagi penyokong-penyokong mereka tetap saling curiga mencurigai antara satu sama lain. Jika tidak, masakan UMNO Bahagian Johor Bharu pimpinan Datuk Shahrir Samad mencalonkan Datuk Musa sebagai Presiden dan Tengku Razaleigh sebagai Timbalan. Ketidakpercayaan orang-orang Datuk Musa terhadap Tengku Razaleigh memang berasas memandang hingga ke saat rencana ini ditulis. Tengku Razaleigh belum membuat pengumuman rasmi untuk bertanding melawan Dr. Mahathir. Jelasnya bahawa mereka sebenarnya sedang melakonkan satu babak politik "pakatan sementara" demi "kepentingan bersama" pula!

Pertentangan Aliran

Bagaimanapun, melihat kepada komitmen hampir satu per dua daripada 14 kerusi Kabinet dan tiga orang timbalan menteri yang memihak kepada pakatan Musa-Tengku Razaleigh (sehingga rencana ini ditulis), pertentangan atau krisis peribadi dan kepentingan bersama itu kini seolah-olah mencetuskan pertembungan dua aliran yang berlainan arah dalam parti orang Melayu yang terbesar itu. Dua aliran yang dimaksudkan itu ialah kumpulan Musa-Tengku Razaleigh yang kononnya mendokong faham kebangsaan (nasionalisme) tulen dan kumpulan Dr Mahathir yang mewakili cita-cita Islam dengan segala ciri-ciri kemampuannya dalam UMNO.

Regu Musa-Tengku Razaleigh juga nampaknya bersatu atas dasar "persamaan tujuan" untuk menjatuhkan Dr Mahathir dengan berselindung di sebalik premis "kebangsaan tulen demi perjuangan bangsa". Mereka cuba menyembunyikan motif asal untuk "kepentingan bersama", berkompromi kononnya untuk mengembalikan tradisi UMNO sebelum ini. Apabila kumpulan Musa-Tengku Razaleigh berhujah untuk mengembalikan tradisi UMNO pada zaman Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, mereka sebenarnya merujuk

kepada aliran yang didokong oleh kedua-dua tokoh itu. Secara lebih terang lagi, aliran yang dimaksudkan ialah di segi pendekatan mereka terhadap agama Islam. Kumpulan Musa-Tengku Razaleigh sebenarnya mahu mengekalkan gaya dan imej Islam pada zaman Tunku dan pengikut-pengikutnya sesudah itu. Aliran Islam seumpama itu amat terbatas ruang lingkupnya kepada soal-soal ibaat (ritual) dan upacara-upacara tertentu yang memang selaras dengan aliran dan pendekatan Islam yang kini didokong oleh kumpulan Musa-Tengku Razaleigh.

Islam dalam tafsiran yang sempit itu tidak akan menggugat sesiapa, hatta pemimpin-pemimpin yang menyeleweng dan tidak berakhlak. Dalam hal ini, semua orang tahu bahawa kumpulan Musa-Tengku Razaleighlah yang lebih teruk. Ini berdasarkan kepada beberapa pendedahan yang konkrit dan bukti-bukti yang nyata oleh penulis-penulis buku politik UMNO sebelum ini. Itu pun masih banyak lagi yang belum dibongkar. Tulisan-tulisan dan siaran gambar-gambar itu nampaknya belum dapat dijawab dan dinafikan oleh Musa-Tengku Razaleigh. Dalam dunia penerbitan dan media massa, sekiranya sesuatu itu tidak dijawab atau dinafikan secara terbuka dan konkrit (bukan sekadar sumpah-sumpah Al-Quran secara sambil lewa), ia tetap sah dan dapat dipakai sebagai rujukan.

Dalam falsafah budaya Melayu, perangai menunjukkan budi. Jelasnya percakapan, tingkah laku dan amalan seseorang itu mencerminkan sikap dan pendiriannya. Orang Melayu terkenal dengan sikap berbudi bahasa dan lemah lembutnya. Tetapi Datuk Musa mempunyai pendirian yang berbeza. Beliaulah orang pertama yang menyarankan supaya orang Melayu bersikap "kurang ajar" jika mereka ingin maju.

Hujah Datuk Rais Yatim bahawa tujuan Datuk Musa itu hanyalah untuk menggiatkan semangat orang Melayu supaya lebih progresif tidak tepat sama sekali. Orang Melayu tidak perlu bersikap "kurang ajar" kerana mereka mempunyai saluran dan masih mempunyai ruang untuk membuat secara beradab dan membina jika inginkan kemajuan. Sikap "kurang ajar" yang cuba dikembangkan oleh Datuk Musa ini bukan asalnya daripada budaya Melayu, malah ia jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam yang menjadi darah daging dan identiti bangsa Melayu selama ini. Barangkali sikap kurang ajar kerana sikap kurang sabar itu ada pada Datuk Musa sendiri.

Kumpulan Musa-Tengku Razaleigh juga seolah-olah turut menentang dasar Penerapan Nilai-nilai Islam atas dua sebab. Pertama Musa-Tengku Razaleigh dan orang-orangnya tidak pernah menyokong dan jauh sekali mendokong dasar itu secara terbuka. Kedua, mereka jugalah antara orang-orang kerajaan yang mengkritik dasar-dasar kerajaan pimpinan Dr Mahathir, termasuklah dasar Penerapan Nilai-

nilai Islam, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, dan Kepimpinan Melalui Teladan melalui ucapan-ucapan sinis mereka di mana-mana. Isu muzakarah UMNO-PAS misalnya cuba ditenggelamkan oleh kumpulan Musa-Tengku Razaleigh sebab mereka sedar jika ia menjadi kenyataan, apa lagi menjelang pemilihan UMNO kali ini, ia pasti akan meng-untungkan regu Dr Mahathir.

Secara tidak langsung, pertentangan kedua-dua aliran ini juga dibayangi oleh ketakutan mereka (Musa-Tengku Razaleigh) terhadap diri sendiri. Merekalah yang berkempen mahukan satu "perubahan secara besar-besaran" sekiranya "kumpulan kami" menang nanti. Perubahan apakah yang mereka maksudkan selain daripada perubahan dasar-dasar itu?

Bukankah Tengku sendiri pernah berkata bahawa UMNO sekarang sudah menyimpang daripada haluan dan matlamat mereka sebelum ini, terutama dari segi agama dan Islam pada zaman beliau dahulu? Ber-dasarkan realiti sikap mereka dan susunan masa kini, mereka mungkin tidak akan mengubah nama dasar-dasar itu. Sekurang-kurangnya sebagai satu slogan, sesuai dengan sikap, kehendak, dan bawaaan peri-badi mereka.

Dari satu segi yang lain, siapalah Musa-Tengku Razaleigh dalam konteks penerapan nilai-nilai Islam pada pandangan umum. Jelaslah bahawa perubahan yang mereka maksudkan ialah perubahan dalam pelaksanaan dasar-dasar itu kerana cara perlaksanaannya sekarang tidak menguntungkan politik mereka. Tetapi kumpulan Musa-Tengku Razaleigh juga bijak berpolitik. Mereka mengambil isu-isu lain seperti kelembapan ekonomi dan diktator supaya penentangan mereka terhadap dasar-dasar itu tidak terlalu ketara. Dengan itu, pertentangan aliran atau fahaman yang wujud sekarang sebenarnya berkait rapat dengan krisis peribadi yang diluahkan dalam bentuk dan cara mereka memilih dan memainkan isu-isu ketika berkempen.

Sebenarnya, orang yang turut menyokong kumpulan Datuk Musa dan Tengku Razaleigh hanya terpengaruh dengan emosi, kepentingan diri dan sentimen kedaerahan beberapa kerat pemimpin sahaja. Krisis peribadi dan pertentangan dua aliran dalam UMNO sekarang hanyalah tempiasan emosi dan 'kepentingan bersama' yang tidak mencerminkan arah perjuangan (vision) bagi membela nasib bangsa dan agama. Memang tidak ada pemimpin atau sesiapa sahaja yang terlepas daripada sebarang kesilapan dan kelemahan masing-masing. Sebagai seorang manusia biasa, Dr. Mahathir bukanlah seratus peratus sempurna. Tetapi dibandingkan dengan kumpulan penentang-penentangannya, semua orang tahu bahawa Perdana Menteri lah yang lebih baik.

Orang-orang UMNO tidak harus terpengaruh dengan analogi "budak sekolah" kerana risikonya amat tinggi. Di bahu mereka

adalah tanggungjawab membela nasib bangsa dan agama. Sekiranya salah memilih pemimpin, yang terkorban bukan seorang dua, tetapi seluruh bangsa dan agama. Sebagai sebuah parti orang Melayu dan umat Islam di negara ini, UMNO bertanggungjawab penuh dalam menyedari dan menginsafi masa depan bangsa dan agama. Pertentangan aliran dan apa lagi pertentangan peribadi atas dasar kepentingan tertentu tidak patut menjadi isu yang dibesar-besarkan, sementelah pula negara sedang menghadapi saat-saat penting yang amat menentukan nasib bangsa Melayu dan agama Islam menjelang tahun 1990.

UMNO kini memerlukan perpaduan yang benar-benar kuat dan kukuh. UMNO juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang benar-benar berwibawa dan berkeperibadian tinggi demi 'survival' dan masa depan bangsa dan agama. Sebagai sebuah parti yang dinamik dan pragmatik, UMNO tidak perlu kembali kepada pendekatan-pendekatan lama pada zaman sebelumnya kerana ia sudah tidak sesuai lagi kini.

Tujuan Dr. Mahathir melancarkan pelbagai dasar baru sekarang adalah untuk mempertahankan maruah bangsa dan agama, memandangkan hasil penyelewengan dan kesilapan masa lalu oleh peribadi pemimpin yang mementingkan diri sendiri, nasib bangsa Melayu dan agama Islam serta matlamat Dasar Ekonomi Baru masih belum berada di tahap yang memuaskan.

Dalam konteks pertentangan dua aliran, UMNO perlu belajar daripada pengalaman bangsa dan umat lain di beberapa bahagian dunia. Pengalaman Indonesia dan Turki misalnya dapat dijadikan contoh. Lebih 90 peratus penduduk kedua-dua negara itu beragama Islam, terdiri dari satu bangsa yang mengamalkan satu budaya dan satu bahasa. Tetapi bangsa Indonesia dan Turki sekarang semakin mengalami kehancuran dan kehilangan identiti sendiri. Perjuangan Sukarno dan Suharto di Indonesia yang hanya berdasarkan keadaan nasionalisme bangsa Indonesia, dan melalui ideologi Pancasila mengetepikan Islam, terbukti mengalami kegagalan. Bangsa Indonesia kini benar-benar kehilangan diri di tanah air mereka sendiri kerana seluruh struktur pemerintahan dan ekonomi negara dibolot oleh kapitalis asing, bukan bumiputera, dan golongan Kristian.

Bangsa Turki juga mengalami nasib yang hampir serupa. Hasil kepimpinan sekular Kamal Atartuk yang terlalu memuja Barat dan pemimpin-pemimpin yang mengamalkan rasuah dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri dan penolakan terhadap Islam, negara yang pernah dikenali sebagai Kerajaan Islam Uthmaniah itu kini hanya terkenal sebagai sebuah negara sekular yang menindas umat Islam di negaranya sendiri.

Malaysia memang lain dari Indonesia dan Turki dalam pelbagai segi, tetapi pengalaman sejarah itu tidak mustahil berulang di negara kita.

Bangsa Melayu kini benar-benar memerlukan kepimpinan politik dan golongan intelektual yang mempunyai keperibadian tinggi seperti yang disarankan oleh agama suci kita - Islam. Islamlah satu-satunya pegangan yang dapat dan perlu dijadikan benteng maruah kita dalam parti, kerajaan, dan seluruh sektor kehidupan sekarang. Dengan kata lain, Islam sahajalah yang mampu dan dapat menentukan nasib bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang bermaruah dan dihormati.

Dalam hal ini, Dr. Mahathir perlu diberikan ucapan tahniah di atas pemahaman dan kesedaran beliau yang '*genuine*' terhadap nasib bangsa Melayu dan agama Islam di tangan parti UMNO. UMNO di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah mengambil langkah yang bijak dan tepat kerana mengambil Islam sebagai benteng.

Jadi perubahan apakah yang diinginkan oleh kumpulan Musa-Tengku Razaleigh? Pandangan Menteri Besar Johor, Haji Muhyuddin Yasin dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mohd Isa Samad, supaya kita mempertahankan kepimpinan yang berjiwa Islam patut diberi perhatian.

Oleh itu, pertentangan dua kumpulan dan dua aliran dalam UMNO sekarang tidak harus dilihat dari sudut yang sempit atas kepentingan peribadi semata-mata. Isu ini harus dilihat dari perspektif antara-bangsa dan ruang-lingkup yang lebih menyeluruh. Tidak siapa yang rela nasib bangsa dan agama digugat semata-mata kerana kepentingan dan sakit hati serta iri hati beberapa pemimpin yang gelojoh dan bernafsu besar, tetapi mengenyepikan perjuangan dan hakikat yang sebenar.

UMNO TETAP TIDAK BERORIENTASI IDEOLOGI

Zainuddin Maidin*

Pendahuluan

Menghadapi sesuatu krisis baru, manusia kerap menjadi kelam-kabut dan melupakan bahawa kita telah melalui gelombang yang lebih besar. Ini kerana kebesaran atau kepentingan sesuatu krisis itu hanya dirasakan bila kita berada di dalamnya dan bukan sesudah keluar darinya.

Demikianlah juga dengan krisis UMNO. Bila pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir menghadapi cabaran dari dalam, maka diperkatakan sebagai suatu krisis yang paling hebat dan dilupakan bahawa pimpinan yang teramat mulia Tunku Abdul Rahman juga diganggu-gugat oleh Encik Aziz Ishak serta Dr Mahathir dan Musa sendiri, Tun Razak pula menghadapi gelombang kemarahan Dato' Harun yang kemudiannya diwarisi dan diselesaikan oleh Tun Hussein Onn. Dr Mahathir masih belum keluar dari krisis parti di dalam erti kata yang sebenarnya.

Bagaimanapun, seperti yang telah terbukti di masa lalu, krisis pasti akan dapat diselesaikan pada akhirnya. Pemimpin dan pengikut-pengikut di dalam UMNO tetap akan kembali mengenali diri mereka sendiri dan mengenali hakikat keperluan perpaduan di dalam parti dari mengekalkan pembahagian parti kepada team A dan B.

Krisis yang berlaku sebelum ini di dalam UMNO tidak mempunyai identiti, maka itu selepas penyelesaian dicapai menerusi sesuatu tindakan, ia tidak lagi diingati dan mudah dilupakan tetapi oleh kerana pembahagian telah berlaku kepada A dan B maka ia meninggalkan kesan seolah-olah parti terus berpecah sekalipun keputusan telah dibuat secara demokratik tentang siapa kalah siapa menang. Biasanya di bawah tekanan, manusia membuat keputusan

* Zainuddin Maidin adalah bekas Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar *Utusan Malaysia*.

dengan mudah tanpa mempedulikan akibat-akibat jangka panjang tetapi tidaklah semua keputusan yang di buat dalam keadaan demikian salah malah ia mungkin mendatangkan keinsafan dan pengajaran untuk tidak diulangi lagi oleh pihak yang terlibat.

Kesilapan

Pokok penyelesaian masalah di dalam UMNO sekarang adalah banyak bergantung kepada kesanggupan ahli-ahli UMNO dan pemimpin-pemimpinnya untuk melihat kesilapan masing-masing dan mengenali bahaya-bahaya sebenar yang dihadapi oleh parti bagi masa depannya dari hanya memperhitungkan kepentingan-kepentingan semasa atau individu.

Perkara yang paling pokok yang mesti disedari oleh UMNO bukanlah sebuah parti yang berteraskan kepada sesuatu ideologi tetapi ia terus menjadi parti pemerintah kerana berasaskan kepada tradisi yang kuat dan tinggi. Sejak usia mudanya lagi, ia tidak pernah merasa kecil dengan tohmah lawan-lawannya khususnya dari nasionalis-nasionalis Melayu yang tidak menyertainya yang mengatakan UMNO sebuah parti yang tidak berideologi.

UMNO tidak mempedulikan kecaman seumpama ini kerana kekuatannya bukan bergantung kepada ideologi tetapi kepada *flexibility* dan kemampuannya membuat penyesuaian dari semasa ke semasa di atas sesuatu masalah atau dasar yang menyentuh kepentingan Melayu, Islam, dan negara. Sekiranya UMNO merupakan sebuah parti yang berpegang kepada ideologi, maka tentulah UMNO sekarang bersifat diktator dengan pengikut-pengikutnya terdiri dari orang-orang fanatik, dogmatik, atau "pak turut". Imej UMNO juga tentu berlainan dari sekarang. Mungkin ia masih memerintah tetapi tidak di atas populariti, sebaliknya dengan cara autokratik. Hakikat bahawa pemimpin tidak ada toleransi terhadap cabaran kepada cara pimpinannya dan bertindak mematahkan pengaruh lawannya bukan-lah bererti demokratik telah mati dalam UMNO. Ia berlaku dari satu pimpinan kepada pimpinan yang lain.

Tindakan yang seumpama itu juga tidak pernah dilihat ataupun diketahui sebagai tindakan yang didorongkan oleh ideologi tetapi kerana soal-soal peribadi dan perbezaan pendapat di dalam soal-soal dasar yang tidak berorientasikan ideologi. Cara demokratik Mahathir di dalam menyelesaikan cabaran yang dihadapinya telah menyebabkan krisis menjadi berpanjangan. Beliau tidak memilih jalan singkat dengan pemecatan atau tangkapan.

Tangkapan

Anggapan dan tuduhan bahawa tangkapan yang dilakukannya baru-baru ini di bawah ISA adalah kerana Dr Mahathir hendak mematahkan anasir seterusnya di dalam parti ternyata telah meleset malah dengan pembebasan-pembebasan yang berlaku membuktikan bahawa tindakan itu antara lain adalah bertujuan untuk mematahkan usaha beberapa orang untuk mencari populariti di dalam UMNO sendiri dengan menggunakan isu-isu perkauman.

Tindakan penangkapan dan penahanan beramai-ramai di bawah ISA baru-baru ini menunjukkan kesinambungan pimpinan UMNO yang berpegang teguh kepada tradisi dan bukan ideologi.

Ia membuktikan UMNO tetap sensitif kepada sifat-sifat melampau di dalam parti, baik yang berbentuk agama atau perkauman Melayu dan juga terhadap komunisme.

Memang benar kepimpinan Melayu adalah teras kepada perjuangan UMNO dan Islam adalah pegangannya tetapi Islam tidak pernah merupakan ideologi parti itu. Sekiranya Islam merupakan ideologi UMNO, maka UMNO tidak akan bertolak ansur di dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan amalan agama, umpamanya di dalam masalah perjudian, penjualan arak, kelab malam, tayangan filem-filem asing, dan sebagainya.

UMNO terus pragmatik dan realistik, berpegang kepada perlunya negara mendukung sifat-sifat universal kerana kepentingan negara, 'survival' Melayu dan Islam sendiri.

Ini tidak dapat dielakkan sekiranya kita mahu mengekalkan kemajuan hidup menurut tafsiran dan ukuran dunia-dunia maju. Lainlah kalau kita membuat keputusan untuk memilih kemajuan dari tafsiran yang lain yang tidak lagi berdasarkan kepada pendapat per kapita, ke-mampuan memiliki rumah, motokar, radio, televisyen dan sebagainya.

Penerimaan kepada pendekatan secara logik dan tidak semata-mata idealistik atau ideologi yang tertakluk kepada hukum-hukum telah mendatangkan hasil negara yang membolehkan usaha-usaha besar dibuat sejak merdeka bagi menolong umat Islam yang dulunya amat miskin di negara ini.

Kita telah membuktikan kesanggupan kita untuk mendedahkan diri kepada dunia luar di dalam banyak bidang termasuk pengiriman jumlah besar anak-anak Islam ke dunia Barat kerana kita mempunyai keyakinan bahawa institusi pelajaran di mana dunia pun tidak mengajar manusia menjadi jahat dan pelajaran Barat tidak pernah mengkafirkan orang-orang Melayu sekalipun di zaman penjajah.

Oleh kerana UMNO tidak berpegang kepada ideologi dan dipimpin oleh falsafah tradisinya, maka negara yang dipimpinnya tidak membuat penapisan yang ketat terhadap kemasukan nilai-nilai antarabangsa kerana proses perkembangan masyarakat Melayu dan Islam di negara ini telah membuktikan bahawa mereka sentiasa dapat menapis yang mana buruk dan yang mana baik. Nilai-nilai asing yang diterima telah disesuaikan pula dengan kehendak masyarakat setempat sehingga ia tidak kelihatan terlalu asing.

Media massa di Malaysia termasuk media elektronik adalah bersifat liberal di dalam penyiaran bahan-bahan asing malah siaran TV Malaysia lebih liberal dari siaran TV di India, sebuah negara yang dikenali sebagai paling demokratik di Asia. Akhbar-akhbar di Malaysia tidak bersifat sebagai akhbar-akhbar di Iraq, Libya, dan Iran yang me-nonjolkan **personality cult** dan penuh dengan gambar-gambar serta perutusan-perutusan pemimpin parti setiap hari.

Semuanya ini membuktikan bahawa dasar negara tidak didorongkan oleh UMNO untuk berjalan di atas sesuatu ideologi. Sikap lebih liberal yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir telah menyebabkan salah faham kepada golongan kiri Melayu sehingga mereka merasakan bahawa inilah masanya yang sebaik-baik untuk menghidupkan kembali gerakan kiri dan dengan berani mereka membuat penonjolan-penonjolan untuk membersihkan nama-nama yang di dalam catatan sejarah dan rekod negara adalah tergolong dalam kumpulan Marxist, Leninist, Maoist dan pernah menjadi penderhaka kepada negara.

Sebagai seorang veteran UMNO, Dr Mahathir cepat sensitif kepada keadaan ini dan beliau cepat menyekat keterlanjuran mereka dan membawa rakyat kembali kepada kenyataan bahawa negara berada di dalam kemerdekaan yang dicapai oleh UMNO, tetapi dalam pada itu UMNO tidak pula berhasrat untuk memadam dari buku sejarah perjuangan-perjuangan orang terdahulu seperti keinginan orang-orang terdahulu mahu memadamkan terus perjuangan UMNO sebelum pun mereka berkuasa.

Mahathir tidak membenarkan penipuan sejarah dilakukan. Ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran, Dr Mahathir tidak membenarkan diedarkan sebuah buku sejarah yang ditulis oleh seorang ahli sejarah Melayu yang cuba menidakkan Tunku Abdul Rahman sebagai Bapa Kemerdekaan negara ini. Saya mengemukakan ini semua adalah untuk membuktikan kesinambungan fahaman dalam mengendalikannya parti terus wujud dari Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Hussein Onn, dan sampai kepada Mahathir di dalam apa yang dilihat sebagai tradisi kepimpinan yang tidak bersandarkan kepada ideologi tetapi teguh di atas landasan **antiperkauman**, menentang **extremisme** dan **komunisme** (bukan di dalam dasar luar).

Oleh kerana tidak berteraskan kepada ideologi, maka itulah dapat dilihat di dalam mengamalkan penerapan nilai-nilai Islam, Malaysia tidak cuba melindungi rakyatnya dari keburukan-keburukan yang berlaku di sebalik kebangkitan Islam di Iran (sekalipun ada pihak yang mahu menekan akhbar supaya jangan berbuat demikian).

Malaysia juga tidak menyekat penyebaran maklumat terhadap penindasan ke atas kebebasan manusia di Libya dan Iraq di samping mendedahkan keburukan nasib orang-orang kulit hitam di Amerika dan penekanan terhadap orang-orang Asia di Britain. Sekiranya pemikiran UMNO telah dihantui oleh ideologi, maka tentunya negara tidak akan membenarkan penyelewengan Islam di Iran disebarikan di negara ini atas kepercayaan bahawa ia akan memburukkan imej Islam seluruhnya.

Negara-negara yang telah mengamalkan ideologi telah mengakibatkan rakyat bersikap 'introvert' yang hanya dapat melihat kebenaran sendiri tanpa pertimbangan-pertimbangan lain. Kebanyakan negara itu sekarang berada di dalam keadaan huru-hara, mundur, dan rakyatnya menderita.

Sebenarnya Islam tidak perlu dijadikan sebagai ideologi kepada UMNO dan juga lain-lain parti yang didokong oleh orang-orang Islam di negara ini kerana Islam telah pun menjadi "ideologi" kepada setiap individu Islam. Pengukuhan ideologi ini kepada setiap individu Islam adalah menjadi tanggungjawab institusi pelajaran tinggi dan rendah dan bukannya parti politik.

Menjadikan Islam sebagai ideologi parti akan menyebabkan Islam tertakluk kepada tafsiran politik pemimpin yang sebagai manusia tidak terlepas dari nafsu untuk berkuasa atau mengekalkan kuasa dengan mengeksploitasi perkara yang sensitif kepada perasaan manusia. Hakikat ini adalah disedari oleh ulama-ulama tradisional di dalam UMNO yang realistik, yang menyedari dari awal lagi bahawa penggunaan Islam sebagai ideologi politik akan menjerumuskan UMNO yang percaya kepada dasar ekonomi bebas kepada tekanan golongan yang menentang amalan-amalan yang bertentangan dengan hukum ideologi. Pemandangan ini ternyata benar sekali apabila dasar penerapan nilai-nilai Islam disalahertikan sebagai UMNO bertukar kepada parti yang berideologi. Ia telah meningkatkan harapan-harapan yang lebih tinggi sehingga hidangan minuman keras kepada bukan Islam di dalam penerbangan MAS pun mahu dihapuskan terus di negara ini.

Tafsiran yang salah akan menyempitkan ruang-ruang kegiatan ekonomi bagi mengekalkan peningkatan ekonomi negara yang amat diperlukan oleh UMNO terutama bagi membasmi kemiskinan orang-orang Islam sendiri di negara ini. Dasar penswastan Dr Mahathir sendiri memerlukan manusia Melayu menerima nilai-nilai universal secara lebih agresif dan berani yang memerlukan pemisahan dari nilai-

nilai tradisi. Penerapan nilai-nilai Islam yang diperkenalkan oleh Mahathir tidaklah seharusnya dilihat sebagai Islam telah dijadikan ideologi parti tetapi untuk menyedarkan rakyat bahawa UMNO telah dan boleh berbuat sesuatu yang lebih besar kepada umat Islam dari sebuah parti yang berideologikan Islam.

Dengan hanya mengenali hakikat ini, ahli-ahli UMNO seluruhnya akan dapat menyedari bahaya yang sebenar dan tidak akan terbawa oleh " arus luar " untuk mencari populariti dalam parti atas isu-isu politik yang berideologikan agama.

MELAYU UMNO, MELAYU PAS: MANIFESTASI DUA PERSONALITI

Aminuddin Mohd Yusof*

Pendahuluan

Melayu UMNO, Melayu PAS? Adakah terdapat lebih daripada sejenis orang Melayu? Jawabnya tentulah ya, kerana di kalangan orang Melayu ada Melayu bandar, Melayu kampung, Melayu berpendidikan rendah, Melayu berpendidikan tinggi, Melayu perempuan, dan Melayu lelaki. Manusia secara tabiatnya adalah makhluk sosial yang suka berkelompok. Dalam kelompok besar orang Melayu ada pula kelompok-kelompok kecil. Dan salah satu cara orang Melayu berkelompok ialah melalui parti politik; UMNO dan PAS. UMNO dan PAS, sebagai parti politik, memang berbeza dari segi dasar perjuangan dan matlamatnya. Soalnya, adakah orang UMNO dan orang PAS juga berbeza. Pertanyaan ini merangsang kita untuk berfikir, bukan tentang perbezaan antara dua organisasi UMNO dan PAS itu, tetapi tentang orang-orang yang menganggotai organisasi itu sendiri sebagai individu.

Bila organisasi yang dimasuki berbeza, orang yang memasukinya juga tentulah berbeza, bukan kerana organisasi itu membentuk orang menjadi berbeza tetapi kerana kecenderungan orang yang serupa untuk berkumpul bersama. Apabila orang UMNO dan orang PAS memilih untuk menganggotai atau bersimpati yang berbeza itu, mereka telah menunjukkan kecenderungan yang berbeza. Orang tidak memilih parti atau kumpulan yang hendak dianggotai secara rambang atau dengan melambung duit syiling. Di negara ini, di mana ada kebebasan untuk membuat pilihan, orang akan hanya memilih parti yang dirasakannya sesuai dengan dirinya. Pemilihan parti politik dibuat dengan cara rasional. Para anggota

* Dr Aminuddin Mohd Yusof adalah Pensyarah di Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

sebuah parti politik ada asas pemilihan dan asas inilah yang membezakan mereka.

Kecenderungan Menyertai Sesuatu Kumpulan

Ahli-ahli psikologi sosial percaya ada beberapa faktor yang menyebabkan seseorang menyertai sesuatu kumpulan. Dia mungkin tertarik dengan ahli-ahli kelompok itu. Tarikan kepada orang berlaku kerana adanya persamaan sikap, nilai, ideologi, dan paras rupa. Pepatah Inggeris yang mengatakan 'burung yang serupa bulunya akan terbang bersama' kerap kali dibuktikan benar dalam hal-hal sikap, ideologi, nilai, dan perawakan fizikal. Manusia sangat inginkan pengesahan terhadap pandangan dan sikapnya. Dengan bersahabat dengan orang yang sama pandangan dan sikap dengannya, dia dapat menyakinkan diri bahawa pandangan dan sikapnya adalah 'betul'. Oleh sebab itu, orang-orang yang melihat diri mereka serupa dengan orang UMNO akan menyertai UMNO dan yang mempunyai persamaan dengan orang PAS akan berkelompok bersama dalam PAS.

Faktor kedua mengapa manusia menganggotai sesuatu kumpulan ialah tarikan kepada aktiviti kumpulan itu. Apabila kita suka dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh kumpulan itu, kita akan berminat untuk menyertainya. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan dalam parti UMNO adalah berbeza dengan kegiatan-kegiatan dalam parti PAS. Misalnya, dalam UMNO dan PAS ada majlis-majlis ceramah politik tetapi ceramah PAS lebih bersifat keagamaan sementara ceramah UMNO berkisar pada politik dan kemasyarakatan. Orang yang ingin masuk UMNO sedar apakah corak aktiviti yang dijangka dalam parti itu. Mereka tidak mungkin menganggotainya jika merasakan yang mereka tidak berminat dengan aktiviti sedemikian.

Faktor ketiga yang mungkin menyebabkan orang tertarik dengan sesuatu kelompok ialah matlamat kelompok itu sendiri. Matlamat parti PAS mungkin berbeza dengan matlamat parti UMNO. Negara impian orang PAS tentulah berbeza daripada negara impian orang UMNO. Oleh sebab itu, hanya orang yang suka kepada matlamat parti PAS akan memilih PAS dan orang yang suka kepada matlamat parti UMNO sahaja akan menganggotai UMNO. Begitu juga, hanya orang yang bersimpati dengan sebuah negara seperti yang terbayang dalam visi PAS akan menganggotai parti itu atau bersimpati dengannya sedangkan orang yang suka kepada sebuah negara seperti yang ada sekarang yang merupakan hasil visi UMNO akan memilih UMNO. Akibatnya, orang PAS atau yang bersimpati dengan PAS mestilah

berbeza daripada orang UMNO atau yang bersimpati dengan UMNO. Tetapi apakah bezanya?

Personaliti UMNO dan PAS – Suatu Perbandingan

Bagi sesetengah orang, perbezaan itu terletak pada darjah keislaman; orang PAS lebih tinggi penghayatan Islamnya daripada orang UMNO kerana mereka berada dalam sebuah parti yang mendakwa dirinya memperjuangkan Islam. Sudah tentulah pandangan ini hanya satu stereotaip kerana diasaskan kepada prasangka akibat penyertaan seseorang dalam satu kumpulan. Darjah keislaman bukanlah fungsi kepada parti yang dianggotai. Oleh kerana kedua-dua kumpulan adalah orang Islam, orang UMNO tidaklah boleh dianggap berbeza daripada orang PAS di segi ini.

Janggut, pakaian, dan cara hidup juga mungkin tidak menjadi asas kepada perbezaan antara dua kumpulan besar orang Melayu ini. Tetapi kebanyakan orang ingin memperagakan identiti diri mereka. Janggut, pakaian, dan cara hidup adalah manifestasi daripada personaliti yang ingin ditonjolkan itu. Janggut orang UMNO mungkin ditarah dengan cara yang berbeza daripada janggut orang PAS. Orang UMNO memakai baju Melayu dan bersongkok dalam Perhimpunan Agung mereka. Orang PAS berserban dalam Muktamar Tahunan mereka. Mereka mematuhi dua norma yang berbeza. Lantas, individu daripada kedua-dua kumpulan mengatur hidup dengan cara yang agak berbeza sungguhpun sebagai anggota kumpulan yang lebih besar mereka adalah orang Melayu dan orang Islam.

Perbezaan ini mencerminkan perbezaan yang lebih asas kerana hubungan yang kita buat dengan orang lain termasuk penyertaan kita dalam parti politik jelas mewakili pilihan antara pelbagai alternatif yang diatur mengikut hirarki nilai kita; sesuatu yang kita ingini dan ingin kita capai. Jadi, ada kemungkinan, yang berbeza antara orang Melayu UMNO dengan orang Melayu PAS ialah sistem nilai mereka. Pada ketika orang UMNO mementingkan nilai politik, memandang tinggi kuasa, dan berminat kepada ekonomi, orang PAS mungkin lebih tertarik dengan nilai moral dan teori. Pada ketika orang PAS memandang tinggi perdampingan dan kasih sayang, orang UMNO mungkin menilai tinggi keindahan dan estetik.

Oleh kerana nilai menjadi dasar kepada berbagai-bagai sikap, apa yang menjadi pegangan orang UMNO dan PAS ini dimanifestasikan pula dalam bentuk sikap yang berbeza. Orang UMNO berasa senang dengan cara pemerintahan serta sistem ekonomi, pendidikan, dan sosial negara yang ada sekarang; orang PAS

mungkin ingin mengubah cara pemerintahan dan melaksanakan sistem ekonomi, pendidikan, dan sosial yang lain pula. Oleh itu, tidak mungkin seseorang yang negatif sikapnya dengan dasar yang ada sekarang bersedia masuk UMNO. Mereka akan memilih PAS. Tidaklah munasabah jika mereka masuk UMNO yang aktiviti, matlamat, dan dasarnya bertentangan dengan sikap mereka.

Kehendak yang berbeza kepada cara pelaksanaan hidup yang berbeza membuka pula ruang kepada ideologi peribadi yang berbeza di antara orang UMNO dan orang PAS. Sementara orang UMNO mungkin lebih konservatif dalam pendekatan hidup; sangat ingin mempertahankan apa yang ada, orang PAS mungkin lebih radikal; sedia menerima perubahan yang semerta dan mendadak kepada sistem yang ada. Ideologi peribadi ini mungkin dimanifestasikan pula dalam bentuk tingkah laku *lahiriah*. Orang UMNO mungkin lebih halus dan diplomatik sementara orang PAS mungkin lebih lantang dan asertif.

Keadaan-keadaan ini menjadikan orang-orang yang ingin ber-teduh di bawah payung UMNO mempunyai persamaan tertentu dan orang-orang yang berkelompok di dalam parti PAS mempunyai persamaan tertentu pula. Dan dalam persamaan sesama parti itulah masing-masing kumpulan berbeza daripada yang lainnya. Ini bukanlah perbezaan yang *'superficial'*. Ia adalah manifestasi daripada sikap, ideologi peribadi dan nilai yang telah sekian lama dipupuk, secara sedar atau tidak, melalui mekanisme pembelajaran di rumah, di sekolah, dan dalam kehidupan. Pengalaman yang berbeza menimbulkan cita rasa yang berbeza yang pula membawa kepada pemilihan yang berbeza. Namun begitu, ini adalah perbezaan yang sihat dan tidak perlu dibimbangkan.

Jika orang UMNO berbeza daripada orang PAS, orang PAS juga berbeza daripada golongan yang menggelarkan diri mereka Semangat 46 kerana Semangat 46 adalah serpihan daripada UMNO. Oleh kerana mereka datang daripada parti asal yang sama, orang Semangat 46 bahkan mungkin lebih sama dengan orang UMNO daripada dengan orang PAS. Sebahagian daripada punca perbalahan yang berlarutan antara dua puak dalam UMNO itu pun terangkum di sebalik perjuangan mencari ketulenan emas UMNO; masing-masing pihak mendakwa merekalah yang lebih tulen UMNOnya. Apabila ada ura-ura percantuman antara Semangat 46 dengan PAS sebahagian yang menyokong serpihan UMNO menyifatkannya sebagai percantuman yang tidak logik; memanifestasikan kecenderungan yang lebih tinggi di pihak mereka untuk bersama dengan UMNO daripada dengan PAS. Jika ini benar serta mengambil kira bahawa anggota UMNO kini sudah mencapai lebih 1.2 juta orang, tidaklah mustahil bahawa yang

memeriahkan perhimpunan-perhimpunan raksaksa pemimpin-pemimpin Semangat 46 sebenarnya ialah orang PAS atau yang bersimpati dengan PAS dan bukannya orang yang asalnya UMNO.

Pepaduan Orang Melayu

Akhir-akhir ini, ada pula keghairahan untuk mewujudkan kerjasama antara PAS dengan UMNO. Sesiapa yang tidak bersetuju dengan percantuman atau kerjasama itu dianggap antiperpaduan. Oleh sebab itu, bagi menunjukkan masing-masing lebih mementingkan perpaduan orang Melayu, para pemimpin kedua-dua parti itu amat berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan. Kalau boleh, kenyataan itu biarlah menampakkan puak yang lagi satulah yang tidak bersungguh-sungguh berkehendakkan perpaduan supaya rakyat tahu mereka yang lebih tidak jujur.

Tidak jelas apakah matlamat perpaduan atau kerjasama disarankan itu. Adakah idea itu timbul kerana UMNO sudah lemah dan tidak mampu lagi memerintah mewakili orang Melayu bersendirian atau kerana PAS dirasakan perlu mencari jalan rentas untuk memerintah dengan cara berkongsi dengan sebuah parti yang sejarah masa lalunya menunjukkan kemampuan menjamin kemenangan. Atau, oleh kerana percantuman itu kerap kali bertemakan perpaduan, adakah idea kerjasama itu bermaksud semua orang Melayu mesti menjadi anggota kepada hanya satu parti politik sahaja. Mereka tidak perlu diberi pilihan untuk menganggotai parti politik yang berbeza yang boleh mewakili sikap, keinginan, nilai, dan ideologi peribadi mereka yang berbeza.

Rasional yang kerap dikemukakan tentang mengapa PAS dan UMNO harus bercantum ialah kerana perbalahan antara anggota-anggota kedua-dua parti itu sudah begitu mendalam sehingga pada satu masa pernah menimbulkan fenomena 'dua imam' di kampung-kampung. Tetapi perbalahan ini tidak mungkin berlaku jika rakyat diberi kefahaman tentang tata susila demokrasi, bukan sebaliknya diapi-apikan lagi oleh pemimpin-pemimpin parti politik. Dalam demokrasi, pertandingan dibenarkan tetapi apabila selesai pertandingan semua orang harus mengikuti suara majoriti. Tata susila inilah yang tidak dipatuhi apabila orang tidak bertegur sapa sematamata kerana sokongan kepada parti yang berbeza dalam pilihanraya. Oleh itu, apa yang lebih diperlukan untuk mengatasi masalah konflik sosial yang terjadi akibat daripada pertentangan antara ideologi politik ini bukanlah percantuman parti tetapi pendidikan demokrasi.

Kedua-dua parti UMNO dan PAS mempunyai peranan yang tersendiri untuk memenuhi keperluan dua kumpulan orang yang

berbeza. PAS sejak sekian lama telah memainkan peranan berkesan sebagai wadah untuk menampung golongan '*anti-establishment*' di kalangan orang Melayu. Kalau UMNO dan PAS bergabung atau berkerjasama, golongan ini yang kini ditampung oleh PAS akan kekal sebagai orang-orang yang '*anti-establishment*'. Mereka akan mencari wadah baru tempat mengidentifikasikan diri mereka. Lambat laun akan muncul pula sebuah parti lain yang akan menggantikan PAS untuk menampung mereka ini. Ketika PAS dahulunya berada dalam Barisan Nasional, PSRM mendapat sokongan menggalakkan. Bila PAS keluar daripada Barisan Nasional, parti itu kembali memperolehi sokongan asalnya.

Kerjasama antara dua kumpulan mesti ada sebab; mungkin untuk menghadapi musuh bersama yang tidak mampu dihadapi oleh salah seorang atau untuk mencapai satu matlamat yang tidak dapat dicapai bersendirian. Kerjasama ini mungkin perlu jika salah satu parti tidak mampu lagi mewakili orang Melayu secara bersendirian. Tetapi selagi UMNO dan PAS mampu memerintah secara berasingan, tidak ada sebab percantuman itu boleh berlaku.

Bahayanya mencantum dua golongan yang mempunyai ideologi yang berbeza untuk mencapai matlamat yang sementara ialah persahabatan itu tidak akan kekal lama atau boleh membawa perpecahan dalam parti masing-masing pula. Keadaan paling tidak tenteram pernah dialami oleh UMNO ketika PAS berada dalam Barisan Nasional pada tahun 1974-1978. Kepaduan dan kejelekitan (*cohesiveness*) dalam kumpulan manusia boleh dipelihara selama ada musuh bersama atau matlamat '*superordinate*' yang hendak dicapai bersama. Dalam pertelingkahan politik, PAS adalah 'musuh' bersama orang UMNO sementara UMNO adalah 'musuh' bersama orang PAS. Oleh kerana pada masa PAS berada dalam Barisan Nasional tidak ada musuh bersama yang perlu untuk menjadi mangsa atau sasaran kemarahan di luar parti, kemarahan dihadapkan kepada sesama ahli sehingga orang-orang UMNO mulai bercakaran sesama sendiri. Isu komunis dalam parti, misalnya, mulai dibangkitkan sekitar tempoh itu. Keretakan inilah yang menjadi benih kepada perpecahan yang lebih besar pada tahun 1987.

Oleh kerana UMNO dan PAS mungkin mewakili perasaan, sikap, nilai, ideologi, dan pandangan hidup yang berbeza, kedua-duanya harus diberi peluang untuk terus hidup dan berkembang. PAS perlu wujud untuk menampung keperluan nilai setengah-setengah orang Melayu sementara UMNO juga perlu wujud untuk memanifestasikan perasaan, keyakinan, sikap, nilai, dan ideologi orang Melayu yang lain pula. Perpaduan yang dipupuk berasaskan parti adalah lebih sihat daripada perpaduan yang dipupuk berasaskan kaum kerana demokrasi

membenarkan pertandingan antara parti tetapi tidak ada ideologi di dunia yang menganjurkan pertandingan antara kaum.

UMNO dan PAS adalah bayangan kepada dua personaliti manusia Melayu yang berbeza. Kedua-duanya harus kekal sebagai dua buah parti politik orang Melayu yang bukan sahaja akan menawarkan alternatif kepada cara pemerintahan tetapi lebih dari itu, menjadi alat kepada pemindahan motif kuasa, sikap, nilai, dan perasaan yang berbeza. Selama orang Melayu merasakan UMNO masih boleh diberi kepercayaan untuk mengepalai pemerintahan negara, orang Melayu akan memilih UMNO. Jika pada satu masa mereka bersetuju pula dengan cara pemerintahan seperti yang diimpikan oleh PAS, mereka akan memilih PAS. Bila keduanya bercantum atau bergabung di bawah satu bumbung, alternatif itu tidak ada lagi. Para pemimpin kedua parti itu mungkin mendapat habuan daripada percantuman tetapi parti sebagai alat pernyataan psikologi ahli-ahli tidak wujud lagi.

PERBANDINGAN PEMIKIRAN POLITIK-AGAMA PAS DAN UMNO

Ibrahim Abu Bakar*

Pendahuluan

Tulisan ini cuba membincangkan pemikiran politik-agama (politico-religious thought) PAS dan UMNO. Sumber utama tulisan ini ialah Perlembagaan PAS dan Perlembagaan UMNO itu sendiri. Perlembagaan PAS yang dirujuk ialah edisi 1977 dan 1987, dan disebut PP, 1977 atau PP, 1987 selepas ini, manakala Perlembagaan UMNO pula ialah edisi Mei 1988, dan disebut PU, 1988 selepas ini.

Fokus utama tulisan ini tertumpu pada beberapa isu politik dan agama serta tanggapan dan pendekatan PAS dan UMNO terhadap isu-isu itu. Hanya empat isu politik dan agama yang dibincangkan dalam tulisan ini. Pertama, sistem negara Islam; kedua, kelayakan pemimpin politik; ketiga, partisipasi wanita Muslim dalam politik; dan keempat, partisipasi bukan-Muslim dalam politik.

Melalui empat tema perbincangan itu, tulisan ini cuba membuktikan dua hipotesis sahaja. Pertama, PAS berbeza dengan UMNO di dalam beberapa perkara yang melibatkan idealisme dan ideologi tetapi PAS mempunyai beberapa persamaan dengan UMNO dalam pendekatan dan amalan. Hipotesis kedua, PAS mempunyai lebih banyak konflik dan dilema daripada UMNO di dalam menganggapi empat tema itu dan menyesuaikan pendekatan dan pendirian PAS dengan realiti masyarakat majmuk di Malaysia.

Sistem Negara Islam

Apakah yang dinamakan sistem pemerintahan atau kerajaan Islam? Apakah Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) itu

* Dr Ibrahim Abu Bakar adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

mengemukakan satu sistem pemerintahan yang belum pernah dikenali sama-sekali di dalam sejarah tamadun manusia? Dengan kata lain, apakah sistem pemerintahan atau berkerajaan Islam itu berlawanan, bertentangan, dan berlainan sama-sekali dengan apa juga sistem pemerintahan atau sistem berkerajaan yang wujud di dalam tamadun manusia dulu dan sekarang?

Golongan Muslim yang memberi jawapan yang positif terhadap soalan-soalan di dalam tulisan ini, dianggap sebagai *Muslim Fundamentalists*. Bagi mereka ini, Islam memang satu sistem pemerintahan dan berkerajaan yang unik, tiada persamaan dan tiada bandingan dengan sistem pemerintahan yang wujud di dalam sejarah tamadun manusia. Dengan mengambil aspek keunikan (uniqueness) yang diatribusikan dan disandarkan pada sistem pemerintahan Islam, maka golongan Muslim fundamentalis tidak dapat mengakui dan menerima kewujudan sebarang persamaan antara sistem pemerintahan Islam dengan sistem-sistem pemerintahan yang lain di segi prinsip, matlamat, dan metode. Pemikiran politik Muslim fundamentalis yang mengsegregasikan dan mengunikkan sistem pemerintahan Islam dihuraikan oleh seorang penulis bernama Sa'di Abu Jayb di dalam bukunya berjudul, *Dirast fi manhaj al-ilsam al-siyasi*, 1985. Prinsip dan slogan golongan Muslim fundamentalis ialah "Tiada bandingan antara Islam dan bukan Islam dalam semua aspek." Melalui prinsip dan slogan itu, mereka mengunikkan sistem politik dan pemerintahan atau kerajaan Islam dari segala bentuk pemikiran politik, sistem politik dan sistem berkerajaan. (Abu Jayb, 1985).

Pendekatan golongan Muslim fundamentalis adalah pendekatan pengasingan, pemisahan, dan segregasi. Pendekatan mereka bukan pendekatan integrasi dan adaptasi. Golongan Muslim fundamentalis ini tidak mengambilkira bahawa Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) itu sendiri bukan satu sistem agama yang baru. Nabi Adam (a.s.) telah diberikan agama oleh Allah dan agama Allah di dalam bahasa Arabnya dinamakan Islam. Apakah tidak mungkin ada pemikiran-pemikiran politik manusia yang baik dan berfaedah yang berasal dari agama Allah yang diterima oleh manusia sebelum Allah mengutuskan Nabi dan Rasul-Nya yang terakhir Muhammad (s.a.w.)? Apakah tidak mungkin wujud pemikiran-pemikiran politik manusia yang sesuai dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip politik Islam yang terkandung di dalam Al-Quran dan Al-Hadis?

Disamping pandangan politik dan agama golongan Muslim fundamentalis di atas, ada golongan Muslim yang menyatakan sistem pemerintahan atau berkerajaan Islam tidaklah tiada bandingan sama sekali dengan pemikiran politik dan pemerintahan yang wujud dalam

sejarah tamadun manusia. Pandangan ini adalah lebih sederhana dan munasabah berbanding dengan pandangan golongan Muslim fundamentalis kerana sistem pemerintahan dan kerajaan wujud sebelum, semasa, dan selepas pembentukan negara Islam di Madinah. Oleh kerana itu, negara Islam di Madinah boleh dibandingkan dan dicari persamaan dan perbezaannya dengan sistem negara dan kerajaan yang lain. Muhammad Hamidullah menyatakan bahawa negara dan kerajaan wujud di dalam sejarah manusia sejak zaman dahulu-kala lagi dan tidak banyak berubah "in essentials of their functions; and the State officials, from head to the lowest, have proportionately exercised more or less authority over the commoners and even the lower State officials in their private capacity." (M. Hamidullah, 1977, h. 85). Kalau pandangan sedemikian cacat diterima, maka sistem pemerintahan Islam ada persamaan dan ada perbezaan dengan sistem pemerintahan lain.

Antara sistem pemerintahan yang wujud di dalam sejarah tamadun manusia ialah teokrasi (theocracy), monarki (monarchy, oligarki (oligarchy), demokrasi (democracy), nomokrasi (nomocracy), dan republik (republic).

Mengikut Majid Khadduri, M. Tailliar di dalam buku-bukunya *Essai sur l'Histoire des Institutions de Principaux Peuples (1843)* dan *Precis de l'Histoire des Institutions de l'Europe Occidentale au Moyen-Age (1845)*, berpendapat "Judaism, Christianity and Islam were all theocracies." Tetapi pendapat M. Khadduri sendiri berbunyi begini: "Christendom and Islam may be regarded as universal nomocratic states, while Judaism was a parochial state." (M. Khadduri, 1947).

Apa dia teokrasi dan nomokrasi? Satu definisi teokrasi ialah:

THEOCRACY. From the Greek *theokratia* ("the rule of God"), that organization of the state in which the divine commandments are the civil laws, and God Himself is regarded as the sovereign power. (Dictionary of Philosophy and Religion, 1980).

Mengikut Quincy Wright, "Nomocracy ... exists if a supreme law regarded as divine or natural origin is the source of governing authority." (M. Khadduri, 1947).

Muhammad Hamidullah menyatakan sistem pemerintahan Islam boleh dinamakan teokrasi. Seperti,

"So far as Islam is concerned, the classical authors have been unanimous that it is a delegation of Divine authority, through the intermediary link of the Messengers of Prophets who receive Divine revelation. It may be called theocracy though not in the same sense as in modern West."

(M. Hamidullah, 1977).

Maududi tidak menentang penamaan teokrasi ke arah sistem pemerintahan dan kerajaan Islam. Walau bagaimanapun teokrasi di dalam Islam, pada pendapat beliau, amat berbeza dengan teokrasi di Barat, menurut Maududi:

"A more apt name for the Islamic policy would be the 'kingdom of God' which is described in English as a 'theocracy.' But Islamic theocracy is something altogether different from the theocracy of which Europe has had a bitter experience ... the theocracy built up by Islam is not ruled by any particular religious class but by the whole community of Muslims including the rank and file. The entire Muslim population runs the state in accordance with the Book of God and the practice of His Prophet." (Maududi, *Political Theory of Islam*, 1967).

Maududi pada prinsipnya menerima sistem negara Islam itu adalah sistem teokrasi kerana teokrasi menerima dan mengiktiraf "*the divine commandments are the civil laws*" dan Tuhan mempunyai kuasa mutlak ke atas negara dan kerajaan.

Walaupun bagaimanapun Maududi menyedari bahawa isu siapa yang memerintah di dalam sebuah negara teokrasi telah menjadi masalah besar. Maududi tidak bersetuju bahawa pemerintahan negara dikhaskan kepada sesuatu golongan khas atau elit seperti golongan Priis dalam sejarah politik dan pemerintahan di Eropah pada abad pertengahan di mana golongan Priis mempunyai kuasa atau menguasai pucuk pemerintahan yang diketuai oleh raja-raja.

Agama Kristian telah dapat mempengaruhi Empayar Roman selepas tiga ratus tahun sejak kelahiran Isa (Jesus). Pengikut-pengikutnya berada di dalam penderitaan, penyeksaan, dan pembunuhan. Empayar Roman yang mengamalkan sistem perhambaan dan menyembah tuhan-tuhan Roman *the Roman pantheons* menentang agama Kristian yang menyeru manusia mempercayai dan menyembah Tuhan melalui *Jesus Christ*.

Maududi memahami bahawa Islam menghendaki partisipasi umat Islam seluruhnya di dalam sistem pemerintahan dan berkerajaan. Oleh kerana keterlibatan dan penglibatan semua Muslim di dalam perjalanan dan pemerintahan negara satu kemestian dan kewajipan, Maududi memerlukan tambahan syarat pada teokrasi. Syaratnya ialah pemerintah di negara bersistem teokrasi tidak terdiri daripada satu golongan tertentu sahaja. Jadi, Maududi menggabungkan teokrasi dan demokrasi sebagai jalan keluar kepada masalah golongan elit memerintah dan mentadbir negara. Maududi menyatakan,

"If I were permitted to coin a new term (for the Islamic policy), I would describe this system of government, because under it the Muslims have been given a limited popular sovereignty under the suzerainty of God." (Maududi, 1967).

Demokrasi yang dicadangkan oleh Maududi ialah "a divine democratic government" iaitu "The entire Muslim population runs the state in accordance with the Book of God and the practice of His Prophet." Bolehlah dikatakan bahawa Maududi melihat ada persamaan dan perbezaan di antara sistem pemerintahan negara Islam dengan teokrasi dan demokrasi. Bagi Maududi, sistem pemerintahan Islam adalah gabungan atau jalinan di antara teokrasi dan demokrasi. Mengikut Maududi, teokrasi tanpa demokrasi di Barat telah membolehkan golongan "pris" memonopoli pemerintahan negara. Ini berlaku kerana mereka mempunyai tanggapan dan pegangan bahawa merekalah pemilik kitab-kitab ajaran agama serta mampu dan layak menjadi wakil Tuhan memerintah di dunia. Mereka lebih memahami kitab-kitab agama Kristian daripada orang-orang Kristian yang tidak menjadi paderi (pris).

Dengan menambahkan demokrasi pada teokrasi, Maududi berpendapat bahawa sistem pemerintahan negara Islam tidak lagi akan dikuasai dan dimonopoli oleh sesuatu golongan khas (elit) sama ada elit agamawan, bangsawan, jutawan, atau keturunan tertentu. Maududi nampaknya tidak menyokong aliran pemikiran politik tradisional Syiah yang mengkhususkan kepimpinan negara Islam kepada keturunan Ali bin Abi Talib. Maududi juga nampaknya tidak menyokong pemikiran politik yang mencadangkan supaya ulama menjadi golongan pemerintah.

Di dalam sistem demokrasi terdapat dua bentuk partisipasi dan penglibatan rakyat. Satu bentuk dinamakan demokrasi terus atau tulin *direct or pure democracy* dan satu lagi demokrasi wakilan *representative democracy*. Pembahagian dua bentuk demokrasi ini berdasarkan pada satu definisi demokrasi yang menyatakan,

"DEMOCRACY. From the Greek *demos* ("the people") and *kratein* ("to rule"). Rule by the people may be exercised either directly, as in pure democracy, or through representatives of the people, as in representative democracy." (*Dictionary of Philosophy and Religion*, 1981).

Berdasarkan dua bentuk demokrasi itu, pemikiran demokrasi Maududi dapat dikelompokkan ke dalam bentuk "demokrasi langsung" iaitu semua orang Islam melibatkan diri di dalam pemerintahan negara Islam. Bolehkah "demokrasi langsung" *direct democracy* dijalankan oleh umat Islam? Setakat ini tiada mana-mana

negara di mana Muslim merupakan majoriti menerima dan mengamalkan "demokrasi terus". Pakistan, negara Maududi hidup dan berdakwah, setakat ini tidak menerima gagasan "demokrasi terus" pemikiran politik Maududi. Malaysia, sebuah negara yang mempunyai peratusan umat Islam lebih sedikit 50% daripada jumlah penduduk, menerima dan mengamalkan demokrasi perwakilan rakyat melalui sistem Demokrasi Berparlimen.

Benarkah fahaman Maududi yang menyatakan Islam tidak membenarkan satu-satu kelas atau golongan tertentu daripada umat Islam memerintah negara Islam? Tiada terdapat kesan-kesan sejarah yang membuktikan bahawa semua orang Islam melibatkan diri di dalam pemilihan Khalifah Abu Bakar, Umar, Uthman, dan Ali. Semasa pemerintahan empat orang Khalifah itu juga, tiada bukti sejarah yang menunjukkan semua Muslim zaman itu melibatkan diri di dalam pemerintahan negara Islam. Urusan politik dan pemerintahan waktu itu tidak menjadi urusan dan penglibatan semua umat Islam. Ia hanya menjadi urusan kumpulan elit terutamanya para sahabat yang ulung.

Agama Islam membenarkan kumpulan-kumpulan Muslim bergiat secara organisasi dan kumpulan untuk membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran. Keharusan membentuk organisasi dan kumpulan ini boleh dilanjutkan (extended) pada keharusan menubuhkan parti-parti politik yang bertujuan memerintah sesebuah negara.

UMNO dan PAS sama-sama memahami bahawa agama Islam tidak melarang Muslim berpolitik dan menubuhkan organisasi politik. Fahaman sedemikian membawa kepada penubuhan UMNO pada tahun 1946, dan PAS pada tahun 1951 untuk berorganisasi dan berpolitik. UMNO dan PAS berjuang dan bertarung dalam politik kepartian bagi menguasai pemerintahan dan kerajaan Malaysia. Setakat ini PAS telah berjaya memerintah negeri Kelantan. Dalam tahun 1960-an dan 1970-an, Kelantan jatuh ke tangan UMNO selepas berlaku krisis pimpinan di dalam PAS iaitu di antara Mohamad Nasir, Menteri Besar Kelantan dari PAS dan Mohd. Asri, Yang di Pertua Agung PAS, dalam tahun 1977/1978. Dalam pilihanraya di Kelantan pada bulan Mac 1978, PAS kalah, dan UMNO bergabung dengan BERJASA memerintah Kelantan. Semasa PAS memerintah Kelantan dan selepas tragedi 13 Mei 1987, PAS di bawah pimpinan Mohd. Asri bekerjasama dengan Barisan Nasional yang memerintah Malaysia. PAS kemudiannya keluar atau dikeluarkan daripada Barisan Nasional dalam tahun krisis kepimpinan Mohd. Asri lawan Mohamad Nasir. Sejak tahun 1978 sehingga Artikel ini ditulis, PAS masih menjadi parti pembangkang di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan.

UMNO dan PAS sama-sama berjuang dalam politik kepartian di Malaysia. Kedua-dua parti menyatakan Islam mengharamkan politik kepartian. Tidak semua ahli UMNO dan ahli PAS berada pada satu susunlapis institusi dan organisasi sekalipun setiap ahli diberi hak yang sama dalam bersuara dan mengundi calon pilihan mereka. UMNO dan PAS sama-sama menerima dan mengamalkan sistem perwakilan ke dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Beberapa orang wakil dari beberapa bahagian sahaja yang dipilih dan diberikan hak untuk menyertai Mesyuarat Agung Tahunan. Sistem yang diterima dan diamalkan oleh UMNO dan PAS di dalam organisasi kepartian masing-masing adalah sama sahaja iaitu demokrasi representatif '*representative democracy*'.

Kalau M. Hamidullah dan Maududi membenarkan nama teokrasi digunakan untuk sistem pemerintahan Islam, kita dapati ada Muslim lain yang tidak menyetujui pandangan sedemikian. Javid Iqbal, seorang Hakim Mahkamah Tinggi di Pakistan, menentang penggunaan teokrasi kepada sistem pemerintahan Islam. Katanya, "But it must be clearly understood that an Islamic state is not a theocracy." Alasannya, "Islam does not recognize the distinction between the '*spiritual*' and the '*secular*,' and it is incumbent on every Muslim constantly to endeavor to realize religious values while performing his temporal obligations." (J. Iqbal, 1983). Pada pendapat saya, Javid Iqbal tidak memahami teokrasi sepertimana yang difahami oleh Maududi dan M. Hamidullah. Teokrasi memang tidak memisahkan urusan agama dengan urusan dunia kerana di dalam sebuah negara teokrasi "the divine commandments are the civil laws".

Sejarah Islam awalan, mengikut sarjana Muslim di bidang politik dan pemerintahan Islam, menjalankan Sistem Pemerintahan Khilafah '*caliphate*'. Sarjana-sarjana Muslim abad pertengahan seperti Imam Ghazali, Mawardi, dan Baghdadi menerima Sistem Khilafah sebagai satu-satunya sistem pemerintahan negara Islam.

Apakah ciri-ciri pemerintahan khilafah? Di antara beberapa cirinya ialah khalifah itu sendiri mesti dari suku kaum Quraisy.

"The ideal theory of the *khilafah* required that *khilafah* should necessarily belong to the Quraysh tribe. Most of the traditional jurists including al-Mawardi consider it an essential condition." (M. Ahmed 1983).

Ciri kedua, pemerintahan khilafah ialah cara perlantikan khalifah. Khalifah mesti dipilih dan dilantik oleh satu jemaah pemilih yang digelar *ahli al-hall wal-'aqd* (ahli-ahli penyelesaian dan pengikat) iaitu terdiri daripada kalangan ulama.

"... the *khalifah* was to be chosen by the *ummah* through an electoral college known as *ahl al-hall wa al-'aqd*. The formal procedure by which the members of the electoral college were to choose the *khalifah* was called *bai'ah*. There were two stages of the *bai'ah*: (i) *bai'at al-'khassah*, i.e. by the members of the select body; and (ii) *bai'at al-'ammah*, i.e. public acclaim. Whereas the former is constitutive, the latter is merely declaratory, and therefore of less significance in a political sense. (M. Ahmed, 1983)

Apakah sistem pemerintahan Islam yang diperjuangkan oleh UMNO dan PAS? Apakah pemikiran politik-agama UMNO dan PAS terhadap teokrasi-demokrasi dan sistem khilafah? Untuk mendapat jawapan bagi soalan-soalan itu, kita perlu melihat matlamat-matlamat utama UMNO dan PAS.

Tujuan PAS ditubuhkan mengikut Perlembagaan PAS 1977 dan 1987 ialah: "(1) Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah ." (PP, 1977 dan 1987 Fasal 5. (1)).

Apakah bentuk pemerintahan negara yang diredai Allah di dalam pemikiran politik-agama PAS? PAS boleh dikatakan berjuang untuk menegakkan sistem pemerintahan teokrasi di Malaysia. Satu tulisan oleh seorang tokoh PAS menyatakan bahawa PAS memperjuangkan:

1. "Syarat Allah wajib menjadi aqidah negara dan pegangan kerajaannya, perlembagaan dan segala urusan pemerintahan hendaklah dirujuk kepadanya, ..." (Abdul Hadi, *Konsep Negara Islam*, 1985, h. 9).
2. "Negara Islam itu ialah negara yang mendaulatkan Hukum Allah swt...";
3. "Syariat Islam hendaklah menjadi aqidah negara dan dari aqidah itulah ditegakkan Perlembagaan, dan Perundangan dan segala nizamnya." (Ibid., h. 20).

Dalam sesebuah negara bersistem teokrasi, "*the divine commandments are the civil laws, and God Himself is regarded as the sovereign power.*" PAS memperjuangkan supaya Syariat Islam menjadi aqidah negara, Perlembagaan dan Perundangan negara, dan segala nizam (sistem) yang ada di dalam negara. Di segi ini, sistem negara Islam di dalam tanggapan pemikiran politik PAS ialah teokrasi. PAS menuntut menundukkan semua manusia, Muslim dan bukan Muslim, di bawah Syariat Allah (Undang-undang Allah) dengan alasan bahawa, "Semua manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit dan peringkat adalah hamba kepada Allah, ..." dan "Semua manusia adalah

sama dari segi asal usul mereka, dan dicipta oleh Tuhan Yang Maha Esa, walaupun berbagai-bagai bangsa dan menggunakan berbagai bahasa ...;" dan, sumber peraturan tabii kepada makhluk bukan manusia datang dari Allah maka sumber peraturan untuk manusia juga datang dan ditentukan oleh Allah. (Abdul Hadi, 1986).

Maududi pula mengemukakan pandangan politiknya seperti berikut:

"... the theocracy built up by Islam is not ruled by any particular religious class but by the whole community of Muslims including the rank and file. The entire Muslim population runs the state in accordance with the Book of God and the practice of his Prophet."

Pandangan ini memberikan tugas dan kewajipan berpolitik ke atas setiap individu Muslim lelaki dan perempuan, berilmu, jahil, tua, muda, kaya, miskin, lemah, kuat, cacat anggota atau sempurna anggota.

PAS mempunyai pemikiran politik yang sama dengan pemikiran Maududi dalam aspek pemikiran politik yang boleh dinamakan sebagai "politik partisipasi massa" atau "partisipasi ummah". Bagi PAS setiap Muslim adalah "pemimpin politik". Kata seorang pemimpin PAS, "Islam merupakan satu agama yang tidak boleh disahkan dari politik kerana politik itu adalah sebahagian dari Islam. Bila seseorang itu menjadi Islam, ia juga adalah pemimpin politik." (Abdul Hadi, 1984.).

Dalam konteks sistem pemerintahan negara Islam, PAS dan UMNO jelas mempunyai tanggapan dan pemikiran politik yang berbeza. UMNO mendokong, memperjuangkan, dan mempertahankan sistem pemerintahan demokrasi representatif. Perlembagaan UMNO menyatakan bahawa UMNO "Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadaan sosial dengan mengamalkan sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta meninggikan taraf hidup rakyat." (PU, 1988, Fasal 3.4).

PAS tidak memperjuangkan sistem demokrasi representatif walaupun PAS memasuki pilihanraya di dalam sistem Demokrasi Berparlimen sejak tahun 1957 lagi hingga ke hari ini. PAS turut sama di dalam pilihanraya umum yang berlangsung pada tahun 1985. PAS memasuki pilihanraya Dewan Undangan Negeri dan Parlimen mungkin untuk "Menyediakan rencana-rencana dan bertindak bagi memperbaiki susunan serta institusi-institusi masyarakat, bentuk politik dan keadilan ekonomi dan negara, untuk membela kepentingan umat Islam dan rakyat seluruhnya." (PP, 1977 dan 1987, Fasal 6. (5)).

Penyertaan PAS di dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di Malaysia boleh ditafsirkan secara positif bertujuan pembaikan dan pembelaan kepentingan umat Islam dan rakyat Malaysia seluruhnya. Mungkin kerana berpandukan PP, Fasal 6.(5), PAS semasa di bawah pimpinan Mohd. Asri boleh bersama musuhnya iaitu UMNO dalam satu barisan politik bernama Barisan Nasional. PAS di bawah pimpinan Fadzil Mohd Noor boleh menggunakan Fasal 6. (5) dalam PP kalau dia mahu membawa PAS bekerjasama atau bersekongkol dengan UMNO, Semangat 46, atau DAP. Fadzil dipilih di dalam Muktamar Tahunan PAS ke-35 pada bulan April 1989 bagi menggantikan pemimpin PAS, Yusof Abdullah al-Rawi yang mengundur diri dengan alasan kesihatannya yang tidak mengizinkannya. Yusof al-Rawi atau Rawa menjadi pemimpin PAS mulai tahun 1982 setelah Mohd. Asri meletak jawatannya sebagai pemimpin PAS pada bulan Oktober 1982 dalam Muktamar Tahunan PAS ke-28.

Perlembagaan PAS memang membolehkan PAS "Melakukan apa-apa jua usaha dan tindakan dalam batas-batas Perlembagaan dan undang-undang negara bagi mencapai semua tujuan-tujuan PAS ke dalam dan ke luar." (PP, 1877 dan 1987, Fasal 6.(11)).

Berdasarkan PP Fasal 6. (11), PAS mematuhi Perlembagaan Malaysia dan undang-undang negara Malaysia sekalipun PAS selalu menyatakan bahawa Perlembagaan Malaysia adalah ciptaan manusia dan ia tiada kuatkuasa di segi Islam, dan undang-undang Malaysia juga adalah ciptaan manusia dan kerana itu ianya undang-undang sekular.

Di dalam sebuah buku berjudul *Siapa Menganut Ajaran Sesat?* dihujahkan bahawa kerajaan negeri Terengganu dan kerajaan Malaysia menganut ajaran sesat kerana "Negara Malaysia memakai undang-undang sekular iaitu sistem undang-undang Barat yang tidak berasaskan Agama, bahkan berasaskan akal manusia sahaja."; "Dengan ini jelas dan terang, sesungguhnya apa yang berlaku di tanahair kita sehingga artikel ini ditulis, kerajaan telah meletakkan Perlembagaan Malaysia itu lebih tinggi dari Al-Qur'an dan Hadis Nabi s.a.w."; dan Malaysia mengesahkan sistem demokrasi yang membenarkan suara ramai mengatasi suara tidak ramai, "...dan inilah dia dasar utama yang memberikan hak kepada manusia menentukan hukum-hukum walaupun dalam perkara yang telah dinyatakan oleh Allah s.w.t." (Abdul Hadi, 1986).

PAS mengecam sistem pemerintahan demokrasi tetapi PAS turut sama menyertai secara aktif di dalam sistem itu dengan memasuki pilihanraya-pilihanraya untuk Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

PAS berpendirian bahawa sebuah negara Islam teokrasi mestilah bermodelkan sistem pemerintahan khilafah (caliphate). Perlembagaan PAS Fasal 5. (1) memperjuangkan pengwujudan sebuah masyarakat dan negara yang melaksanakan nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukum Islam. Bagi PAS, Malaysia bukan sebuah negara Islam kerana "Negara Islam bukanlah bererti bahawa negara itu diperintah oleh mereka yang mengaku Islam saja tetapi ianya diperintah mengikut ketentuan yang dituntut oleh Allah s.w.t. seperti yang tercatat dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi." (Abdul Hadi, *Konsep Negara Islam*, 1986). Syarat lain lagi yang mesti wujud di dalam negara Islam tanggapan PAS ialah Syariat Allah mesti menjadi aqidah negara dan pegangan kerajaannya, perlembagaan, dan segala urusan pemerintahan ..." (Ibid., h. 9)

Untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam, PAS berjuang untuk menubuhkan sistem pemerintahan bermodel khilafah. Bagi PAS sistem pemerintahan negara yang diiktiraf dan diakui sah oleh Islam adalah sistem **Teokrasi Khilafah** (Caliphate Theocracy). Ada ahli-ahli PAS berpendapat dan berpendirian bahawa mereka berada di dalam sebuah Parti Allah (Hizbullah) kerana matlamat mereka "Menegakkan Daulat Islamiyyah (Khalifah Islamiyyah). - Negara Islam". Kalau negara bersistemkan khilafah tidak wujud maka, "... kita (orang Islam seluruhnya atau orang PAS?) tidak dapat menjalankan sistem Islam, Hukum Hudud, penyatuan umat di atas nama Islam, beramal dengan jihad dengan makna yang sepenuh-penuhnya sekiranya tidak ada negara Islam dengan makna Khilafah Islamiyyah iaitu negara yang diberi kuasa kepada Islam untuk dilaksanakan (hukum syariah-Nya, oleh orang-orang Islam yang beramal dengan ajaran-Nya, ..." (Abdul Hadi, 1984).

Dalam pemikiran politik-agama PAS, Malaysia bukan negara Islam dan bukan pemerintahan Islam kerana, "Pemerintahan negara Islam yang dilahirkan oleh undang-undang Islam dinamakan Khilafah atau Imaratul Mukmin ataupun al-Imamah al-Akzma. Ketiga-tiga istilah itu maknanya ialah pemerintahan yang berteraskan kepada syariat dan aqidah Islamiah. Pemegang kuasa ini kadangkala dipanggil Khalifah, kadangkala digelar Amirul Mukmin dan kadangkala dipanggil Imam al-Akzam." (Harun Taib, 1981). Dari segi panggilan kepada ketua negara Malaysia pun, Malaysia bukan sebuah pemerintahan Islam di dalam pemikiran politik-agama PAS kerana ketua-ketua negara Malaysia dipanggil Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, dalam pemikiran politik-agama PAS, hanya sistem pemerintahan atau kerajaan khilafah (caliphate) adalah sistem kerajaan dan negara Islam. Sistem-sistem pemerintahan dan politik lain seperti

demokrasi berparlimen, republik, dan lain-lainnya bukan sistem pemerintahan Islam.

Dalam hubungan ini, PAS mempunyai pemikiran politik-agama bahawa bentuk dan sistem pemerintahan atau kerajaan Islam tidak boleh berubah daripada sistem khilafah sekalipun suasana politik dan kekuatan umat Islam berubah. PAS mementingkan "the forms, patterns and structures" negara dan kerajaan lebih daripada "essential functions and purposes of a state and government".

PAS dapat dikatakan berpegang pada Teori Otoriti (the authority theory) di dalam memberikan justifikasi terhadap pilihannya memperjuangkan penubuhan negara bersistem khilafah. Mengikut PAS, "Masalah Khilafah Islamiyyah atau Daulat Islamiyyah yang diterjemahkan dengan makna menegakkan Negara Islam itu, kebiasaannya dipelajari di dalam kitab 'aqidah dan usul oleh para ulamak, menunjukkan betapa besarnya kewajipan menegakkannya, ... (Abdul Hadi, 1984).

PAS menerima empat sumber hukum syariat. Sumber yang ketiga selepas Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. ialah "Perjalanan Al Khulafak Arrashidin ialah mereka yang menjadi Ketua Negara selepas wafatnya Rasulullah s.a.w....." (Abdul Hadi, *Konsep Negara Islam*, 1986).

Dalam sejarah tamadun Muslim, terdapat enam periodasi yang dikategorikan di bawah sistem pemerintahan negara berkhalifah.

"The history of the *khilafah* may be divided into six major periods: (A) classical caliphate (A.D. 632-660); (B) the Umayyads (A.D. 661-754); (C) early Abbasides (A.D. 754-786); (D) the later Abbasides (A.D. 786-1258); (E) the Mamlukes (A.D. 1254-1517); and (F) the Ottomans (A.D. 1512-1924)." (M. Ahmed, 1982).

Khilafah Shi'i Fatimid memerintah di Afrika Utara, Mesir dan Syria di antara tahun 909M hingga tahun 1171M, dan Khalifah Umaiah memerintah Sepanyol di antara tahun 750M hingga 1031M. Antara sumbangan pemerintahan Fatimid pada dunia Islam ialah pembinaan al-Azhar yang sampai kini menjadi masjid dan universiti kepada Muslim di seluruh dunia. Mengikut dua kenyataan menyatakan bahawa:

- (i) "The construction of al-Azhar was begun in the year 970 A.D. (359 A.H.) by the Fatimid general, Jawhar al-Siqilli, a year after Fatimid forces had conquered Egypt. Al-Azhar was built to serve as the congregational mosque of a new dynasty, which was competing with the caliphs of Baghdad for control of the Muslim world. (Salamon, 1988).

- (ii) "The ideal theory of the *khilafah* is founded in the early caliphate during the first thirty years after the death of the Holy Prophet at Madina. This period is called the golden age of the Islamic empire, ... On the basis of these precedents, the medieval Muslim jurists built up an ideal theory of *khilafah*. Al-Baghdad, Abu Yusuf, Abu Ya'la and al-Mawardi have extensively dealt with all aspects of the *khilafah* in their writings on Muslim constructional law." (Ahmed, 1983).

Mengikuti pemikiran politik-agama PAS, Malaysia perlu diletakkan di bawah sistem pemerintahan khilafah untuk memenuhi tuntutan bernegara dan berkerajaan di dalam Islam. Selama mana Malaysia tidak ditukarkan menjadi sebuah negara bersistem khilafah, Malaysia "tidak dapat menjalankan sistem Islam, Hukum Hudud, pernyataan umat di atas nama Islam, beramal dengan jihad dengan makna sepenuhnya..." kerana "tiada negara Islam dengan makna Khilafah Islamiyyah..." di Malaysia ini.

Kalau benarlah Malaysia tidak dapat menjalankan perkara-perkara yang disebut di dalam tanda petikan itu, kenapa PAS sibuk menganjurkan seminar dan perjumpaan perpaduan atau penyatuan umat? Kenapa PAS selalu meminta dan mendesak Kerajaan Malaysia melaksanakan hukum-hukum hudud? Di sini nampaknya PAS berada dalam dilema. PAS menjalankan aktiviti dan mengemukakan desakan yang lari daripada pemikiran politik-agamanya.

Dalam sistem khilafah, khalifah disyaratkan daripada kalangan Arab Quraisy. Isu syarat Arab Quraisy ini akan dibincangkan bawah tajuk "Kelayakan ketua Negara Islam". Walaupun PAS menyatakan perjuangan mereka menegakkan negara Islam bersistem khilafah tetapi PAS tidak mensyaratkan khalifah daripada Arab Quraisy.

PAS juga tidak ada memberikan penjelasan bagaimana metode pemilihan khalifah akan dijalankan sekalipun PAS menyatakan bahawa sebuah negara Islam mestilah negara bersistem khilafah. Dalam sejarah tamadun Muslim dan politik pemerintahan negara Muslim, sistem khilafah turut berubah daripada bentuk asalnya pilihan segolongan Muslim terhadap khalifah kepada tiada pilihan tetapi lantikan dan pusakaan.

"The caliphate began as an elected consultative institution. Later it degenerated into a hereditary, or usurpatory, authoritarian government. This pseudo-caliphate was universally condemned by jurists, though many excused its acts on the grounds of necessity or tolerated them in the interest of stability." (Al-Turabi, 1983).

UMNO tidak berjuang untuk menubuhkan negara Islam bersistem khilafah di Malaysia. UMNO "Mendukung dan mempertahankan

Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-Negeri dan Raja Berpelembagaan" (PU, 1983, Fasal 3.2). UMNO nampaknya tidak berminat untuk menukarkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Malaysia kepada sistem berkhalifah.

Bagi UMNO, undang-undang Islam boleh dikuatkuasakan walaupun tidak di dalam sebuah negara bersistem pemerintah khilafah. UMNO mahu "Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama (PU, 1988, Fasal 3.3.) di Malaysia.

PAS mendukung dan memperjuangkan sistem khilafah Islam. Apakah sistem khilafah tajaan PAS itu tidak mempunyai Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-Negeri, dan Raja Berperlembagaan? Kalau PAS bermodelkan sistem khilafah zaman Khulafa Rasyidin, ketiga-tiga elemen itu tidak wujud pada zaman itu. PAS tidak mengakui kepentingan perubahan sistem khilafah sekalipun di Malaysia wujudnya institusi Kesultanan Melayu yang menerima dan memeluk agama Islam sejak kedatangan Islam ke Alam Melayu sejak abad ke-13 Masihi. PAS tidak pernah secara terus terang mengemukakan pendiriannya terhadap kedudukan institusi Kesultanan Raja-Raja Melayu dalam Konsep Negara Islam tajaan PAS.

PAS mungkin memikirkan bahawa apa yang penting buat masa ini ialah memberitahu rakyat Malaysia bahawa perjuangan PAS ialah menubuhkan negara Islam di Malaysia dan negara Islam itu menggunakan sistem khilafah. Mungkin belum sampai masanya lagi untuk PAS menjelaskan kedudukan Raja-Raja Melayu dalam sistem khilafah tajaan PAS itu kerana PAS tidak mahu menyentuh isu Raja-raja Melayu sekalipun PAS telah menyatakan sikap negatifnya terhadap peruntukan undang-undang mengenai tanah simpanan Melayu.

Kalau sekiranya PAS menyatakan pandangannya terhadap kedudukan Raja-Raja Melayu dalam sistem khilafah tajaannya, maka sudah tentu ia menyentuh satu lagi isu sensitif di kalangan orang Melayu. Seorang Melayu menyatakan,

"I am certain that the Monarchy will last in Malaysia forever — unless after I am gone the country suffers a Communist revolution — or an Islamic revolution (for which a few fundamentalists, inspired by events abroad, have been preparing) — and is taken over by an Islamic Government, in which event the Yang di-Pertuan Agung and Rulers will most certainly have to flee for their lives like the late Shah of Iran." (Mohamed Suffian, 1987).

Itu adalah pandangan Tun Mohamed Suffian, Bekas Ketua Hakim Negara Malaysia. Pada pemikiran beliau, hanya revolusi komunis atau

revolusi Islam ala Iran sahaja yang akan dapat menghapuskan sistem kesultanan di Malaysia. Jika PAS berpegang seratus-peratus dengan sistem khilafah Rasyidin, maka sudah tentu tiada tempat lagi untuk dikekalkan institusi beraja di bawah khilafah. Apa yang ada di bawah khilafah ialah gabenor-gabenor atau amir-amir yang bidang kuasanya lebih rendah daripada khilafah dan mereka menjalankan dan menjadi wakil khilafah di wilayah-wilayah di mana mereka dilantik menjadi gabenor atau amir.

Dalam rangka kerja PAS memperjuangkan penubuhan negara Islam bersistem khilafah di Malaysia, PAS menyusun beberapa strategi. Yusuf Rawa, Yang Dipertua PAS Pusat dan Mursyid Am PAS di dalam ucapan dasarnya di Muktamar Tahunan ke-34 ada menyatakan pada PAS bergerak dalam era kepimpinan baru PAS yang bermula dari tahun 1983. Ia bermula dengan gagasan "Ke Arah Pembebasan Ummah", kemudian mengajak ummah "Menggempur Pemikiran 'Assabiyah", menumpukan usaha menyedarkan ummah supaya "Bertindak Menentang Kezaliman", dan menyedari bahawa "harakah Islamiyyah PAS menuju ke arah menegakkan negara Islam yang di dalamnya berdaulat hukum Islam dalam erti kata yang sebenar-benarnya, ... maka kita peringkatkan para pendukung gerakan kita supaya "Teguhkan Jemaah, Teruskan Jihad." PAS mengemukakan lagi gagasan "Ke Arah Tajdid Hadahri", dan seterusnya "Bertekad Membulatkan Jama'ah" (*Harakah*, 15 April 1988).

Ucapan Yang Dipertua PAS Pusat itu mengarahkan PAS dan pendokongnya supaya berjuang menubuhkan negara Islam. Negara Islam tajaan PAS ialah sistem pemerintahan berkhilafah tetapi khilafah tidak semestinya dari seorang Arab Quraisy. Satu sistem pemerintahan khilafah tidak diwujudkan di Malaysia maka PAS berpendirian di segi teorinya atau konsepsinya, "kita tidak dapat menjalankan sistem Islam, Hukum hudud, penyatuan umat di atas nama Islam, beramal dengan jihad dengan makna yang sepenuh-penuhnya ..." (Abdul Hadi, 1984). Jika petikan ini dijadikan dasar pemikiran, maka PAS tidak boleh menuntut UMNO dan Kerajaan Malaysia menjalankan apa-apa sistem Islam, hukum hudud, penyatuan umat Islam dan berjihad atas nama Islam kerana Malaysia bukan berpemerintahan khilafah dan dengan itu bukan sebuah negara Islam yang ditugaskan dengan tugas-tugas itu.

Dengan petikan yang sama, PAS boleh menganggapkan bahawa apa saja yang dikanunkan dan diperundang-undangkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Malaysia termasuk hal-hal yang berhubung dengan hukum-hukum kekeluargaan Islam sebagai tidak sah tidak mempunyai otoriti dan kuatkuasa perundangan kerana dasar pemerintahan Malaysia bukan pemerintahan khilafah. PAS ber-

pendirian Malaysia adalah sebuah kerajaan sekular kerana Perlembagaannya sekular dan pentadbiran hal ehwal agama Islam dipisahkan daripada pentadbiran lain.

Di dalam usaha PAS memperjuangkan sistem pemerintahan berkhilafah di Malaysia, peranan ulama amat penting di dalam sistem itu, maka PAS cuba memberikan peranan lebih utama kepada ulama di dalam organisasi kepartian PAS itu sendiri. Mungkin faktor inilah yang mendorong PAS untuk meminda perlembagaannya. Ini berlaku selepas Datuk Mohd. Asri Haji Muda meletakkan jawatan sebagai pemimpin tertinggi PAS iaitu Yang DiPertua PAS, yang dipegangnya selama 19 tahun, di Muktamar Agung PAS yang ke-28 pada 23hb. Oktober 1982. (Halim, 1983, h. 97).

PAS menambahkan satu peruntukan di dalam perlembagaannya bagi membolehkan pembentukan "Majlis Syura Ulama" yang dianggotai oleh dua belas ahli PAS. Ahli-ahli Majlis itu terdiri daripada Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, empat ahli daripada Jawatankuasa Kerja Dewan Ulamak PAS Pusat, dan empat ahli lagi dilantik sendiri oleh Majlis Syura Ulamak. (PP, 1987, Fasal 7.(4)(b)).

Untuk mengemukakan kepimpinan ulama yang lebih bersih daripada kepimpinan politik UMNO, PAS mengenakan syarat-syarat yang begitu ketat ke atas ahli-ahlinya yang hendak dilantik ke Majlis Syura Ulamak. Perhatikan betapa ketat dan sulit syarat-syarat itu mengikut PP, 1987, Fasal 7.(4) (a) yang menyatakan: "Seseorang yang hendak dilantik menjadi ahli 'Majlis Syura Ulamak' itu hendaklah seorang yang mengetahui masalah-masalah pokok (Al Usul) dalam syariat Islam dan hukum-hukumnya atau/dan dapat merujuk masalah-masalah itu kepada Al-Quran, As-Sunnah, dan kitab-kitab yang muktabar yang bersumberkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak, dan Qias dengan faham akan maksud dan maknanya yang muktabar dan hendaklah seorang yang adil yakni tidak melakukan dosa besar atau terus menerus melakukan dosa kecil dan hendaklah terpelihara maruahnyanya serta hendaklah seorang ahli PAS."

Ringkasnya, seorang ahli Majlis Syura Ulamak mesti mempunyai syarat keilmuan Islam yang tinggi, mesti tidak melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil, dan mesti seorang ahli PAS. Jika negara Islam bersistem Khalifah dapat ditubuhkan oleh PAS di Malaysia, maka ahli Majlis Syura Ulamak PAS itu mungkin dinamakan Ahl al-Hall wal-'aqd yang memilih dan melantik khalifah di dalam pemikiran politik-agama abad pertengahan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Muslim seperti Abdul Qahir Baghdadi (m. 429H/1037M), Mawardi (m. 450/1058), dan Imam Ghazali (m. 505/1111).

Bagaimana PAS dapat menentukan ahli-ahlinya yang akan dilantik menganggotai Majlis Syura Ulamak tidak melakukan dosa besar dan

dosa kecil sedangkan beberapa orang sahabat utama Nabi dikatakan oleh penentang mereka sebagai melakukan dosa besar yang layak dihukum bunuh? Khalifah Uthman dan Khalifah Ali, dua orang sahabat utama dan kedua-duanya menjadi menantu kepada Nabi Muhammad (s.a.w.), dituduh oleh Muslim yang menentang mereka sebagai orang yang melakukan dosa yang layak dihukum bunuh. Mereka berdua memang telah mati dibunuh oleh orang-orang Islam yang memusuhi mereka berdua.

Apakah orang-orang PAS yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PAS yang dinamakan Muktamar Tahunan itu memilih ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan Ulamak PAS berdasarkan kebersihan ahli-ahli itu daripada melakukan dosa besar atau dosa kecil secara berterusan? Apakah pemilihan mereka itu tidak didasarkan kepopularan mereka? kepopularan boleh diperolehi bukan sahaja melalui keilmuan dan kewarakan lahiriah seperti berserban, berketayap dan lainnya tetapi kepopularan juga boleh diperolehi melalui penulisan, ceramah, dan usrah. Ahli-Ahli Jawatankuasa PAS yang lebih banyak berceramah dan berusrah dengan ahli-ahli PAS di seluruh Malaysia sudah tentu mendapat lebih kepopularan daripada ahli-ahli PAS yang tidak melakukan aktiviti-aktiviti itu. Kepopularan juga boleh didapati melalui faktor-faktor lain yang tiada sangkutan dengan keilmuan Islam dan kebersihan daripada dosa besar dan kecil-kecil.

Syarat yang dikenakan kepada ahli-ahli PAS yang dilantik ke dalam Majlis Syura Ulamak amat berat untuk dipenuhi. Definisi keadilan mengikut Perlembagaan PAS mengenai hal ini menyatakan, "adil yakni tidak melakukan dosa besar atau terus menerus melakukan dosa kecil". Definisi ini meletakkan ahli-ahli PAS di dalam Majlis Syura Ulamak ke taraf hampir kepada maksum dan merupakan satu syarat yang hampir mustahil dilaksanakan di dalam konteks aqidah Ahli Sunnah. Konsep maksum (ma'sum) daripada dosa besar dan dosa kecil di dalam kepercayaan Ahli Sunnah hanya dikhususkan kepada para Nabi dan Rasul, sedangkan Syiah Imamah memperluaskan konsep maksum itu kepada para imam mereka.

Pegangan Syiah Imamah terhadap kemaksuman imam-imam mereka jelas daripada penjelasan Syeikh Muhammad bin Nu'man al-Mufid (m. 413H) di dalam bukunya *Kitab awa'il l-maqalat fi al-madhahib wal-mukhtarat*. (Mufid, 1371H, h. 8-9 dan 35). Syeikh Mufid adalah seorang sarjana atau alim dan pemimpin Syiah Imamah zamannya.

Kemaksuman para Imam ini juga diterima oleh golongan Zaydiah dan Ismailiyah. Mengikut Tabataba'i, perbezaan antara *the Twelve-Imam Shi'ism* atau *the Imamates* dengan Zaydism dan

Isma'ilism bukan terletak pada kepercayaan terhadap kemaksuman para Imam mereka. Perbezaan antara mereka hanya terletak pada bilangan Imam yang mereka percayai.

"the Zaydis usually do not consider the imamate to belong solely to the Household of the Prophet and do not limit the number of Imams to twelve. Also they do not follow the jurisprudence of the Household of the Prophet as do the Twelve-Imam Shi'ites. The difference between Twelve-Imam Shi'ism and Isma'ilism lies in that for the latter the imamate revolves around the number seven and prophecy does not terminate with the Holy Prophet Muhammad ... In contrast, the Twelve-Imam Shi'ites consider the Prophet to be the 'seal of prophecy' and believe him to have twelve successors and executors of his will. They hold the external aspect of the Shari'ah to be valid and impossible to abrogate. They affirm that the Quran has both an exoteric and an esoteric aspect." (Tatataba'i, *Shi'ite Islam*, h. 83).

Syarat yang begitu tinggi dan ketat yang dikenakan oleh PAS ke atas ahli-ahlinya yang hendak dilantik ke dalam Majlis Syura Ulamak meletakkan PAS dalam dilema mencari di kalangan ahli-ahlinya yang mendapat sokongan muktamar tahunan berasaskan kebersihan ahli-ahli itu daripada dosa besar dan dosa kecil kerana asas pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa PAS sama ada peringkat Pusat atau Negeri tidak ada syarat bersih daripada dosa besar dan kecil. Syarat itu begitu ideal. Ianya meletakkan dua belas ahli dalam Majlis Syura Ulamak sebagai orang-orang PAS yang benar-benar adil dengan definisi "adil yakni tidak melakukan dosa besar atau terus melakukan dosa kecil". Apakah ahli-ahli itu memang mencapai taraf kemaksuman sedemikian rupa? Hanya ahli-ahli PAS yang sanggup menganggotai Majlis Syura Ulamak saja yang dapat memberikan jawapan sama ada negatif atau afirmatif terhadap kebersihan mereka daripada dosa besar dan dosa kecil.

Perletakan jawatan-jawatan iaitu "Naib Yang Dipertua PAS Pusat, Pengerusi Lujnah Penerangan PAS Pusat, Timbalan Pengerusi Lujnah Antarabangsa, Pesuruhjaya PAS Wilayah Persekutuan dan Yang Dipertua PAS Kawasan Batu" yang dipegang oleh Ustaz Haji Mohd Nakhaie Haji Ahmad pada 20hb. Ogos 1988 (*Harakah*, 16 Sept. 1988, h. 1), boleh ditafsirkan sebagai terdapat jurang yang amat besar di antara golongan idealis dan golongan realis di dalam PAS. Nakhaie telah menyedari bahawa jurang di antara idealisme (*mithaliyyah*) begitu dalam berbanding dengan realisme (*waqi'iyyah*) yang ada di dalam PAS. Di dalam jurang itu boleh dimasukkan idealisme PAS di segi Perlembagaannya mendapatkan 12 orang ahli-ahlinya yang berilmu keislaman mendalam dan tidak melakukan dosa besar dan tidak melakukan dosa kecil secara berterusan untuk menduduki Majlis Syura Ulamak.

Majlis Syura Ulama' boleh ditafsirkan sebagai satu usaha PAS untuk menepati ciri-ciri *ahl al-hall wal-'aqd* kerana di dalam pemikiran politik-agama PAS "rakyat di dalam Negara Islam itu mempunyai hak penilaian terhadap pemerintah, memberi pandangan yang baik, sama ada secara individu atau melalui wakil mereka di dalam Majlis Syura', yang disebut juga dengan *Ahlul Khali Wal 'akdi*, yang terdiri daripada kalangan Ulama' dan mereka yang mengetahui masalah semasa, dan menjadi kewajipan kepada pemerintah melaksanakan Syura' (permesyuaratan) kerana Firman Allah swt ..." (Abdul Hadi, 1986).

Bagi PAS, majlis permesyuaratan di Dewan Undangan Negeri dan Dewan Parlimen bukan bertaraf Syura kerana ahli-ahlinya tidak mempunyai kelayakan sepertimana kelayakan seorang ahli Majlis Syura Ulama' PAS. Jadi, dalam keadaan sedemikian lebih baik dari segi pemikiran politik-agama PAS dan strategi perjuangan PAS untuk menegakkan sebuah negara Islam bersistemkan teokrasi khilafah di Malaysia. Jika negara Islam sedemikian dapat ditegakkan oleh PAS, 12 orang ahli PAS di dalam Majlis Syura Ulama' akan dapat berfungsi memilih dan melantik khalifah dan kemudiannya khalifah itu akan memilih dan melantik amir-amir atau gabenor-gabenor untuk negeri-negeri di Malaysia.

Kelayakan Ketua Negara Islam

Isu siapa yang layak dan lebih layak untuk dijadikan Ketua Negara Islam telah mula diperdebatkan oleh para Sahabat sebaik sahaja Nabi Muhammad (s.a.w.) yang mengasaskan menjadi Ketua Negara Islam Pertama berpusat di Madinah wafat pada tahun 11 Hijrah atau 632 Masihi.

Perbincangan untuk memilih siapa yang layak menjadi Ketua Negara Islam menggantikan Nabi Muhammad (s.a.w.) berlangsung di Saqifah Bani Sa'adah yang dihadiri dan disertai oleh ketua-ketua Ansar dan Muhajirin. Golongan Ansar bertekad mahu melantik ketua daripada kalangan mereka. Golongan Muhajirin juga bertekad untuk tidak melepaskan kepimpinan umat Islam dari tangan mereka. Perdebatan dan perbincangan yang begitu hangat dan hampir memisahkan Muhajirin daripada Ansar itu berakhir dengan satu resolusi yang berjaya mendamaikan Ansar dan Muhajirin iaitu resolusi "Pemimpin umat dari kalangan Quraisy". Golongan Ansar menerima dan berpasrah pada resolusi itu. Umar al-Khattab meminta Abu Bakar menghulurkan tangannya untuk diberikan baiah (*bay'ah*), tanda persetujuan Umar melantik Abu Bakar menjadi Ketua Negara Islam di Madinah. Golongan Muhajirin dan Ansar yang hadir di situ

turut sama memberikan baiah mereka kepada Abu Bakar. Bagi Umar, Abu Bakar daripada suku Quraisy, telah dilantik menggantikan Rasulullah (s.a.w.) bagi mengimami sembahyang berjamaah dan layaklah Abu Bakar menggantikan Rasulullah (s.a.w.). Selepas baiah di Saqifah, Abu Bakar menerima baiah daripada orang-orang Islam di Masjid Rasul di Madinah. Baiah itu disebut Baiah Umum. Walau bagaimanapun, Abbas bin Abdul Mutalib bercakap dengan Ali bin Abu Talib bahawa Khalifah patut dilantik dari suku Bani Hashim dan Ali yang menjadi sepupu dan menantu Nabi Muhammad (s.a.w.), sepatutnya dilantik menjadi Khalifah. Namun Ali tidak hadir di Saqifah kerana sibuk menguruskan pengkebumian jenazah Rasulullah (s.a.w.). Selepas beberapa waktu, barulah Ali turut memberikan baiahnya kepada Abu Bakar. (M. F. Othman, 1984).

Sehingga abad ini, golongan Syiah Imamah dan Syiah Ismailiah dan lainnya masih tetap dengan pegangan bahawa Ali bin Abi Talib sepatutnya menjadi Khalifah pertama selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w.. Di dalam senarai 12 Imam maksum mereka, Syiah Imamah tidak memasukkan nama 4 orang Khalifah Rasyidin melainkan Khalifah Ali. Khalifah Abu Bakar, Umar, dan Uthman dikeluarkan dari senarai 12 Imam Imamah. Syiah Ismailiah juga mengeluarkan Khalifah Abu Bakar, Umar, dan Uthman dari senarai 7 Imam Ismailiah.

Hadis "Pemimpin umat dari kalangan Quraisy" ini diterima dan dipatuhi oleh umat Islam selama kepemimpinan politik umat Islam berada di tangan Arab suku Quraisy seperti pada zaman Rasyidin, Umaiah (Umayyah), dan Abasiah ('Abbasiyyah). Prinsip ini tidak dipatuhi setelah Arab Quraisy gagal mempertahankannya dengan kekuatan tentera, ideologi, dan keagamaan Islam.

Mamluk yang memerintah Mesir dan Syria mulai 1250M hingga dikalahkan oleh tentera Kerajaan Ottoman pada 1516-17M adalah bukan Arab Quraisy tetapi '*Qipchaq Turks from the South Russian Steppes*.' Mamluk asalnya kumpulan hamba yang menjadi tentera dan kemudian berjaya menjadi pemerintah melalui kekuatan tentera yang mereka miliki. (Bosworth, 1976, h. 24). '*The Fatimid Caliphs, who surrendered the territory to the Seljuks, were Shi'ites of the Isma'ili, or 'Sevener' persuasion.*' (Savory, 1976). Saladin (Salahuddin Al-Ayubi) yang berjaya menawan semula Jerusalem daripada tentera Salib pada tahun 1187M adalah dari keturunan Seljuk yang memerintah Mesir dan Syria sebelum golongan Mamluk menguasai Mesir dan Syria.

Walaupun bagaimanapun, sarjana-sarjana Muslim di bidang pemikiran politik Islam dahulu dan abad kedua puluh ini masih lagi mengekalkan dan mensyaratkan "Pemimpin umat dari kalangan Quraisy". Dengan kata lain mereka masih mensyarat dan menuntut

supaya seorang Arab keturunan Quraisy dilantik menjadi Ketua Negara Islam.

Contoh sarjana-sarjana Muslim silam yang mewajibkan syarat keturunan Quraisy menjadi Ketua Negara Islam ialah Ibn Hazm, Qurtubi, Baghdadi, dan Ibn Hajar. Sarjana-sarjana ini mempunyai pemikiran dan pegangan bahawa kalau ada seorang yang bukan daripada keturunan Quraisy dipilih dan dilantik menjadi Ketua Negara Islam (Imam atau Khalifah), maka dia tidak layak memegang jawatan itu. Dia dan orang-orang Islam yang terlibat di dalam memilih dan melantiknya serta orang-orang Islam yang meredai (tidak menentang) hal itu adalah fasiq (fasiq) dan penderhaka ('asi) kerana mereka melanggar hukum-hukum (hudud) Allah yang ditetapkan oleh Hadith. Imam Szali dan Mawardi juga menerima sebagai prinsip iaitu "Pemimpin umat dari kalangan Quraisy". (Abu Jayb, 1985).

Contoh sarjana-sarjana Muslim abad ini yang mewajibkan syarat keturunan Quraisy menjadi Ketua Negara Islam ialah Sa'd Abu Jayb yang menyatakan, "Pada pendapat saya hadis-hadis Nabi mengenai itu adalah sabit, sahih, mutawatir, dan setiap Muslim tidak boleh meragukannya." (Abu Jayb, 1985); dan sarjana Abdul Qadir Abu Faris juga bersetuju bahawa pemimpin umat Islam di tangan Quraisy. Katanya, "Syarat keturunan Quraisy ditetapkan oleh Syarak melalui dua cara iaitu Hadis dan Ijmak." (Abu Faris, 1986).

Imam Ghazali, (m. 505H/1111M), di dalam *al-Iqtisad fi al-i'tiqad* menyatakan bahawa seorang yang layak dilantik menjadi Imam umat Islam mestilah berkeahlian dan berkebolehan dalam mentadbir dan memimpin manusia. "Pemimpin yang layak mentadbir dan memimpin manusia mestilah mempunyai kifayah (competence), keilmuan, dan kewarakan. Ringkasnya, pemimpin itu mempunyai semua kelayakan-kelayakan yang diisyaratkan kepada kadi-kadi (*qadat*) dan ditambah lagi dengan syarat keturunan Quraisy. Syarat Quraisy ini diketahui melalui Hadis Nabi iaitu Pemimpin umat dari kalangan Quraisy. (Ghazali, 1962).

Mawardi (370 - 450H), menyatakan ahli imamah atau keahlian pemimpin umat Islam ada tujuh syarat iaitu:

- (i) Keadilan,
- (ii) Keilmuan yang boleh berjihad hukum-hukum,
- (iii) Kesejahteraan pancaindera untuk pendengaran, penglihatan, dan percakapan,
- (iv) Kesejahteraan pancaindera atau organ untuk pergerakan,
- (v) Pemikiran yang membawa kebaikan kepada rakyat,

- (vi) Keberanian memasuki medan perang, dan
- (vii) Keturunan Quraisy

Justeru itu ada Hadis mengenainya dan diijmakkannya, dan Abu Bakar berhujah dengan Hadis itu iaitu "Pemimpin umat dari kalangan Quraisy" dalam peristiwa di Saqifah. (Mawardi, 1983, h. 6).

Baghdadi (m. 469H/1073M), menerima keturunan Quraisy sebagai satu antara beberapa syarat kelayakan pemimpin (Imam/Khalifah) umat Islam berdasarkan Hadis Nabi "Pemimpinan (imamah) umat dari kalangan Quraisy". (Baghdadi, Usul al-din, 1981, dan Baghdadi, al-farq bayn al-firaq).

Mengenai Hadis yang menyatakan "Pemimpinan umat dari kalangan Quraisy", dan pemikiran politik-agama Ahli Sunnah dan Jemaah yang mensyaratkan keturunan Quraisy menjadi Khalifah atau Imam umat Islam, UMNO dan PAS sama-sama tidak memberikan perhatian pada syarat keturunan Quraisy untuk Ketua Negara Islam.

Kalau diterima pandangan sarjana-sarjana Muslim yang mewajibkan syarat keturunan Quraisy menjadi Ketua Negara Islam, maka UMNO dan PAS sama-sama menjadi fasik dan menderhaka kerana tidak berjuang untuk melantik Ketua Negara Islam daripada kalangan Quraisy.

PAS yang memperjuangkan sistem politik dan pemerintahan bersistem teokrasi-khilafah di Malaysia tidak berjuang untuk mematuhi dan memenuhi syarat khalifah dari keturunan Quraisy. PAS melalui PP, 1977 dan 1987, Fasal 8 dan 9 tidak membuka peluang kepada Muslim bukan warganegara Malaysia untuk menjadi ahli PAS. Fasal 9 menyatakan, "Adapun syarat untuk menjadi seorang ahli PAS itu ialah: (1) Warganegara Malaysia, (2) Beragama Islam, (3) 'Aqil baligh menurut hukum syara', (4) Mengaku menerima serta taat kepada Perlembagaan PAS dan peraturan, arahan-arahan dan keputusan-keputusan Parti dari semasa ke semasa." (PP, 1987). Di dalam PP, 1977 Fasal 9 menyatakan "(1) Warganegara Persekutuan." Mengikut PP, 1977 PAS tidak dapat menerima menjadi ahli warganegara Malaysia di Sabah dan Sarawak tetapi hal ini telah dipinda dalam PP, 1987.

Walaupun mengikut Perlembagaan PAS bahawa Muslim bukan warganegara Malaysia tidak boleh menjadi ahli-ahli PAS dan Ahli-Ahli Jawatankuasa PAS peringkat negeri dan pusat, tetapi PAS mungkin boleh melantik seorang keturunan Arab Quraisy untuk menjadi khalifah negara Islam tajaan PAS sekiranya Majlis Syura Ulamak memutuskan hal itu. Majlis Syura Ulamak satu kuasa tertinggi dalam organisasi kepartian PAS dan akan terus menjadi kuasa tertinggi dalam negara teokrasi-khilafah PAS kerana khalifah akan

dipilih dan dilantik oleh Majlis Syura Ulama yang akan bertukar menjadi *Ahl al-hall wal-'aqq*.

Walau bagaimanapun, dua orang pemimpin PAS iaitu Abdul Hadi Awang dan Harun Taib tidak mempunyai fikiran dan pegangan penting dan perlunya syarat keturunan Quraisy kepada pemimpin umat Islam dan negara teokrasi-khilafah yang ditaja dan diperjuangkan oleh PAS.

Bagi Abdul Hadi, syarat-syarat untuk menjadi pemimpin umat Islam memadai dengan empat syarat sahaja, dan tidak termasuk syarat keturunan Arab Quraisy. Empat sifat itu ialah orang yang mendirikan sembahyang, memberi zakat, menyuruh makruf, dan mencegah kemungkaran. (Abdul Hadi, *Konsep Negara Islam*).

Bagi Harun Taib pula, syarat keturunan Quraisy itu perlu dan sah untuk zaman dahulu sahaja iaitu zaman Arab Quraisy menjadi pemerintah, Khalifah atau Imam kepada umat Islam. Zaman sekarang syarat keturunan Quraisy itu tidak perlu lagi sekalipun syarat itu menjadi satu pegangan atau satu prinsip dalam pemikiran politik-agama Ahli Sunnah dan Jamaah. Kata Harun Taib, "Mereka (Ahli Sunnah dan jemaah) mengatakan calon Ketua Negara Islam itu haruslah (mestilah/wajiblah) dari keturunan Quraisy, ..." (Harun, 1981). Tetapi Harun tidak dapat menerima dan memperjuangkan pegangan politik-agama Ahli Sunnah dan Jamaah dalam syarat keturunan Quraisy ini dengan alasan yang ada hubungan dengan sejarah dan sosial umat Islam. Zaman dahulu, keturunan Quraisy lebih ramai dari keturunan lain di Tanah Arab. Namun zaman ini "orang Islam telah bercerai-berai, bertaburan di sana-sini. Hubungan keturunan dan asal usul bangsa Quraisy tidak sejelas yang ada di zaman permulaan Islam. Maka memandangkan hal ini kita berpendapat, "Bahawa keturunan Quraisy tidak mempunyai ertinya lagi di zaman ini dan tidak dipertikaikan lagi." (Harun, 1981, h. 74). Kenapa PAS mengeneppikan syarat keturunan Arab Quraisy yang menjadi satu pegangan politik-agama Ahli Sunnah dan Jamaah? Pada tanggapan saya, keadaan dan suasana di mana PAS tumbuh dan hidup membuatkan PAS tidak memasukkan ke dalam program perjuangannya untuk memberikan dan menyerahkan pimpinan politik umat Islam kepada keturunan Quraisy.

PAS diasaskan dan dikembangkan oleh orang Melayu beragama Islam yang tidak pernah mengalami dan duduk di bawah pemerintahan Arab Quraisy. Hubungan keturunan dan asal-usul bangsa Quraisy di Malaysia tidak jelas. Pemimpin-pemimpin PAS yang ada sekarang ini tidak dapat membuktikan dengan jelas yang mereka berketurunan Arab Quraisy. Jika syarat keturunan Quraisy diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin PAS kini, maka mereka sendiri tidak layak menjadi pemimpin kerana mereka bukan keturunan Quraisy.

Pemimpin-pemimpin PAS yang lampau seperti Dr. Burhanuddin Hilmi, Zulkifli Muhammad, dan Muhammad Asri tidak pernah mendakwa ada hubungan nasab dengan Arab Quraisy untuk mempertanggungjawabkan ketokohan dan kepimpinan mereka dalam memimpin PAS. Mereka mungkin telah menyedari bahawa bangsa Melayu tidak akan sanggup secara sistem demokrasi berada di bawah pemimpin Arab Quraisy.

PAS terkenal dengan sikap paling lantang dan agresif menentang unsur asabiah 'asabiyyah' keturunan dan kebangsaan. PAS menghentam habis-habisan UMNO sebagai parti asabiah Melayu dan membawa bukti-bukti daripada Hadis untuk menyalahkan UMNO daripada aspek asabiah. Jadi, kalau PAS memperjuangkan prinsip "Pemimpinan umat dari kalangan Quraisy", maka PAS pula boleh dituduh oleh penentangannya sebagai parti yang memperjuangkan asabiah Quraisy.

UMNO memang tidak berminat mencari pemimpin dari bukan bangsa Melayu. Dari segi namanya iaitu *United Malays National Organisation* atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru), sudah menunjukkan bahawa ia tidak bersedia memilih dan melantik pemimpin dari kalangan Arab Quraisy. Tambahan pula, UMNO tidak memperjuangkan penubuhan sebuah negara Islam bersistem teokrasi-khilafah sepertimana PAS. Jadi, pemimpin negara tajaan dan perjuangan UMNO tidak mesti seorang khalifah dari kalangan Arab Quraisy.

Di segi keahliannya, UMNO membuka keahlian biasanya kepada "Warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu atau bumiputera yang berusia 18 tahun ke atas". (PU, 1988, Fasal 4.2).

Ringkasnya, pemikiran politik-agama UMNO dan PAS sama-sama tidak memberikan perhatian merujuk Hadis "Pemimpin umat dari kalangan Quraisy" yang dijadikan satu pegangan atau satu prinsip dalam pemikiran politik-agama Ahli Sunnah dan Jamaah. Dalam syarat keturunan Quraisy untuk ketua, khalifah, dan imam umat Islam dan negara Islam, pemikiran politik-agama UMNO dan PAS mempunyai persamaan dengan pemikiran politik-agama Khawarij dan Muktazilah kerana Muktazilah dan Khawarij tidak mensyaratkan ketua umat Islam dari keturunan Quraisy.

Partisipasi Wanita Muslim Dalam Politik

Perlembagaan PAS dan Perlembagaan UMNO sama-sama membenarkan penubuhan bahagian wanita yang dikenali sebagai Dewan Muslimat PAS dan Pergerakan Wanita atau Kaum Ibu UMNO.

Perlembagaan UMNO memperuntukkan dan membenarkan partisipasi dan pemimpinan Wanita UMNO di peringkat cawangan,

bagian, dan badan perhubungan UMNO. Ketua Pergerakan Wanita UMNO menjadi salah seorang daripada lima orang Naib Presiden di dalam Majlis Tertinggi UMNO. Wanita UMNO juga boleh dilantik oleh Presiden dan oleh Perhimpunan Agung ke Majlis Tertinggi. (PU, 1988, 7.2.3, 7.2.7 dan 7.2.8). Badan Perhubungan UMNO perlu dianggotai oleh dua orang wakil Pergerakan Wanita Negeri dan Wilayah Persekutuan. (PU, 1988, Fasal 10.2.7). Dalam Jawatankuasa Bahagian UMNO, Ketua Pergerakan Wanita menjadi salah seorang daripada tiga Naib Ketua. (PU, 1988, Fasal, 13.1.3).

Setiap kali pilihanraya umum diadakan, UMNO melantik calon-calon wanitanya untuk bertanding dan kerajaan Malaysia mempunyai menteri-menteri wanita daripada kalangan wanita UMNO. Bagi UMNO partisipasi dan pemimpinan wanita diberi galakan dan sokongan pada peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Cuma dalam sejarah UMNO, jawatan Presiden dan Timbalan Presiden belum lagi dipegang oleh wanita. Perlembagaan UMNO tidak menghalang wanita ke jawatan-jawatan itu sekiranya mereka mendapat sokongan majoriti ahli-ahli UMNO untuk jawatan-jawatan itu.

Perlembagaan PAS tidak memberikan kepada muslimatnya peruntukan dan bidang tugas sebesar dan seluas yang diberikan oleh Perlembagaan UMNO kepada wanitanya. Ketua Dewan Muslimat Pusat PAS menjadi anggota di dalam Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. (PP, 1987, Fasal 22. (d)). Dua orang dari Ketua Dewan Muslimat Kawasan PAS menjadi salah seorang ahli di dalam Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan. (PP, 1988, Fasal 24. (c)). Ketua dan Setiausaha Dewan Muslimat Negeri menjadi ahli di dalam Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan, dan Ketua Dewan Muslimat Negeri menjadi ahli di dalam Jawatankuasa Harian PAS negeri-negeri. (PP, 1987, Fasal 34.(3)(g), dan (9)(g)).

Dewan Muslimat Cawangan PAS mempunyai sepuluh Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada seorang Ketua, seorang Naib Ketua, seorang Setiausaha, seorang Bendahari, dan enam orang Ahli Jawatankuasa. (PP, 1987, Fasal 27.(1)) Perlembagaan PAS Fasal 56 hingga Fasal 67 memperuntukkan penubuhan dan perjalanan serta peraturan Dewan Muslimat PAS Pusat, Dewan Muslimat PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan, dan Dewan Muslimat PAS Kawasan.

Peranan dan partisipasi Muslimat lebih tertumpu pada kerja-kerja di dalam Dewan-dewan Muslimat Pusat, Negeri dan Kawasan. PAS di bawah pemimpin era baru mulai 1983 telah mengambil sikap yang lebih tertutup terhadap partisipasi dan pemimpinan Muslimat. Di dalam pilihanraya umum 1986, Muslimat hanya berperanan membantu calon-calon lelaki PAS. Muslimat tiada dipilih untuk menjadi calon-calon yang dipertandingkan di dalam pilihanraya itu. Sebelum

PAS di bawah kepimpinan ulama, PAS mencalonkan wakil dari Dewan Muslimat bertanding di dalam pilihanraya dan dua orang Muslimat iaitu Khatijah Sidek di Terengganu dan Salmah Muhsin di Kedah pernah memenangi pilihanraya dan menjadi Wakil Rakyat.

PAS di bawah kepimpinan Ulama dan Dewan Muslimat di bawah pimpinan seorang janda berumur lima puluhan iaitu Wan Asma Abd. Kadir menerima polisi menutup Muslimat dengan pakaian tertutup dan menutup peluang Muslimat menjadi calon di dalam pilihanraya.

Mengikuti Wan Asma, Ketua Dewan Muslimat PAS yang dikekalkan jawatannya di dalam Muktamar Muslimat pada 31 Mac 1989 bagi penggal 1989/1991, "Muslimat banyak sekali membantu PAS dalam sesuatu pilihanraya ... Antara tugasnya adalah merayu undi, penjaga bangsal panas, kebajikan kepada petugas pilihanraya dan lain-lain tugas yang sesuai dengan muslimat." (*Harakah* 31 Mac, 1989, h. 23).

Perubahan lain yang berlaku kepada Muslimat kini berbanding dengan Muslimat sebelumnya dapat diperhatikan melalui pakaian Muslimat semasa menghadiri Muktamar. Kata Wan Asma, "Muslimat PAS tidak lagi 'bermake-up' dan perhiasan lain-lain." Muslimat memakai tudung yang menutup semua badan semasa ke Muktamar. "Kini Muslimat PAS telah menjadi benar-benar muslimat sebagaimana yang dituntut oleh Islam." (*Harakah*, h. 17).

Mengenai Muslimat ditutup peluang menjadi calon pilihanraya, Wan Asma berkata, "Muslimat kini juga sudah faham kedudukan mereka dalam konteks pilihanraya ini ... setelah konsep kepimpinan ulamak diterima, mereka sudah faham bahawa muslimat bukanlah orangnya yang layak untuk calon (calon) dalam pilihanraya." (*Harakah*, 31 Mac, 1989).

Mungkin kerana begitu tertutup dari segi pakaian, pergerakan, peranan, dan peluang yang ada pada Muslimat PAS, "Dewan Muslimat PAS kini mempunyai ahli seramai hampir 4,000 orang." (*Harakah*, 31 Mac, 1989, h. 23). Bilangan ahli Muslimat itu diberikan oleh Wan Roslina Wan Yusof, Setiausaha Dewan Muslimat sebelum 31 Mac, 1989 dan di dalam Muktamar Muslimat pada hari itu, beliau dipilih menjadi salah seorang daripada 10 orang ahli di dalam Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Pusat. Jawatankuasa itu mempunyai 12 ahli termasuk Ketuaanya Wan Asma Wan Abdul Kadir dan Naibnya Jamilah Ibrahim.

Kalau PAS berjaya memerintah Malaysia, Muslimat tidak akan dilantik menjadi menteri kerana untuk menjadi seorang Wakil Rakyat di dalam pilihanraya pun Muslimat telah tidak layak mengikut PAS yang sedang berada di bawah era baru iaitu era kepimpinan ulamanya. Tambahan pula, tiada seorang pun menteri (wazir) wanita dilantik pada zaman Rasulullah (s.a.w.) dan pada zaman Khalifah Rasyidin. Empat belas orang menteri pada zaman Rasulullah (s.a.w.) semuanya

terdiri daripada Muslim bukan Muslimat. Mereka ialah Hamzah, Jaafar, Ali, Hasan, Husin, Abu Bakar, Omar, Miqdad, Abdullah bin Mas'ud, Abu Zar, Huzaifah, Salman, Ammar, dan Bilal. (Harun, 1981, h. 91). Walau bagaimanapun, Harun tidak menyebutkan nama kementerian di mana mereka dilantik menjadi menteri.

Ringkasnya, Perlembagaan PAS dan UMNO membenarkan partisipasi wanita Muslim di dalam politik kepartian. Walau bagaimanapun, UMNO memberikan kepada wanitanya peranan dan ruang berperanan lebih luas dan besar berbanding dengan peranan dan ruang berperanan yang PAS berikan kepada muslimatnya.

Pemimpin-pemimpin PAS mulai 1983 telah menutup peluang muslimatnya menjadi calon pilihanraya dan menjadi Wakil Rakyat. Penutupan peluang dan peranan itu dilakukan kerana PAS memahami Islam tidak membenarkan wanita muslim menjadi calon dan menjadi wakil rakyat tetapi Islam membenarkan wanita muslim berpartisipasi di dalam politik untuk menjamin atau untuk menolong memenangkan calon lelaki Muslim PAS yang dipertandingkan di dalam sesuatu pilihanraya sama ada peringkat Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen. Demikianlah kedudukan dan peranan wanita Muslim di dalam perspektif pemikiran politik-agama PAS.

Partisipasi Bukan Muslim Dalam Politik

Perlembagaan PAS tidak membenarkan bukan-Muslim menjadi ahli PAS. Perlembagaan PAS dalam Fasal 9 mengenakan 4 syarat ke atas orang yang dapat diterima atau dipertimbangkan untuk menjadi ahlinya. Seorang itu mestilah warganegara Malaysia, beragama, akil dan baligh, dan mengakui menerima dan taat kepada Perlembagaan PAS, peraturan, dan arahan PAS dari semasa ke semasa.

Dengan ini, PAS tidak mempunyai pemikiran politik-agama yang membenarkan bukan-Muslim menganggotai PAS dan turut sama di dalam perjuangan politik PAS. Di dalam ceramah-ceramah dan rapat-rapat umum PAS di dalam tahun 1960-an dan 1970-an pemimpin dan ahli biasa PAS menjadikan satu isu politik yang besar mengenai UMNO bekerjasama dengan MCA dan MIC di dalam PARTI PERIKATAN di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Namun PAS tidak menimbulkan isu itu apabila PAS di bawah pimpinan Datuk Mohd. Asri menyertai Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Tun Abdul Razak sehingga 1978. Apabila PAS keluar dari BN, PAS kembali menghentam UMNO kerana asabiah dan kerana pakatan (kolaborasi) politik UMNO dengan MCA, MIC, GERAKAN dan lainnya.

Sungguhpun Perlembagaan PAS tidak dapat menerima bukan-Muslim menjadi ahli PAS dan berjuang dalam parti itu, beberapa orang pemimpin PAS Pusat mulai 1983 telah memikirkan cara untuk menarik sokongan undi bukan Muslim kepada PAS di dalam menghadapi BN dan UMNO. Salah seorang pemimpin PAS Pusat yang jelas diketahui memikirkan secara serius hal ini ialah Nakhaie Ahmad.

Melalui usaha awalan beberapa orang pemimpin PAS Pusat termasuk Nakhaie, PAS bersetuju untuk mengadakan satu kolaborasi politik dengan CCC (The Chinese Consultative Committee) untuk memberikan tentangan hebat kepada Barisan Nasional di dalam pilihanraya umum. Malangnya pakatan itu pecah di tengah jalan semasa hampir kepada pilihanraya umum 1985. PAS kalah teruk di dalam pilihanraya umum itu. PAS hanya memenangi satu kerusi di Parlimen dan beberapa kerusi di Dewan Undangan Negeri di Kelantan, Trengganu, dan Kedah.

Punca kegagalan kolaborasi politik PAS-CCC dikatakan ada hubungan dengan kalangan ahli dan pemimpin PAS yang menentang usaha kolaborasi itu. Di antara ahli-ahli PAS yang menentang kolaborasi politik PAS-CCC ialah Abu Bakar Hamzah yang kemudiannya keluar atau dikeluarkan daripada PAS. Nakhaie Ahmad juga turut diletakkan kesalahan kerana terlibat di dalam usaha mengadakan kolaborasi politik PAS-CCC. Merasa kecewa dengan PAS, Nakhaie keluar dari PAS dan menyerahkan borang permohonan menjadi ahli UMNO kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir, pada 27 April, 1989. (*Utusan Malaysia*, 28 April, 1989)

Perlembagaan UMNO Fasal 4.2. membuka keahlian biasa UMNO kepada "Warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu atau bumiputra yang berusia 18 tahun ke atas." Berdasarkan Fasal ini, UMNO membuka keahliannya kepada bangsa Melayu dan bumiputra (native) yang lain tetapi tidak membuka keahliannya kepada India dan Cina sekalipun India dan Cina memeluk agama Islam. Berdasarkan PU Fasal 4.2, bumiputra akan diterima menjadi ahli UMNO sekalipun bumiputra itu masih belum memeluk Islam.

UMNO memang berkolaborasi politik dan pimpinan Malaysia dengan parti-parti Cina dan India di dalam Parti Perikatan dan di dalam Barisan Nasional. Pemikiran politik-agama UMNO membenarkan kolaborasi politik dibuat dengan bukan Muslim.

Ringkasnya, UMNO telah menyedari kepentingan mengadakan kolaborasi politik dengan bukan-Muslim sejak tahun 1950-an, manakala PAS baru menyedari kepentingan ini dalam tahun 1980-an. Walaupun PAS menyedari kepentingan menarik undi bukan-Muslim untuk PAS, tetapi PAS masih berada dalam dilema mengenai cara dan syarat yang patut digunakan oleh PAS di dalam mengadakan kolaborasi politik dengan bukan Muslim.

Rujukan

1. **Bahasa Malaysia.**

Abdul Hadi Awang, 1984. *Hizbullah dan Hizbussyaitan*. Kuala Trengganu: Gedung Ummah.

_____. *Jika Islam Mentadbir*. 1984, Kuala Trengganu: Gedung Ummah.

_____. 1986. *Konsep Negara Islam dan Matlamatnya*. Kuala Lumpur: G.G. Edar.

_____. *Rahsia Kekuatan Tentera Allah*. Kelang: Penerbitan Mujahid, tiada tarikh.

_____. 1986. *Siapa Menganut Ajaran Sesat?* Kuala Lumpur: G.G. Edar.

_____. 1987. *Tarbiah Islamiah Harakiah*. Kuala Lumpur: G.G. Edar.

Halim Mahmood. 1983. *Asri Dalam Dilema*. Kuala Lumpur: Hafar Enterprise.

Hidayat, 1986. A.K. *PAS 1951-1991 (Tercabar-Mencabar)*. Kuala Lumpur: GG Edar.

Harakah 15/4/88, 31/3/89, 7/4/89 dan 14/4/89.

Harun Taib. 1981. *Kuasa Pemerintahan Islam*. Kuala Trengganu: Penerbitan Institut Berakan.

Perlembagaan Parti Islam se-Malaysia (PAS). 1977, Kuala Lumpur: Pejabat Agung, Parti Islam se-Malaysia (PAS).

Perlembagaan Parti Islam se-Malaysia (PAS) Pindaan (1987). Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS.

PERLEMBAGAAN UMNO. Kuala Lumpur: Ibu pejabat UMNO, 1988.

Utusan Malaysia. 28 April, 1989.
2. **Bahasa Inggeris**

Ahmad, Muhammad Aziz. 1975. *The Nature of Islamic Political Theory*. Karachi: Ma'aref Limited.

Ahmed, Manzooruddin. 1983. *Islamic Political System in the Modern Age: Theory and Practice*. Karachi: Saad Publications.

A.S. Bin Salamon. 1988. *Azhar and Politics*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.

Bosworth, C. E. 1981. "The historical background of Islamic civilization." In *Introduction to Islamic Civilization*, pp. 15-31. Edited by R. M. Savory. Cambridge: Cambridge University Press, 1976 Reprinted.

Dictionary of Philosophy and Religion: Eastern and Western Thought. 1980.

El-Awa, Muhammad S. 1980. *On the political System of the Islamic State*. Indianapolis: American Trust Publications.

- Enayat, Hamid. 1982, *Modern Islamic Political Thought*. London: The Macmillan Press Ltd..
- Farsakh, Andrea M. "A Comparison of the Sunni Caliphate and the Shi'i Imanate." *Muslim World* 59(1969): 50-63 and 127-141.
- Hamidullah, Muhammad. 1977, *The Muslim Conduct of State*. 7th ed. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf. Its first edition is 1941-42.
- Hinds, Martin. "The Murder of the Caliph 'Uthman." *International Journal of Middle East Studies*, 3(1972): 450 - 469.
- Iqbal, Javid. 1983, "Democracy and the Modern Islamic State." In *Voices of Resurgent Islam*, pp. 252-260. Edited by John L. Esposito. New York: Oxford University Press.
- Khadduri, Majid. "Nature of the Islamic State." *Islamic Culture*, 21(1947): 327-331.
- Khel, M. N. Ka Ka. "Bay'a and Its Political Role in the Early Islamic State." *Islamic Culture*, 20 (1981): 227-238.
- Maududi, S. Abul A'la. 1968, *First Principles of the Islamic State*. Translated and edited by Khurshid Ahmad. Lahore: Islamic Publications Limited.
- _____. 1967, *Political Theory of Islam*. Edited and translated by Khurshid Ahmad. Lahore: Islamic Publications Ltd..
- Mohamed Suffian. "Role of the Monarchy." In *Reflections on the Malaysian Consitution*, pp. 30-43. Edited by Aliran. Penang: Aliran Kesedaran Negara, 1987.
- Rosenthal, Erwin I. J. 1962, *Political Thought in Medieval Islam: An Introductory Outlines*. Cambridge: The University Press.
- Savory, R. M. "Christendom vs. Islam: 14 Centuries of interaction and co-existence." In *Introduction to Islamic Civilization*, pp. 127-135. Edited by R.M. Savory. Cambridge: Cambridge University Press, 1976 Reprinted 1981.
- Shah, Bulbul. 1984, "The Imam as Interpreter of the Qur'an According to al-Qadi al-Nu'man (d. 363/974)." M.A. thesis, McGill University.
- Tabataba'i, Muhammad Husayn. *Shi'ite Islam*. Trans. and ed. by Seyyed Hossain Nasr. Houston: Free Islamic Literatures, Inc., n.d.
- Turabi, Hassan. 1983, "The Islamic State." In *Voices of Resurgent Islam*, pp. 241-251. Edited by John L. Esposito. New York: Oxford University Press.
- Yusuf, S. Muhamad. "The Revolt Against 'Uthman." *Islamic Culture*, 27 (1953): 1 - 7.

3. **Bahasa Arab**

Abú Jayb, Sa'dí. 1985, *Dirásat fi manhájj al-islám al-siyásí*. Beirut: Mu'assasat al-risálat.

Abú Faris, Muhammad 'Abd al-Qádir. 1987, *Al-Nizám al-siyásí fi al-islám*. Amman: Dar al-furqan.

Al-Baghdádí, Abú Mansúr bin Tahír al-Tamímí. 1981, *Kitáb usúl al-dín*. Beirut: Dár al-kutub.

_____. *Al-Farz bayn al-firaq*. Ed. by Muhammad Mahyuddin 'Abd al-Hamid. Maydán Azhar: Maktabat Muhammad 'Ali, n.d.

'Uthman, Muhammad Fathí. 1984, *Min usúl al-fikr al-siyásí al-islámí*. Beirut: Mu'assasat al-risalat.

Al-Ghazali, Abu Hamid. 1962, *Al-Iqtisád fi al-i'tiqád*. Maydan Azhar: Maktabat Muhammad 'Ali.

Al-Máwardi, 'Ali bin Muhammad. 1983, *Al-Ahkám al-sultániyyah wal-wiláyat al-diniyyah*. Misr: Dár al-fikr.

Al-Mufid, Muhammad bin al-Nu'mán. *Kitáb awsi'il al-maqálat fi al-madhahit wal-mukhtárát*. Ed. Shaykh al-Islám al-Zunjání. Tabriz: Wá'iz Jarandábí, 1371H.

April, 1989
43600 Bangi
Malaysia.

PERSEDIAAN PEMIMPIN MELAYU UNTUK KEPERLUAN MASA DEPAN*

Chamil Wariya**

Pendahuluan

Kita sedang berada di ambang abad ke-21. Apa yang menanti kita tatkala kita memasuki dasawarsa 1990-an dan seterusnya melangkah ke tahun 2000 sukar untuk diramalkan dengan tepat. Tetapi berdasarkan perkembangan yang ada, kita boleh membuat beberapa andaian mengenai hala yang hendak ditujui.

Memasuki abad ke-21, Malaysia diramalkan akan menjadi sebuah negara perindustrian baru dan barangkali juga sebuah negara industri. Persiapan ke arah itu sudah pun diasaskan oleh pimpinan yang ada sekarang. Dipercayai, siapa juga yang mengambil alih pimpinan dari generasi yang ada, akan meneruskan rancangan menjadikan negara ini sebuah negara industri.

Pada masa-masa akan datang, juga ramalan boleh dibuat bahawa persaingan yang akan dihadapi oleh Malaysia dalam pasaran antarabangsa adalah lebih hebat dari sekarang ini. Pergantungan kita pada pasaran luar negeri dan pelaburan asing bagi pertumbuhan ekonomi akan berterusan sekiranya dasar-dasar sekarang menjadi anutan. Bezanya, sekiranya sekarang bahan-bahan mentah merupakan produk utama yang akan kita jual, selepas kita menjadi negara industri, yang akan kita pasarkan ialah barangan perkilangan (seperti kereta antara lainnya). Ini bermakna kita akan terus bergantung pada pasaran antarabangsa bagi mendapatkan pertukaran asing. Dimensi antarabangsa ini kadangkala tidak begitu diberi perhatian oleh

* Kertas kerja yang dibentangkan di Kongres Cendekiawan Melayu II, Dewan Kuliah Utama, UKM, Bangi, pada 1-2 Julai 1989. Kertas ini disediakan melalui perbincangan dengan Prof. Madya Dr. Firdaus Abdullah (UM/ISIS), Dr. B.A. Hamzah (ISIS), Prof. Madya Dr. Wan Hashim Wan Teh (UKM), dan Encik Azeem bin Aras.

** Chamil Wariya adalah Ketua Bahagian Majalah, Syarikat Utusan Melayu Sdn. Bhd.

kebanyakan kita. Tetapi tatkala persaingan dunia akan semakin sengit, kita mesti bersedia untuk menghadapi fenomena itu dan kita mesti mempunyai pemimpin yang berkebolehan untuk melalui zaman-zaman itu.

Dengan itu, barulah Malaysia boleh mendapat faedah daripada perubahan yang berlaku di sekitarnya terutamanya kita yang berada dalam kawasan pasifik, sebuah kawasan yang pertumbuhan paling pesat ekonomi dunia diramalkan berlaku pada abad ke-21. Kita juga perlu mempunyai pemimpin-pemimpin yang terbuka fikiran mereka dan bukannya mereka yang menjadi seperti katak di bawah tempurung. Kita memerlukan pemimpin yang dapat menilai kesan kewujudan ekonomi dunia yang menuju ke arah **berblok-blok**.

Apakah persiapan yang sewajarnya sudah dibuat ke arah itu? Ini adalah persoalan yang cuba di huraikan secara sepintas lalu oleh kertas kerja ini. Ia tidak bertujuan untuk mengajar mana-mana pihak atau mengandaikan bahawa sekarang ini tidak ada persediaan untuk memenuhi keperluan ke arah itu.

Yang dibicarakan di sini ialah kepimpinan Melayu dan secara lebih khusus pimpinan Melayu dalam UMNO yang mengaku dirinya sebagai wadah untuk semua orang Melayu. Yang akan ditinjau ialah sejauh mana mekanisme dalam UMNO memungkinkan pengwujudan sebuah telaga (pool) pimpinan Melayu yang secukupnya bagi ditempatkan dalam barisan pimpinannya di berbagai-bagai peringkat, baik di dalam parti dan kerajaan yang ia bentuk setelah berjaya mengambil alih kuasa. Dalam hubungan ini, yang akan diberi perhatian ialah usaha-usaha untuk membawa profesional Melayu yang berkebolehan, berotak, dan cemerlang dalam bidang masing-masing ke dalam UMNO supaya kepakaran mereka dapat dimanfaatkan untuk meninggikan maruah bangsa. Dengan itu dapatlah dipastikan bahawa '*cream*' Melayu dalam masyarakat Malaysia dapat turut sama memberi sumbangan dan mereka tidak merasa terasing.

UMNO dan Profesional Melayu

Bukan satu rahsia lagi bahawa sebagai sebuah parti politik, UMNO memang menggalakkan para profesional Melayu menyertai parti itu dan perjuangannya. Profesional di sini bukan saja dimaksudkan kepada mereka yang mempunyai kemahiran dan kelayakan khusus (seperti peguam, doktor, arkitek, dan ahli ekonomi) dan sebagainya tetapi juga merujuk kepada mereka yang telah menunjukkan kecemerlangan di segi pengurusan, kepimpinan, dan kemampuan semangat serta mempunyai kedudukan moral yang tinggi - tidak kaki judi, tahi arak, atau kaki betina. Tidak ada gunanya bagi UMNO dipenuhi dan dikuasai

oleh profesional yang tidak bermoral atau tidak mempunyai semangat Melayu yang tinggi. Jika inilah golongan yang menguasai UMNO, perjuangan Melayu akan mengalami kerugian. Golongan ini setelah mendapat kuasa, akan memperalatkan kuasa untuk menjual maruah negara dan bangsa.

Pada asasnya para profesional Melayu mempunyai dua cara untuk memanjat tangga pimpinan dalam UMNO. Cara pertama ialah menyertai parti mengikut saluran biasa dari peringkat bawah seperti yang dilalui oleh ahli-ahli parti yang lain. Penyertaan ini bermakna mereka menyertai UMNO pada mulanya di peringkat cawangan, kemudian mencari pengaruh di peringkat bahagian dan seterusnya ke peringkat nasional. Cara ini memerlukan mereka bersaing dengan aktivis-aktivis parti yang lain dan sama ada berjaya atau tidak bergantung kepada pembawaan profesional itu setelah berada di dalam UMNO. Sekiranya pandai membawa diri, kehadirannya tidak akan menimbulkan masalah. Sebaliknya mereka akan melalui jalan mudah untuk naik lebih tinggi. Jika kehadirannya dianggap sebagai ancaman kepada pimpinan peringkat cawangan atau bahagian yang sedia ada, mereka akan berdepan dengan pelbagai rintangan dan halangan sehingga ada antara mereka akan berdepan dengan kekecewaan. Dalam kes yang ekstrim, barangkali permohonan mereka sebagai ahli akan ditolak walaupun keadaan ini sekarang dikatakan sudah tidak lagi berlaku.

Cara kedua bagi golongan profesional memasuki UMNO ialah dari atas dengan dibawa oleh pucuk pimpinan parti. Pucuk pimpinan ini akan menaja profesional berkenaan untuk jawatan dalam kerajaan dengan mencalonkan mereka sebagai ahli parlimen atau senator dan kemudian melantik mereka sebagai menteri atau timbalan menteri. Setelah itu, adalah menjadi tugas profesional berkenaan untuk mencari pengaruh di peringkat yang lebih rendah dalam parti terutama di peringkat bahagian. Cara kedua ini menjamin jalan senang kerana melalui tajaan sebilangan profesional yang dianggap cemerlang dan berkebolehan, telah diberi tempat dalam pucuk pimpinan tertinggi parti.

Sumber pucuk pimpinan parti membawa masuk profesional ini bukan saja dari sektor awam tetapi juga dari sektor swasta. Tetapi tidak dinafikan bahawa profesional dalam sektor awam yang ramai dimasukkan dari atas ini, terutama pegawai-pegawai kerajaan yang menonjol dalam kerjaya mereka. Setiap Presiden UMNO dan Perdana Menteri telah berbuat demikian untuk memperkayakan pimpinan parti di samping memastikan bahawa mereka yang berkebolehan diletakkan di tempat-tempat yang sesuai supaya parti dan kerajaan mendapat manfaat maksimum daripada kepakaran

mereka. Ada kalanya cara membawa profesional menyertai UMNO dari atas ini tidak disenangi oleh kalangan yang lain dalam parti terutama mereka yang terpaksa melalui liku-liku derita untuk sampai ke atas, sedangkan mereka yang ditaja tidak perlu melalui jalan itu, diberi pula jawatan yang tinggi dalam parti dan kerajaan. Tetapi, hakikat itu tidak pula menghalang pucuk pimpinan parti untuk meneruskan amalan itu kerana menyedari jika cara itu tidak dibuat, profesional Melayu yang dikehendaki itu tidak akan menyertai UMNO dan kepakaran mereka tidak akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Pengalaman menunjukkan bahawa di kalangan profesional Melayu terutama di peringkat awal, terdapat semacam keengganan untuk menyertai perjuangan UMNO. Misalnya, Tunku Abdul Rahman sendiri walaupun pimpinan beliau diperlukan oleh parti itu selepas perletakan jawatan Dato' Onn sebagai Yang Di Pertua, enggan mengambil alih pimpinan parti. Beliau lebih senang dengan kedudukan beliau sebagai pegawai kerajaan dengan gaji yang tetap serta berbagai-bagai kemudahan yang mengelilinginya. Tetapi selepas melihat bahawa penyertaan dalam UMNO boleh menjamin berbagai-bagai habuan terutama dalam bentuk jawatan, bilangan profesional Melayu yang memasuki UMNO bertambah. Malah mereka yang pada satu waktu menentang UMNO habis-habisan (sewaktu berada di luar) akhirnya menyertai parti itu setelah ada jaminan bahawa mereka boleh mendapat kedudukan dalam parti. Golongan profesional ini pandai mengubahsuai diri mereka dengan permainan politik UMNO termasuk melibatkan diri dalam *politicking* dan permainan politik wang.

Bagaimanapun, ada juga antara profesional Melayu yang berminat dengan UMNO tetapi kerana tidak sanggup menjalani politik kotor yang membuang masa dan tenaga, berada di luar UMNO. Kebanyakan mereka lebih suka menjadi pemerhati daripada terlibat secara langsung dalam parti. Dalam sesetengah kes pucuk pimpinan membawa profesional jenis ini ke dalam parti dan kerajaan dari atas tanpa melalui proses biasa yang memerlukan seseorang pemimpin itu naik mula-mula dari cawangan, kemudian bahagian, negeri, dan profesional. Naik dari bawah ini adalah proses biasa yang perlu dilalui oleh mereka yang ingin mendapat tempat dalam parti. Namun begitu, bagi mereka yang dibawa dari atas, mereka juga akhirnya perlu mencari tapak di peringkat bawah sekurang-kurangnya di peringkat bahagian kerana dalam UMNO jika seseorang tokoh itu ingin bertahan, ia perlu mendapatkan sokongan di peringkat bawah. Oleh kerana masuk dari atas ini ada kalanya mendapat tentangan dari peringkat bawahan UMNO sendiri, maka jumlah profesional Melayu yang boleh menyertai parti itu adalah terhad. Kerana itu, walaupun pada asasnya profesional Melayu digalakkan menyertai UMNO, tetapi mereka masih

menghadapi pelbagai rintangan dan halangan. Malah, berita adanya cawangan-cawangan UMNO yang menolak permohonan profesional Melayu tertentu daripada menyertai cawangan berkenaan masih kedengaran. Dakwaan ini bukan diada-adakan tetapi benar. Ini adalah kerana di kalangan pemimpin UMNO peringkat cawangan dan bahagian ada yang merasakan kemasukan profesional Melayu untuk aktif dalam cawangan atau bahagian sebagai ancaman kepada kedudukan mereka.

Jelas bahawa profesional Melayu yang berminat dan sanggup menyesuaikan diri dengan permainan politik UMNO, tidak ada masalah untuk menyertai parti itu. Mereka yang berminat tetapi tidak sanggup berbuat demikian pula, mendapati mereka terasing. Ini bermakna kepakaran mereka tidak dapat dimanfaatkan. Ini adalah satu pembaziran untuk bangsa dan negara. Sesuatu mesti dibuat untuk membetulkan kelemahan ini supaya mereka yang berminat tetapi tidak tahan dengan *politiking* sengit juga boleh diberi tempat. Profesional Melayu yang tidak langsung berminat dengan UMNO, lainlah soalnya. Kedudukan mereka jelas dan mereka tidak perlu dilayan.

Soal yang penting di sini bukan sekadar menggalakkan golongan profesional Melayu menyertai UMNO, tetapi cara bagaimana mereka boleh diberi kedudukan yang membolehkan mereka berkhidmat terutama di peringkat yang paling tinggi baik dalam cabang legislatif (di peringkat persekutuan dan negeri sebagai ahli dewan rakyat, dewan negara, dewan negeri, dan majlis daerah dan tempatan), dalam kerajaan (sebagai menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, pengerusi-pengerusi badan berkanun dan sebagainya) dan dalam cabang kehakiman.

Tidak dapat dinafikan bahawa mekanisme yang ada sekarang untuk menjawat jawatan-jawatan penting itu adalah terbatas. Seseorang perlu menjadi ketua bahagian sebagai prasyarat untuk dipertimbangkan sebagai calon dalam pilihanraya, menjadi Ahli Majlis tertinggi parti untuk menjadi menteri dan sebagainya. Malah selepas pemilihan sengit 24 April 1987, kemenangan kerusi Majlis Tertinggi tidak menjamin bahawa jawatan menteri yang ada akan dikekalkan. Selepas peristiwa itu, faktor penting yang ditekankan untuk dilantik sebagai menteri atau timbalan menteri ialah kemampuan seseorang tokoh untuk bekerjasama dengan pucuk pimpinan tertinggi parti. Mereka yang tidak menyokong dan tidak boleh bekerjasama, mempunyai dua pilihan iaitu sama ada menghadapi pemecatan atau meletakkan jawatan. Kerana kemampuan bekerjasama menjadi asas, maka dengan sendirinya telaga sumber pemimpin Melayu yang boleh diberi jawatan penting dalam kerajaan telah dipersempitkan.

Akibatnya, golongan yang dianggap sebagai 'second best' yang telah diabaikan untuk tugas-tugas dalam kerajaan sebelum itu dilantik untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh mereka yang dianggap terbaik. Jadi tidaklah menghairankan apabila Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad sendiri dilaporkan sebagai berkata bahawa kabinet yang beliau senaraikan selepas pemilihan 24 April 1987 itu bukanlah kabinet yang terbaik yang ingin beliau bentuk. Tetapi dalam keadaan itu, beliau tidak mempunyai pilihan kecuali memberi tempat kepada mereka yang tidak begitu baik kerana mereka telah menyelamatkan kedudukan Dr. Mahathir sebagai Presiden parti dan juga Perdana Menteri. Berasaskan sistem *patronage* yang diamalkan, adalah wajar bagi Perdana Menteri, untuk memberi habuan kepada mereka yang telah menyokong beliau dalam saat-saat kritikal dan menghukum mereka yang menentang walaupun dari segi kebolehan penentang-penentang itu mungkin mempunyai kualiti yang lebih tinggi.

Buruk baik apa yang telah dibuat itu akan menjadi perbincangan yang tidak akan kunjung padam. Ada yang merasakan mengenenpikan mereka yang berkebolehan kerana mereka tidak sehaluan dengan pucuk pimpinan adalah satu kerugian bagi bangsa. Ada yang mengatakan bahawa untuk memudahkan pentadbiran, adalah baik pucuk pimpinan dikelilingi oleh para penyokong yang taat setia mereka tidak diragui kerana cara itu memastikan perjalanan kerajaan lancar dan tidak terganggu. Apa jua pendirian yang diambil, semua pihak akan bersetuju bahawa dengan hanya memberi tempat kepada mereka yang menyokong bermakna bahawa pucuk pimpinan UMNO sudah mempersempitkan 'telaga' (atau pool) sumber kepimpinan Melayu itu sendiri. Dalam tempoh jangka panjang ia akan meninggalkan kesan yang negatif dalam menyediakan pimpinan Melayu bagi keperluan masa depan. Akan ramailah profesional Melayu yang berbakat, tetapi kerana tidak sehaluan dengan kepimpinan, mereka akan merasa diri mereka terasing. Oleh kerana itu, sesuatu perlu dibuat untuk membetulkan keadaan ini. Satu mekanisme mesti diwujudkan untuk membawa masuk sebanyak mungkin Melayu yang berkebolehan ke dalam parti supaya kepakaran mereka boleh dimanfaatkan untuk kepentingan UMNO dan Melayu yang menjadi asas perjuangannya itu.

Yang penting di sini ialah untuk menjadikan UMNO bukan sekadar sebuah parti politik Melayu, tetapi lebih dari itu, menjadi "generator" atau "motor" bagi semua kegiatan Melayu. Untuk memenuhi cita-cita ini, UMNO mesti memberi tempat kepada setiap orang Melayu. Mereka yang tidak menyertainya, jangan dibiarkan merasa keterasingan semata-mata kerana mereka mempunyai perbezaan pendapat atau pandangan dengan pucuk pimpinan parti

dan dihukum kerana pendirian mereka itu. Sekiranya di Indonesia ada ungkapan yang berbunyi 'behneka tunggal eka' (bersatu dalam pelbagai), dalam UMNO pula biarlah ia menjadi wadah untuk menempatkan Melayu yang pendapat mereka berbeza-beza.

Lebih dari itu, mesti ada usaha sedar untuk memperluaskan 'telaga' sumber kepimpinan Melayu yang tidak diasaskan kepada sekadar kemampuan bekerjasama dengan pucuk pimpinan tetapi lebih penting lagi berdasarkan kebolehan dan kecemerlangan atau dalam perkataan lain, **merit**. Ini penting bagi memenuhi keperluan pimpinan masa depan yang semakin mencabar.

Memperbesarkan 'Telaga' Kepimpinan Profesional. Beberapa Cadangan

Jelas bahawa sebagai persediaan untuk memenuhi keperluan pimpinan Melayu dalam UMNO, khususnya pada masa-masa akan datang, lebih ramai profesional Melayu yang cemerlang, berkebolehan, dan berotak - sama ada mereka berminat atau tidak - perlu di bawa masuk ke dalam UMNO dan diberi tempat yang sewajarnya. Mekanisme yang ada sekarang agak terbatas. Oleh kerana itu, beberapa perubahan perlu dibuat pada mekanisme yang ada supaya lebih ramai mereka tertarik menyertai parti itu secara sukarela.

Cadangan yang boleh dikemukakan untuk tujuan ini cukup banyak sekali. Ini termasuklah membuat perubahan-perubahan radikal cara bagaimana tenaga profesional itu boleh diberi kedudukan. Ini termasuk bagi Perdana Menteri melantik Kabinetnya terdiri daripada orang-orang profesional terutama yang boleh bekerjasama dan mendapat kepercayaan saja untuk mewakili UMNO. Ini bermakna mereka yang cemerlang dalam bidang masing-masing saja layak untuk menjadi menteri. Kedudukan mereka dalam parti tidak diambil kira. Ini telah dilakukan dengan jayanya di Singapura. Kriteria yang sama juga hendaklah diberi perhatian dalam melantik Kabinet Negeri. Bagaimanapun, oleh kerana kedudukan UMNO sebagai sebuah parti politik tidak sama dengan apa yang ada di Singapura, perubahan radikal serupa ini mungkin tidak akan dapat dilakukan kerana ia akan hanya menimbulkan masalah terhadap pimpinan presiden parti. Jika UMNO ingin mengikut jejak Lee Kuan Yew dan PAP di Singapura, ia hendaklah juga mengamalkan **sistem kader**.

Memandangkan masalah-masalah itu, kertas kerja ini ingin mencadangkan beberapa pembaharuan menggunakan sistem yang ada sekarang dalam UMNO dalam usaha untuk memperbanyakkan profesional Melayu di dalam parti itu. Secara lebih khusus, cadangan

yang ingin dikemukakan itu meliputi perubahan dalam sistem UMNO itu sendiri dan di luar sistem UMNO.

Perubahan Dalam Sistem UMNO

Perubahan dalam sistem UMNO ini boleh dilakukan dengan beberapa cara. Presiden parti boleh menggunakan kuasa yang diberi kepadanya untuk melantik tujuh orang ahli Majlis Tertinggi untuk memberi tempat kepada golongan profesional Melayu. Cadangan ini bukan baru sebenarnya. Semasa Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi presiden parti, beliau telah berbuat demikian. Intelektual Melayu ketika itu, yang tidak begitu tertarik untuk menyertai UMNO, telah dilantik sebagai anggota Majlis Tertinggi. Ada antara mereka menggunakan kedudukan dalam parti itu untuk melatih diri mereka sebagai pemimpin yang boleh berdiri sendiri selepas itu. Tetapi sejak akhir-akhir ini terdapat kecenderungan pada Presiden UMNO untuk menggunakan kuasa melantik anggota Majlis Tertinggi terdiri daripada itu para penyokongnya yang gagal dalam pemilihan. Kertas ini ingin mencadangkan supaya amalan zaman Tun Razak dikembalikan supaya lebih ramai profesional Melayu yang berkebolehan mendapat tempat dalam badan penggubal dasar parti yang tertinggi itu.

Pucuk pimpinan UMNO juga hendaklah lebih berani menaja lebih ramai profesional Melayu yang cemerlang dan berkebolehan ke dalam legislatif baik sebagai ahli Dewan Rakyat atau senator. Malah jika boleh Dewan Negara hendaklah diisi dengan golongan profesional dan bukannya dengan orang-orang parti yang telah gagal mendapat tempat dalam Pilihanraya. Wakil rakyat yang ditaja itu boleh diberi tempat sebagai menteri dalam Kabinet atau jika tidak, mereka boleh dilantik sebagai penasihat kepada Perdana Menteri dan menteri-menteri yang lain.

Barangkali untuk memberi tempat kepada berbagai-bagai golongan Melayu, UMNO hendaklah mempunyai toleransi terhadap perbezaan pendapat mengenai dasar-dasar tertentu. Mereka yang tidak setuju dengan pucuk pimpinan jangan mudah dicap sebagai penentang semata-mata pendapat mereka bercanggah dengan apa yang ingin diketengahkan. Sebaliknya pandangan mereka hendaklah diambil kira. Akhirnya, pihak majoritilah yang akan membuat penentangan. Jika ini menjadi amalan, pihak yang berada dalam golongan minoriti hendaklah menerima hakikat dan tunduk kepada kehendak ramai. Dalam kata-kata lain, mereka yang tidak sehaluan dengan pemikiran semasa pucuk pimpinan jangan dibiarkan meninggalkan parti atau merasa terasing di dalam parti. UMNO harus mengakui bahawa '*factionalism*' dalam mana-mana parti politik adalah perkembangan biasa

dan UMNO mesti belajar menerimanya. Barangkali sudah tiba masanya bagi UMNO menerima sistem giliran Liberal Demokratik Jepun kerana pucuk pimpinan parti dikongsi oleh beberapa puak yang berpengaruh. Inilah rahsia mengapa LDP dapat bertahan berkuasa di Jepun sejak 1945.

Perubahan di Luar Sistem UMNO

UMNO tidak harus mencari pimpinan di dalam lingkungannya sahaja. Pemerhatiannya juga perlu dibuat di luar UMNO untuk mencari profesional yang cemerlang dan berkebolehan supaya dapat dipikat menyertai parti itu. Sekarang ini tumpuan khususnya diberikan kepada sektor awam (di kalangan pegawai-pegawai tinggi kerajaan) dan hingga kepada batas-batas tertentu di sektor swasta dengan jumlah yang lebih kecil. Tetapi bagi keperluan masa depan, UMNO perlu memperluaskan jala tangkapannya itu untuk meliputi dua bidang tradisional itu dengan cara yang lebih hebat lagi. Selama ini, angkatan bersenjata atau militer, tidak mendapat perhatian. Pada masa depan, bidang ini tidak boleh dielakkan. Singapura misalnya, telah berjaya membawa masuk orang-orang militer yang berkaliber ke dalam arena politik. Selain itu, usaha hendaklah dibuat untuk mendekatkan lagi UMNO dengan profesional Melayu di pelbagai sektor. Mereka yang secara langsung tidak mahu menyertai UMNO, boleh dilibatkan secara tidak langsung misalnya sebagai penasihat di belakang tabir dan sebagainya.

Segala cadangan yang dikemukakan ini sudah pasti menimbulkan kejutan terhadap budaya politik UMNO. Tentu ada pihak berasaskan bahawa dengan memberi tempat kepada golongan profesional, aktivis-aktivis parti yang lain akan merasakan kesempatan mereka untuk mendapat habuan akan kehilangan. Golongan ini termasuklah penggerak undi untuk parti dalam pilihanraya, mungkin akan memberontak dan memberi kesan yang tidak begitu menyenangkan dalam UMNO. Oleh kerana itu, mekanisme perlu diwujudkan untuk memuaskan golongan "vote mobiliser" dan aktivis parti ini supaya mereka tidak merasa terasing atau tersisih dalam parti. Satu cara yang boleh dicadangkan untuk memastikan seseorang itu tidak terlalu lama memegang jawatan wakil rakyat, ahli Dewan Negeri, atau senator. Barangkali tempoh seseorang itu menjawat jawatan tersebut boleh dihadkan kepada dua penggal. Mereka yang tidak menunjukkan prestasi yang baik hendaklah dipecat lebih awal. Mereka yang baik sekali pun tidak boleh dibiarkan selama-lamanya memegang sesuatu kedudukan. Mereka barangkali boleh diberi tugas-tugas lain bergantung kepada kebolehan mereka. Sekiranya mereka

mempunyai kemahiran sebagai diplomat, mereka boleh dilantik sebagai duta. Jika mereka mempunyai bakat sebagai usahawan yang baik, mereka boleh dilantik sebagai pengerusi-pengerusi badan berkanun. Dengan adanya cara ini *circulation of elites* dalam UMNO akan berlaku secara lebih kerap. Dengan itu mereka yang bercita-cita besar tidak perlu menunggu lama. Ini akan mengurangkan keresahan dan perebutan kuasa.

Cara-cara lain juga boleh difikirkan untuk memberi habuan kepada penggerak undi dalam pilihanraya sebagai penghargaan terhadap bakti mereka. Mereka boleh diberi peluang-peluang perniagaan seperti kontrak dan tender. Ini dilakukan sekarang. Anugerah ini tidak harus saja diberikan kepada para penyokong kelompok yang berkuasa sahaja. Pembahagian yang lebih adil hendaklah supaya ia tidak menimbulkan kesan negatif terhadap parti.

Dari segi jangka panjang, yang lebih penting ialah memberi pendidikan politik kepada setiap ahli UMNO supaya tujuan memasuki parti tidak semestinya memburu jawatan-jawatan tertentu, tetapi untuk menegakkan perjuangan parti seperti yang telah dipelopori oleh perintis-perintis UMNO di peringkat awalnya. Dalam kata lain, ahli-ahli parti jangan tanya apa yang boleh diperolehi dari parti dan kerajaan tetapi sebaliknya memikirkan apa yang boleh mereka sumbangkan kepada parti dan kerajaan. Golongan profesional yang diberi kepercayaan untuk memegang jawatan penting pula hendaklah membuktikan bahawa mereka menggunakan kedudukan untuk kepentingan bangsa dan negara dan bukannya untuk faedah diri sendiri atau kelompoknya sahaja.

Penutup

Untuk beberapa tahun akan datang, UMNO akan terus menjadi sumber utama dan penting pimpinan Melayu dalam politik dan kerajaan. Setakat ini tidak ada alternatif yang boleh mengambil alih tempat UMNO ini. Yang berlagak boleh mengambil alih tugas UMNO ini memang ada – yang terbaru Angkatan Perpaduan Ummah – gabungan antara kumpulan serpihan yang meninggalkan UMNO, dikenali sebagai Semangat 46 dan PAS. Tetapi viabiliti kumpulan tersebut masih belum diuji.

Memandangkan hakikat itu, UMNO akan terus menjadi tarikan bagi profesional Melayu. Malah adalah dirasakan lebih ramai mereka yang berkebolehan dan cemerlang harus diserap ke dalam pimpinan parti itu di berbagai-bagai peringkat – nasional, negeri, dan daerah. Ini adalah perlu untuk menghadapi perubahan-perubahan dan cabaran-cabaran abad ke-21 yang sudah hampir menjengahkan wajahnya.

Adalah dirasakan bahawa mekanisme UMNO untuk memramaikan bilangan profesional itu boleh diperbaiki bagi meluaskan 'telaga' sumber pimpinan parti itu. Pucuk pimpinan parti mestilah lebih berani untuk membawa golongan itu dan memberi mereka jawatan-jawatan penting melalui cara-cara baru. Tenaga-tenaga profesional ini diperlukan memandangkan tugas mengurus kerajaan memerlukan mereka yang memahami bukan sahaja kehendak domestik tetapi juga kehendak antarabangsa. Ini kerana masa depan ekonomi Malaysia bergantung pada pasaran barangannya yang berada di luar. Selain itu, pertumbuhan ekonomi juga bergantung pada pelaburan asing yang hendak digalakkan ke negara ini. Para pemimpin UMNO bagi masa depan mesti sensitif pada perkembangan ini jika kemakmuran ekonomi hendak dikekalkan.

Untuk mencapai cita-cita ini, UMNO mesti ada tempat untuk setiap orang Melayu. Golongan profesional hendaklah digalakkan menyertai parti itu dan mereka tidak harus saja terdiri daripada golongan *pengia* atau *yes-man*. Tempat untuk mereka yang kritikal juga harus ada supaya kebolehan dan kepakaran mereka juga boleh dimanfaatkan termasuk di peringkat tertinggi dalam kerajaan - Kabinet - dan juga parti iaitu Majlis Tertinggi. Mereka yang mengemukakan pandangan yang bercanggah dengan arus utama dalam parti dengan mudah dilabel sebagai anti-pucuk pimpinan dan sebagainya. Mereka jangan sesekali dikorbankan. Lebih dari itu mesti ada usaha untuk meminimumkan mereka dari merasa keterasingan.

Yang penting sekarang ialah UMNO tidak menyempitkan telaga sumber kepimpinannya dengan memberi tempat hanya kepada mereka yang sehaluan dengan pucuk pimpinan sehingga profesional lain yang juga berkebolehan dan cemerlang tetapi berada di luar lingkungan tidak dimanfaatkan. Sebaliknya, langkah-langkah hendaklah diambil untuk memperluaskan telaga itu untuk memperkuatkan kedudukan Melayu itu sendiri. Ini boleh dilakukan dengan menaja mereka sebagai ahli parlimen atau senator dan kemudian diberi tempat yang berpengaruh dalam parti dan kerajaan. Andainya kedudukan itu tidak dapat diberikan, mereka boleh dilantik sebagai penasihat kepada pemimpin parti yang ada kedudukan dalam kerajaan. Cadangan ini perlu diberi perhatian memandangkan Malaysia di bawah pimpinan UMNO tidak lama lagi akan memasuki abad ke-21 dengan cabaran-cabaran yang lebih hebat. Mungkin ada yang berkata bahawa persediaan untuk merancang keperluan bahawa pemimpin bagi satu-satu zaman tidak dapat dibentuk. Ini kerana pemimpin lahir secara semulajadi dalam sesebuah masyarakat dan kerana itu pembentukannya tidak perlu. Tatkala ini benar ia tidak seratus peratus tepat. Persediaan awal perlu dibuat dan di beberapa negara yang telah berjaya berbuat

demikian. Singapura adalah contoh yang ketara. Berkat usaha yang terancang oleh Lee Kuan Yew, negara itu berjaya menyediakan satu berisan palapes pemimpin yang siap sedia untuk mengambil alih pimpinan negara pulau itu. Mereka terdiri daripada profesional yang cemerlang dalam bidang masing-masing yang setelah berjaya menukar fungsi mereka sebagai ahli politik untuk menerajui pimpinan negara pada masa depan. Malaysia juga boleh berbuat demikian untuk memastikan terdapat kesinambungan antara pimpinan yang ada dengan generasi yang bakal mengambil alih pada masa-masa akan datang. Dalam berbuat demikian, senario dalam negeri dan dimensi antarabangsa perlu dan penting diambil kira. Sebagai sebuah unit politik antara-bangsa, Malaysia tidak boleh menyisihkan dirinya daripada per-kembangan di luar. Tambahan pula, Malaysia mempunyai ekonomi yang pertumbuhannya bergantung pada pasaran antarabangsa dan pelaburan asing. Hanya mereka yang sensitif pada kehendak domestik dan antarabangsa ini saja yang layak menerajui pimpinan negara pada masa hadapan.

PERJUANGAN UMNO DAN PERJUANGAN ISLAM DALAM KONTEKS MASYARAKAT MALAYSIA*

Abdul Munir Yaacob**

Pendahuluan

Sejarah membuktikan gerakan nasionalis berlaku baik di negara timur atau barat; dan berlaku juga di negara yang digolong sebagai negara Islam. Gerakan ini semakin jelas berlaku di negara-negara yang pernah dikuasai penjajah. Ada pendapat menyatakan gerakan kebangsaan di Indonesia memberi ilham dan mempengaruhi fikiran dan sikap orang Melayu di negara ini membentuk gerakan kebangsaan menentang penjajahan. Ada pendapat menyatakan gerakan kebangsaan Melayu di negara ini pada dasarnya dipengaruhi oleh pandangan dan perubahan fikiran yang berlaku di Mesir dan Turkey iaitu fahaman yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abduh dan Mustafa Kamal Atartuk.

Keadaan ini berlaku kerana ramai pelajar-pelajar Melayu pada masa itu yang melanjutkan pelajaran mereka di Mesir. Apabila mereka pulang, mereka pun menyalurkan semangat ini kepada penduduk tanah air. Di antara tokoh yang terkemuka ialah Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syed al-Hadi. Mereka ini membawa pemikiran baru dalam memahami Islam sehingga dilabel sebagai Golongan atau Kaum Muda. Walaupun begitu, mereka telah berjaya mencetuskan kesedaran dan keinsafan di kalangan masyarakat Melayu; tentang nasib bangsanya sehingga dapat menimbulkan rasa kasih kepada tanah air. Ternyata semangat kebangsaan ini tercetus dan lahir dari sikap dan dasar pemerintahan penjajah di sesebuah negara.

Boleh juga kita katakan bahawa semangat kebangsaan adalah suatu sifat semulajadi manusia. Akan tetapi sifat ini hanya kelihatan nyata

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam kursus Biro Politik, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada 27hb. Ogos 1983 di Morib, Selangor.

** Dato' Dr Abdul Munir Yaacob adalah Felo Penyelidik di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan bekas Pensyarah di Fakulti Undang-Undang UKM.

apabila keadaan yang mendesak lahir. Bagi bangsa kita di negara ini cetusan semangat kebangsaan ini telah mula ditonjolkan oleh pejuang-pejuang Melayu dalam mempertahankan sistem pemerintah Kesultanan Melayu Melaka sejak abad ke-15 lagi. Kata-kata seperti "Takkan Melayu Hilang di Dunia" dan 'Daulat Tuanku' jelas menunjukkan unsur kebangsaan Melayu dianggap wajib dipertahankan. Daripada semangat kebangsaan yang begini membantu pembentukan pertubuhan kebangsaan atau parti politik kebangsaan dengan tujuan untuk menyalurkan dan memadu semangat perjuangan dalam satu barisan yang kuat dan dinamik.

Pertumbuhan dan perkembangan gerakan kebangsaan di negara ini banyak dicetuskan dan akibat secara langsung daripada sikap pemerintahan penjajah Inggeris. Sikap orang Melayu terhadap penjajah Inggeris semakin ditonjolkan dengan kekalahan sementara Inggeris di tangan tentera Jepun. Kemenangan Jepun memberi aspirasi kepada penduduk di Asia Tenggara dan Tanah Melayu khususnya bahawa mereka juga boleh menjadi bangsa yang kuat dan maju dan penjajahan yang menyebabkan mereka mundur. Dengan itu sikap anti-penjajahan semakin berkembang dan bersemarak di kalangan penduduk di Tanah Melayu. Orang Cina dengan perasaan keCinaannya, orang India dengan perasaan kelIndiaannya, dan orang Melayu dengan perasaan keMelayuannya. Kemantapan perasaan kebangsaan ini teruji apabila Tanah Melayu diperintah selama 2 minggu oleh puak Bintang Tiga. Peristiwa ini telah memberi kesan yang mendalam kepada jiwa orang Melayu.

Pembentukan UMNO

Apabila Inggeris memerintah semula Tanah Melayu, kerajaan Inggeris merancang untuk menukar taraf negeri-negeri Melayu, iaitu dengan penubuhan Kesatuan Tanah Melayu (Malayan Union). Gagasan ini akan menghapuskan kuasa sultan di negeri-negeri Melayu. Bahkan Sir Harold Mac Michael telah berjaya mendapatkan tandatangan sultan-sultan untuk menyerahkan kedaulatan negeri mereka kepada pihak Inggeris.

Menurut perlembagaan Kesatuan Tanah Melayu, semua negeri-negeri Melayu, termasuk Pulau Pinang dan Melaka disatukan di bawah pemerintahan pusat. Ketua pemerintah ialah seorang gabenor Inggeris dan sultan-sultan hanya menjadi raja kehormat. Perlembagaan ini juga memberi hak kerakyatan kepada keturunan bukan Melayu menerusi prinsip *jus soli*. Ini semua telah mendorong bagi membangkitkan semangat kebangsaan Melayu, membawa kepada penggabungan lapan buah persatuan Melayu Johor untuk menjadi "Liga Melayu Johor".

Pertubuhan-pertubuhan lain juga muncul. Setelah itu "Gerakan Melayu Semenanjung" di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar ditubuhkan

(Januari 1946). Oleh kerana perjuangan orang Melayu pada masa itu tidak padu dan berpecah belah, maka kesannya tidak seberapa. Pandangan telah dikemukakan dalam akhbar tempatan menyeru supaya orang Melayu bersatupadu menentang Kesatuan Tanah Melayu. Pada tanggal 1hb - 4hb Mac 1946, satu persidangan pertubuhan-pertubuhan Melayu telah diadakan di Kuala Lumpur. Sebanyak 41 buah pertubuhan Melayu telah diwakili dan akhirnya bersetuju menggabungkan pertubuhan-pertubuhan mereka dalam satu gabungan yang dinamakan "Kongres Melayu SeMalaya". Dato' Onn Jaafar telah terpilih menjadi pengerusi.

Menerusi Kongres Melayu SeMalaya, orang Melayu meneruskan tentangan mereka terhadap gagasan Malayan Union. Di samping itu, usaha telah dijalankan bagi mendapatkan kerjasama raja-raja Melayu untuk menggagalkan Malayan Union.

Kongres Melayu SeMalaya telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah parti politik Melayu. Sebuah Jawatankuasa telah dibentuk bagi mengkaji dan menyediakan perlembagaan parti yang dirangka. Berikutan dengan itu, satu persidangan telah diadakan pada 11hb Mei 1946 di Johor Bahru. Dengan itu lahirlah "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu" atau United Malays National Organisation" (UMNO). Berikutan dengan penubuhan UMNO ini maka terbubarlah Kongres Melayu SeMalaya.

Perjuangan UMNO

Penilaian kita terhadap perjuangan UMNO mempunyai hubungan erat dengan apa yang telah berlaku dan tercapai pada masa-masa yang lalu dan dihubungkan dengan apa yang telah tercapai dan diperjuangkan pada masa kini.

Apa yang telah diperjuangkan oleh UMNO dalam tahun 40an dan 50an adalah merupakan lanjutan daripada perjuangan pertubuhan parti-parti politik pada zaman sebelum itu lagi, iaitu untuk memperjuangkan kemerdekaan. Ketika itu, orang Melayu telah mengenal erti penjajahan. Lebih-lebih lagi rakyat Indonesia sedang memperjuangkan kemerdekaan negara mereka. Nasionalisme timbul untuk menentang sikap pentadbiran penjajah yang pada amnya berunsur penindasan ke atas rakyat tempatan. Fahaman nasionalisme ini biasanya disalurkan melalui pertubuhan atau seumpamanya yang kemudiannya menjadi alat perjuangan golongan kebangsaan. Ada yang beranggapan fahaman kebangsaan itu adalah cetusan perasaan kasih sayang seseorang kepada tanah air dan bangsa. Bagi negara yang telah mencapai kemerdekaan, sikap ini menunjukkan semangat seseorang untuk mempertahankan kemerdekaan negaranya dan mahukan

perubahan dan pembaharuan. Di negara kita, fahaman dan cetusan semangat kebangsaan di peringkat permulaannya lebih menunjukkan sikap penduduk tempatan yang benci kepada penjajahan. Dan setelah terlepas daripada belenggu penjajah, semangat ini masih ada dengan bentuk baru iaitu untuk mempertahankan kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan dengan beberapa perubahan, pembaharuan, dan pembangunan.

Semangat kebangsaan tidak semestinya datang dan lahir dari peringkat tertentu sahaja bahkan dari seluruh peringkat masyarakat; baik golongan rakyat biasa mahupun barat. Akan tetapi cara melahirkan semangat dan perjuangan mereka mungkin berbeza. Ada yang dianggap pelampau dan ada pula yang dianggap sederhana. Dalam konteks ini UMNO, mencerminkan komposisi masyarakat yang pelbagai latar belakang dan memilih cara kedua iaitu pendekatan 'sederhana' untuk merealisasikan semangat perjuangan kebangsaan.

Di antara parti-parti politik yang bergerak cergas untuk menentang penjajahan ialah seperti Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (K.R.I.S.); Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), dan sayapnya Angkatan Pemuda Insaf (A.P.I.) dan Angkatan Wanita Sedar (A.W.A.S.). Dalam tempoh memperjuangkan kemerdekaan, UMNO mempunyai saingan dengan sebuah parti lain iaitu PKMM. Tujuan dan matlamat perjuangan kedua-dua pertubuhan ini adalah sama; akan tetapi sikap dan cara perjuangan adalah berbeza. PKMM tidak menerima sama sekali apa jua bentuk penjajahan. UMNO sungguhpun menentang Malayan Union, tetapi bersedia menerima penjajahan British buat sementara dan dengan syarat-syarat tertentu.

Terdapat tiga faktor utama penentangan orang Melayu terhadap pembentukan Malayan Union;

- i. Menyentuh kuasa dan kedudukan raja-raja Melayu.
- ii. Taraf kerakyatan kepada penduduk bukan Melayu dilonggarkan - prinsip *jus soli*.
- iii. Hak keistimewaan orang Melayu hilang.

UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar telah menganjurkan perjumpaan-perjumpaan dan perhimpunan-perhimpunan bagi menentang pembentukan kesatuan ini dan telah mendapat sambutan bukan sahaja dari orang Melayu bahkan dari kaum lain dan dari bekas pegawai Inggeris yang pernah bertugas di Tanah Melayu. Memandangkan keadaan begini, pihak kerajaan Inggeris telah bersetuju untuk mengadakan satu perundingan dengan pihak raja-raja Melayu dan UMNO dan menubuhkan satu suruhanjaya yang dikenali sebagai Reid Commission, bagi menggubal perlembagaan yang baru iaitu Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Perlembagaan yang baru ini pada dasarnya telah memenuhi sebahagian besar matlamat yang diperjuangkan oleh UMNO. Di antaranya ialah soal kedaulatan raja-raja Melayu soal kerakyatan, kedudukan istimewa orang Melayu sebagai bumiputera, dan mengakui Islam sebagai agama persekutuan. Perjuangan UMNO di peringkat ini jelas seperti yang diucapkan oleh Datuk Onn Jaafar Yang Dipertua UMNO ketika itu:

“Sungguhpun tugas menentang Malayan Union itu hampir selesai, orang Melayu mestilah insaf bahawa ini hanyalah permulaan perjuangan kita. Banyak lagi perkara-perkara yang orang Melayu mesti buat. Kita mesti mencari ikhtiar bagaimana kita akan menukar tabiat dan cara hidup orang Melayu.”

Ucapan ini menyeru orang Melayu supaya mengubah cara berfikir dan sikap dalam menempuh masa depan yang penuh dengan cabaran. Dengan itu UMNO disusun semula. Cara berfikir kebanyakan pemimpin UMNO terhadap politik tanahair kelihatan berubah. Ada tanda-tanda menunjukkan kesanggupan untuk bekerjasama dengan kaum-kaum lain. Bahkan UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar pernah membuka pintu kepada kaum lain. Yang Dipertua UMNO itu juga pernah mencadangkan supaya Tanah Melayu mempunyai satu kewarganegaraan. Ini mendapat tentangan daripada ahli-ahli UMNO. Isu ini membawa kepada perletakan jawatan beliau sebagai Yang DiPertua UMNO pada bulan Jun 1950 untuk beberapa ketika, dan setelah itu perhimpunan Agong UMNO menerima beliau semula.

Dato' Onn berhasrat untuk menyatukan semua kaum dalam satu parti iaitu UMNO bentuk baru dengan menukar perkataan “Malays” kepada “Malaya” yang berbunyi United Malaya National Organisation. Tujuannya ialah untuk membuka keahlian UMNO kepada semua bangsa dan dapat membentuk sebuah parti politik yang tidak bercorak perkauman. Cadangan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan sebilangan besar ahli-ahli UMNO sendiri. Bantahan timbul kerana bagi mereka, dengan keahlian bentuk baru ini akan meletakkan UMNO sebagai parti yang tidak lagi bersifat “keMelayuan”, dan akibatnya UMNO tidak akan dapat menjadi “lidah” orang Melayu dalam memperjuangkan hak-hak mereka. Justeru kerana begitu kuat tentangan UMNO terhadap cadangan ini, akhirnya membawa kepada perletakan jawatan Dato' Onn pada 27hb. Ogos, 1951.¹

Memandangkan kepada pergolakan parti-parti politik dalam tahun 40an dan awal tahun 50an, kerajaan Inggeris mengambil keputusan untuk mengadakan pilihan raya di peringkat Perbandaran Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. UMNO dan MCA telah membentuk satu perikatan

dalam menghadapi pilihan raya tersebut yang diadakan dalam bulan Februari 1952 dan memenangi sembilan daripada dua belas kerusi.² Sejak UMNO dan MCA bergabung dalam satu parti Perikatan, perjuangan parti ini semakin mendapat perhatian dan mencapai kemenangan dalam beberapa pilihan raya di peringkat negeri dan tempatan. Parti perikatan menuntut supaya pilihan raya di peringkat kebangsaan diadakan. Pilihan raya tersebut telah dijadualkan akan diadakan dalam tahun 1955. Dalam menghadapi suasana ini, Kongres India Tanah Melayu (Malayan Indian Kongress) menyertai parti Perikatan dan menjadikan Perikatan sebuah parti berbilang kaum yang terdiri daripada UMNO, MCA, dan MIC.³

Memandangkan keadaan negara tidak stabil, kerajaan Inggeris telah berusaha menarik minat orang bukan Melayu menyokong kerajaan dalam usaha menentang komunis. Oleh itu mereka telah diberi beberapa kemudahan seperti melonggarkan syarat-syarat kerakyatan, memasuki Perkhidmatan Awam, serta memiliki tanah dan kemudahan pelajaran. Perkara yang sedemikian telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Melayu.

Pilihan raya yang dirancangan telah diadakan dalam bulan Julai 1955. Beberapa parti politik lainnya telah muncul untuk menyertai pilihan raya umum yang pertama ini.⁴ Parti Perikatan (UMNO - MCA - MIC) telah berjaya memenangi 51 daripada 52 kerusi dalam pilihanraya tersebut. YTM Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Ketua Menteri.

Di antara isu-isu yang dibawa dalam manifesto Perikatan dalam pilihan raya tersebut ialah:

- i. Menempatkan pegawai-pegawai tempatan dalam Perkhidmatan Awam.
- ii. Merancang satu sistem pelajaran kebangsaan untuk semua penduduk Tanah Melayu di mana Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan negara.
- iii. Usaha menamatkan darurat secepat mungkin dengan menawarkan pengampunan umum

YTM Tunku Abdul Rahman, dalam Perhimpunan Khas UMNO pada 4 Jun 1955 menyatakan bahawa Perikatan telah membuat keputusan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi dan akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun. Beliau yakin dalam tempoh tersebut, Bahasa Kebangsaan akan digunakan dalam segala aspek pentadbiran termasuk penggunaannya di dalam mahkamah.

Berdasarkan janji-janji di atas, UMNO telah berjaya menarik kepercayaan orang Melayu terhadap perjuangan UMNO dalam parti

Perikatan. Daripada 1.28 juta pengundi berdaftar yang keluar mengundi hanya berjumlah 85%; pengundi Melayu adalah seramai 84%; Cina 11%, dan kurang daripada 5% keturunan India.⁵ Kemenangan Perikatan dalam pilihan raya umum tersebut menunjukkan UMNO pada sudut yang lain telah berkorban untuk golongan MCA – MIC. Kerana di beberapa kawasan yang ditandingi oleh calon-calon MCA dan MIC adalah terdiri daripada kawasan yang dikuasai oleh pengundi Melayu. Dengan itu, terujilah bahawa sikap dan perjuangan orang Melayu melalui UMNO tidaklah bercorak kebangsaan yang sempit.

Kemerdekaan Tanah Melayu

Kemenangan cemerlang dalam pilihan raya umum 1955 telah membolehkan parti Perikatan membentuk sebuah kerajaan kerana telah berjaya mendapat kerusi terbanyak dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Berikutan dengan itu, Kerajaan Perikatan telah meminta Kerajaan British supaya memulakan rundingan bagi kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Mengikut perjanjian yang dibuat semasa pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1948, adalah dirancang dan dinyatakan bahawa usaha perlu dibuat ke arah pemerintahan sendiri. Apabila Setiausaha Negara British melawat Tanah Melayu dalam bulan Ogos 1955, beliau telah mengadakan rundingan dengan Raja-raja Melayu dan Menteri-menteri Perikatan untuk mencapai matlamat tersebut.

Dalam tahun 1956, satu rombongan yang terdiri daripada 4 orang wakil Raja-raja Melayu dan 4 orang Menteri Kerajaan Perikatan telah berlepas ke London untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan British. Rundingan ini diadakan daripada 19hb. Januari hingga 6hb. Februari 1956. Wakil-wakil dari Persekutuan telah mencapai persetujuan lebih awal mengenai perkara-perkara yang akan dirundingkan sebelum mereka berangkat ke London. Ini memudahkan persidangan dan telah mencapai satu persetujuan iaitu penubuhan segera Persekutuan Tanah Melayu yang diperintah sendiri oleh rakyat. Kerajaan British bersetuju memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada tanggal 31hb. Ogos, 1957.

Sebuah Suruhanjaya Diraja⁶ telah ditubuhkan bagi mengesyorkan satu perlembagaan bagi Persekutuan berdasarkan demokrasi berparlimen. Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Lord Reid ini juga diamanahkan supaya satu peruntukan wujud bagi menjamin kedudukan Raja-raja Melayu⁷ sebagai pemerintah yang berperlembagaan. Suruhanjaya ini juga diminta mengadakan

peruntukan bagi menjamin kedudukan istimewa orang Melayu,⁸ Bahasa Kebangsaan,⁹ dan mengadakan peruntukan bagi kedudukan agama Islam.¹⁰

UMNO telah menekankan kepada perkara-perkara tersebut dan pihak parti lain dalam komponen parti Perikatan menekankan dalam masalah menentukan kerakyatan. Sebenarnya tidak semua perkara yang dibawa oleh UMNO dipersetujui oleh komponen parti lain. Oleh itu masing-masing pihak diajak berunding untuk bersetuju mengenai perkara-perkara yang memang tidak dapat dipersetujui. Oleh itu timbullah "tolak ansur" di mana MCA dan MIC menerima "kedudukan istimewa" orang Melayu dan Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara. UMNO pula menerima prinsip kerakyatan *jus soli* dan kerakyatan yang lebih longgar kepada orang bukan Melayu.¹¹

Suruhjaya ini telah berjaya mengemukakan satu Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan diterima oleh parti Perikatan yang memerintah dengan beberapa pindaan untuk memenuhi kehendak yang dicadangkan. Rang Perlembagaan ini akhirnya diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan yang dikuasai oleh Perikatan. Pada 31hb. Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan dengan cara aman dan persefahaman antara kaum tanpa pertumpahan darah. Inilah diharapkan oleh pihak British.

Di antara isu-isu yang dijadikan "tolak ansur" antara UMNO - MCA - MIC, nampaknya yang berjalan dengan lancar ialah proses kerakyatan melalui prinsip *jus soli*. Dalam tempoh satu tahun sahaja, MCA dan MIC berjaya mendapatkan 800,000 orang bukan Melayu menjadi rakyat Persekutuan, sedangkan nikmat "keistimewaan" bagi orang Melayu dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan masih ditunggu rahmatnya; bahkan masih tercabar dan tergugat dari semasa ke semasa walaupun ianya termaktub di dalam perlembagaan negara sebagai undang-undang yang tidak sepatutnya tercabar dan dipersoalkan kedudukannya.

Apa yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dari semasa ke semasa adalah untuk memenuhi dan merealisasikan apa yang telah termaktub dalam perlembagaan yang berhubung dengan kepentingan orang Melayu yang telah dipersetujui oleh Parti Perikatan dan sekarang Barisan Nasional.

Perjuangan UMNO Menurut Islam

Dalam Fasal 3 Perlembagaan UMNO menjelaskan cita-cita kebangsaan yang dimaksudkan; antara lain;

1. Memelihara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan.
2. Mendokong Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan-perlembagaan Negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, terutama mengenai agama rasmi (Islam), kedaulatan Raja-Raja Melayu, Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu), hak-hak asasi dan hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera.
3. Berusaha mempertahankan, menegak, dan mengembangkan Islam agama rasmi negara dan membenarkan kebebasan beragama.

Terbukti apa yang dinyatakan dalam perlembagaan UMNO Fasal 3(2), telah diperjuangkan oleh UMNO semasa Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diperbuat.

Hari ini terdapat sekurang-kurangnya 5 tuduhan dilemparkan kepada UMNO yang dianggap bercanggah dengan dasar perjuangan Islam iaitu:

- i. Perjuangan bercorak kebangsaan.
- ii. Memerintah negara dengan puak bukan Islam.
- iii. Tidak melaksanakan Undang-undang Islam.
- iv. Mengamalkan pragmatisme.
- v. Menjalankan dasar kapitalisme.

Dua tuduhan pertama di atas akan diperjelaskan. Dalam soal memperjelas tentang perjuangan UMNO berlandaskan faham kebangsaan, pertama sekali patut difahami apakah Islam menentang faham tersebut secara total atau ada huraian dan tafsirannya. Dalam al-Qur'an¹² ada menyatakan:

"Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak ialah supaya kamu berkenal-kenalan (antara satu dengan lain), sesungguhnya yang lebih mulia di antara kamu di sisiku (Allah) ialah yang lebih takwanya."

Dalam sebuah hadith bermaksud;

"Tidak Allah mengutus seorang Nabi itu melainkan untuk membela dan mempertahankan bangsanya."

Sebenarnya dalam al-Qur'an banyak menyebut perkataan *ummah*, *kaum*, *kabilah*, *bangsa*, dan seumpamanya. Ini jelas menunjukkan adanya fahaman berpuak, bangsa, dan kebangsaan dari zaman ke zaman. Dan adalah menjadi tabiat manusia kasih kepada bangsa dan negara-

nya. Nabi Muhammad ada bersabda menyatakan bahawa baginda kasihkan "Arab" kerana tiga sebab di antaranya bahasa al-Qur'an adalah bahasa Arab dan bahasa di syurga juga Arab.

Perasaan kasih kepada tanah air dan negara adalah dituntut oleh Islam, bahkan nabi Ibrahim berdoa kepada Allah "Hai Tuhanku jadikanlah negeri ini aman makmur."¹³ Rasa kasih dan pembelaan yang diberikan kepada kaum sendiri bukanlah soal baru bahkan wujud dalam mana-mana juga masyarakat; dan dilakukan sendiri oleh nabi-nabi dari zaman-berzaman lagi. Pelbagai peraturan dan syariat telah dibawa oleh nabi-nabi untuk keselamatan dan keamanan sesuatu kaum atau bangsa. Apabila dilihat ciri-ciri perlembagaan Madinah yang dimeterikan oleh Rasulullah S.A.W., pengiktirafan kepada kaum atau kabilan Arab diberikan. Penekanan kepada tanggungjawab kaum juga ditetapkan.

Menurut sebuah hadith,¹⁴ telah bertanya seorang lelaki; Ya Rasulullah, adakah daripada asabiyyah (berpuak-puak/kebangsaan) seseorang kasih akan kaumnya? Jawab baginda, "Tidak! tetapi sesetengah daripada asabiyyah itu ialah menolong kaumnya atas kezaliman."

Dalam hadith yang lain,¹⁵ daripada Wathilah bin Asq', ia berkata, "saya bertanya kepada Rasulullah apakah yang dikatakan asabiyyah". Jawab baginda, "bahawa engkau menolong kaummu di dalam kezaliman."

Ini menunjukkan penggunaan perkataan kebangsaan dengan tidak membawa erti dan tujuan yang bercanggah dengan roh Islamiyah tidak mendatangkan apa-apa larangan dan pertentangan. Yang penting diri orang yang memperjuangkan kebangsaan Melayu itu dipenuhi dengan keimanan dan takwa.

Kerana yang dimaksudkan dengan tegahan mengamalkan fahaman kebangsaan seperti yang dimaksudkan oleh hadis "Bukan dari golongan kita orang yang menyeru kepada Kebangsaan",¹⁶ ialah sikap dan fahaman orang Arab Jahiliyyah yang sangat bermegah dan bangga dengan puak dan keturunannya, sehingga sanggup berkorban nyawa untuk kaumnya walaupun berada di pihak yang salah.

Selagi nilai-nilai Islam terpelihara dan UMNO di dalam perlembagaannya berusaha mempertahankan dan menegakkan Islam, maka fahaman kebangsaan yang sempit seperti yang berlaku pada bangsa Arab Jahiliyyah dapat dihindarkan. Lagi pun, dalam konsep kebangsaan yang dianjurkan sekarang telah menyatukan kaum-kaum atau puak-puak Melayu dalam satu ikatan persaudaraan Islamiyah.

Apabila ditinjau dari sudut perlembagaan negara, perkara 160 menunjukkan ikatan bagi seseorang yang mengaku dirinya Melayu dikaitkan dengan "agama Islam". Ini memberi erti konsep kebangsaan

yang terpakai itu amat luas dan mendalam ertinya. Fahaman kebangsaan orang Melayu tidak boleh sama sekali dibandingkan dengan fahaman kebangsaan yang disogokkan oleh Mustafa Kamal Atartuk di Turkey.

Rujukan

1. Dato' Onn Jaafar tetap dengan pendiriannya dan telah membentuk sebuah parti baru iaitu Parti Kemerdekaan Tanah Melayu. (Independence of Malaya Party).
2. Dalam tahun 1949 Persatuan Cina Tanah Melayu (MCA) telah ditubuhkan dan dipelopori oleh Datuk Tan Cheng Lock. Akan tetapi pertubuhan ini pada peringkat awalnya tidak begitu berminat bergiat dalam soal politik. Oleh itu ia lebih berfungsi sebagai badan kebajikan.
3. MIC ditubuhkan dalam tahun 1946 dan pada mulanya menyokong parti IMP.
4. Parti negara, Parti Islam Setengah Melayu, Parti Progresif Rakyat, Parti Sosialis, Parti Buruh, dan lain-lain parti.
5. Daripada 52 kerusi dipertandingkan, UMNO 35 calon MCA 15, calon MIC 2 calon. Bererti UMNO 69% kerusi daripada 84% jumlah pengundi Melayu MCA 28% kerusi daripada 11% jumlah pengundi Cina. Dengan ini UMNO telah menyerahkan 17 kawasan pilihan raya Melayu kepada MCA – MIC ternyata kemenangan mereka adalah atas undi orang UMNO Melayu.
6. Sebanyak 131 memorandum telah diterima oleh Suruhanjaya ini, termasuk dari parti perikatan.
7. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(2), 38. 181.
8. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 89, 90, 153, Soal keistimewaan orang Melayu sebenarnya lebih merupakan tolak ansur UMNO dengan komponen MCA – MIC bagi menjamin orang Melayu disebabkan prinsip kerakyatan *Jus Soli*.
9. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152.
10. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(1).
11. Kerakyatan atau konsep *jus soli* ditentang oleh PAS di bawah pimpinan Dr. Borhanuddin al-Helmy kerana kembali kepada apa yang disarankan oleh Malayan Union.
12. Surah al-Hujurat: 13.
13. al-Baqarah; 126.
14. Dari Ahmad dan Ibnu Majah, Perkataan *asabiyyah* diambil daripada perkataan "ta'sub iaitu perasaan yang membuta tuli atau degil atau fahaman kedaerahan, atau puak, seperti yang berlaku pada bangsa Arab diketika itu.
15. Dari Abu Daud.
16. Dari Abu Daud.

UMNO DAN BANGSA MELAYU: SEJARAH SILAM DAN CABARAN MUTAKHIR*

Wan Hashim Wan Teh**

Pendahuluan

Artikel ini membincangkan reaksi orang-orang Melayu melalui UMNO terhadap beberapa cabaran terhadap kedudukan mereka sebagai pribumi dan masyarakat teras di negara ini. Walaupun tumpuan utama ialah pada keadaan selepas merdeka, tetapi fenomena ini hanya dapat difahami dengan jelas melalui pengetahuan latar belakang sejarah pemikiran dan gerakan Melayu sebelum merdeka kerana pemikiran dan tindakan orang Melayu masakini adalah berlandaskan kepada beberapa peristiwa penting yang berlaku sebelum merdeka.

Selain itu artikel ini mengutarakan pandangan bahawa walaupun orang-orang Melayu menganjurkan dan menerima konsep 'perkongsian kuasa' di antara Melayu dan bukan-Melayu, ini tidak bermakna bahawa orang Melayu menganggap kedudukan bukan Melayu sama tarafnya dengan kedudukan orang-orang Melayu dan bumiputera lainnya. Di sebaliknya, orang Melayu (Bumiputera) ingin terus kekal sebagai masyarakat induk yang dominan melalui peruntukan fasal 153 dalam Perlembagaan mengenai Hak Istimewa Orang-orang Melayu. Fasal 153 Perlembagaan Malaysia bukan sahaja akan terus menerus dipertahankan, tetapi ia dijangka akan digunakan untuk mengukuhkan kuasa politik di tangan orang Melayu di samping meninggikan martabat dan pencapaian orang Melayu dalam semua bidang khususnya ekonomi, pendidikan, dan kebudayaan.

Sebarang cabaran dan penolakan terhadap hakikat bahawa Melayu dan Bumiputera adalah masyarakat teras, masyarakat induk, atau

* Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu anjuran Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 21-23 Ogos 1989.

** Profesor Dato' Dr Wan Hashim Wan Teh adalah Pangarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

masyarakat dominan ditentang oleh orang Melayu melalui UMNO yang hingga kini masih dianggap sebagai parti politik penyelamat bangsa Melayu yang konsisten dari segi falsafah perjuangannya iaitu untuk "mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama, dan negara."¹ Malah rentetan sejarah perkelahian dan kemelut politik di antara Melayu dan bukan Melayu sejak diperkenalkan *Malayan Union* yang membawa tercetusnya 'Peristiwa Berdarah' 14 Hari, Ogos - September 1945, kemasukan dan akhirnya pengeluaran Singapura dari Malaysia (1963-65), Peristiwa Berdarah 13 Mei 1969, 'Operasi Lalang' November-Disember 1986; dan lain-lainnya adalah reaksi orang-orang Melayu terhadap bukan-Melayu yang cuba menggugat dan mencabar kedudukan orang Melayu sebagai masyarakat teras. Malah apabila parti PAS yang dulunya lebih lantang daripada UMNO memperjuangkan hak dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dengan tiba-tiba mengejutkan seluruh umat Melayu melalui kenyataan bahawa, "Jika PAS berkuasa, ia akan menghapuskan Hak Istimewa Orang-orang Melayu" dalam kempen Pilihanraya Umum 1986, PAS telah menerima serangan yang paling hebat daripada UMNO dalam sejarah perkelahian kedua-dua parti politik ini sehingga PAS mengalami kekalahan yang amat teruk, iaitu dapat mengekalkan cuma satu kerusi sahaja di Parlimen dalam pilihan raya itu.

Rencana ini mengambil pendirian bahawa persoalan reaksi orang Melayu dalam negara moden di Malaysia harus dilihat daripada perspektif politik hubungan kaum di antara orang Melayu dan bukan Melayu. Penulis berpendapat bahawa pola hubungan di antara Melayu dan bukan Melayu (Cina dan India) hari ini tidak banyak berubah jika dibandingkan dengan tahun-tahun 60-an, 70-an dan sebelumnya walaupun proses membina bangsa sudah semakin menampakkan kemajuan.

Fasa Awal Politik Melayu

Masyarakat di Dunia Melayu (Nusantara) umumnya terlibat secara cergas dalam pelbagai kegiatan ekonomi seperti penanaman, pengeluaran hasil pertanian dan galian, industri pembuatan (termasuk kraf tangan), serta perdagangan sejak dari awal kurun Masehi. Pencapaian orang Melayu yang relatifnya tinggi dalam kegiatan ekonomi membolehkan masyarakatnya mewujudkan sistem pemerintahan yang agak kompleks menguasai kawasan yang luas di rantau ini.

Bermula dari kurun pertama Masehi hingga akhir kurun ke-15, kawasan Dunia Melayu ini bebas dari gangguan oleh kuasa-kuasa

Barat. Disebabkan lokasinya berada di antara benua China dan India-Timur Tengah, Alam Melayu menjadi kawasan tumpuan peniaga dari Timur dan Barat serta juga tumpuan oleh penyebar agama dari beberapa pusat Tradisi Agung yang berkunjung ke mari secara silih berganti.

Kekayaan Alam Melayu menarik perhatian bangsa-bangsa Barat yang sedang ghairah berlumba mencari kekayaan di luar daripada negara mereka di Eropah. Kemajuan dan pemilikan teknologi yang lebih tinggi dalam bidang persenjataan, peperangan, serta pelayaran memberikan mereka peluang untuk menguasai beberapa kawasan penting, khususnya pusat-pusat perdagangan yang dulunya dikuasai oleh orang Melayu, mulai daripada kejatuhan Melaka ke tangan Feringgi (Portugis) di awal abad ke-16.

Secara umumnya, kedatangan kuasa-kuasa Barat ini yang tidak ubah seperti lanun yang ganas dengan kegiatan merampas kekayaan, manipulasi politik, dan memecahkan jaringan perdagangan masyarakat pribumi menerima tentangan hebat daripada penduduk tempatan. Kekuatan ketenteraan melalui kelengkapan senjata moden dan manipulasi halus melalui diplomasi tipu-helah melemahkan masyarakat pribumi yang akhirnya terpaksa menyerah kalah.

Apabila angin baru yang meniupkan semangat kemerdekaan bagi negara-negara yang dijajah turut melanda Alam Melayu mulai awal abad ke-20, pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan Timur Tengah turut menyebarkan idea modenisasi dan kemerdekaan daripada cengkaman penjajahan Barat. Majalah dan akhbar digunakan sebagai media untuk meniupkan semangat kebangsaan di kalangan generasi muda yang mulai terdedah pada pendidikan formal. Selain daripada itu sekolah Melayu dan sekolah Inggeris bantuan kerajaan atau dibiayai oleh gereja, sekolah-sekolah agama seperti Madrasah Muhammadiyah di Kota Bharu (1917), Madrasah Al-Masyhur Islamiah di Pulau Pinang (1920), Madrasah Al-Diniah di Padang Rengas (1924) dan Daeratul Maarifil Wataniah di Kepala Batas (1925) juga dibuka.²

Sekolah-sekolah agama ini digunakan oleh gerakan reformasi Kaum Muda yang dipelopori oleh Shaikh Tahir Jalaluddin dan Syed Shaikh Al-Hadi untuk menyebarkan idea mengenai kebebasan, kemerdekaan, dan kemajuan. Gerakan reformasi Kaum Muda dianggap sebagai usaha awal untuk menyedarkan orang Melayu supaya meningkatkan kedudukan mereka dalam bidang ekonomi dan lain-lainnya.³ Kaum Muda menyeru supaya orang Melayu berusaha untuk mencapai kemajuan supaya dapat bersaing dengan bukan Melayu yang lebih maju dalam bidang ekonomi. Kesedaran ini merupakan reaksi pertama dalam bentuk kerisauan terhadap kehadiran bukan-Melayu yang dilihat lebih maju daripada orang Melayu sendiri; kesedaran bahawa

kedudukan dan masa depan orang Melayu tidak akan terjamin jika mereka terus ketinggalan dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

Benih semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu yang disemai pada awal kurun mulai hidup subur dan tersebar luas dalam tahun 30-an dan 40-an. Fasa ini melibatkan pengaruh perjuangan anti-penjajahan di Indonesia melalui kunjungan pejuang-pejuang ini ke Tanah Melayu serta melalui buku-buku dan majalah dari Indonesia yang mulai tersebar luas di Tanah Melayu.⁴ Peranan Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim yang ditubuhkan pada tahun 1922 yang memberi didikan kepada anak-anak Melayu dari kelas petani (bawahan) tidak kurang pentingnya di dalam memupuk semangat kebangsaan. Dengan itu lahirnya Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada 1938 yang dipimpin oleh Ibrahim Yaacub dan Ishak Haji Muhammad yang mempelopori kumpulan pejuang kebangsaan yang lebih radikal sifatnya daripada persatuan-persatuan peringkat negeri yang ditubuhkan oleh elit pentadbir-aristokrat dan golongan Melayu yang mendapat pendidikan Barat.

Apa yang menarik di sini ialah kemerdekaan yang dicita-citakan oleh pejuang kebangsaan KMM ialah gabungan di antara Semenanjung Tanah Melayu (termasuk Singapura) dengan Indonesia ke dalam satu negara-bangsa yang dinamakan Melayu Raya atau Indonesia Raya. Gagasan Melayu Raya yang dicita-citakan oleh Ibrahim Yaacub dan kemudiannya diteruskan oleh Dr. Burhanuddin Al Helmy adalah berdasarkan pada kesatuan dari segi persamaan keturunan atau ras, bahasa, dan budaya rumpun Melayu yang tersebar luas di Kepulauan Melayu atau Nusantara.⁵ Pembahagian Nusantara pada dua wilayah Tanah Melayu dan Indonesia mengikut pemimpin KMM Ibrahim Yaacub merupakan sesuatu yang baru yang dicipta oleh penjajah Inggeris dan Belanda. Bukan itu sahaja, malah Ibrahim Yaacub dikatakan pernah berkunjung ke wilayah Melayu Selatan Thai atau 'Petani Raya' untuk berunding kemungkinan sempadan geo-politik Melayu Raya merangkumi juga wilayah Melayu Selatan Thai. Pemisahan wilayah Melayu Petani Raya ini dari Semenanjung Tanah Melayu melalui Perjanjian Inggeris-Thai 1909 juga adalah ciptaan Inggeris di atas desakan kerajaan Thai.

Kemungkinannya gagasan Melayu Raya ini mengambilkira bahawa jika Semenanjung Tanah Melayu merdeka secara bersendirian, kedudukan politik bangsa Melayu terancam kerana peratus bukan Melayu (Cina dan India) hampir menyamai peratus orang Melayu. Sejak dari awal kurun ke-20, memang sudah wujud kesedaran di kalangan inteligensia Melayu tentang kehadiran kaum-kaum bukan Melayu yang sudah mulai menunjukkan minat terhadap perkembangan politik di Tanah Melayu.

Reaksi Terhadap Malayan Union

Kesedaran orang-orang Melayu untuk berpersatuan sudah muncul mulai pertengahan dekad 20-an apabila ditubuhkan kesatuan-kesatuan Melayu peringkat negeri. Paling awal sekali ialah Persatuan Melayu Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1926, diikuti oleh persatuan-persatuan peringkat negeri lainnya. Sebahagian besar persatuan ini dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang mendapat pendidikan Inggeris terdiri daripada pegawai tadris atau guru-guru pendidikan Melayu yang *moderat* yang kesetiaan mereka tertumpu kepada raja-raja Melayu.

Persatuan Melayu ini muncul, antara lainnya, disebabkan oleh kehadiran orang-orang Cina dan India yang terlibat dalam aktiviti sosio-politik yang secara langsung mempunyai kaitan dengan gerakan nasionalisme di negara asal masing-masing. Sama seperti gerakan Kaum Muda, persatuan Melayu peringkat negeri juga cuba menvedarkan orang Melayu akan pentingnya bagi mereka memperbaiki kedudukan ekonomi mereka serta bersatu menghadapi ancaman dan saingan daripada kaum pendatang Cina dan India yang jauh lebih baik kedudukan mereka jika dibandingkan dengan orang Melayu. Persatuan-persatuan ini mengadakan kongres peringkat kebangsaan sebanyak dua kali iaitu pada 1939 di Kuala Lumpur dan 1940 di Singapura sebelum meletusnya perang dunia kedua.

Pendudukan Jepun selama tiga setengah tahun di Tanah Melayu memberikan pengalaman pahit kepada orang Melayu. Peristiwa berdarah 14 hari di bulan Ogos - September dan beberapa kejadian sebelum dan sesudahnya mengingatkan betapa bahayanya jika kuasa politik dan ketenteraan terlepas ke tangan orang lain khususnya orang Cina yang telah melakukan kekejaman melalui kegiatan MPAJA - Bintang Tiga.⁴ Mempelajari dan pengalaman sejarah peristiwa ini dan dikuatkan lagi oleh peristiwa berdarah 13 Mei 1969, orang Melayu dalam era selepas kemerdekaan bermati-matian akan mempertahankan agar kuasa politik tidak jatuh ke tangan bukan Melayu (Cina atau India). Seperti yang telah dinyatakan di awal tadi, oleh kerana keperluan dan realiti selepas kemerdekaan, orang Melayu akan tetap mempertahankan bahawa kuasa yang lebih mestilah berada di tangan mereka.

Gagasan Malayan Union yang cuba diperkenalkan pada awal 1946, selain menyatukan Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri Selat kepada satu unit politik dan penurunan darjat dan martabat Raja-raja Melayu kepada ketua agama Islam, mencadangkan supaya diwujudkan satu warganegara yang dinamakan 'Malayan'. Semua penduduknya iaitu Melayu, Cina, dan India akan mempunyai kedudukan dan hak yang sama.

Implikasi gagasan ini ialah penurunan taraf dan martabat orang Melayu daripada sebagai satu bangsa (nation) pada satu komuniti atau kaum yang sama tarafnya dengan kaum-kaum Cina dan India yang masih dianggap sebagai golongan pendatang dan orang asing.

Demonstrasi dan protes yang ditunjukkan oleh empat puluh satu persatuan-persatuan Melayu yang akhirnya menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO pada 11 Mei 1946 pada dasarnya berlegar di sekitar cadangan meletakkan kaum-kaum Cina dan India sama tarafnya dengan orang Melayu.¹ Gagasan ini juga mengakibatkan keretakan hubungan di antara orang Melayu dengan raja-raja mereka yang telah menurunkan tandatangan untuk menerima supaya pentadbiran Malayan Union ditubuhkan.

Di Johor misalnya, Persatuan Melayu Johor pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Mohd Yasin telah mengadakan tunjuk perasaan di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bharu pada 2 Februari 1946 untuk menyatakan tentangan terhadap Sultan Ibrahim yang menandatangani Perjanjian Malayan Union. Di antara suara-suara yang dilahirkan pada perhimpunan itu termasuklah teriakan "Pergi Jahanam dengan Sultan", dan "Turunkan orang tua itu".² Ayub bin Abdullah, salah seorang yang terlibat dalam gerakan mengkritik raja-raja Melayu dipetik sebagai berkata bahawa "dalam Islam, Sultan hanyalah khalifah yang dilantik dan dipilih oleh rakyat jelata."³ Richard Winstedt, yang turut tidak bersetuju dengan gagasan Malayan Union, dalam suratnya kepada Mohd. Suffian Hashim berkata "bahawa jika skema ini diterima, (iaitu cadangan menghapuskan raja-raja Melayu) kemungkinan satu hari nanti Malaya yang merdeka akan mempunyai taukeh Cina sebagai seorang Presidennya".⁴

Di sebaliknya, orang-orang Cina dikatakan menyokong perjanjian Malayan Union yang memberi hak dan kedudukan kepada mereka sebagai warganegara sama tarafnya dengan orang Melayu. Seorang pemerhati yang terlibat dalam gerakan politik pada masa itu memetik kata-kata dari orang Cina yang dilemparkan terhadap orang Melayu seperti, "Apa Melayu boleh buat? Melayu tak ada muka; Malayan Union mesti jadi. Nanti Melayu mesti panggil orang Cina 'tuan', awak tahu? ...".¹⁰

Disebabkan tentangan yang begitu kuat dari orang Melayu, maka Perjanjian Malayan Union terpaksa ditarik balik dan digantikan dengan Perjanjian Persekutuan tahun 1948. Dua orang ahli parlimen British, Kaptan L.D. Grammans dan D.R. Rees-Williams, yang membuat tinjauan seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada bulan Mei 1946 memberi gambaran bahawa:

"Di setiap mukim, kampung dan bandar yang kami lawati, apa yang kami temui ialah seluruh penduduk di kawasan itu. Buat kali pertama dalam sejarah, orang-orang Melayu sudah mempunyai kesedaran politik."¹¹

Perjanjian Persekutuan yang ditandatangani pada 21 Januari 1948 dan melahirkan Persekutuan Tanah Melayu mulai 1 Februari 1948 mempunyai prinsip-prinsip berikut:

1. Mengembalikan kedaulatan raja-raja Melayu seperti sebelum perang dunia kedua, tetapi berada di bawah naungan British.
2. Diwujudkan kembali pentadbiran negeri-negeri Melayu di bawah naungan Inggeris seperti sebelum perang dunia kedua.
3. Kerajaan Inggeris kembali mengiktirafkan Hak dan Kedudukan Istimewa orang-orang Melayu sebagai masyarakat pribumi seperti sebelum merdeka.
4. Kerajaan British memikul tanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan dan dasar luar;
5. Prinsip *jus soli* yang terdapat dalam Perlembagaan Malayan Union digugurkan dan digantikan dengan satu peruntukan yang membolehkan bukan Melayu memohon untuk menjadi warganegara dengan syarat-syarat tertentu.¹²

Kompromi yang Membawa ke Arah Kemerdekaan

Elit politik yang memimpin negara di fasa awal kemerdekaan adalah golongan sederhana yang berlatarbelakangkan pendidikan Barat. Mereka menerajui kepimpinan negara dengan rasa persefahaman dan menghormati 'persetiaan-murni' (bargain-formula) yang dicapai oleh pemimpin-pemimpin Melayu dan bukan Melayu menjelang kemerdekaan. Walau bagaimanapun mereka tidak membawa apa-apa perubahan yang radikal pada sistem ekonomi, pendidikan, dan pentadbiran yang sedia ada. Bidang ekonomi khususnya kekayaan negara masih dikuasai oleh kepentingan asing terutamanya Inggeris manakala orang Cina menduduki tangga kedua jauh meninggalkan orang Melayu dan India.

Di fasa awal kemerdekaan juga, seolah-olah wujud rasa persefahaman dan persetujuan bahawa Melayu dibenarkan terus menguasai bidang politik dan Cina menguasai bidang ekonomi. Namun sebagai sebuah negara yang telah menerima demokrasi sebagai budaya politiknya, parti-parti politik yang bertanding dalam pilihanraya untuk berkuasa akan menggunakan pelbagai isu bagi tujuan meningkatkan pengaruh masing-masing.

Dalam Pilihanraya Umum 1955, parti-parti pembangkang masih belum dapat bertapak dan rakyat jelata bersatu-padu memperjuangkan

kemerdekaan tanahair melalui meja perundingan. Parti-parti politik seperti UMNO, MCA (Malaysian Chinese Association) dan MIC (Malaysian Indian Congress) yang bersatu di bawah gabungan parti induk Perikatan berjaya memperolehi 54 daripada 55 kerusi manakala cuma satu kerusi dimenangi oleh parti pembangkang iaitu PAS.

Penubuhan Perikatan sebagai parti politik hasil pakatan pemimpin-pemimpin Melayu, Cina, dan India dianggap sebagai reaksi pada situasi semasa iaitu kebimbangan orang Melayu terhadap orang Cina dan kebimbangan orang Cina terhadap orang Melayu.¹³ Juga ia dianggap sebagai kebimbangan pemimpin UMNO dan MCA terhadap pengaruh Dato' Onn Jaafar yang memimpin Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) sebagai sebuah parti pelbagai kaum. Tetapi sebelum tiba pilihan raya pada tahun 1955, Dato' Onn telah menukar strategi perjuangannya dengan membubarkan IMP dan menubuhkan Parti Negara yang berasaskan kepada satu kaum seperti juga UMNO.

Pilihan raya Umum ke-2 pada tahun 1959 menampakkan meningkatnya kekuatan parti-parti pembangkang khususnya PAS yang dapat menguasai Kelantan dan Terengganu melalui pengundi Melayu serta Socialist Front (S.F.) dan Parti Progresif Rakyat (PPP) melalui pengundi bukan Melayu di kawasan bandar. Perikatan menang 74 daripada 104 kerusi parlimen yang dipertandingkan. PAS memenangi 13 kerusi parlimen, iaitu satu peningkatan populariti yang agak tinggi. Barisan Sosialis memperoleh 8 kerusi, PPP 4 kerusi, Bebas 3 kerusi, dan Parti Negara serta Parti Malaya masing-masing memperoleh 1 kerusi. Peratus undi keseluruhan yang diperolehi oleh Perikatan merosot daripada 79.6% di tahun 1955 kepada 51.5% di tahun 1959. PAS dan PPP yang masing-masing memperoleh 3.9% dan 0.1% pada tahun 1955 memperoleh 21.1% dan 6.4% pada tahun 1959 manakala Barisan Sosialis memperoleh 3.0% undi.¹⁴

Apa yang menarik ialah peningkatan sokongan orang Melayu terhadap PAS khususnya di negeri-negeri di Pantai Timur. PAS dapat menawan kedua-dua negeri Kelantan dan Terengganu dan memperoleh 9 daripada 10 kerusi parlimen di Kelantan dan 4 daripada 6 kerusi di Terengganu.

Isu-isu yang ditimbulkan oleh PAS sebagai parti pembangkang Melayu berkisar pada dua perkara iaitu 'Kebangsaan Melayu' dan 'Islam'. Pemimpin-pemimpin PAS yang cukup lantang menyuarakan hasrat dan perjuangan Kebangsaan Melayu mengkritik UMNO dan Perikatan secara pedas kerana kegagalan UMNO meninggikan martabat dan kedudukan orang Melayu sebagai bangsa yang dominan. Juga UMNO tidak berjuang untuk mewujudkan sebuah negara Islam seperti yang diperjuangkan oleh PAS.

Manifesto Pilihan raya 1959 yang dikeluarkan oleh PAS jelas memaparkan komitmen perjuangannya terhadap Kebangsaan Melayu seperti yang pernah diutarakan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pimpinan Dr. Burhanuddin sebelum merdeka dahulu. Manifesto ini menyebut:

- (i) Pengembalian kedaulatan dan kuasa kepada orang Melayu serta pemberian keutamaan kepada orang Melayu dalam pentadbiran kerajaan.
- (ii) Keperluan dipinda Perlembagaan supaya dapat dilaksanakan undang-undang Allah dan dikekalkan kedaulatan dan kuasa orang Melayu di peringkat negeri.
- (iii) Keperluan diwujudkan satu 'rupa-bangsa Melayu' (Malayan citizenship) dengan menerima keahlian bukan Melayu tanpa menjejaskan kepentingan bangsa Melayu.
- (iv) Penggubalan dasar yang adil untuk bukan Melayu dengan memastikan hak dan kedudukan mereka dijamin dan diambil kira untuk kepentingan mereka dan masyarakat umum.
- (v) Perlaksanaan konsep keadilan dan demokrasi dengan memberi perlindungan kepada semua warganegara dan menjamin kebebasan beragama, berpolitik, berfikir, dan menyuarakan pendapat asalkan ia tidak bercanggah dengan perlembagaan dan undang-undang negara.
- (vi) Pastikan bahawa Jabatan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Gabenor, dan Pemerintah Angkatan Tentera dipegang oleh orang Melayu.¹⁵

Perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam Manifesto di atas ialah penjelasan mengenai cita-cita PAS untuk mengekalkan simbol-simbol kedaulatan dan kuasa politik di tangan bangsa Melayu. PAS mengkritik UMNO kerana bekerjasama dengan orang Cina dan India dan memberi tempat yang istimewa kepada mereka lebih-lebih lagi sikap pemimpin UMNO seperti Tunku Abdul Rahman yang terlalu liberal memberi kewarganegaraan kepada mereka yang masih belum diasimilasi ke dalam budaya dan 'rupa-bangsa' Melayu sebagai identiti penduduk di negara ini.

Falsafah Kebangsaan Melayu yang diperjuangkan oleh PAS dalam dasawarsa 50-an, walaupun lebih radikal tetapi tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan Falsafah Kebangsaan Melayu yang diperjuangkan oleh UMNO.

"Falsafah Kebangsaan yang diperjuangkan oleh UMNO mempunyai pengertian yang luas, berlandaskan kepada cita-cita untuk mewujudkan pemerintahan demokrasi yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Di samping mempertahankan hak, kedaulatan, dan

keistimewaan orang Melayu sebagai pemilik yang sah negara ini, UMNO juga memberi perakuan bahawa kaum-kaum lain yang sudah diterima sebagai warganegara dan telah memutuskan hubungan dan kesetiaan kepada negara asal mereka akan menerima hak masing-masing sebagai warganegara Malaysia".¹⁶

Dalam dasawarsa 60-an, pendekatan perjuangan UMNO ini dikritik dengan lantang oleh kedua-dua pihak iaitu oleh PAS yang lebih kuat mempertahankan 'Falsafah Kebangsaan Melayu' yang didokonginya oleh parti-parti pembangkang lain yang mencabar falsafah ini terutamanya peruntukan dalam Perlembagaan yang memberi Hak Istimewa kepada orang Melayu.

Penolakan Konsep 'Malaysian Malaysia'

Politik di awal dasawarsa 60-an berkisar di sekitar kemerdekaan dan kemasukan negeri-negeri Sabah, Sarawak, Singapura, dan Brunei ke dalam Malaysia. Pada mulanya, cuma Singapura sahaja dicadangkan untuk dimerdekakan dan digabung dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Jika perkara ini berlaku, orang Melayu tidak boleh kekal sebagai penduduk majoriti dari segi bilangan dan tentunya mengancam kedudukan kuasa politik mereka. Untuk mengatasi masalah ini, pemimpin-pemimpin UMNO seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak memikirkan tiga alternatif untuk memastikan Melayu tetap dapat mengekalkan kuasa politik dan sebagai masyarakat majoriti yang dominan, iaitu:

- (i) Menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia;
- (ii) Mencuba memujuk kerajaan Thai supaya menyerahkan kepada Malaysia jajahan-jajahan Patani Raya (Negeri Melayu Selatan Thai) yang akan menambahkan setengah juta orang Melayu kepada penduduk Tanah Melayu;
- (iii) Bersekutu dengan Brunei dan tanah jajahan British, Sarawak, dan Sabah.¹⁷

Akhirnya alternatif ketiga disetujui atas alasan bahawa kemasukan Brunei, Sabah, dan Sarawak akan meningkatkan peratus penduduk bumiputera yang akan bersatu jika sekiranya terdapat usaha oleh orang Cina dan India mencabar kedudukan mereka. Walau bagaimanapun, apabila Malaysia ditubuhkan pada 14 September 1963, Brunei tidak menyertainya. Hanya selepas tujuh bulan Malaysia ditubuhkan, negara ini menghadapi Pilihan raya Umum yang ke-3. Selain daripada UMNO, MCA, dan MIC, parti-parti yang menyokong kerajaan

di Sabah dan Sarawak menubuhkan Parti Perikatan Sabah dan Sarawak yang menambahkan kekuatan kepada Parti Perikatan yang asal.

Setelah Malaysia ditubuhkan, Indonesia di bawah pimpinan Soekarno melancarkan dasar konfrantasi kerana menentang penubuhan Malaysia yang dianggap sebagai sebuah negara neo-kolonial ciptaan British. Pilihan raya pada bulan April 1964 diadakan dalam suasana genting. Pencerobohan oleh tentera Indonesia berlaku di beberapa kawasan di Semenanjung, Sabah, dan Sarawak.

Umumnya, konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia menguntungkan parti pemerintah di dalam menghadapi Pilihan raya Umum April 1964. Hampir semua parti pembangkang menerima sokongan yang merosot dibandingkan dengan prestasi mereka di tahun 1959. Perikatan di Semenanjung memenangi 89 daripada 104 jumlah kerusi parlimen yang ditandingi serta memenangi semula 15 kerusi parlimen yang sebelum ini berada dalam tangan pembangkang. Peratus undi yang diperolehi meningkat daripada 52% pada tahun 1959 kepada 58% pada tahun 1964.¹⁸

Secara umumnya, orang-orang Melayu masih tetap yakin dengan kewujudannya sebagai kelompok yang dominan kerana peruntukan Fasal 153 dalam Perlembagaan mengenai Hak Istimewa diluahkan kepada suku bangsa bumiputera di Sabah dan Sarawak. Ini berdasarkan andaian bahawa pribumi Sabah dan Sarawak akan bersatu dengan orang Melayu di Semenanjung apabila menghadapi ancaman dan cabaran daripada kaum-kaum Cina dan India.

Namun kemasukan Singapura ke dalam Malaysia dan penglibatan Parti Tindakan Rakyat (People's Action Party atau PAP) dalam politik Tanah Melayu dan Malaysia meninggalkan satu kesan baru yang berpanjangan berkaitan dengan hubungan orang Melayu-bukan Melayu dalam proses politik negara.

PAP yang diterajui oleh Lee Kuan Yew memperkenalkan konsep 'Malaysian Malaysia' yang menganjurkan kedudukan yang sama rata di antara bumiputera dan kaum bukan bumiputera. Konsep ini secara terang-terangan mencabar Fasal 153 dalam Perlembagaan Malaysia yang memberi Hak Istimewa kepada orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak.¹⁹

Walaupun Singapura kemudiannya dikeluarkan daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965, tetapi konsep Malaysian Malaysia terus diperjuangkan oleh parti-parti pembangkang seperti Parti Tindakan Rakyat (PAP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Buruh, dan People Progresif Party (PPP) yang majoriti penyokongnya terdiri daripada bukan Melayu. Ini merupakan isu baru yang digunakan untuk mengkritik secara lantang Parti Perikatan oleh parti pembangkang dalam Pilihan raya Umum yang ke-4 pada 10 Mei 1969.

Di satu pihak yang lain, parti PAS terus mengkritik UMNO kerana berlembut dan berkompromi dengan bukan-Melayu serta gagal mempertahankan kedudukan dan hak istimewa bangsa Melayu yang dilihat semakin terhakis. Juga, pemimpin UMNO dikritik kerana bertolak-ansur dan tidak melaksanakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mulai tahun 1967, iaitu sepuluh tahun selepas kemerdekaan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Pilihanraya Umum Mei 1969 diadakan dalam suasana yang tegang apabila beberapa peristiwa lain seperti keputusan mahkamah menggantung 9 orang Cina dan 2 orang Melayu yang terbukti bekerjasama dengan Indonesia di zaman konfrantasi, dan perarakan pengkebumian seorang Cina yang ditembak mati oleh anggota keselamatan dalam satu pergelutan di mana beberapa orang Cina sedang menampal poster anti kerajaan dan menganjurkan supaya diboikot Pilihan raya 10 Mei. Kempen-kempen menjelang pilihan raya khususnya di Kuala Lumpur jelas menaikkan rasa benci-membenci di antara orang Melayu dan bukan-Melayu.

Keputusan Pilihan raya Umum 1969 yang diumumkan pada 11 Mei menunjukkan bahawa sokongan terhadap Perikatan jauh merosot. Perikatan kalah 23 daripada kesemua kerusi parlimen yang dipertandingkan dan 79 kerusi bagi Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia. Ini satu kekalahan Perikatan yang luar biasa.

Di Pulau Pinang, Perikatan kalah kepada Parti Gerakan iaitu sebuah parti pembangkang yang baru ditubuhkan oleh Prof. Syed Hussein Al-Attas, Dr. Tan Chee Koon, dan Dr. Lim Chong Eu. Di Perak, Perikatan tidak dapat menubuhkan kerajaan kerana cuma memenangi 19 daripada 40 kerusi yang dipertandingkan. Kedudukan Selangor juga mencemaskan orang Melayu kerana Perikatan memenangi hanya 14 kerusi, iaitu sama banyak dengan gabungan parti-parti pembangkang. Jumlah kerusi parlimen yang dimenangi oleh parti pembangkang ialah DAP 13, PAS 12, Gerakan 8, dan PPP 4, dengan jumlah semua sebanyak 37 kerusi.

Apa yang merunsingkan orang Melayu ialah kemungkinan tertubuhnya kerajaan pembangkang yang dipimpin oleh bukan-Melayu di tiga buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, dan Selangor. Ini diburukkan lagi dengan perayaan dan sorak-sorai penyokong-penyokong parti pembangkang di ibukota Kuala Lumpur yang merayakan apa yang diibaratkan sebagai kehilangan kuasa politik dari tangan orang Melayu.

Bagi orang Melayu, keputusan pilihan raya bulan Mei 1969 amatlah mencemaskan kerana buat pertama kali, Cina dan India mencabar kekuasaan politik yang selama ini berada dalam tangan orang Melayu.

Lebih-lebih lagi kedudukan dan 'Hak Istimewa Orang Melayu' dipersoalkan dan ada tuntutan supaya ia dihapuskan. Dalam lain perkataan, 'persetiaan murni' atau persefahaman antara kaum menjelang hari kemerdekaan dipersoalkan dan tidak lagi dihormati.

Rusuhan kaum yang bermula pada malam 13 Mei 1969 dan berlanjutan beberapa hari berikutnya memberi kesempatan kerajaan mengisytiharkan keadaan darurat dan menggantung parlimen. Peristiwa ini dan pemerintahan oleh Majlis Gerakan Negara atau MAGERAN memberi kesempatan yang seluasnya kepada pemimpin parti politik khususnya pihak pembangkang memikirkan dan menyedari betapa besarnya bahaya bermain api politik perkauman.

Dari satu sudut yang lain, kekacauan dan kerunsingan yang dihadapi oleh pemimpin Melayu (UMNO dan PAS) apabila menerima tamparan yang begitu hebat dalam Pilihanraya Mei 1969 dilihat sebagai satu rahmat. Peristiwa ini adalah manifestasi kekecewaan orang Melayu sendiri terhadap pemimpin mereka yang gagal membela nasib mereka untuk meletakkan orang Melayu di tempat yang sewajarnya, khususnya dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Peristiwa ini adalah satu kejutan yang membangkitkan semangat orang Melayu untuk berusaha mencapai kejayaan menerusi dasar-dasar yang digubal selepas 1970.

Bagi bukan-Melayu, mereka disedarkan bahawa Fasal 153 tentang Hak Istimewa Orang Melayu dan bumiputera adalah sesuatu yang amat sensitif dan tidak boleh dipolitikkan. Mereka juga menyedari akan pentingnya kembali menghormati 'persetiaan murni' kerjasama antara orang Melayu dan bukan-Melayu melalui gabungan dalam parti politik. Ekoran daripada peristiwa ini wujudlah gabungan parti induk Barisan Nasional yang mempunyai lebih ramai anggotanya menggantikan Perikatan. Di antara parti-parti pembangkang yang menganggotai gabungan parti pemerintah ini ialah PAS, GERAKAN, dan PPP yang sebelumnya amat lantang mengkritik kerajaan.

'Dilema Melayu' Suatu Penyelesaian

Tirai dasawarsa 70-an dibuka dengan berpijak pada peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969. Peristiwa ini memaksa elit politik nasional memikirkan secara serius dimanakah kesilapannya sehingga meletusnya perkelahian secara terbuka di antara orang Melayu dan bukan-Melayu sehingga memaksa diisytiharkan keadaan darurat di seluruh negara.

Pemikiran dan perasaan orang Melayu sebagai reaksi terhadap Peristiwa 13 Mei boleh dikesan dengan jelas dalam buku *The Malay*

Dilemma tulisan Dr. Mahathir Mohamad yang diterbitkan pada tahun 1970. Walaupun buku ini diharamkan daripada diedar di Malaysia selama kira-kira sepuluh tahun, tetapi ia adalah satu contoh yang baik sebagai wakil suara orang Melayu untuk menyampaikan perasaan mereka kepada bukan-Melayu.

Dalam bab 8 yang bertajuk 'Masalah Orang Melayu' (The Malay Problem), Dr Mahathir menjelaskan bahawa bangsa Melayu adalah bangsa yang definit (the definitive people) di negara ini:

"The definitive people are those who set up the first governments and these governments were the ones with which other countries did official business and had diplomatic relations".²⁰

"In Malaya, the Malays without doubt formed the first effective governments. The Malay states have been internationally recognised since the beginning of Malayan history. Trade, treaties and diplomatic representation by foreign countries were negotiated with the Malay-governed Malay states of Malaya. The *Orang Melayu* or Malays have always been the definitive people of the Malay Peninsula."²¹

Menerusi buku ini, Dr Mahathir Mohamad menerangkan kepada bukan-Melayu betapa sakitnya hati orang Melayu apabila negara ini dikatakan bukanlah hak dan milik mereka. Oleh kerana persoalan ini adalah perkara yang asas di dalam memahami pemikiran atau minda orang Melayu, penulis buku ini terpaksa mencurahkan isi hati orang Melayu yang tetap menganggap bahawa mereka adalah pemilik negara ini yang sah.

"The burden of my argument is that the Malays are the rightful owners of Malaya, and that if citizenship is conferred on races other than the Malays, it is because the Malays consent to this. That consent is conditional."²²

Sudah tentunya jawapan dan penegasan ini perlu diberi kepada mereka yang cuba mempopularkan konsep *Malaysian Malaysia* yang memperjuangkan hak sama rata di antara Melayu dan bukan-Melayu dan menolak hakikat bahawa negara ini asalnya adalah Tanah Melayu dan kepunyaan orang Melayu.

"For suddenly, it has dawned upon the Malay that he cannot even call Malaya his land. There is no more *Tanah Melayu* - The Land of the Malays. He is now a different person, a Malaysian, but a Malay Malaysian whose authority in Malaya - his land is now not only shared with others, but shared unequally. And as if this is not enough, he is being asked to give up more and more of his share of influence.

This is a basic contention of the Malays which is challenged by other races. The Malays maintain that Malaya has always been, and still is, their land. If citizenship must be conferred on other races who have settled down and made their homes in Malaya, it is the Malays who must decide the form of citizenship, the privileges and the obligations. On becoming citizens, the non-Malays share with the Malays not only the ownership of Malaysia, but the specifications of what is a citizen, what is a condition of citizenship itself, and what is therefore not to be changed by the new citizens."²³

Dalam keadaan kemelut politik dan cabaran yang dihadapi oleh orang Melayu daripada bukan Melayu, Tunku Abdul Rahman sendiri dengan penuh emosi terpaksa meluahkan perasaannya melalui kenyataan berikut:

"..... that Malaysia is a Malay country."²⁴

Elit politik Melayu juga mulai memikirkan dengan secara serius bahawa satu program pembangunan ekonomi yang komprehensif perlu diwujudkan untuk menyelesaikan masalah ekonomi orang Melayu. Masalah ekonomi orang Melayu bukan sekadar masalah kemiskinan penduduk mereka yang masih berada di pinggir arus perdana pembangunan ekonomi moden yang sedang berkembang dengan begitu pesat.

Dari sudut pandangan yang lain, tidak ada jaminan bahawa orang Melayu dapat terus-menerus mengekalkan kuasa politik di dalam tangan mereka buat selama-lamanya. Oleh itu, kuasa politik yang ada sekarang ini perlu diperkukuhkan dengan kuasa ekonomi yang pada masa itu hampir tidak ada langsung di tangan orang Melayu. Sebagai contoh, kepentingan Melayu dalam modal saham syarikat awam pada tahun 1969 hanyalah 1.5% berbanding dengan 22.8% dimiliki oleh kaum Cina dan kepentingan yang dimiliki oleh orang asing sebanyak 62.1%.²⁵

Kedudukan orang Melayu yang begitu daif dalam bidang ekonomi telah melahirkan Dasar Ekonomi Baru dengan matlamat serampang dua mata. Tidak syak lagi bahawa matlamat serampang dua mata itu mempunyai tiga tujuan yang tersirat iaitu:

- (i) Mengeluarkan orang Melayu dari kancah kemiskinan,
- (ii) Meningkatkan bilangan orang Melayu yang bergiat dalam lapangan pembuatan dan perniagaan,
- (iii) Meningkatkan penguasaan orang Melayu dalam sektor perniagaan korporat.

Perkara (i) dan (ii) diusahakan mulai dari awal dasawarsa 70-an manakala perkara (iii) diusahakan dengan gigihnya dalam dasawarsa 80-an semasa Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir bin Muhamad.

Usaha meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang perdagangan banyak bergantung kerjasama daripada jabatan kerajaan dan badan berkanun. Dalam hal ini, kuasa politik yang ada di tangan orang Melayu digunakan dengan sebaiknya untuk dimanfaati oleh orang Melayu. Matlamat akhirnya tentulah meningkatkan kuasa ekonomi orang Melayu yang diharapkan akan membantu dan memastikan bahawa kuasa politik juga akan terus kekal di tangan orang Melayu. Ini bersesuaian dengan aspirasi bangsa Melayu yang ingin melihat bangsa mereka benar-benar wujud sebagai masyarakat teras dan masyarakat dominan di negara ini.

Walau bagaimanapun, UMNO yang merupakan sebuah parti dokongan orang Melayu yang mewakili kepentingan Melayu dalam kerajaan terus-menerus menerima cabaran daripada bukan Melayu dan parti-parti pembangkang lainnya termasuk PAS.

PAS Mengkhianati Bangsa Melayu

Pada 14 September 1985, Haji Hadi Awang, salah seorang Naib Yang Di Pertua PAS telah mengejutkan umat Melayu khususnya penyokong UMNO dengan kenyataan bahawa jika PAS berkuasa, ia akan menghapuskan 'Hak Istimewa Orang Melayu' dan bumiputera yang termaktub dalam perlembagaan. Antara lainnya, PAS akan menghapuskan "tanah simpanan Melayu, Dasar Ekonomu Baru, dan lain-lain dasar yang memperlihatkan semata-mata kepentingan orang Melayu."²⁶

Kenyataan PAS ini menjadi suatu isu yang paling hangat dan kontroversi dalam sejarah hubungan di antara UMNO dan PAS. Juga ia memulakan era baru dalam perjuangan PAS yang menggugurkan aspek 'nasionalisme Melayu' di dalam perjuangan politiknya dan hanya berpegang kepada Islam sebagai landasan perjuangan. Walaupun ia mungkin merupakan satu taktik PAS di dalam menghadapi Pilihanraya Umum 1986, tetapi ia mempunyai implikasi yang besar terhadap ideologi politik dan perjuangan PAS. Parti PAS dalam dasawarsa 80-an sudah jauh berbeza daripada parti PAS di bawah pimpinan Dr Burhanuddin Al-Helmy dan Dato' Mohd Asri yang menggembelngkan cita-cita kebangsaan Melayu dengan cita-cita Islam.

Menjelang Pilihanraya Umum 1986, PAS melangkah setapak ke hadapan lagi dengan mewujudkan satu pakatan dan kerjasama di -

antara partinya dengan Majlis Perunding Cina dan Chinese Consultative Council (CCC) yang sangat tertarik dengan hala baru perjuangan PAS. Ideologi baru PAS ini mempunyai banyak persamaan dengan konsep Malaysian Malaysia yang selama ini diperjuangkan oleh parti-parti pembangkang seperti DAP yang mewakili suara kaum Cina yang ekstrim.

Kenyataan Naib Yang Di Pertua PAS ini dengan spontan menerima reaksi yang amat hebat daripada orang Melayu yang mendokong cita-cita UMNO. Sejak bulan September 1985 hinggalah Pilihanraya Umum pada April 1986, kempen-kempen pilihanraya banyak berkisar pada perjuangan baru PAS ini, tetapi PAS menerima kecaman yang paling hebat daripada pemimpin-pemimpin UMNO yang menuduh PAS sebagai 'pembelot dan pengkhianat kepada bangsa Melayu'. PAS disifatkan sebagai parti politik yang sudah ketandusan modal. Dengan pukulan dan serangan yang begitu hebat daripada UMNO yang dengan mudah dapat menaikkan sentimen kebangsaan orang Melayu, PAS menerima kekalahan yang teruk dalam Pilihanraya Umum 1986 dengan berjaya mengekalkan cuma satu kerusi sahaja di parlimen di samping bilangan kerusi yang kecil di peringkat negeri.

Pada bulan Oktober 1986, masyarakat Melayu dikejutkan pula oleh satu resolusi yang diluluskan oleh MCA Selangor yang mendakwa bahawa "ketiga-tiga kaum terbesar di negara ini, iaitu Melayu, Cina, dan India, berasal dari negara lain dan tiada siapapun berhak menganggap kaumnya sebagai pribumi atau anak watan negara ini."²⁷ Ini bermakna orang Melayu juga adalah pendatang yang berhijrah ke Malaysia. Oleh itu status mereka boleh diletakkan sama dengan status pendatang Cina dan India.

Kenyataan ini dengan jelas mencabar dakwaan orang Melayu bahawa mereka bersama dengan suku bangsa pribumi lainnya adalah penduduk asal atau bumiputera manakala orang Cina dan India adalah golongan pendatang. Oleh kerana orang Melayu berhijrah daripada Indonesia ke Semenanjung Tanah Melayu, MCA menganggap bahawa mereka tidak layak diberi kedudukan yang lebih tinggi daripada pendatang lainnya. Atau dari sudut yang lain, harus ada persamaan hak di antara orang Melayu dan orang bukan Melayu (Cina dan India). Kenyataan MCA Selangor ini mempunyai tujuan yang tersirat untuk mempersoalkan 'Hak Istimewa Orang Melayu' yang diperjuangkan dan terus-menerus dipertahankan oleh UMNO.

Usul yang diluluskan oleh MCA Selangor ini seperti juga kenyataan Ustaz Abdul Hadi Awang sebelumnya, mendapat reaksi yang spontan dan hangat daripada orang Melayu khususnya pemimpin UMNO. Ia bukan sahaja disuarakan melalui akhbar tetapi juga melalui demonstrasi dan surat bantahan yang mengancam Lee Kim Sai, Pengerusi MCA

negeri Selangor yang dianggap bertanggungjawab meluluskan usul itu. Suara lantang juga dikeluarkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO yang menganjurkan tunjuk perasaan dan mendesak supaya Lee Kim Sai dipecat daripada jawatan Menteri Kabinet, serta MCA dikeluarkan daripada Barisan Nasional.

Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri terpaksa tampil ke hadapan untuk menyangkal usul MCA Selangor itu seperti dua kenyataan berikut:

- (i) "Bangsa Melayu bukan sahaja sekadar pribumi, malahan tuan kepada negara ini dan tiada siapa pun berhak mempertikaikan hakikatnya."²⁸
- (ii) "Sewaktu menuntut kemerdekaan, bangsa lain mengakui bahawa bangsa Melayu berhak ke atas negara ini ... Isu yang dibangkitkan memungkiri janji yang dibuat sewaktu merdeka dulu, iaitu bangsa lain mengakui bahawa bangsa Melayu berhak ke atas negara ini."²⁹

Kemuncak pada kemarahan orang Melayu ini ialah rancangan untuk mengadakan perhimpunan raksasa secara besar-besaran pada bulan November 1986 di Stadium Negara yang akan dianjurkan oleh UMNO. Hari demi hari, keadaan menjadi semakin buruk dan ia merosakkan hubungan baik di antara UMNO dan kerabat kanannya MCA.

Berdasarkan maklumat sulit daripada pihak polis, jika perhimpunan raksasa yang dirancang oleh UMNO ini diadakan di mana 500,000 orang Melayu dijangka akan hadir, ia pasti akan mencetuskan rusuhan perkauman seperti yang berlaku pada malam 13 Mei 1969. Oleh itu, Presiden UMNO Dr. Mahathir bin Mohamad telah bertindak atas nasihat pihak polis dengan cepat membatalkan perhimpunan raksasa yang dirancang oleh UMNO. Ini diekori oleh 'Operasi Lalang' yang melibatkan tangkapan lebih daripada seratus pemimpin dan ahli politik serta aktivis gerakan sosial yang dianggap telah menimbulkan rasa kebencian antara kaum sehingga hampir mencetuskan rusuhan.

Peristiwa bulan Oktober-November 1986 ini sekali lagi menunjukkan bahawa orang Melayu amat sensitif pada isu-isu tertentu yang berkaitan dengan kedudukan dan hak mereka sebagai rakyat pribumi di negara ini. Mereka menganggap bahawa hakikat ini adalah sesuatu yang mesti diterima dan tidak perlu dipersoalkan lagi. Jika perkara ini dibangkitkan, ia hanya akan menaikkan kemarahan mereka dan mengganggu pakatan kerjasama antara orang Melayu dan bukan Melayu dalam kesatuan parti induk Barisan Nasional.

Keyakinan Masa Depan

Sejak daripada dasawarsa pertama abad ke-20 hinggalah ke hari ini, orang Melayu sentiasa memikirkan keadaan, nasib, dan masa depan bangsa mereka dalam konteks sebuah negara baru yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan suku bangsa. Hakikat sejarah di abad ke-20 ini dan lebih-lebih lagi selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ialah keadaan yang telah memaksa mereka untuk berkongsi negeri atau tanahair kepunyaan mereka sendiri dengan kaum-kaum imigran yang berhijrah ke mari dari negeri Cina dan India.

Kelebihan bilangan penduduk Melayu yang hanya sedikit dibandingkan dengan bilangan penduduk bukan Melayu; kekuatan dan penguasaan orang Cina dalam bidang ekonomi; dan adanya hak politik orang Cina dan India di negara ini yang memungkinkan mereka menguasai bidang politik selain daripada bidang ekonomi seringkali meletakkan kedudukan orang Melayu di dalam keadaan yang cemas.

Walaupun pada hakikatnya orang Melayu secara terus menerus dapat menguasai bidang politik dan mereka adalah *a leading partner* serta 'mempunyai saham majoriti' dalam perkongsian kuasa, tetapi ini bukanlah satu jaminan bahawa kuasa politik yang ada pada mereka tidak akan tergugat.

Oleh itu, kuasa politik yang sedia ada ini dianggap perlu diperkukuhkan dengan peningkatan penglibatan dan kekuasaan mereka dalam bidang ekonomi. Dasar ekonomi baru (DEB), walaupun mempunyai kelemahan tertentu telah banyak membantu orang Melayu mencapai cita-cita mereka untuk berada di tempat yang setara dengan orang Cina dan India.

Menjelang akhir dasawarsa 80-an yang juga menandakan akan tamatnya Rancangan 20 Tahun DEB, orang Melayu telah berjaya meningkatkan dan mengukuhkan kedudukan mereka dalam bidang ekonomi seperti memiliki modal saham dalam sektor korporat kira-kira 22%. Walaupun ini jauh lebih rendah daripada angka 30% yang dirancangan untuk dicapai, ada yang berpendapat bahawa pencapaian orang Melayu menguasai bidang korporat pada masa ini adalah sesuatu yang luar biasa. Hingga ada pihak-pihak yang berpendapat bahawa bumiputera telahpun mencapai kuota 30% seperti yang dirancangan dulu.

Apa yang jelas kepada kita ialah berdasarkan pencapaian orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan sejak DEB dilancarkan 20 tahun yang lalu, dan kekuasaan politik masih berada di tangan orang Melayu walaupun secara berkongsi dengan kaum-

kaum lain, orang Melayu semakin mempunyai keyakinan kepada dirinya sendiri. Keyakinan ini memberi satu dokongan psikologi yang amat kuat kepada orang Melayu untuk terus berusaha dan meningkatkan kedudukan mereka sehingga keadaan mereka benar-benar mencerminkan bahawa Melayu adalah masyarakat teras dan masyarakat dominan di negara ini.

Di atas hakikat inilah juga, apabila sebelas buah badan gerakan Melayu menganjurkan 'Kongres Cendekiawan Melayu Pertama' pada 21-22 April 1988 yang lalu, ia memilih "Ke Arah Kegemilangan Melayu di Abad Ke-21" sebagai tema Kongres. Kegemilangan Melayu bukanlah satu mimpi yang tidak pernah dan tidak mungkin akan menjadi kenyataan, tetapi ia adalah satu realiti sejarah di masa lampau. Kemajuan dan kegemilangan kerajaan dan empayar Melayu di masa lampau seperti Champa, Langkasuka, Patani, Sri Wijaya, Majapahit, Melaka, Brunei, dan lain-lainnya adalah bukti yang kukuh bahawa kegemilangan yang dicita-citakan ini telah pernah dicapai. Untuk sampai kepada satu lagi era kegemilangan yang dicita-citakan, realiti sejarah di masa lampau dijadikan pendorong dan dokongan psikologi yang amat kuat.

Lampiran

Bersama-sama ini disertakan senikata lagu-lagu patriotik yang memaparkan senario dan 'mood' politik orang Melayu yang berbeza pada suasana dan zaman yang berbeza.

Lagu 'Ikatan Budaya' dan 'Tanah, Bangsa, dan Daulat' yang dicipta oleh Pak Zubir Said dalam tahun 50-an memaparkan kebanggaan hidup orang Melayu dan kemerdekaan yang dicapai dalam konteks 'Melayu Raya' yang lebih besar. Di waktu itu, orang-orang Cina dan India tidak mencabar kedudukan mereka sebagai pribumi dan pe-milik negara ini.

Lagu-lagu UMNO, IKRAR PEMUDA, WARISAN, dan PENYAIR DARI GUNUNG mempunyai dua senario atau mood yang berbeza. Pertamanya ialah pentingnya berpegang dan menghayati nilai perpaduan dan setia untuk mengukuhkan kedudukan orang Melayu yang sentiasa menghadapi cabaran daripada kaum-kaum lain. Kedua ialah memberi semangat dan wasiat yang dicapai oleh nenek moyang pada masa lampau dan tanggungjawab untuk membela nasib bangsa Melayu supaya dapat dikeluarkan dari kancha kemiskinan.

IKATAN BUDAYA

1. Kebudayaan bangsa Melayu sejati,
Satu rumpun berdasar pusaka yang asli,
Berdaulat serta dirgahaya mulia,
Meliputi seluruh kawasan Nusantara.

Kehidupan rakyat lingkungan satu bangsa,
Negara, Bendera, dan Bangsa,
Satu Sejarah dan Satu Budaya Pusaka,
Bahagia hidup MELAYU RAYA.
2. Kebesaran rakyat pusaka Melayu,
Tidak lapuk dek hujan, di panas tak layu,
Kesenian, Budi, Adat Resam yang satu,
Keseluruhan Nusaku, Kebanggaan Bangsaku.

Persatuan rakyat lingkungan satu budaya,
Perkasa, Abadi, dan Jaya!
Satu Keluarga dan Satu Pusaka yang murni,
LINDUNGAN TUHAN YANG MAHA SUCI.

TANAH, BANGSA, DAN DAULAT

Tanah Melayu tanahair berbahagia!
Aku pelihara dengan tekad yang satria,
Di situ hidupku, di situlah matiku,
Di Tanah Airku, TANAH MELAYU MERDEKA!

Bangsa Melayu bangsa aku yang mulia,
Merdeka abadi tetap taat dan setia,
Sehidup sehati dengan bersatu jiwa,
Berkhidmat kepada TANAH MELAYU MERDEKA!

Daulat bangsaku kedaulatan yang kutaja,
Tetap ku muliakan selama-lama usia,
Berdiri rakyatnya dengan kibaran bendera,
Menjunjung daulat BANGSA MELAYU MERDEKA.

LAGU UMNO

Bersatu kita bersatu,
Dengan setia berganding bahu,
Jiwa teguh berpadu, kita anak Melayu,
Bersama kita bersama, menjunjung hasrat semua,
Berjasa pada bangsa, agama dan negara.

Lambang kita yang gagah, dipandang mulia dan indah,
Bersatu, Bersetia, Berkhidmat cogan katanya,
UMNO terus mara untuk rakyat Malaysia.

IKRAR PEMUDA

Kami Pemuda MALAYSIA
Bersatu dan padu tenaga
Berjuang berkorban jiwa raga
Untuk ketahanan BANGSA.

PEMUDA harapan NEGARA
Membela dan membuat jasa
Membina NEGARA kaya raya
IBU PERTIWI MALAYSIA.

Mari kita BERSATU dan BERIKRAR
Mengaku dan bersumpah
Menjunjung AGAMA BANGSA dan NEGARA
Bersungguh dan SETIA.

Kami Pemuda MALAYSIA
Merupakan BENTENG YANG WAJA
Pertahankan KEDAULATAN AGAMA
Serta BANGSA dan NEGARA.

WARISAN

Anak kecil main api
Terbakar hatinya yang sepi
Air mata darah bercampur keringat
Bumi dipijak milik orang.

Nenek moyang kaya raya
Tergadai seluruh harta benda
Akibat sengketa sesamalah kita
Cinta lenyap di arus zaman.

Indahnya bumi kita ini
Warisan berkurun lamanya
Hasil mengalir ke tangan yang lain
Pribumi merintis sendiri.

Masa depan sungguh kelam
Teringat peristiwa semalam
Tertutup hati terkunci mati
Maruah peribadi dah hilang.

Kini kita cuma tinggal kuasa
Yang akan menentukan bangsa
Bersatu hati, bersama berbakti
Pulih kembali harga diri.

Kita sudah tiada masa
Ayuhlah dengan maha perkasa
Janganlah terlalai, Teruskan usaha
Melayukan gagah di Nusantara
Melayukan gagah di Nusantara
Melayukan gagah di Nusantara.

Rujukan

1. Perlembagaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO yang dipersetujukan dalam Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 28 Oktober, 1988, m.s. 1.
2. Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, Heinemann, Kuala Lumpur, (1983), m.s. 26.
3. Khoo Kay Kim, 'A Survey of Early Malaysian Politics', dalam *Solidarity*, Jilid VI (1971).
4. Temubual dengan bekas Setiausaha UMNO Bahagian Melaka.
5. Rustam A. Sani, (a) Melayu Raya as a Malay 'Nation of Intent' dalam *The Nascent Malaysian Society*, Penerbit UKM, 1976, m.s. 11-25. (b) 'Robohan Nasionalisme Melayu : Asas Sosial Bagi Terbentuknya Ideologi Perpaduan Nasional', dalam *Ilmu Masyarakat*, No. 4 Okt.-Dis. 1983, m.s. 9-15.
6. Satu percubaan memaparkan kekejaman Bintang Tiga telah diusahakan oleh Tan Sri Kamarul Ariffin melalui filemnya YASSIN. Lihat juga laporan mengenai Tragedi 13 Mei 1969 oleh National Operations Council.
7. J.P. Ongkili, *Nation Building in Malaysia 1946-1974*, Oxford Universiti Press, Singapore, m.s. 45.
8. Ishak Tadin, "Dato' Onn and Malay Nationalism 1940-51", *Journal of Southeast Asian History*, Vol. I, 1960, m.s. 60.
9. PRO/CO 825/35.
10. Mohd. Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, m.s. 115-116
11. D.R. Rees-Williams, *The Constitutional Position in Malaya*, *Pacific Affairs*, 20 Jun 1947, m.s.174
12. Zainal Abidin Abd. Wahid, 'Malayan Union: Its Abolition, dalam Zainal Abidin Abdul Wahid, *Glimpses of Malaysian History*, Kuala Lumpur, 1970, m.s. 111-112
13. K.J. Ratnam, *Communalism and the Political Process in Malaya*, Universiti of Malaya Press, 1967, reprint, m.s. 215
14. Kesemua data-data ini dipetik daripada K.J. Ratnam, *Ibid*.
15. J. Funston, *Malay Politics in Malaysia*, Heinemann, Kuala Lumpur, 1980, m.s. 143-144
16. UMNO/SG Files 184/1956 dipetik dari J. Funston, *ibid*, 139.
17. W. Shaw, *Tun Razak*, Longmans Kuala Lumpur, 1977, m.s. 194.
18. W. Shaw, *ibid*, m.s. 221-222
19. Terdapat tiga risalah ucapan Lee Kuan Yew yang diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan Singapura (1965) yang menganjurkan konsep 'Malaysian-Malaysia'.

UMNO DALAM ARUS PERDANA POLITIK KEBANGSAAN

20. Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma*, Donald Moore, Singapore 1970, m.s. 126.
21. Mahathir bin Mohamad, *ibid*, m.s. 127.
22. Mahathir bin Mohamad, *ibid*, m.s. 126.
23. Mahathir bin Mohamad, *ibid*, m.s. 121.
24. Tunku Abdul Rahman, *May 13 - Before and After*, Utusan Melayu, m.s. 149.
25. Second Malaysia Plan - 1971-1975, Government Printers, Kuala Lumpur, 1971, m.s. 40.
26. *Utusan Malaysia*, 15.9.85.
27. *Berita Harian*.
28. *Berita Harian*.
29. *Berita Harian*.

BAHAGIAN DUA

Arus Politik Kebangsaan

- Wan Mokhtar Wan Ahmad
- Mohd Yusof Noor
- Zainal Abidin Abdul Wahid
- Abu Bakar Hamzah
- Kassim Ahmad
- Syed Hussein Al-Atas
- Aishah Ghani

ARUS POLITIK KEBANGSAAN DI MALAYSIA*

Wan Mokhtar Wan Ahmad**

Pendahuluan

Apabila kita bercakap mengenai Politik Kebangsaan, maka perkara pertama yang terlintas di dalam pemikiran kita ialah negara, dan apabila kita bercakap tentang negara, maka tidak dapat tidak kita mestilah mengambil kira unsur-unsur penting yang membentuk negara iaitu kawasan geografi yang diiktirafkan dan kumpulan manusia yang diiktirafkan sebagai pemilik kawasan geografi itu. Demikian juga apabila kita membincangkan tentang Arus Politik, maka perhatian kita tertumpu kepada kegiatan-kegiatan kumpulan manusia yang hidup dalam negara itu bagi membentuk kepimpinan di dalam negara semenjak kumpulan manusia itu wujud dan bertamadun.

Bagi kita di Malaysia, perbincangan mengenai Arus Politik lebih berpusat kepada pembebasan daripada penjajahan dan kekuasaan politik Inggeris; lebih tegas perjuangan untuk mengembalikan kemerdekaan, kemudian diikuti perjuangan untuk mengisi kemerdekaan yang dicapai. Kerana itu, perjuangan dalam episod-episod sejarah yang pernah berlaku sebelum itu kurang dijadikan tumpuan, hanya menjadi rujukan semata-mata. Adalah jelas bahawa era kebangkitan politik rakyat sebelum Perang Dunia Kedua amat kurang dikenal pasti walaupun mungkin ianya telah wujud dan muncul dalam kelompok-kelompok kecil menentang penjajah.

Dalam sejarah dunia moden, penjajahan berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung di semua negara umat Islam di Asia Barat, di Afrika, dan di Asia kerana di situlah tempat yang kaya dengan

* Ucapan utama di Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan 'Arus Politik Kebangsaan', anjuran Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, pada 3 dan 4 Mei, 1985.

** Tan Sri Wan Mokhtar Wan Ahmad adalah Menteri Besar Terengganu.

bahan mentah untuk kepentingan kemajuan manusia khususnya bahan galian seperti petroleum, gas, besi, emas dan lain-lain logam di samping bahan-bahan pertanian. Terdapat di antara negara-negara yang dijajah itu lebih awal, menderita kepahitan akibat cengkaman penjajahan, kerana ada di antara penjajah bersikap melampaui batas kemanusiaan dengan menggunakan tangan besi memeras negara yang dijajah. Sebagai contoh, penjajah Perancis menyentuh akar umbi asas masyarakat Mesir dan Algeria dengan menekankan keperluan bahasa Perancis kepada peribumi hingga kepada golongan petani dan rakyat bawahan.

Perjuangan Menuntut Kemerdekaan

Kesedaran kemerdekaan bagi kebanyakan negara-negara Islam sepanjang yang diketahui adalah bermula di Mesir. Ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa kesedaran ini timbul kerana gesaan Islam supaya mencari jalan bagi membebaskan umat Islam daripada belenggu penjajahan. Tetapi semangat kemerdekaan yang menyala dalam tanah air kita ditiup oleh golongan berpendidikan Barat yang kemudiannya bergabung dengan tenaga yang berlatar belakang agama dari barisan kaum pendidik termasuk guru-guru sekolah Melayu dan guru-guru agama. Inilah satu kekuatan yang wujud dalam semangat kemerdekaan kita, terutama sekali barisan pejuang yang menuntut kemerdekaan melalui UMNO. Bercakap mengenai semangat kemerdekaan ini, kita tidak ketepikan perjuangan tokoh-tokoh yang telah menjadi legenda sejarah seperti Ishak Haji Mohamad, Ibrahim Yaakub, Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Dato' Onn bin Jaafar dan beberapa tokoh agama diikuti barisan kedua terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Rahman Talib, Dato' Panglima Bukit Gantang dan ramai lagi yang tidak dapat disebut satu persatu di sini.

Bagaimanapun, inspirasi perjuangan menuntut kemerdekaan negara ini sebenarnya sedikit sebanyak dicontohi dari negara jiran, Indonesia, kerana ketika itu rakyat Indonesia dengan gagah bangkit menentang penjajah Belanda. Para patriotik Indonesia menghadapi tenaga penjajah melalui gelombang pemberontakan yang mengorbankan darah dan nyawa. Dari jangkitan semangat ini, beberapa buah parti politik Melayu yang diwujudkan selepas Perang Dunia Kedua di negara ini seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dianggap sebagai parti-parti politik Melayu yang bersikap militan dan berhaluan kiri. Sedangkan hakikat yang sebenarnya, bangsa Melayu ketika itu adalah menghadapi keadaan lebih sukar sekiranya perjuangan mendapatkan kemerdekaan dilakukan melalui kekerasan.

Satu lagi semangat kemerdekaan yang meluap timbul di kalangan masyarakat Melayu dalam Perang Dunia Kedua dan selepas Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 ialah kesan dari penderitaan rakyat yang dialami ketika berada dalam cengkaman kuku besi pemerintahan Jepun. Pengalaman itu sudah cukup membawa suatu kesedaran untuk hidup dalam sebuah negara merdeka. Penyeksaan dan kesengsaraan di zaman pemerintahan Jepun cukup jelas membawa kesedaran betapa hinanya suatu bangsa yang dijajah. Kerana itu kehinaan itu mestilah ditebus melalui pembebasan dari ikatan penjajahan. Tetapi selepas Jepun menyerah kalah, dan sebelum British kembali semula ke Tanah Melayu, dalam tempoh dua minggu sahaja sekali lagi orang Melayu diseksa, dibunuh, dan dipancung dan gerila Bintang Tiga yang sebelum itu memberontak, menentang pemerintahan Jepun. Sekali lagi orang Melayu merasakan maruah dan kehormatan mereka dipijak sehinah-hinanya sehingga tiada daya dan upaya untuk mempertahankan kehormatan itu.

British yang kembali mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu, berusaha memulihkan keadaan yang tidak tenteram dalam detik-detik peralihan itu dengan segera menubuhkan sebuah kerajaan sementara pada bulan September 1945 yang dikenali sebagai Pentadbiran Tentera British atau BMA. Enam bulan kemudian, Pentadbiran Tentera British dibubarkan, tetapi British menggantikan sistem kerajaan barunya yang meliputi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura dengan pemerintahan **Malayan Union**. Melalui **Malayan Union** ini, Kerajaan British akan memberi peluang kepada penduduk Tanah Melayu mendapat kerakyatan dengan mudah. **Malayan Union** juga mencadangkan supaya semua warganegara mempunyai hak yang sama dan ini berbeza sama sekali ketika sebelum Perang Dunia Kedua di mana hanya orang-orang Melayu sahaja mempunyai hak-hak istimewa sebagai peribumi negeri Tanah Melayu. Di bawah gagasan ini seorang Gabenor British akan menjadi ketua **Malayan Union** dengan diberi kuasa yang luas, manakala Raja-raja Melayu hilang kuasa politik dan orang Melayu sendiri tidak mempunyai apa-apa haknya walaupun merupakan tuan punya negara ini. Bilangan mereka akan jelas semakin kecil akibat luasnya terbuka peluang kerakyatan kepada penduduk negara ini.

1 Penubuhan UMNO

Apabila rancangan British ini disedari oleh orang Melayu, maka semangat menentang penjajah semakin meluap. Walaupun beberapa buah parti politik Melayu telah sedia ada ketika itu, tetapi dirasakan

ianya kurang berkemampuan untuk menghadapi rancangan British melaksanakan projek Malayan Union. Kerana itu, seorang intelek Melayu bernama Dato' Onn bin Jaafar akhirnya berjaya mempelopori penubuhan sebuah parti baru yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau dalam Bahasa Inggerisnya United Malays National Organisation (UMNO). Perjumpaan pertama bagi penubuhan parti UMNO ini berlaku pada awal bulan Mac 1946 dengan matlamat perjuangannya untuk Bangsa Melayu, Agama Islam dan Negara Tanah Melayu. Inilah sebuah parti Melayu yang pertama pernah diwujudkan dengan menjadikan Islam sebagai terasnya manakala kebangsaan Melayu sebagai pakaiannya. Ringkasnya, UMNO merupakan parti politik Melayu tulin yang khusus memperjuangkan kepentingan Bahasa Melayu, keagungan Islam dan kedaulatan negara. UMNO terus mendapat sambutan hangat dari setiap lapisan masyarakat Melayu termasuk anggota-anggota yang sebelum ini menjadi pendukung kepada beberapa buah parti Melayu. Dengan gagah tetapi berhati-hati UMNO terus berjuang menentang gagasan Malayan Union. UMNO mempunyai caranya yang tersendiri dalam tindakan perjuangannya dengan mengelakkan diri dari menjerumuskan rakyat ke arah pertempuran. Para pemimpin UMNO telah membuktikan kemampuan mereka menghadapi penjajah melalui cara sebaiknya iaitu melalui rundingan. Hasil dari perpaduan orang Melayu menentang Malayan Union, akhirnya gagasan itu dihapuskan dan digantikan dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Februari 1948.

Itulah kejayaan yang amat besar hasil dari perjuangan UMNO. Dengan itu bermulalah suatu era baru bagi Orang Melayu dan Rajaraja Melayu untuk kembali menikmati semula hak-hak keistimewaanannya. Bagaimanapun, negara masih lagi dijajah, dan kita masih juga menjadi anak-anak penjajah. Oleh itu UMNO yang merupakan gerakan nasional sekaligus terus melancarkan perjuangannya menuju ke arah mencapai cita-cita suci yang merangkumi semua aspek yang diredhai Allah berteraskan Islam terutama untuk mencapai kemerdekaan negara. Dengan kejayaan UMNO itu, kedudukan UMNO terus semakin kukuh. Ia mendapat kepercayaan dari hampir keseluruhan Bangsa Melayu.

Bagaimanapun, UMNO berpendapat perjuangannya menebus maruah bangsa dan keagungan Islam tidak akan berhasil selagi mereka menjadi hamba kepada penjajah Inggeris. Atas kesedaran inilah, gerakan menuntut kemerdekaan semakin lantang dan padu. Cara dan budi bicara UMNO memperjuangkan kemerdekaan juga cukup cermat dan hati-hati kerana ia mempunyai falsafah seperti menarik rambut dalam tepung, tepung tidak berselerak, rambut tidak putus.

Walau bagaimanapun, Dato' Onn telah keluar dari UMNO pada tahun 1951 setelah gagal mengubah dasar UMNO supaya membenarkan orang-orang Cina dan India memasuki UMNO. Cadangan ini telah menerima tentangan keras dari ahli-ahli UMNO menyebabkan Dato' Onn selaku Presidennya yang pertama merasa amat kecewa. Penolakan kepada cadangan itu ialah kerana ahli-ahli UMNO tetap mahukan UMNO menjadi sebuah parti politik Melayu tulin berteraskan Islam. Jadi apabila keahliannya terbuka kepada kaum Cina dan India tentulah dasar perjuangan yang paling pokok bagi UMNO akan berubah. Ahli-ahli UMNO lebih rela melihat pemimpin agungnya yang telah berusaha menubuhkan UMNO keluar dari membuka pintu UMNO kepada orang lain. Kekosongan yang ditinggalkan oleh Dato' Onn itu akhirnya dipenuhi oleh seorang putera di Raja Kedah bernama Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj. Di bawah pimpinan Tunkulah UMNO terus mara dalam usahanya menuntut kemerdekaan sehingga berjaya; kemerdekaan negara diisytiharkan pada tanggal 31 Ogos 1957. Sekali lagi UMNO membawa suatu kejayaan yang tiadaandingnya tanpa menggugurkan walau setitis darah rakyat. Bagi mencapai kejayaan ini, UMNO disertai oleh MCA dan MIC di bawah lambang Perikatan.

Demikian secara ringkas, bagaimana parti-parti politik ditubuh dan bergerak dalam negara kita semenjak selepas Perang Dunia Kedua hingga mencapai kemerdekaan. Saya percaya tokoh-tokoh sejarah tentu dapat memberi gambaran yang lebih terperinci dan tepat. Kita dapat melihat dengan jelas pelbagai parti politik Melayu telah wujud tetapi satu pun tidak kekal. Rahsia di sebalik kejadian ini adalah kerana ia tidak mempunyai tunjang atau teruas yang kukuh iaitu berasaskan agama. Ia hanya mempunyai kulit yang keras iaitu kebangsaan atau fahaman agama yang sempit yang tidak menepati erti agama yang sebenarnya. UMNO merangkumi kedua-dua aspek penting dalam perjuangannya kerana orang Melayu amat mencintai agamanya di samping menjunjung kebangsaannya yang tidak boleh dijual beli.

Pandangan terhadap kebangsaan dan Islam

Mengenai kebangsaan dan Islam, Presiden PAS yang pertama, Dr. Burhanuddin Al-Helmy pernah menulis dalam bukunya yang berjudul Falsafah Kebangsaan Melayu dalam Bahagian IV Bab 7 antara lain berbunyi: "Islam memandang kebangsaan itu sebagai suatu alat bukan tujuan. Kebangsaan hendaklah mengambil tempat yang sederhana dan bulat sebagai suatu lambang yang boleh menarik dan menyatukan suatu bahagian tenaga untuk mencapai cita-cita mulia yang besar dan abadi, sebagaimana Islam memandang dunia bukan tujuan tetapi hanya satu alat atau tunggangan yang menyampaikan ke akhirat."

Pada sudut yang lain Dr. Burhanuddin menulis, "Cinta negara itulah cinta bangsa yang ditunjukkan oleh Saidina Ibrahim, manakala Agama Islam adalah lanjutan millah (AGAMA) Ibrahim. Maka contoh teladan cinta watan Ibrahim itulah sepatutnya menjadi cinta ahli kebangsaan hari ini, supaya dapat pula cogankata itu menciptakan negara yang aman makmur". Bekas Presiden PAS itu seterusnya menulis dalam buku yang sama, "Soal membela puak, gabak, bangsa, dan kebangsaan bukanlah soal baru, bahkan sudah dijalankan oleh nabi-nabi dan rasul-rasul dari zaman berzaman lagi. Mereka membawakan ajaran agama atau peraturan untuk keselamatan kaumnya. Tegasnya, pelbagai peraturan dan syariat telah datang dibawakan oleh nabi-nabi dan rasul-rasul itu sesuai untuk keselamatan dan keamanan sesuatu kaum atau bangsa itu."

Hari ini telah wujud kalangan pemimpin parti politik PAS yang menjadikan Islam sebagai lambang perjuangannya menjadi isu kebangsaan yang diperjuangkan oleh UMNO sebagai golongan yang terkeluar dari umat Islam. Pendapat yang menyeleweng ini sedikit sebanyak boleh mengelirukan umat Islam terutama kalangan yang kurang memahami maksud sebenar Assabiah itu. Golongan ini sering menjadikan dua potong hadis Rasulullah sebagai alat atau alasan membawa kekeliruan itu, iaitu sebuah hadis yang bermaksud:

"Tidak ada Assabiah dalam Islam"

serta hadis kedua yang bermaksud:

"Bukanlah daripada kami orang yang menyeru ke arah Assabiah itu."

Golongan yang saya maksudkan tadi, cuba menyamakan Assabiah itu dengan kebangsaan, kerana itu mereka memberi pendapat tidak ada kebangsaan dalam Islam, lalu melabelkan kepada pejuang-pejuang kebangsaan sebagai pejuang Assabiah. Sebenarnya kalimah Assabiah ini diambil dari kata 'taasub' atau fanatik dalam Bahasa Inggeris iaitu terlalu mengagung dan memuliakan puak sendiri sambil menolak dan menghina puak yang lain. Terlalu mementingkan puaknya sendiri sambil menafikan hak orang lain menyebabkan timbulnya fahaman berkelas sehingga tidak diboleh bersemenda antara puaknya dengan puak yang lain. Ertinya Assabiah itu adalah rasa kedaerahan yang sempit, rasa perkauman yang tebal dan melulu, bukannya fahaman kebangsaan yang luas yang berdasarkan kepada tanah air dan kewatanan seperti yang telah dijelaskan oleh Al-Quran yang bermaksud:

"Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya dapat kamu berkenal-kenalan bukan bermusuhan-musuhan."

Amalan fahaman kebangsaan yang diamalkan oleh UMNO adalah rasa kebangsaan yang membawa kepada rasa kemanusiaan dan ikatan persaudaraan seluruh umat. Saya percaya isu yang batil yang cuba diselewangkan ini akan semakin lenyap ditelan waktu.

Tiap-tiap satu perjuangan mesti ada terasnya, tidak dapat dinafikan bahawa teras perjuangan politik kebangsaan kita ialah orang Melayu. Dan teras bagi orang Melayu ialah Islam. Perkara-perkara lain seperti ekonomi, kedudukan sosial, dan kepentingan kelompok tidak boleh menjadi teras kerana kepentingan dan penglibatan golongan-golongan rakyat tidak sama malah unsur-unsur itu sangat subjektif, berubah mengikut suasana dan tidak sama dari segi kepentingan. Tetapi Islam adalah sama bagi semua orang dari segi kepentingan dan penglibatan. Oleh yang demikian tidaklah boleh dinafikan oleh sesiapa bahawa Islam ialah teras utama bagi perjuangan politik kebangsaan. Orang boleh lupa kepentingan persendirian atau kumpulannya kerana kepentingan Islam, dan orang lebih mudah terdesak untuk bertindak kerana Islam daripada perkara-perkara lain. Pendek kata Islam ialah *unifying factor* bagi politik kebangsaan kita.

Sepertimana yang umum sedia maklum bahawa Islam ialah cara hidup sempurna merangkumi aspek-aspek kerohanian, kemasyarakatan, perekonomian, dan politik. Sekiranya satu-satu aspek yang tertentu sahaja diambil menjadi asas perjuangan politik maka perjuangan politik itu tidak boleh diterima umum dan akibatnya tidak boleh kekal lama. Kerana yang boleh kekal lama ialah sesuatu yang tegak dengan semua unsur di dalamnya.

Kalau kita renungkan kepada parti-parti politik yang muncul dalam negara kita, kita dapati kebanyakan parti-parti politik itu berasaskan faktor yang tertentu sahaja seperti faktor ekonomi, kebangsaan yang sempit, struktur sosial serta fahaman Islam yang sempit. Parti-parti politik itu pada mulanya mendapat sokongan dan mendapat tempat di hati rakyat tetapi sokongan itu tidak kekal lama dan akhirnya selepas tenggelam timbul parti-parti itu tidak wujud lagi atau terus wujud tetapi kurang mendapat sambutan. Parti-parti berkenaan termasuk API, SEBERKAS, PERKEMAM, PEKEMAS, Parti Negara dan Parti Rakyat. Parti-parti ini tumbuh hasil dari perkembangan di Indonesia yang menyalakan semangat kemerdekaan ketika itu. Kalau kita renungkan kepada parti-parti politik yang tersebut itu, kita dapati bahawa tiap-tiap satu daripadanya mengambil cebisan tertentu daripada teras termasuk juga PAS. Tetapi tidak mengambil teras secara total, sebagaimana UMNO.

UMNO sejak ditubuhkan memahami hakikat ini. Maka sebab itulah sejak ditubuhkan UMNO memilih teras yang sejati bagi politik negara ini. Teras itu ialah 'Islam'. Oleh sebab itulah termaktub di dalam Perlembagaannya dengan jelas bahawa Islam adalah asas kepada perjuangan. Hal ini dibuktikan dengan hakikat bahawa Islam diperjuangkan agar dijadikan agama rasmi dalam Perlembagaan Malaysia. Pengambilan Islam sebagai teras ini adalah berpandukan sepotong ayat Al-Quran yang bermaksud:

"Sesiapa yang menuntut selain daripada Islam sebagai agama (cara hidup) maka tidak akan diterima."

Berdasarkan teras ini dengan panduan ayat di atas itu maka lahirlah rancangan-rancangan tindakan oleh mereka yang diberi amanah di dalam UMNO untuk mentadbirkan kerajaan. Adalah menjadi dasar bahawa pembangunan ummah mestilah ada ikatan dengan pembangunan rohani. Berlandaskan dasar ini, perancangan-perancangan kemajuan diatur. Ini termasuklah perancangan yang berhubungkait dengan ekonomi dan sosial untuk memberi kebahagiaan kepada rakyat. Begitu juga perkara-perkara yang berhubung dengan ketahanan rakyat dan ketahanan negara. Perlu disebutkan bahawa rakyat adalah amanah Allah kepada sebuah kerajaan. Maka adalah menjadi kewajipan bagi sesebuah kerajaan itu menghasilkan kemakmuran kepada mereka dan mewujudkan kesejahteraan di kalangan mereka serta menjamin keselamatan mereka.

Parti UMNO yang menjadi teras pemerintahan negara ini sedar bahawa melalui kesungguhannya menyebarkan dan mengembangkan Islam, suatu arus kebangkitan ummah akan dapat dipersuburkan hingga akhirnya mencapai cita-cita perjuangan yang diharapkan itu. Bagaimanapun, arus yang melanda itu tidak akan merobohkan UMNO kerana ia telah menyediakan takungan yang lebar untuk menerima tumpahan dari arus yang melimpah itu dengan adanya Islam sebagai teras dan kunci dalam perjuangan parti itu. Persediaan itulah juga yang telah membawa kejayaan yang besar secara berterusan kepada UMNO hingga mencatatkan rekod parti paling lama memerintah sebuah negara demokrasi. Itulah rahsia kekuatan sebuah parti politik yang memperjuangkan Islam dan kebangsaan di samping menghormati dan melindungi hak kaum-kaum lain.

Saya tidak menafikan bahawa dalam saat-saat kebangkitan Islam sekarang dan pada masa akan datang terdapat parti politik yang cuba mendapatkan faedah dari perjuangannya dengan meletakkan Islam sebagai label. Tetapi oleh kerana ia tidak menyediakan suatu takungan atau asas bagi meletakkan Islam itu sendiri, lambat laun pengaruh

parti itu akan tergugat seperti juga tergugatnya berbagai parti politik Melayu sebelum ini. Perjuangan duniawi dan ukhrawi tidak dapat dipisahkan, kerana dunia adalah sebagai jambatan ke akhirat. Bagaimana manusia ini mungkin hidup kalau semua bentuk kerja dunia dianggap sebagai sekular. Membina sekolah sekular, bina kilang dianggap sekular, membincangkan masalah ekonomi dikatakan sekular, tidak boleh bekerjasama dengan bukan Islam sambil mereka melaungkan slogan-slogan yang menakutkan, menabur fitnah dan menghina orang lain secara terbuka, membelakangi fakta-fakta serta lain-lain penyelewengan yang tidak ketara terus dilakukan. Saya yakin UMNO masih terus diberi kepercayaan oleh Bangsa Melayu sebagai payung dan perisai melindungi mereka. Mereka akan merasa selamat bila berada dalam suatu perjuangan yang berbentuk fleksible, sederhana malah amat jelas, UMNO juga menjadi payung kepada parti-parti bukan Melayu untuk sama-sama mendapat pembelaan. Amalan demokrasi tulen oleh UMNO membolehkan parti-parti politik berkembang dengan baik di negara ini. Sukar saya ramalkan apakah yang akan terjadi kepada parti-parti pembangkang takdirnya parti lain menjadi induk pemerintah seperti UMNO. Tidak mustahil kebebasan yang dinikmati sekarang akan digugat bagi mengekalkan kuasa politik parti mereka. Jadi arus politik kebangsaan akan terus berkembang dengan baik walaupun terdapat tanda-tanda kemungkinan kelancaran perjalanannya akan dipertikaikan oleh golongan tertentu. Selagi orang Melayu tidak mahu kehilangan identiti dan kehormatannya maka perjuangan ini harus dipertahankan.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM KONTEKS ARUS POLITIK KEBANGSAAN

Mohd Yusof Noor*

Pendahuluan

Walaupun ramai orang telah membincangkan tentang Politik Kebangsaan tetapi tentulah masyarakat umum tidak merasa puas dengan perbincangan-perbincangan itu kerana belum diperolehi satu fahaman yang konkrit tentang pengertian Politik Kebangsaan. Pada pendapat saya Politik Kebangsaan merupakan corak pemikiran yang dicetuskan oleh bangsa Malaysia yang terdiri dari berbagai-bagai kaum dan menganuti berbagai agama, menghayati adat resam dan budaya yang berlainan menuju ke arah keutuhan dan ketinggian maruah bangsa Malaysia. Fikiran dan pandangan yang dicetuskan oleh mana-mana pihak dalam negara ini yang tidak menuju ke arah keutuhan dan kekuatan maruah Negara Malaysia tentulah tidak boleh diterima sebagai satu corak pemikiran yang bersifat kebangsaan.

Oleh kerana corak fikiran masyarakat Malaysia ini sentiasa berkembang, maka sudah tentu ia perlu dibimbing dan dipandu bagi memastikan bahawa arus perkembangannya tidak menuju arah yang merugikan.

Identiti Politik Kebangsaan

Setelah mengetahui tentang maksud 'Politik Kebangsaan di Malaysia', maka perlulah pula dikaji tentang unsur-unsur yang boleh mengukuhkan Politik Kebangsaan tersebut. Dalam hal ini tentulah terdapat banyak perbezaan pendapat yang dapat diperhatikan kerana setiap kumpulan manusia sentiasa dipengaruhi oleh faktor-faktor pengetahuan dan alam sekitarnya. Hal ini tidak memeranjatkan kerana

* Datuk Dr. Mohd Yusof Noor, adalah Menteri Perusahaan Awam Malaysia.

kemampuan seseorang itu adalah terhad untuk menggariskan konsep dan panduan yang bersifat menyeluruh. Mungkin dalam hal ini terasa oleh masyarakat umum bahawa usaha untuk membentuk satu kekuatan yang bersifat kebangsaan sangat sukar. Tetapi kesukaran yang ditakuti itu sebenarnya tidak menjadi penghalang bagi membentuk kekuatan sesebuah negara selagi ia dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan bercita-cita tinggi untuk menjadikan sesebuah negara itu dihormati dan disegani. Di sinilah timbulnya kepentingan pembentukan identiti bagi bangsa Malaysia sekiranya pembentukan identiti ini tidak dapat diusahakan dengan baiknya, maka sudah tentu Malaysia akan menghadapi zaman kelam dan mungkin kehidupan yang tidak harmoni akan dapat dilihat pada masa akan datang.

Usaha-usaha ke arah pembentukan identiti bangsa Malaysia pada masa ini dapat dilihat dengan jelas dalam masyarakat Malaysia sama ada yang diusahakan oleh pihak pemerintah atau yang dijalankan oleh sektor swasta. Segala usaha-usaha tersebut apabila dijalankan dengan penuh rasa tanggungjawab tentulah ia dengan mudah dapat meyakinkan masyarakat Malaysia umumnya bahawa ia merupakan jalan yang mesti diterima menyahut seruan ke arah pembentukan identiti bangsa Malaysia.

Unsur yang terpenting sekali dalam pembentukan identiti kebangsaan ialah unsur NILAI. Ia merupakan faktor yang sangat penting bagi memastikan kelahiran sebuah masyarakat yang kuat dan dihormati. Sebarang perbincangan mengenai identiti bangsa Malaysia yang mengeneipikan persoalan NILAI sudah tentu akan menambah kekaburan masyarakat dan seterusnya akan menyebabkan kerugian yang besar kerana membiarkan masyarakat mengalami satu kekosongan (vacuum) dalam satu keperluan asasi manusia. Tidaklah menghairankan sekiranya kita dapati pihak pimpinan negara pada masa ini memberikan perhatian yang berat kepada masalah NILAI. Usaha-usaha yang dijalankan seperti mengadakan kempen daya pengeluaran negara, kepimpinan melalui teladan, kumpulan kawalan mutu dan sebagainya menggambarkan bahawa masyarakat Malaysia mesti disedarkan tentang kepentingan NILAI. Seorang pekerja, pegawai dan sebagainya akan diberi penghormatan dan disegani sekiranya mereka bekerja atau menjadi seorang pegawai yang benar-benar memberikan sumbangan kepada jabatan dengan menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya dengan penuh dedikasi. Ini juga bererti bahawa sekiranya seseorang pekerja atau pegawai yang tidak memberi sumbangan yang memuaskan boleh disifatkan sebagai orang yang tidak mengamalkan nilai-nilai yang baik.

Sifat malas, negatif, bercakap kosong, meyalahkan orang lain dan sebagainya merupakan sifat-sifat yang bertentangan dengan nilai yang baik. Hasil yang dikeluarkan oleh sesuatu industri sekiranya mutunya rendah atau kadar pengeluarannya merosot juga boleh disifatkan sebagai tidak bernilai atau dengan lain perkataan industri tersebut mengamalkan nilai-nilai yang merugikan. Ringkasnya dalam menegakkan identiti kebangsaan, setiap individu, perusahaan dan semua sektor yang menjalankan pelbagai aktiviti perlu menjalankan kerja yang boleh memberikan sumbangan yang bererti kepada negara berkenaan. Urusan-urusan yang dijalankan dengan penuh rapi, teliti, amanah, dan rasa tanggungjawab itulah boleh disifatkan sebagai menuju ke arah pembentukan identiti yang diperlukan oleh sebuah negara seperti Malaysia ini.

Setelah menyedari bahawa "IDENTITI" tidak boleh dipisahkan daripada "NILAI", maka apa yang diperlukan berikutnya ialah tentang UNSUR NILAI. Nilai apakah yang boleh digunakan bagi mengukuhkan sesuatu identiti? Tentu ramai orang yang menjawab bahawa masalah nilai elok dipulangkan sahaja kepada individu-individu di komuniti-komuniti yang berkenaan. Tetapi satu persoalan yang akan timbul ialah: "Adakah pemulangan masalah penganutan terhadap nilai itu kepada individu dan komuniti akan menyelesaikan masalah atau tidak?" Jawabnya yang jelas ialah: "Ia tidak akan menyelesaikan masalah, malah ia akan berakhir dengan kekeliruan yang berterusan berlaku dalam masyarakat". Sekali lagi kita akan kehilangan panduan dalam usaha menyusun masyarakat negara kita menuju kepada ketinggian maruah sebagaimana yang disebutkan. Bagi mengatasinya, maka adalah sangat wajar sekiranya dijelaskan secara langsung Nilai yang bagaimana perlu diterima dan diterapkan dalam masyarakat.

Bagi masyarakat Malaysia sudah tentu sangat tepat sekiranya nilai yang diasaskan kepada kehendak dan pengajaran Islam itu diterima sebagai asas untuk membentuk negara menuju ke arah ketinggian dan kebahagiaan. Mungkin pada awalnya ia dipersoalkan menerusi kacamata agama atau budaya lain kerana memilih nilai yang diasaskan kepada satu agama lain. Tetapi, setelah merenung dan memahami tentang Negara Malaysia ini sendiri, setiap orang akan merasa senang hati dan menyedari bahawa langkah untuk memilih nilai Islam itu sebagai langkah yang wajar. Di sebaliknya pula mereka yang tidak faham tentang kedudukan Negara Malaysia di segi geografi, sejarah, kebudayaan, perlembagaan dan seterusnya sudah tentu akan terus mempertikaikan tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, saya yakin setelah melihat secara objektif maka tidak ada satu sebab pun untuk menolak bahawa nilai yang disedut daripada

Agama Islam itu sebagai yang paling sesuai untuk membangunkan masyarakat Malaysia umumnya.

Faktor-faktor yang memberikan keyakinan kepada kesesuaian pemilihan nilai-nilai ini ialah kerana nilai yang dipetik daripada Islam itu sebenarnya boleh disifatkan sebagai penggerak ke arah membentaras unsur-unsur keburukan yang menjadi musuh utama negara ini. Antara musuh-musuh utama yang dimaksudkan ialah pengganas komunis, kemiskinan, rasuah, penyakit kejahilan dan sebagainya. Kesemua perkara ini merupakan musuh Islam yang secara langsung adalah juga musuh semangat kebangsaan Malaysia. Islam telah membuat penekanan yang kuat terhadap usahanya untuk membentaras perkara-perkara yang disebutkan sebagai musuh utama di atas, di samping musuh Allah s.w.t. sebagaimana yang dijelaskan di dalam Kitab Suci Al-Quran. Kerana itu tidaklah ada sebab lagi bagi sesiapaupun untuk menolak nilai-nilai yang bersandarkan kepada Islam untuk membentuk Negara Malaysia bahagia. Mungkin boleh ditafsirkan bahawa seseorang yang memusuhi nilai-nilai Islam adalah orang yang memberi simpati kepada keburukan-keburukan atau musuh-musuh negara ini sebagaimana yang disebutkan di atas.

Malaysia tidak dapat menerima fahaman komunis atau kuncukuncunya kerana ia akan menghancurkan 'akidah orang-orang yang beragama. Malaysia ditegakkan di atas kekuatan kumpulan yang meyakini 'akidah yang suci dan 'akidah itulah yang memberikan dorongan yang kuat bagi setiap orang untuk bekerja dengan penuh dedikasi.


Generasi yang menghayati Nilai yang berterusan Islam sudah tentu dapat memastikan kegemilangan masa depan Negara Malaysia. Di sebaliknya pula angkatan baru yang memudah-mudahkan nilai-nilai Islam secara tidak langsung memberikan khidmat kepada musuh-musuh di rantau ini dan pada masa yang sama menikam kekuatan Negara Malaysia yang tercinta ini dari belakang.

Perspektif terhadap nilai-nilai Islam

Pada keseluruhannya nilai Islam boleh dibahagikan kepada dua kategori sahaja iaitu nilai-nilai UTAMA dan nilai-nilai TAMBAHAN. Nilai-nilai Utama ialah nilai yang terpancar daripada IMAN dan TAQWA. Kedua-dua perkara ini merupakan asas yang terpenting bagi setiap orang yang menganut Agama Islam. Keimanan akan membimbing setiap individu ke arah keyakinan yang tidak berbelah bagi kepada segala ketetapan yang telah disenaraikan di dalam Islam seperti beriman kepada Allah, Percaya kepada para Rasul dan Nabi-nabi, Malaikat, Kitab Suci Al-Quran, Hari Akhirat, dan ketetapan Allah

s.w.t. mengenai kadar baik dan buruk. Ketaqwaan bermaksud ketaatan kepada perintah Allah s.w.t. dan kesanggupan menjauhkan diri dari segala larangan-Nya. Inilah perkara-perkara yang disifatkan sebagai nilai-nilai utama yang akan membentuk keperibadian seseorang.

Di samping nilai utama sebagaimana yang dijelaskan di atas, terdapat beberapa nilai tambahan yang dicipta dan diwujudkan oleh individu-individu atau komuniti Islam yang bertujuan untuk mengukuhkan nilai-nilai utama. Seluruh masyarakat Islam tanpa mengira di mana dengan mudah dapat menghayati nilai tambahan ini. Khusus bagi masyarakat Malaysia didapati beberapa nilai tambahan yang telah wujud sekian lama yang sebahagiannya telah dihapuskan dan sebahagian lagi dikekalkan. Di antara perkara-perkara yang sesuai disebutkan di sini ialah seperti majlis tahlil, cara berzikir selepas sembahyang, cara menyambut Keputusan Nabi Muhammad s.a.w., adat berkhatan, adat akad nikah kahwin dan sebagainya. Walaupun ucapan-ucapan tersebut tidak terdapat dalam ajaran Islam yang asal tetapi ia telah diwujudkan di atas hasrat yang murni iaitu untuk menyesuaikan tradisi lama dengan unsur-unsur keislaman. Usaha yang seperti ini tidak dapat dinafikan kebaikannya selagi difahami bahawa ia bukan merupakan amalan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. tetapi segalanya itu merupakan adat dan tradisi yang boleh ditafsirkan sebagai menolong masyarakat Islam untuk menjadi mesra di antara satu sama lain. Adat akad nikah boleh dianggap sebagai satu upacara untuk mengiklankan perkahwinan hendaklah diisytiharkan untuk mencapai beberapa tujuan tertentu bagi kebaikan masyarakat berkenaan. Di bawah ini diperturunkan rajah yang menerangkan kedudukan Kategori Nilai Islam:-



Umum mengetahui bahawa nilai-nilai yang baik sebagaimana yang terdapat dalam Islam berkembang subur di dalam kehidupan manusia di semua peringkat. Peringkat-peringkat itu bolehlah dirumuskan dengan individu, keluarga, masyarakat, pentadbiran, dan perhubungan antarabangsa.

Dalam KEHIDUPAN INDIVIDU setiap orang boleh berusaha untuk membentuk peribadinya sehingga diterima sebagai seorang yang berguna dan membantu usaha-usaha ke arah kebaikan. Di antara sifat-sifat yang berkait rapat dengan kehidupan individu ialah sifat bersyukur, berkasih sayang, berusaha, berdisiplin, bertawakal, berbudi, bercita-cita tinggi, dan sebagainya. Kesemua sifat-sifat yang disebutkan itu sebenarnya merupakan nilai-nilai penting bagi setiap individu. Masing-masing boleh berusaha untuk mempertingkatkan setiap sifat-sifat tersebut untuk mencapai satu peringkat yang maksima. Dalam usaha-usaha peningkatan nilai-nilai individu ini terdapat berbagai-bagai halangan dalam bentuk semulajadi kerana dalam diri manusia itu juga terdapat kecenderungan-kecenderungan yang mendorong seseorang itu melakukan perkara-perkara yang buruk. Adanya kecenderungan tersebut akan melahirkan satu pertarungan dengan unsur-unsur kebaikan yang telah diyakini oleh akal fikiran. Pertarungan yang berlaku itu tidak dapat dielakkan sama sekali dan kerana itulah setiap orang menuntut supaya melatih diri sehingga menjadi seorang yang berjaya mengatasi unsur-unsur kejahatan.

Dalam LINGKUNGAN KELUARGA pula terdapat nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh Islam untuk dihayati oleh setiap orang yang berkeluarga seperti kewajipan suami kepada isteri, kewajipan isteri kepada suami, kewajipan bapa kepada anak dan anak kepada bapa, cara-cara pergaulan dalam sesuatu keluarga, cara mendidik keluarga, cara merapatkan hubungan di antara satu keluarga dengan keluarga yang lain, unsur-unsur yang perlu diambil kira apabila sesuatu perkahwinan hendak dilakukan dan sebagainya. Apa yang terdapat dalam sistem kekeluargaan Islam semuanya merupakan nilai-nilai yang telah diperkenalkan untuk menjamin keharmonian kehidupan dalam keluarga supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Sudah jelas dari apa yang terdapat dalam sistem tersebut bahawa nilai-nilai kekeluargaan Islam bertujuan untuk menjamin kedudukan setiap anggota keluarga sama ada isteri atau suami dan seterusnya. Sebelum nilai tersebut dilaksanakan, kehidupan manusia tidak terjamin dari segi ikatan antara seorang dengan seorang yang lain kerana tidak wujudnya satu sistem yang kukuh dan boleh diterima sebagai satu sistem yang membina. Apa yang diperkenalkan oleh Islam bolehlah dianggap sebagai satu usaha ke arah mengembalikan maruah


wanita dan juga anggota-anggota keluarga yang lain sehingga setiap ahli dari sesuatu keluarga itu merasai dirinya mendapat tempat.

MASYARAKAT juga merupakan satu komponen yang diberi perhatian oleh Islam untuk menghayati nilai-nilai yang positif dan dapat menjamin kesejahteraan kehidupan. Di antara nilai-nilai yang ditekankan oleh Islam bagi penghidupan sesebuah masyarakat ialah sistem kejiwaan, kerjasama, bantu membantu simpati, dan kesopanan. Kemuncak ajaran Islam dalam aspek kejiwaan ialah gesaan Islam supaya tidak menyakiti perasaan jiran yang berdekatan dengan rumah seseorang tanpa mengira agama atau bangsa. Gesaan itu ialah seperti timbang rasa terhadap jiran yang sedang kelaparan. Nilai ini sahaja menunjukkan kepada kita bahawa perhubungan kemanusiaan adalah sangat penting kerana ia menjadi asas bagi kerukunan sesebuah masyarakat. Sudah tentu sekiranya ini berlaku dalam kehidupan kita akan berkuranglah masalah-masalah sosial seperti kecurian, rompakan, dan sebagainya.

Selain daripada apa yang telah disebutkan di atas, PENTADBIRAN adalah satu bidang yang tidak dilupakan oleh Islam. Islam telah menentukan beberapa nilai dalam pentadbiran bagi menjamin kelicinan pengurusan. Inilah satu bidang yang telah mendapat perhatian utama dalam sejarah penubuhan sesuatu negara bagaimana yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Bidang inilah yang telah dipilih oleh Kerajaan Malaysia di peringkat ini untuk dijadikan sebagai komponen yang pertama untuk menerapkan nilai-nilai Islam. Dalam konteks ini tidaklah seharusnya timbul persoalan tentang kenapa keutamaan kepada pentadbiran diberikan tanpa bidang-bidang yang lain. Pemilihan ini antara lainnya berasaskan kepada tanggungjawab Kerajaan yang utama terhadap jentera-jentera pentadbirannya yang menjadi saluran terpenting dalam melaksanakan sesuatu dasar. Sekiranya saluran terpenting ini terbiar, maka sudah tentu tidak dapat terjamin kejayaan bagi rancangan-rancangan yang diatur. Oleh kerana itu, adalah sangat wajar pentadbiran diberikan keutamaan sebagai langkah permulaan bagi menjalankan usaha-usaha yang lebih besar sehingga pada akhirnya dapat dibentuk sebuah negara yang kuat dan disegani. Allah s.w.t. sendiri telah mengajar manusia untuk berfikir secara mendalam dari sistem yang telah diwujudkan oleh-Nya apabila kejadian alam bermula. Allah s.w.t. telah menyatakan dalam Kitab Suci Al-Quran tentang kejadian langit dan bumi yang dicipta dalam tempoh 6 hari. Walaupun Allah s.w.t. mempunyai kuasa untuk menjadikan sesuatu dalam sekelip mata sahaja tetapi ia menjadikannya dalam tempoh 6 hari. Ini sudah tentu dapat difikirkan oleh kita bahawa Allah s.w.t. hendak menunjukkan kepada manusia tentang sistem pentadbiran yang perlu dijalankan mengikut cara-cara yang tertentu. Adalah sangat kena pada

tempatnyanya apabila bidang pentadbiran diberikan keutamaan kerana Kerajaan perlu meneliti dengan rapi tentang segala sesuatu yang hendak dijalankan supaya tidak menimbulkan implikasi-implikasi yang boleh merugikan.

Komponen terakhir yang menghayati Nilai-nilai Islam ialah urusan PERHUBUNGAN ANTARABANGSA. Islam telah menentukan bahawa perhubungan antarabangsa sangat penting dilakukan untuk mengenali bukan sahaja paras sesuatu bangsa itu tetapi juga adat resam, budaya, kemajuan teknikal yang telah dicapai oleh bangsa itu. Menerusi perhubungan seperti ini maka akan kelihatanlah per-sefahaman antarabangsa dan sudah tentu akan dapat merancangkan perkara-perkara yang berfaedah kepada bangsa yang ada di dunia ini yang sudah tentu memerlukan bantuan dan kerjasama bagi menampung sesuatu kekurangan yang dihadapi oleh bangsa lain. Hal ini menunjukkan bahawa usaha-usaha perhubungan diplomatik antara negara bolehlah dinilai sebagai sebahagian daripada Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam. Di bawah ini ditunjukkan Jadual Komponen Penghayatan Nilai-nilai Islam:-



Dasar-dasar Umum Nilai Islam

Ajaran Islam pada keseluruhannya sama dari sudut hukum atau akhlak, adalah berasaskan kepada empat perkara, iaitu universalisme, mudah, memelihara kepentingan umum, dan keadilan. Keempat-empat asas ini adalah rumusan yang telah dibuat oleh para ulama dan ia bukan merupakan pendapat yang dicipta oleh pemimpin negara bagi sesuatu kepentingan.

Sehubungan dengan dasar-dasar yang tersebut di atas, maka adalah perlu dijelaskan secara ringkas mengenai setiap perkara tersebut:-

(a) Universalisme

Ciri-ciri universalisme adalah ciri-ciri yang terpenting terdapat dalam ajaran Islam. Ini bererti bahawa wahyu yang diturunkan oleh Allah s.w.t. adalah bersesuaian dengan keadaan semula jadi manusia yang diciptakan oleh-Nya. Setiap orang akan bersetuju malah tidak dapat menolak kenyataan bahawa ajaran yang datang menerusi wahyu itu sudah semestinyalah bersesuaian dengan kehendak kemanusiaan. Hanya dengan demikian sahajalah manusia akan dapat menghayati ajaran yang diturunkan itu kerana pemikiran umum manusia mampu menerima segala ketetapan yang telah dinyatakan. Apa yang dikatakan "baik" menurut ajaran Islam adalah diterima sebagai perkara yang "baik" juga oleh pemikiran manusia sejagat kecuali mengenai sesuatu nilai yang dicipta oleh sesuatu komuniti yang dianggap baik oleh orang Melayu tetapi ia tidak dianggap baik oleh orang Melayu tetapi ia tidak dianggap baik oleh bangsa lain di Afrika atau Eropah. Malah mungkin perbuatan itu dianggap sebagai satu perbuatan yang menunjukkan sikap pengecut atau penakut. Kesimpulannya, Islam adalah menyanjung ciri-ciri universal atau dengan lain perkataan ajaran-ajaran Islam adalah bersifat universal.

(b) Mudah

Islam sendiri telah menjelaskan bahawa agama ini adalah satu agama yang mudah. Kenyataan ini sangat penting ditekankan supaya masyarakat umum mengetahui bahawa Islam tidak menyulitkan penganutnya. Dalam konteks ini, tidak seharusnya wujud kesangsian di kalangan sesiapa pun dengan mengatakan pihak pentadbiran Kerajaan yang mempermudah Islam. Sebaliknya, penekanan ini dibuat kerana pentadbiran negara ingin menyatakan fakta yang terdapat dalam Islam sejak dari awal lagi sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud "sesungguhnya agama itu adalah mudah dan tidak ada sesiapa pun yang boleh mengetatkan agama ini melainkan ia (orang yang cuba mengetatkan agama) akan diatasi oleh Islam sendiri". Penegasan mengenai Islam ini "mudah" bukan setakat kenyataan Nabi Muhammad s.a.w. sahaja malah perkara ini telah pun ditegaskan sendiri oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran yang bermaksud "dan tidak dijadikan di dalam agama perkara yang sukar bagi kamu". Fakta ini sekali lagi menunjukkan bahawa dalam menerima dan mengamalkan Nilai-nilai Islam sudah tentu ia dapat diterima sebagai satu pendorong untuk bekerja dengan penuh minat dan dedikasi kerana Islam merupakan nilai yang kukuh dan tidak menyebabkan seseorang merasa terhimpit atau tertekan.

(c) Kepentingan Umum

Satu lagi perkara yang penting mengenai dasar Nilai-nilai Islam ialah "kepentingan umum". Segala ketetapan yang telah terdapat di dalam Islam yang dinyatakan menerusi Al-Quran atau Hadith setelah diteliti oleh para ulamak jelas menunjukkan bahawa terdapat di sebalik semua ketetapan itu rahsia yang menunjukkan bahawa pelaksanaannya adalah diasaskan kepada kepentingan umum. Walaupun terdapat beberapa unsur-unsur yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin Islam yang terkenal seperti khalifah-khalifah yang empat yang bercanggah dengan amalan yang dijalankan oleh Rasulullah s.a.w., tetapi ia tetap diterima sebagai satu panduan dalam menjalankan pentadbiran negara dan ia sama sekali tidak dianggap sebagai penyelewengan kerana semua tindakan-tindakan yang dijalankan itu adalah berasaskan kepada kepentingan umum. Sebagai contoh, keputusan Saidina Othman r.a. menjadikan bang dua kali pada hari Jumaat, menghapuskan 6 versi Quran dan mengekalkan satu versi sahaja sebagaimana yang didapati hari ini dan lain-lain lagi yang kesemuanya adalah dianggap sebagai tidak bercanggah dengan ajaran Islam kerana kesemuanya itu dilakukan bagi memelihara kepentingan umum.

(d) Keadilan

Keadilan juga merupakan salah satu dari dasar umum dalam Nilai Islam. Walaupun keadilan yang mutlak itu sukar dicapai tetapi sesuatu pelaksanaan yang dijalankan dengan penuh tanggungjawab adalah satu amalan yang sesuai dengan Nilai Islam. Usaha-usaha ke arah mempertingkatkan keadilan adalah satu keazaman yang berkekalan kepada Kerajaan. Ini bererti bahawa tidaklah lagi perlu diragui bahawa usaha-usaha untuk mengekalkan keadilan berdasarkan kepada perundingan dan sebagainya adalah merupakan satu nilai yang dituntut oleh Islam sendiri.

Di bawah ini diperturunkan rajah yang menerangkan dasar-dasar umum nilai Islam:-



Skop Penerapan Nilai

Pihak Kerajaan Malaysia memilih pentadbiran di peringkat ini sebagai pilihan pertama dalam usaha Penerapan Nilai-nilai Islam. Ini adalah berdasarkan kepada perhatian yang diberikan oleh Islam sendiri terhadap sistem pentadbiran. Di peringkat awal kelahiran Islam telah ternyata beberapa contoh yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang membuktikan betapa pentingnya pentadbiran kerana ia menjadi jambatan bagi melaksanakan usaha-usaha perkembangan Islam dan penghayatannya. Sekiranya salah cara pentadbiran, maka sudah tentulah sesuatu rancangan akan gagal atau terbengkalai. Pemilihan pentadbiran ini akan dapat memberikan peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan untuk menyedari tentang tanggungjawab mereka dalam menjalankan amanah dan tugas-tugas yang diserahkan. Dengan adanya kesungguhan dalam menjalankan tugas-tugas tersebut, maka adalah diyakini bahawa nilai-nilai Islam dalam kehidupan individu, keluarga, masyarakat, dan negara akan juga dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Ringkasnya bolehlah dikatakan bahawa pentadbiran merupakan kunci yang paling penting sekali untuk menentukan corak kehidupan yang kita ingini.

Dalam melaksanakan Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, maka satu jawatankuasa yang dinamakan Lembaga Bersama Penyelarasan Kegiatan Islam Malaysia dengan dibantu oleh satu Jawatankuasa Teknikal akan menyusun dari semasa ke semasa langkah-langkah untuk perhatian dan tindakan semua pihak yang berkenaan. Perkara-perkara yang akan ditekankan dari semasa ke semasa sudah tentulah perkara-perkara yang boleh membina kekuatan negara ini dan juga perkara-perkara yang boleh meninggikan maruah bangsa.

CIRI-CIRI YANG EKSTRIM SUDAH TENTU AKAN DITOLAK KERANA NILAI ISLAM SENDIRI DARI AWAL LAGI TELAH MENOLAK SIFAT-SIFAT YANG MELAMPAU TANPA MEMBERI SEBARANG SUMBANGAN YANG MEMBINA DALAM URUSAN PENTADBIRAN NEGARA.

Di bawah ini diperturunkan rajah yang menunjukkan skop Penerapan Nilai:-



Termasuk dasar pengawasan badan-badan swasta.

Penutup

Sebagai penutup ingin ditegaskan di sini bahawa Arus Politik Kebangsaan perlu dikawal dan diawasi supaya tidak diracuni oleh unsur-unsur oportunis bagi mencapai tujuan-tujuan perkumpulan yang tidak memberi keuntungan kepada rancangan pembentukan negara yang bermaruah.

FAHAM KEBANGSAAN MELAYU: CABARANNYA

Zainal Abidin Abdul Wahid*

Pendahuluan

Dalam pertemuan yang seperti ini biasanya faham kebangsaan tidak perlu ditakrifkan lagi. Kebanyakan daripada para hadirin tahu makna faham kebangsaan. Malahan ada di antara tuan-tuan dan puan-puan yang menjadi pejuangnya, baik dari segi menentang penjajahan mahupun mengisi kemerdekaan. Namun demikian, oleh kerana faham kebangsaan Melayu menjadi tema kepada Seminar hari ini, maka mungkin tidak keterlaluan kalau saya cuba menyatakan sedikit tentang apa yang saya maksudkan sebagai faham kebangsaan.

"Ada pendapat yang mengatakan bahawa faham kebangsaan ialah satu pemikiran yang mendorongkan seseorang itu menumpukan kesetiaan yang sepenuhnya kepada sesebuah negara. Ia merupakan satu ikatan yang kuat kepada ibu pertiwi, kepada tradisi-tradisi tempatan dan biasanya kepada yang berhak kuasa di negara itu. Pertalian bangsa, bahasa, dan agama selalunya menjadi unsur kepada faham kebangsaan. Pengalaman bersama menerusi peristiwa-peristiwa dalam sejarah sesebuah negara itu, seperti menentang penjajahan, boleh menolong mewujudkan ataupun memperkuatkan faham kebangsaan. Segala unsur ini boleh mencetuskan satu pemikiran yang mengkaitkan, menggabungkan malahan memadukan satu kumpulan manusia. Pemikiran inilah yang dikatakan faham kebangsaan".¹

Faham kebangsaan boleh melahirkan perasaan cinta terhadap tanahair, perasaan bangga terhadap negara dan ia boleh mendorongkan kita kepada usaha yang lebih gigih demi kemajuan ibu pertiwi;

* Datuk Zainal Abidin bin Abdul Wahid pernah bertugas sebagai Profesor Sejarah Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

malahan, kita rela mengorbankan nyawa untuknya. Elok juga dinyatakan bahawa pertalian bangsa, bahasa, dan agama tidak semestinya mewujudkan faham kebangsaan yang sama. Unsur-unsur ini boleh menjadi asas atau pendorong tetapi bukan penentu.

Ada juga terdengar pendapat yang mengatakan faham kebangsaan itu adalah satu perkara yang tidak baik. Ia menyebabkan permusuhan dan peperangan. Perlu diingat bahawa manusia telah pun bermusuhan dan berperang sebelum tanggapan faham kebangsaan itu wujud. Tiap-tiap satu faham politik atau kepercayaan itu lazimnya tidak boleh kita anuti dan laksanakan dengan cara yang melampau. Biasanya, kelampauan dalam apa bidang pun adalah tidak membawa kebaikan. Kata pepatah Melayu "buat baik pun, biarlah berpada-pada". Demikian juga dengan faham kebangsaan.

Kelahiran Faham Kebangsaan

Seperkara lagi yang perlu kita fikirkan ialah latar belakang atau sejarah dan suasana keliling kelahiran dan perkembangan sesuatu faham kebangsaan itu. Dalam bidang sejarah Malaysia, faham kebangsaan yang terdapat di Semenanjung Malaysia adalah berasaskan faham kebangsaan Melayu**, kerana asalnya Semenanjung Malaysia, termasuk Singapura, adalah negara Melayu. Sekurang-kurangnya sejarah Kesultanan Melayu Melaka membuktikan hakikat ini. Peranan faham kebangsaan Melayu dalam pembangunan bangsa Melayu dan negara Malaysia adalah sangat penting. Menerusi perjuangan yang berasaskan faham kebangsaan Melayu, telah tertulis dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan seterusnya Malaysia bahawa takrif seorang Melayu itu ialah ia mesti beragama Islam, lazimnya berbahasa Melayu, dan mengikut adat resam Melayu. Juga, agama Islam menjadi agama Malaysia. Dengan cara ini kedudukan agama Islam menjadi terjamin. Perjuangan yang berasaskan faham kebangsaan Melayu juga telah membolehkan Perkara 153 tercatat dalam Perlembagaan kita. Perkara 153 yang memberi kedudukan istimewa kepada orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak telah membolehkan kerajaan Malaysia menggubal dan melaksanakan, antara lain, Dasar Ekonomi Baru.

Pada masa sekarang faham kebangsaan Melayu menjadi teras kepada faham kebangsaan Malaysia. Beberapa lambang penting kenegaraan Malaysia berasaskan kepada unsur-unsur Melayu. Misalnya, Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Kebudayaan kebangsaan Malaysia berlandaskan kebudayaan Melayu. Sistem Kesultanan Melayu diterima sebagai sebahagian daripada sistem kerajaan Malaysia. Agama Islam, agama yang asalnya dianuti oleh orang Melayu, menjadi agama negara.

Kalau dilihat dari segi yang tertulis, faham kebangsaan Melayu nampak seperti telah mencapai satu kedudukan yang sangat kuat. Tetapi sebenarnya ia telah pun dan sedang menghadapi cabaran. Cabaran yang terkuat datangnya dari orang Melayu sendiri. Sikap orang Melayu yang tidak sentiasa mengkaji sesuatu perkara itu dengan cara mendalam dan meneliti kaitannya, sikap yang kurang tegas, sikap yang lebih mirip kepada menjaga perasaan orang lain, bersikap bertolak-ansur, menjadi punca kelemahan kita untuk mempertahankan keunggulan faham kebangsaan Melayu.

Sikap Tolak Ansur Bangsa Melayu

Berbagai peristiwa yang telah berlaku dalam sejarah negara Malaysia telah membuktikan pendapat ini. Dalam tahun 1955, Persekutuan Tanah Melayu telah mengadakan pilihanraya yang pertama di peringkat Persekutuan. Pada masa itu Persekutuan Tanah Melayu belum Merdeka dan sebenarnya pilihanraya itu adalah untuk 52 daripada 98 kerusi di Majlis Mesyuarat Undang-undang Persekutuan. Sebelum pilihanraya itu diadakan, parti Perikatan telah menuntut pada mulanya supaya jumlah ahli Majlis yang dipilih oleh rakyat hendaklah sebanyak 60%. 52 daripada 98 kerusi tidaklah sampai 60%. Untuk mencari jalan keluar, Kerajaan British telah menjanjikan bahawa parti politik yang berjaya memenangi jumlah kerusi yang terbesar dalam Pilihanraya 1955 itu akan diberi peluang mencalonkan 5 ahli lagi daripada 46 yang hendak dilantik oleh Kerajaan British. Tolak ansur ini telah diterima oleh Perikatan.

Pendaftaran pengundi pada masa itu menunjukkan 84% daripada pengundi terdiri daripada orang Melayu. 50 daripada 52 kawasan pilihanraya yang hendak dipertandingkan mempunyai majoriti Melayu. Apabila parti Perikatan membahagikan kerusi untuk pilihanraya 1955 ini, UMNO telah mengambil 35, MCA diberi 15, dan MIC mendapat 2. Ini bermakna UMNO telah mengorbankan 15 kawasan majoriti Melayu yang sewajarnya ditandingi oleh calon UMNO. MCA telah mendapat 65% lebih daripada yang sepatutnya dan MIC menerima kelebihan 200%.

Memang tidak dinafikan perlunya UMNO memberi pencalonan yang lebih daripada 2 kawasan (keturunan Cina cuma mempunyai majoriti dalam 2 kawasan sahaja) kepada MCA dan satu atau dua kawasan kepada MIC (keturunan India langsung tidak mempunyai majoriti dalam satu kawasan pun) adalah untuk mewujudkan kerjasama antara kaum. Tetapi kenapa kelebihan ini perlu sampai 15 iaitu 750%?

Langkah yang kurang bijak ini terbukti apabila Parti Perikatan hendak membahagi kawasan untuk menghadapi Pilihanraya 1959. Sebelum itu, UMNO dan rakan-rakannya dalam Perikatan telah bersetuju menerima prinsip *jus soli* sebagai asas pemberian hak kerakyatan kepada penduduk Tanah Melayu yang bukan Melayu untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, yang pada masa itu dijangka merdeka pada 31 Ogos 1957. (Perlu diingat bahawa pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip *jus soli* ini telah ditentang dengan hebat oleh UMNO dan orang-orang Melayu dalam tahun 1945-1946 apabila Kerajaan British cuba memasukkannya dalam perlembagaan Kesatuan Tanah Melayu atau Malayan Union). Perlembagaan 1957 bukan sahaja telah menerima prinsip *jus soli* tetapi telah pula memberi kemudahan lain. Orang-orang bukan Melayu yang telah memenuhi syarat bermastautin di Tanah Melayu telah dibenarkan mendapat hak kerakyatan tanpa mengetahui bahasa Melayu atau Inggeris bagi tempoh satu tahun, dari 31 Ogos 1957 hingga 31 Ogos 1958. Syarat yang memerlukan pengetahuan Bahasa Melayu atau Inggeris itu telah digantung untuk satu tahun. Dalam tempoh satu tahun itu, dengan kempen MCA, jumlah penduduk bukan Melayu yang telah mendapat hak kerakyatan meningkat lebih daripada 800,000.

Dengan penambahan yang begitu banyak ini, maka MCA telah menggunakan hujah bahawa kalau dengan kekuatan undi lebih kurang 11% ia mendapat 15 kerusi dalam tahun 1955, adalah wajar baginya diperuntukkan 40 kerusi bagi Pilihanraya 1959 supaya imbang dengan kenaikan jumlah pengundi keturunan Cina. Setelah beberapa perundingan, MCA telah mendapat 31 kawasan daripada jumlah besar 104.

Kalaulah pimpinan UMNO telah mengkaji dengan mendalam kedudukan politiknya pada tahun 1955 dan tidak begitu senang bertolak ansur, mungkin ia perlu memberi 8 kerusi sahaja kepada MCA. Dengan 8 kerusi ini pun, MCA telah mendapat kelebihan 300%. Jadi kalau 8 yang diberi pada tahun 1955, maka tidaklah perlu diberi 31 pada tahun 1959 dan tidak ada asas untuk menuntut 40.

4 Hak kerakyatan dan bahasa rasmi

Dalam hal hak kerakyatan pula, pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip *jus soli* sahaja pun sudah merupakan satu anugerah yang sangat besar; ini diberi pula kelonggaran tanpa perlu tahu bertutur Bahasa Melayu atau Inggeris.

Kesan dua peristiwa ini sangatlah besar dari segi perkembangan faham kebangsaan Melayu. Oleh kerana golongan bukan Melayu telah

mendapat hak dan kedudukan politik yang agak kuat, bergabung dengan kuasa ekonomi yang memang sudah di tangan mereka, maka tuntutan dan tekanan dari mereka bertambah berkesan. Tidak kurang pentingnya ialah pengajaran yang telah mereka perolehi dari *cara* hendak mendapatkan sesuatu yang penting dari UMNO. Mereka tahu yang pimpinan UMNO tidak mengkaji sesuatu perkara itu dengan teliti, tidak memastikan kaitan-kaitan jangka panjang dan mereka juga sedar bahawa pimpinan UMNO tidak begitu tegas dan agak sedia bertolak ansur.

Cabaran yang besar terhadap faham kebangsaan Melayu timbul apabila sebahagian besar orang bukan Melayu termasuk ahli-ahli MCA dan MIC menentang kehendak Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 untuk menjadikan Bahasa Melayu bahasa rasmi yang tunggal. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menyatakan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi Tanah Melayu. 10 tahun selepas Merdeka kedudukan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi akan dikaji semula oleh Parlimen. Di dalam laporan kepada Perlembagaan (1957) itu, Suruhanjaya Reid yang menggubal Perlembagaan tersebut telah menerangkan bahawa masa 10 tahun itu adalah tempoh yang diberi kepada warganegara Tanah Melayu yang bahasa ibundanya bukan Bahasa Melayu untuk menyediakan diri mereka bagi menghadapi perubahan di tahun 1967, iaitu apabila Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Tujuan hendak menjadikan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal adalah juga merupakan dasar Parti Perikatan sendiri.²

Tetapi sejak tahun 1966 lagi, warganegara Tanah Melayu yang berketurunan Cina termasuk ahli-ahli MCA telah menjalankan kempen mengutip tandatangan menuntut supaya Bahasa Cina dijadikan salah satu daripada bahasa rasmi Tanah Melayu. Lebih kurang 1200 persatuan orang berketurunan Cina telah mengambil bahagian dalam kempen ini. Tuntutan kaum Cina ini telah digunakan sebagai satu desakan terhadap UMNO supaya Bahasa Melayu tidak dijadikan bahasa rasmi yang tunggal dalam tahun 1967. Hujah yang digunakan ialah kalau tuntutan kaum Cina hendak menjadikan bahasa Cina sebagai salah satu daripada bahasa rasmi – satu tuntutan yang disokong oleh 1200 pertubuhan – tidak diterima tetapi sebaliknya Bahasa Melayu pula dijadikan bahasa rasmi yang tunggal maka besarlah kemungkinan yang MCA akan hilang sebahagian besar daripada sokongannya di kalangan orang berketurunan Cina. Demi kepentingan Parti Perikatan perlulah MCA diberi satu daya penarik sebagai gantian kepada tuntutan kaum Cina itu. Sekali lagi UMNO bersikap tolak ansur. Bahasa Inggeris telah tidak digugurkan daripada Perlembagaan sebagai salah satu daripada bahasa rasmi. Sebaliknya satu Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah diluluskan oleh Parlimen.

Akta Bahasa Kebangsaan ini bukan sahaja telah tidak menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal tetapi ia juga telah membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris dengan taraf rasmi dalam beberapa bidang pentadbiran. Selain dari itu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil mendapat taraf rasmi dalam bentuk terjemahan.³

Orang berketurunan Cina tahu yang mereka tidak akan berjaya menuntut Bahasa Cina dijadikan bahasa rasmi tetapi mereka juga tahu cara hendak mendapatkan sesuatu dari UMNO. Tujuan mereka yang utama ialah menggagalkan usaha untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Sebenarnya mereka telah berjaya. Faham kebangsaan Melayu telah dicabar.

Kegagalan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal dalam tahun 1967 membawa kesan yang tidak menyenangkan kepada perkembangan faham kebangsaan Melayu. Nilai penggunaan Bahasa Melayu kian menurun. Sikap terhadap Bahasa Melayu, termasuk di kalangan segelintir orang Melayu sendiri, menjadi sepi. Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang bertujuan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama semakin diabaikan.⁴ Penggunaan dan pendewaan Bahasa Inggeris berterusan. Kemampuan Bahasa Melayu untuk menjadi bahasa pengantar menghadapi halangan, bukan sahaja dari golongan bukan Melayu tetapi di kalangan sebahagian orang Melayu sendiri.

Satu ciri mustahak ialah tercabarnya faham kebangsaan Melayu dengan hebat. Perjuangan untuk mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal telah ditekan oleh Kerajaan Perikatan pada masa itu, biar pun perjuangan ini selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Soal bahasa dan pelajaran aliran Melayu menjadi perkara yang hangat dibincangkan. Kedua-dua perkara ini berserta dengan beberapa hal lain telah menegangkan keadaan politik di Tanah Melayu. Akhirnya tercetuslah Peristiwa 13 Mei 1969.

Sungguhpun Peristiwa 13 Mei dianggap sebagai satu tragedi tetapi ia juga merupakan satu 'rahmat terselindung'. Peristiwa ini telah mengejutkan beberapa pemimpin Kerajaan yang hidup dalam alam khayalnya ataupun cuba memejamkan mata kepada penderitaan bangsa Melayu. Peristiwa Mei 13 telah memberi banyak pengajaran dan menimbulkan kesedaran. Kerajaan Perikatan, khususnya pemimpin-pemimpin UMNO, telah cuba membuat perubahan. Dasar Bahasa dan Dasar Pelajaran Kebangsaan mula dilaksanakan dengan tegas. Bahasa Melayu mula menerima nilai sebagai yang wajar dipunyai oleh satu bahasa rasmi. Berbagai-bagai langkah telah diambil untuk membaiki kedudukan orang Melayu, termasuk penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Menerusi pendekatan dan dasar

baru ini, faham kebangsaan Melayu telah mendapat tempat yang kukuh dalam masyarakat Malaysia.

Kesinambungan Antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera

Semakin jauh kita daripada Peristiwa 13 Mei, nampaknya semakin lupa kita kepada pengajarannya. Misalnya, sebelum Peristiwa 13 Mei jumlah pelajar-pelajar Melayu di Universiti Malaya ialah lebih kurang 30%. Selepas 13 Mei, Kerajaan cuba menambah jumlah pelajar Melayu di peringkat universiti, bukan sahaja untuk melambangkan nisbah penduduk Bumiputera dan bukan Bumiputera (55 : 45) tetapi juga untuk mengurangkan jurang yang begitu besar yang terdapat dalam bidang iktisas.

1970		
Bidang	% Bumiputera	% bukan-Bumiputera
Jurubina	4.3	95.7
Jurukira	6.8	93.2
Jurutera	7.6	92.4
Doktor	3.7	96.3

Usaha Kerajaan Barisan Nasional¹ ini telah meningkatkan jumlah pelajar Bumiputera di peringkat universiti dalam negeri ke 68% pada awal tahun 1978.

Kemudian timbul sekali lagi percubaan sebahagian daripada orang keturunan Cina termasuk ahli-ahli MCA hendak mendirikan Universiti Merdeka yang dirancangkan akan menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Ini juga merupakan satu lagi cabaran kepada faham kebangsaan Melayu. Sekali lagi pihak kaum Cina telah menggunakan mereka tentang cara mendapatkan sesuatu daripada UMNO. Kempen secara besar-besaran untuk mendirikan Universiti Merdeka telah dijalankan oleh kaum Cina. MCA telah berjaya lagi sekali, dengan menggunakan desakan kaum China ini, mendapatkan persetujuan Kerajaan Barisan Nasional untuk menambah peratus pelajar-pelajar bukan Bumiputera sebanyak 2% tiap-tiap tahun hingga sampai ke tahap 55 : 45 sebagai ganjaran supaya MCA tidak menyokong penubuhan Universiti Merdeka. Sepatutnya tahap 55 : 45 ini dicapai dalam pengambilan pelajar masuk ke universiti di tahun ilmiah 1985/86 yang akan datang. Tetapi Kementerian Pelajaran telah mengarahkan pihak mengambil 45% pelajar bukan Bumiputera sejak tahun 1984

lagi. Jadi, sejak 1984 lagi, kemasukan pelajar ke universiti-universiti tempatan adalah mengikut nisbah penduduk Malaysia.

Oleh itu, bagaimana kita hendak menambah jumlah Bumiputera dalam bidang ikhtisas kerana Bumiputera masih jauh ketinggalan di belakang.

Peratus Pelajaran Bumiputera dan Bukan Bumiputera di Universiti Tempatan Mengikut Jurusan

1982		
Jurusan	% Bumiputera	% bukan Bumiputera
Arkitek	13.9	86.1
Akaun	9.5	90.5
Kejuruteraan	21.4	78.6
Kedoktoran	12.8	87.2

Ada pendapat mengatakan bahawa kekurangan ini boleh diatasi menerusi penghantaran pelajar-pelajar Bumiputera ke luar negeri. Sungguhpun Kerajaan dalam beberapa tahun yang lalu telah menambah dengan cara besar-besaran penghantaran pelajar Bumiputera ke luar negeri tetapi mengikut perangkaan tahun 1984, daripada lebih kurang 50,000 pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri, cuma 30 - 35% sahaja adalah pelajar Bumiputera. Ini bermakna bukan sahaja jurang perbezaan golongan ikhtisas antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera tidak akan dapat dikecilkan malahan ia akan bertambah besar. Kemungkinan seperti ini akan melemahkan kedudukan ekonomi Bumiputera. Kelemahan ini pula akan mencabar kedudukan faham kebangsaan Melayu.

Pada satu ketika dahulu, Dasar Pelajaran Kebangsaan dianggap sebagai satu sumber kekuatan bagi faham kebangsaan Melayu. Misalnya, selain daripada kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, matapelajaran Sejarah juga memainkan peranan. Dalam sukatan pelajaran Sejarah untuk Darjah IV hingga Tingkatan III yang telah dilaksanakan pada tahun 1978, sejarah Malaysia telah diberi tempat yang penting dan peranan faham kebangsaan Melayu sebagai asas kepada faham kebangsaan Malaysia telah mendapat tekanan. Kesenambungan unsur-unsur Melayu dalam sejarah Malaysia telah diberi perhatian yang lebih. Sukatan pelajaran Sejarah itu telah cuba mencetuskan sikap '*di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*'. Gejala

kejayaan sukatan pelajaran ini mencapai tujuannya telah dapat dilihat dalam dua tiga tahun yang lalu. Malangnya Kementerian Pendidikan (dahulunya Kementerian Pelajaran) telah menukar sukatan pelajaran ini dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang akan disusuli pula dengan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Sukatan Pelajaran KBSR telah menghapuskan matapelajaran Sejarah sebagai satu matapelajaran yang berasingan. Sejarah telah digabungkan dengan Ilmu Alam dan Sains dalam satu sukatan pelajaran baru yang bernama Alam dan Manusia. Agak sukar hendak melihat unsur Sejarah dalam sukatan pelajaran yang baru ini.⁶

Pendekatan yang hampir sama nampaknya akan dilakukan dalam KBSM. Mata pelajaran Sejarah tidak akan diajar sebagai satu mata pelajaran berasingan. Sejarah akan digabungkan dengan mata pelajaran lain menjadi Kewarganegaraan. Mengikut maklumat dari suratkhbar, salah satu daripada unsur yang akan diberi tekanan dalam mata pelajaran Kewarganegaraan ini ialah Sejarah. Biar bagaimanapun tekanan yang diberi, sudah semestinya kurang daripada yang terdapat pada masa lalu kerana ia tidak lagi diajar berasingan.

Ada cadangan supaya sejarah Kesultanan Melayu Melaka tidak perlu dimasukkan ke dalam KBSM. Perlu ditegaskan di sini bahawa Kesultanan Melayu Melaka adalah asas kepada unsur-unsur *kebumiputeraan* hari ini, baik di segi bahasa, agama, sistem kesultanan, ataupun adat istiadat. Unsur-unsur *kebumiputeraan* dari Zaman Melaka ini hidup berterusan dari abad ke-15 hinggalah sekarang. Ini bermakna unsur-unsur *kebumiputeraan* sahajalah yang mempunyai penerusan (continuity) dalam sejarah Malaysia. Unsur-unsur inilah yang menjadi ciri-ciri penting faham kebangsaan Melayu. Jadi, kalau diketepikan sejarah Kesultanan Melayu Melaka maka ini bermakna pelajar-pelajar di sekolah tidak akan dapat mengenal landasan faham kebangsaan Malaysia dan sukarlah mereka hendak berakar-umbi di negara ini. Perasaan kesejarahan (the sense of history) tidak akan dapat dipupuk. Ini merupakan satu cabaran lagi kepada faham kebangsaan Melayu.

Konsep ke-Malaysiaan

Akibat daripada dasar penjajahan British, Malaysia pada hari ini mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa. Oleh kerana golongan pendatang telah diberi hak kerakyatan dan telah pula memperolehi kuasa politik yang agak kuat serta mempunyai kedudukan ekonomi yang begitu kukuh maka unsur-unsur keMalaysiaan itu nampaknya tidak lagi dapat diasaskan keseluruhannya kepada unsur-unsur penting

yang terdapat di kalangan golongan pendatang supaya konsep ke-Malaysiaan itu sebenarnya bermakna. Misalnya, dalam soal bahasa, Kerajaan Malaysia telah membenarkan penggunaan Bahasa Cina dan Tamil dalam siaran radio dan televisyen Kerajaan. Tulisan Bahasa Cina dan Tamil boleh digunakan di papan tanda kedai atau tempat perniagaan asalkan tulisan yang di dalam Bahasa Malaysia diutamakan. Dalam bidang pelajaran pula, Kerajaan Malaysia telah menyediakan dan membiayai sekolah, guru, buku dan lain-lain kemudahan untuk pelajaran aliran Cina dan Tamil diperingkat rendah yang meliputi tempoh pengajian enam tahun. Kerajaan juga mengadakan pengajaran Bahasa Cina atau Tamil di peringkat menengah, sebagai satu matapelajaran, jika ada 15 atau lebih murid keturunan Cina atau Tamil dalam sesuatu darjah dan ibubapa mereka menghendakinya.⁷ Jabatan Pengajian Cina dan Tamil juga ditubuhkan di peringkat universiti dengan 90% perbelanjaannya diberi oleh Kerajaan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia juga telah memberi tempat kepada unsur-unsur kebudayaan golongan pendatang jika unsur-unsur ini dianggap sesuai. Malahan nama Bahasa Melayu pun telah ditukar menjadi Bahasa Malaysia. Sebenarnya banyak lagi contoh-contoh yang lain.

Kalau dilihat dari satu segi, konsep ke-Malaysiaan itu sendiri menjadi satu cabaran kepada faham kebangsaan Melayu. Segala ruang yang telah diberi kepada kepentingan golongan pendatang seperti yang dinyatakan tadi telah, sedang, dan terus akan menjejaskan keutuhan faham kebangsaan Melayu. Tetapi, demi kepentingan kebangsaan, pejuang-pejuang faham kebangsaan Melayu telah menerima, setakat ini, langkah-langkah yang telah sedikit sebanyak mencairkan kekentalan faham kebangsaan Melayu. Namun demikian, janganlah ada hendaknya pihak-pihak, baik Melayu atau bukan Melayu, yang menganggap ketiadaan bangkangan yang kuat dari pejuang faham kebangsaan Melayu itu sebagai satu kelemahan.

Rakyat yang mahu melihat pemupukan keperibadian kebangsaan Malaysia berjalan dengan tegas merasa kurang senang dengan kelonggaran yang telah diberi kepada syarat-syarat mengadakan tarian singa di masa Tahun Baru Cina yang baru lalu. Penerusan pemberian bantuan kewangan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman oleh Kerajaan Malaysia membangkitkan tanda soal. Kenapakah Kerajaan Malaysia masih terus membantu satu institusi pendidikan yang tidak mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan? Kenapakan Kerajaan masih membiarkan pegawai-pegawainya menulis laporan-laporan rasmi dalam Bahasa Inggeris, biarpun untuk kegunaan dalam negeri?

Contoh-contoh ini dan beberapa lagi yang lain menunjukkan gejala-gejala kurang ketegasan dalam pelaksanaan dasar ataupun janji. Pemikiran dan penilaian semula terhadap beberapa perkara yang telah

dibangkitkan tadi perlu dijalankan. Misalnya dalam soal kekurangan pelajar Melayu di universiti dan orang Melayu dalam bidang ikhtisas, hendaklah Kerajaan memikirkan dengan bersungguh-sungguh cara-cara menambah jumlah pelajar dan orang Melayu ini. Salah satu caranya ialah menyemak senarai pelajar-pelajar Melayu yang ditolak oleh universiti-universiti tempatan kerana kekurangan tempat. Sebahagian besar daripada mereka ini memang boleh berjaya mendapatkan ijazah kalau diberi peluang. Pelajar yang seperti inilah perlu dipilih untuk dihantar ke luar negeri.

Mungkin juga telah sampai ketikanya bagi pihak UMNO menyediakan satu kertas kerja yang lengkap menunjukkan bahawa kalau peratus kemasukan pelajar ke universiti-universiti tempatan berterusan seperti hari ini (55 : 45) dan jumlah pelajar-pelajar Melayu di luar negeri terus berada di sekitar peringkat 30 - 35% maka jurang perbezaan yang terdapat di kalangan orang-orang ikhtisas akan bertambah besar. Perasaan tidak puas hati akan meningkat. Perpaduan akan sukar dicapai. Kepentingan jangka panjang Malaysia mungkin akan terancam.

Ini adalah salah satu pendekatan yang boleh digunakan. Kalau kita fikirkan dengan teliti dan mendalam mungkin ada cara-cara lain yang lebih berkesan dan dapat pula diterima di segi politik. Usaha ke arah ini perlu diambil dengan segera. Masa tidak menunggu kita. Faham kebangsaan Melayu yang menjadi asas kepada faham kebangsaan Malaysia tidak wajar digoncang-goncang. Kalau tapak asasnya tidak kukuh, sesuatu bangunan itu mungkin roboh. Hilanglah nanti tempat perlindungan bersama rakyat Malaysia.

Nota:

- ** Pada asasnya faham kebangsaan Melayu yang dibincangkandalam kertas kerja ini tertumpu kepada Persekutuan Tanah Melayu. Selepas penubuhan Malaysia, liputan faham kebangsaan Melayu diperluaskan ke Sabah dan Sarawak terutamanya bagi Bumiputera yang beragama Islam. Faham Kebangsaan Melayu tidak merangkumi keseluruhan Bumiputera Sabah dan Sarawak kerana ada golongan Bumiputera di sana yang cuba menonjolkan faham kebangsaannya sendiri. Faham kebangsaan Melayu yang berkaitan dengan Melayu Raya tidak dibicarakan dalam kertas ini.

Rujukan:

1. Zainal Abidin Abdul Wahid, 'Bahasa, Sastera, dan Faham Kebangsaan di Malaysia' dalam *Imej Dan Cita-Cita: Kertas Kerja Hari Sastera 1980*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, h. 3 - 4.
2. *UMNO Sepuluh Tahun 1946-1956*, UMNO, Kuala Lumpur, 1956 atau 1957, h. 239. *Menuju Ke arah Kemerdekaan*, Alliance National Council, Kuala Lumpur, 1955, h. 38.
3. Rang Undang-undang, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 Perkara 3 dan 4.
4. Zainal Abidin Abdul Wahid, 'Education in the National Development of Malaysia: A Study of Policy vs. Implementation' dalam Lim Teck Ghee and Vincent Lowe, ed., *Towards A Modern Asia: Aims, Resources and Strategies*, Heinemann, Kuala Lumpur, 1976, h. 145 - 146.
5. Parti Perikatan telah meluaskan keanggotaannya dan mengambil nama baru iaitu Barisan Nasional secara rasmi dalam bulan Jun 1974.
6. Alam Dan Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, h. 4 - 8.
7. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, h. 12.

Bangi
25 April 1985

ISLAM DAN FAHAM KEBANGSAAN

Abu Bakar Hamzah*

Pendahuluan

Tajuk "*Islam dan Faham Kebangsaan*" tidak syak lagi merupakan satu-satunya isu semasa yang amat mencabar, terutamanya jika kita mengenangkan bahawa musim pilihanraya umum sudahpun terpampang di ambang gerbang. Para peraih dan broker politik kelihatan bertempiaran ke merata pelosok negeri meninjau sumber dan peluang untung-rugi masing-masing.

Arus kebangkitan Islam sedang melanda di merata tempat di muka bumi, di Timur, dan di Barat; dan dengan demikian mulai luputlah sudah cara berfikir zaman kekecohan Orientalis Barat yang berkurun-kurun menuduh tanpa hujah ilmiah yang sah kononnya Islam itu adalah ciptaan Muhammad yang terbatas kepada hal-hal ibadat dalam lengkungan hubungan insan dengan Tuhan tetapi tidak ada kena mengena dengan urusan masyarakat manusia. Zaman penipuan ciptaan sekularisme itu sudah pergi dan sukar pulang semula sebab ketandusan bekal dan malu berdepan dengan rationale dan hujah ilmiah zaman sains dan teknologi. Walau bagaimanapun, setiap zaman itu tidaklah sunyi dari wujudnya golongan ahmak dan bebal sebagai contoh bagi umat manusia untuk dijadikan sempadan dan memilih kebenaran dari kepalsuan.

Rationale dan akal yang waras mudah mempercayai bahawa Tuhan Maha Esa lagi Maha Kuasa serta Bijaksana memanglah sanggup menyediakan satu sistem hidup untuk makhluknya. Jika Tuhan berkuasa mencipta alam dan insan masakan pula Tuhan lemah dari menyediakan sistem untuk ikutan ciptaannya itu.

* Ustaz Abu Bakar Hamzah (Allahyarham) pernah bertugas sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga bekas Ali Jawatankuasa Tertinggi PAS.

Sebagai sistem hidup yang lengkap dan sejagat (*comprehensive universal code of life*) ciptaan Tuhan, Islam merangkumi semua sudut urusan kehidupan insan, sama ada sebagai individu mahupun bermasyarakat; bidang sosial, ekonomi, sains dan teknologi, pendidikan, perusahaan, pertanian, kesenian, hubungan antarabangsa dan sudah tentu termasuk bidang siasah serta urusan pemerintahan negara. Politik pemerintah negara adalah salah satu unsur asasi dalam sistem hidup secara Islam. Memisahkan politik dari sistem hidup bererti mengoyak persada perlembagaan masyarakat Islam dan barang siapa yang sabit kesalahannya akan terdedah kepada kekufuran dan kezaliman. Insan yang tidak bongkak akan sudi memerhati firman-firman Tuhan, seperti yang maksudnya demikian:

Alif, Lam, Ra. Ini ialah kitab Quran. Kami turunkan kepadamu (hai Muhammad) supaya engkau mengeluarkan umat manusia dari kegelapan cahaya, dengan izin Tuhan mereka, ke jalan Allah yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.

Quran membawa petunjuk dan pedoman agar insan mudah mencari jalan untuk melepaskan diri dari belenggu alam kegelapan dan kepalsuan ke alam kewarasan dan kesiuman; dari alam kepalsuan ke alam kebenaran menuju ke arah kebahagiaan hidup dan keredaan Tuhan.

Seperti maksud firman Tuhan:

Dia (Tuhan) lah yang menurunkan kepada hambanya (Muhammad) keterangan-keterangan yang jelas (Quran) untuk mengeluarkan kamu semua dari kegelapan kepada cahaya; dan sesungguhnya Allah itu Maha Belas lagi Maha Mengasihani – terhadap kamu.

Surah al-Hadid – 57: 9

Firmannya lagi dengan maksudnya:

Sesungguhnya Quran ini memberi petunjuk ke arah jalan yang lebih lurus (*aqwam*); dan ia memberikan berita gembira kepada orang-orang mukmin yang mengerjakan amalan-amalan yang baik, "bahawa bagi kamu tersedia ganjaran yang besar".

Surah al-Isra – 17: 9

Celupan (*ideology*) Allah dan siapakah pula yang lebih baik celupannya dari Allah sendiri sedang kita semua menyembahNya.

Surah al-Baqarah – 2: 138

Walau bagaimanapun, seperti yang disebut terdahulu dari ini, setiap zaman itu tidaklah sunyi dari wujudnya golongan ahmak dan bebal yang sombong dan bongkak terhadap rationale dan logis. Hal ini diterangkan oleh Allah di dalam kitab Quran dengan bermaksud berikut:

Dan sesungguhnya telah kami huraikan satu persatu di dalam kitab Al-Quran ini berbagai macam perumpamaan bagi manusia; dan jika engkau membawa kepada mereka itu satu ayat (firman) nescaya orang-orang kafir itu akan berkata, "Kamu tidak lain melainkan cuma hendak membuat kepalsuan belaka". Demikianlah Allah mematerikan hati orang-orang yang tidak mahu mengerti. Maka bersabarlah kerana sesungguhnya janji Allah itu adalah benar (berlaku); dan janganlah sekali-sekali engkau dipermainkan oleh orang-orang yang tidak yakin - kepada ayat-ayat Allah.

Surah al-Rum - 30: 58-60

Dalam percubaan saya untuk mencapai maksud yang diharapkan dari perbicaraan ini, saya memilih cara yang berikut dengan membahas:-

1. Erti Faham Kebangsaan atau Nasionalisme.
2. Piagam Hak-Hak Manusia dari Pemberontakan Perancis tahun 1789 Masihi.
3. Nationality atau "Kebangsaan".
 - (a) Kelompok suku bangsa;
 - (b) Kelompok bahasa;
 - (c) Kelompok agama;
 - (d) Perpaduan geografi;
 - (e) Persamaan sejarah tradisi;
 - (f) Persamaan Kerajaan;
 - (g) Persamaan Kepentingan dan;
 - (h) Negara-bangsa (Nation-State).
4. Faham Kebangsaan atau Nasionalisme.
5. Gambaran Islam dan hubungannya dengan Nasionalisme.

Sedikit Tentang Faham Kebangsaan

Faham Kebangsaan atau Nasionalisme, sebenarnya sudah pun lama wujud di dalam hati manusia walaupun berbeza dari segi bentuk dan gelombang perkembangannya dari semasa ke semasa. Faham Kebangsaan mulai meluas dan mendalam lalu menjadi suatu akidah politik berikutan Pemberontakan Perancis pada tahun 1789 Masihi yang melahirkan Piagam Hak-Hak Asasi Manusia (*The Rights of Man*)

yang telah memainkan peranan yang amat penting bagi kelahiran faham Demokrasi yang menjadi pegangan bagi seluruh umat manusia termasuk orang-orang yang benci kepadanya.

Meskipun pelbagai takrif diberikan kepada istilah "Faham Kebangsaan" atau "Nasionalisme", namun semuanya beredar di sekitar menekankan hakikat bahawa Faham Kebangsaan ialah, seperti kata Hans Kohn,

"is a state of mind permeating the large majority of the people and claiming to permeate all its members; it recognises the nation-state as the ideal form of political organization and the nationality as the source of all creative cultural energy and economic well-being. The supreme loyalty of man is therefore due to his nationality, as his life is supposedly rooted in and made possible by its welfare".¹

Bagi saya, untuk memahami istilah Faham Kebangsaan atau Nasionalisme ini, elok juga kita selengkap dan menganalisa beberapa perkataan yang juga sudah menjadi istilah dan menjadi ciri-ciri bagi pengertian nasionalisme itu sendiri.

Antara perkataan-perkataan yang sudah menjadi istilah yang berkait rapat dengan istilah fahaman kebangsaan ialah:

1. *Nationality* (Kewarganaan) yang sekarang dipakai sebagai "kerakyatan" dan yang juga boleh dikatakan sama dengan erti *citizenship*;
2. *Nation* (bangsa) atau Umat (Ummah);
3. *Nation-State* (negara-bangsa); dan
4. *Nationalism* iaitu Faham Kebangsaan yang sudah diterima sebagai satu akidah politik (*Political Ideology*).

Kata-kata atau kalimat-kalimat tadi semuanya berasal dari kalimat *nation*. Dari kata-kata *nation* inilah lahirnya kalimat-kalimat *nationality*, *nationhood*, *nationalization*, dan *nationalism*. Masing-masing kalimat ini bukan sahaja mempunyai erti bahasanya sahaja tetapi juga mempunyai erti yang khusus atau istilah yang berhajat kepada pentafsiran dan analisa pula.

Istilah-istilah tersebut mustahak dianalisisakan supaya kita tidak banyak menempuhi halangan-halangan penafsiran apabila kita cuba membuat perbandingan antara hakikat fahaman kebangsaan dengan hakikat Islam dan ideologinya.

"Kekuatan Islam Bergantung Kepada Perpaduan Melayu"

- Syed Hamid

"Kuala Lumpur 15 Januari 1985 - Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Syed Hamid Tan Sri Jaafar Albar menyeru seluruh kaum Melayu supaya bersatu padu dalam UMNO untuk menentukan kedudukan agama dan keturunan bangsa itu hidup dalam bahagia serta berjaya pada masa hadapan.

Katanya, UMNO yang menjadi teras kerajaan sekarang telah menggariskan cita-citanya untuk menuju ke arah tersebut di samping menegakkan perpaduan seluruh rakyat dalam negara ini.

Syed Hamid yang juga Ketua UMNO Bahagian Kuala Lumpur - Bandar berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung UMNO Cawangan Sri Sarawak di Dewan Orang Ramai di rumah pangsa itu di sini semalam.

UMNO Cawangan Sri Sarawak merupakan cawangan dalam bahagian Kuala Lumpur - Bandar yang pertama mengadakan mesyuarat agungnya tahun ini.

Menurut Syed Hamid, di dalam kedudukan bangsa Melayu yang peratusnya tidak begitu tinggi, terdapat pelbagai pertubuhan dan persatuan yang masing-masing kurang menitikberatkan tentang perpaduan antara satu sama lain.

Katanya, apa yang menghairankan kelompok-kelompok itu masing-masing dengan keinginan tersendiri tetapi kenapa masih mahu berpecah belah dan fitnah memfitnah antara satu sama lain.

Katanya, seruan jihad yang diamalkan oleh Islam bukannya untuk memusuhi sesama umat Islam atau untuk memerangnya.

Apa yang paling menghairankan, kata Syed Hamid, ada pula sebahagian dari kelompok-kelompok itu memusuhi sesama Islam dan menyeru berjihad ke atas mereka yang tidak disukai semata-mata kerana tidak sehaluan dengannya.

Katanya lagi, seruan jihad yang diamalkan oleh Islam bukannya untuk memusuhi sesama umat Islam atau memerangnya kerana jika ini dilakukan maka akan rugilah kaum Melayu yang beragama Islam di negara ini yang menganutinya sejak zaman datuk nenek mereka dahulu ...

Petikan Akhbar Utusan Melayu 16 Januari, 1985

Nationality

Perkataan *Nationality* ertinya "kerakyatan" atau "kewarganegaraan". *Nationality* boleh disamakan dengan *Citizenship*. Hingga sekarang pun kalimat "nationality" ini masih diguna secara yang kerap kali sama dan serupa dengan kalimat "nation" iaitu "bangsa". Ini bererti "nation" ialah "bangsa" dan "nationality" ialah "kebangsaan" atau "kerakyatan" atau "kewarganegaraan". Kedua-dua kalimat "nation" dan "nationality" itu berasal dari kalimat "natu" yang menunjukkan pengertian "birth" (beranak) dan "race" (bangsa).

Akan tetapi sekarang, perkataan "nation" iaitu "bangsa" sudah pun diterima sebagai istilah bagi kegunaan politik berikutan dengan penerimaan seluruh umat manusia akan dasar yang terkandung di dalam ungkapan '*one nation one state*' iaitu "satu bangsa satu negara". Dalam konteks ini, "nation" atau "bangsa" bererti suatu perpaduan politik - iaitu satu badan atau kumpulan orang-orang yang berbeza dari orang-orang yang lainnya, mempunyai keperibadian politik yang tersendiri dan berlainan dari pihak-pihak yang lain. Adapun perkataan "nationality" atau "kerakyatan" pula maka ia tidaklah mempunyai unsur politik dalam pengertiannya. Ia hanya menunjukkan keseluruhan nilai-nilai (qualities) yang membentuk satu-satu "nation" atau "bangsa" tadi. Di samping itu, "nationality" (kerakyatan) pula menekankan pengertian di segi kelahiran (birth), sama ada kelahiran tabii mahupun kelahiran yang diangan-angankan.

Dalam konteks ini, James Bryce mentakrifkan "nationality" (kerakyatan) sebagai,

"A nationality is a population held together by certainties, as for example, language and literature, ideas, customs and traditions, in such a way as to feel itself a coherent unity distinct from other populations similarly held together by like ties of their own", where a nation is a nationality which has organized itself into a political body either independent or desiring to be independent".

John Stuart Mill's conception of nationality is materially similar to that of James Bryce. He says,

"A portion of mankind may be said to constitute a nationality if they are united among themselves by common sympathies which do not exist between them and any others - which make them co-operate with each other more willingly, than with other people, desire to be under the same government and desire that it should be governed by themselves or a portion of themselves exclusively".¹

Jika itulah apa yang dikatakan "nationality" atau "bangsa" atau "kerakyatan" seperti yang dipakai pada masa itu, maka "nationality" itu nyata menunjukkan kehadiran suatu semangat bersama dan serupa atau suatu sentimen psikologi di kalangan orang-orang yang memiliki hubungan kekeluargaan yang sama atau apa yang Barat kata "*socio-cultural complex*", seperti yang dikatakan oleh MacIver. Barnes berkata bahawa "*nationality is the collective name given to that complex of psychological and cultural factors which furnish the cohesive principle uniting a nation*".

"Nationality" pada peringkat ini diterima sebagai suatu kekuatan batin rohaniah sekira-kira sama setaraf dengan akidah keagamaan dalam ertikata bahawa "*nationality*" juga adalah suatu perasaan, pemikiran, dan amalan hidup menurut keyakinan.³

Berdasarkan perbincangan ringkas tadi, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa perasaan meyakini "*nationality*" adalah suatu perkara yang subjektif yang tidak terikat kepada ukuran dan sukatan yang tertentu.⁴ *Nationality* ialah suatu sentimen perpaduan, suatu kesedaran bersama hasil dari berbagai faktor seperti persamaan keturunan sukubangsa, bahasa, sejarah naik dan turun atau kalah dan menang, adat istiadat yang semuanya itu melahirkan pula apa yang disebut kebudayaan dan nilai politik bersama. Apabila semua atau sebahagian besar dari faktor-faktor tadi terdapat di kalangan sesuatu ummah atau kaum, lahirlah 'perasaan berkeluarga' (kinship) dan sifat-sifat keistimewaan yang lahirnya dan membezakan mereka daripada kaum-kaum atau ummah-ummah yang lain. Semuanya itu, pada beberapa peringkat yang tertentu adalah memberi sumbangan yang mujarab kepada perkembangan persamaan ber-"nationality" berdepan dengan ummah manusia yang ramai di muka bumi ini.

Perasaan bersatu padu di bawah lindungan "*nationality*" boleh dikatakan lahir dari beberapa kelompok (community) seperti berikut:

1. Kelompok Keturunan (Community of Race);
2. Kelompok Bahasa (Community of Language);
3. Kelompok Agama (Community of Religion);
4. Kelompok Darah Lama (Geographic Unity);
5. Kelompok Sejarah Adat (Common Historical Traditions);
6. Persamaan Kerajaan (Common Government); dan
7. Kepentingan Bersama (Common Interests).

Dari analisa tadi lahir pula dua perkara yang nampak seolah-olah sama dan serupa tetapi pada hakikatnya adalah berlainan; iaitu "*Nationality*" (Kebangsaan atau Kerakyatan) yang telah kita perkatakan sedikit sebanyak tadi, dan satu lagi ialah "Kenegaraan" atau "*Statehood*".

Professor Zimmern membezakan antara "nationality" dengan "Statehood" dengan mengemukakan perbezaan yang berikut:-

Nationality adalah subjektif sedangkan Statehood adalah objektif;

Nationality adalah psikologis sedangkan Statehood pula adalah bersifat politik;

Nationality merupakan suatu syarat (condition) di dalam fikiran (mind) manakala Statehood adalah suatu keadaan atau syarat di dalam undang-undang;

Nationality ialah milik rohaniah sedangkan Statehood pula adalah suatu kewajipan yang boleh diperkuatkuasakan; dan

Nationality merupakan suatu cara menyatakan perasaan manakala Statehood adalah suatu keadaan yang tidak boleh dipisahkan dari segala cara hidup yang bertamadun.

Nation (Bangsa)

Dari perbahasan "Nationality" kita masuk pula ke dalam arena perbahasan mengenai apa yang disebut sebagai "nation" atau bangsa. Perkataan "nation" berasal dari kalimat Latin "nation" yang bererti "dilahirkan" (born). Oleh itu, istilah "nation" atau "bangsa" ini pada asalnya membawa erti kesukuan dan keturunan darah-daging. Di segi *etymologynya*, nation (bangsa) ialah sekumpulan manusia (people) yang berketurunan dari rumpun yang sama. Jika diguna menurut pengertian ini, nation atau bangsa itu ialah suatu ummah yang terbentuk antara satu sama lain dalam sebuah masyarakat hasil dari ikatan-ikatan hubungan darah-daging. Burgess dan Leacock memberi takrif bahawa, "nation" atau bangsa itu mestilah diasaskan di atas suku bangsa (race) walaupun Leacock tidak mengira keturunan darah bangsa sebagai rukun yang mesti. Bagi Leacock, nation atau bangsa itu adalah "penduduk yang berasal dari keturunan (ethnic) yang bersatu padu mendiami suatu daerah geografi yang tertentu". Perpaduan keturunan (*Ethnic Unity*) berasaskan persamaan bahasa dan sastera, persamaa adat dan sejarah, persamaan kebiasaan (*customs*) dan kesedaran tentang apa yang dikatakan "benar" dan "salah". Perkara pokok dalam pengertian nation itu ialah, "nation atau bangsa itu ialah satu kumpulan manusia yang bersatu hasil dari persamaan keturunan dan persamaan bahasa".

Oleh itu nyatalah bahawa "nationality" tidak sama dengan "nation" dan mesti dibezakan pengertiannya. Barker pula berkata,

"A nation is a body of persons inhabiting a definite territory and thus united together by the primary fact of living together on a common land. They were drawn by a number of races and they came from different breeds. But their wanderings brought them into this territory and they settled down here because it appealed to them to settle down here. While living together sufficiently long time, they developed two forms of mental sympathy. The first capital of thought and feelings acquired and transmitted in the course of a common history; a common capital, of tradition; which includes as a rule a common language, a common religion (which may, however, assume a number of different forms), and a common culture variously expressed in art and architecture, in literature, in social habits and otherwise." The second was the common will to live together for the future freely and independently, thus having common thoughts, feelings and aspirations and thereby exercising their right of political self-determination."

Sekarang dapatlah dibuat kesimpulan bahawa "nation" atau bangsa itu ialah suatu kumpulan manusia, menetap di sebuah daerah, dalam mana anggota-anggotanya, akan, walaupun tidak semestinya, mendakwa mempunyai keturunan yang sama, iaitu suatu kelompok yang tertentu yang memiliki kebudayaan, tradisi, kenangan, dan cita-cita serta kepentingan di samping kehendak bersama untuk hidup bersama dan membuat suatu *modus vivendi* untuk sehidup semati buat selama-lamanya dengan penuh kehormatan dan kemuliaan. Suatu perkara yang patut diingat ialah bahawa istilah "nation" (bangsa) ini mestilah juga mempunyai unsur politik dan perundangan. Maka dengan itu, proses kelompok bangsa itu mestilah mempunyai institusi-institusi dan undang-undang yang serupa dan bentuk-bentuk kemasyarakatan yang bebas dan keperibadian politik yang tersendiri lagi bebas.

Bangsa dan Negara

Teori "Satu Bangsa, Satu Negara" yang memang wujud di dalam hati manusia sejak lama lagi, mulai berkembang dan laris selepas Perang Dunia Pertama (1914-1918) yang berikutan itu lahirlah bangsa-bangsa yang baru sejajar dengan prinsip hak penentuan diri sendiri. Sejak itu lahirlah kecenderungan untuk menyamakan istilah "*bangsa*" dengan istilah "*negara*" pada hal kedua-dua istilah tersebut sama sekali bukan sama dan tidak boleh disamakan. Misalnya Amerika Syarikat dikatakan sebuah negara pada hal yang sebenarnya ia adalah suatu pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada beberapa negara yang berdaulat

dan bukan "bangsa-bangsa". Yang nyata kepada kita ialah Amerika Syarikat adalah sebuah Negara (State) dan negara ini ialah satu ummah (people) yang dibentuk untuk maksud undang-undang berdaulat sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri. Ini berlainan dari "bangsa" (nation) kerana bangsa itu ialah satu ummah yang berikat menurut perasaan psikologi dengan mempunyai hasrat bersama untuk hidup bersama buat selama-lamanya dan sama-sama menanggung suka dan duka.

Sudah tentu bahawa negara moden sekarang adalah terbatas dengan sempadan-sempadan kebangsaannya. Ini bererti kita adalah anggota bagi sesebuah negara dalam lengkungannya kita dilahirkan dan kita adalah berhak untuk menukar taat setia kita kepada mana-mana negara lain menurut syarat yang dikenakan oleh negara tersebut.

Dengan itu bertambah nyata bahawa negara bukanlah sama dengan bangsa (nation): kedua-duanya berbeza dalam erti dan semangat. Misalnya orang-orang Scotland atau orang-orang Wales boleh mendakwa diri mereka sebagai anggota bagi sebuah bangsa yang tertentu akan tetapi mereka bukanlah anggota bagi Negara Scotland atau Negara Wales kerana mereka adalah anggota-anggota bagi sebuah negara yang disebut *Negara British* (British State).

Dengan perubahan sejarah, terdapat beberapa buah Negara (States) yang memasukkan ke dalamnya beberapa bangsa (nations). Misalnya bangsa Alsace dan bangsa Lorraine adalah, dari tahun 1870 hingga 1914, sebahagian dari Negara Jerman. Akan tetapi mulai dari tahun 1918 hingga 1940, bangsa Alsace dan bangsa Lorraine telah menjadi sebahagian dari Negara Perancis sedangkan pada tahun 1940 hingga 1945, kedua-dua bangsa (nations) tersebut kembali menjadi sebahagian dari Negara Jerman. Hari ini kedua-dua bangsa itu berubah menjadi sebahagian dari Negara Perancis pula. Jika bertanya mana-mana orang Alasatian dan Alsace sama ada dia orang Perancis atau orang Jerman maka dia akan menjawab dia adalah seorang Alasatian (bangsa) tetapi dia juga seorang Perancis (Negara) kerana dia adalah seorang rakyat bagi Negara Perancis (French State).

Jadi, jelaslah bahawa pertubuhan mana-mana ummah (people) di bawah kerajaan (government) tidaklah semestinya menjadikan mereka itu satu bangsa (nation). Misalnya negara sekutu Austria-Hungary, sebelum Perang Dunia Pertama (1914-1918) adalah sebuah Negara (State) akan tetapi bukan sebuah bangsa (Nation).

Malaysia adalah sebuah negara yang masyarakatnya merupakan masyarakat majmuk (*plural society*) yang terdiri dari bangsa Melayu, bangsa Cina, bangsa India, bangsa Kadazan dan beberapa bangsa lain. Jadi, adakah kita ini satu "nation" (bangsa), menurut pentafsiran yang telah kita bincangkan di atas? Pada tahun 1963 kita sebagai negara

telah memasukkan Sabah, Sarawak dan Singapura dan kemudian Singapura telah keluar dari Persekutuan Malaysia. Sebagai sebuah negara, kita Malaysia telah pernah memasukkan dan mengeluarkan beberapa bangsa ke dalam dan dari dalam negara kita. Di sinilah lahirnya keinginan untuk mengetahui apakah dia yang dikatakan Nation dan Nationalisme.

Lahirnya Nation-State

Dari teori "*Satu Bangsa Satu Negara*" (One Nation, One State), lahirlah beberapa buah negara baru selepas Perang Dunia Pertama dan bilangan negara-negara baru semakin bertambah selepas Perang Dunia Kedua (1941-1945). Seperti yang telah disentuh sebelum ini bahawa "*nationality*" (Kerakyatan) pada hakikatnya adalah bersifat keturunan (ethnic) dan kebudayaan (cultural). Ia mendesak ke arah kebebasan dalam menyatakan fikiran dan pendapat. Nationality membawa orang bersedia untuk bertempur dengan orang lain demi menegakkan faham (dogma) dan keyakinan untuk memperolehi kemerdekaan bernegara. Bagi wujudnya sebuah negara (state), kedaulatan (sovereignty) amatlah mustahak dan negara tidak mungkin wujud tanpa kedaulatan sedangkan sebaliknya semua orang (people) boleh terus hidup sebagai satu bangsa walaupun tidak memiliki kedaulatan atau kedaulatannya dirampas oleh orang lain.

Negara-negara bentuk lama semakin hari semakin luput digantikan dengan negara-negara bentuk baru. Negara berbentuk baru ialah negara yang didirikan di atas asas ikatan-ikatan nationality (kerakyatan) dengan dikawal serta diperkuatkan dengan sempadan-sempadan kebangsaannya. Pada mulanya negara kebangsaan (nation-state) adalah bersifat Negara Beraja Mutlak (absolute monarchy). Akan tetapi lepas itu orang ramai mula mencabar kekuasaan yang ada secara mutlak di tangan raja-raja. Orang ramai menuntut hak dan kemudahan dan mendakwa bahawa kuasa (power) sebenarnya adalah hak mereka dan bukan hak raja. Misalnya pemberontakan Perancis yang amat terkenal itu telah menguburkan semangat "Nation-State" ini dan bangun menentang kuasa istana untuk mengambil semula kuasa rakyat dari tangan raja-raja yang biasanya memasyhurkan diri mereka sebagai wakil-wakil Tuhan di muka bumi demi mempertahankan hak untuk memerintah dan mengekalkan kekuasaan mereka yang tidak terbatas itu.

Ada kalanya kita terasa mustahak ditegaskan dengan jelas hubungan antara nasionalisme dengan pemerintahan sendiri" (self-government); yang mana satu mendorong yang satu lagi? Nasionalismekah yang mendorong kelahiran "kerajaan sendiri" atau sebaliknya

kita berkerajaan sendirilah maka baru berkembangnya faham kebangsaan. Walau apa pun, kedua-duanya adalah anak kembar. Meskipun Pemberontakan Perancis tahun 1789 itu memainkan peranan yang penting bagi kelahiran Demokrasi dan Piagam Hak-hak Asasi Manusia, namun ia tidak lebih dari sekadar menambahkan kesedaran kepada faham nasionalisme yang sudah lama wujud di dalam hati manusia.

Tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan erat di kalangan sesebuah masyarakat adalah diasaskan di atas hubungan darah-daging dan perasaan sentimen inginkan menjadi satu badan yang satu dan rapi. Perpaduan hasil dari wujudnya sempadan-sempadan semulajadi telah menolong membentuk serta menguatkan perasaan tersebut. Seperti yang telah kita lihat bahawa Piagam Hak-hak Manusia yang lahir dari Pemberontakan Perancis 1789 itu bertunjungkan dua rukun asasi iaitu persamaan (*equality*) dan kedaulatan rakyat (*popular sovereignty*) dan rukun-rukun inilah yang telah menyemarakkan faham kebangsaan. Dengan itu taat setia rakyat bermula dari perasaan wujudnya satu bangsa dan berkembang menjadi sempurna apabila mereka berjaya membentuk sebuah negara.

Dari bukti-bukti yang terdapat, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa istilah "nasionalisme" atau "faham kebangsaan" itu mulai wujud dengan pengertian saintifik berikutan munculnya beberapa buah "nation-state" dalam masa kurun yang ke-16 hingga kurun yang ke-18 Masihi. Apabila nasionalisme lahir sedemikian rupa ia telah menerima corak (*form*) negara-negara tersebut tetapi menambahkan satu unsur atau ciri baru iaitu semangat keagamaan. Mahu tak mahu Raja-raja mutlak pun terpaksa memberi jalan kepada hasrat rakyat jelata. Inilah proses kebangkitan Faham Kebangsaan atau Nasionalisme.

Berikutan itu faham kebangsaan ini pun menjalar ke merata pelusuk dunia dan berakar umbi di dalam hati sanubari manusia samalah seperti kepercayaan (dogma) keagamaan menguasai hati nurani insan dan hubungannya dengan Tuhan.

Faham kebangsaan berkembang sebagai kepercayaan (dogma) politik dan menguasai hati manusia; ia meniupkan semangat baru ke dalam sikap dan fikiran orang ramai. Berikutan itu muncullah suatu perhatian yang bersungguh terhadap nasionalisme disemarakkan oleh para sejarawan, wartawan, penyair dan penyajak. Apatah lagi para politikus dan merekalah yang menyamakan faham ini di dunia Eropah Tengah dan Negeri-negeri Balkan dan akhirnya hinggalah sampai ke negara-negara Timur Tengah, India, Jepun dan seluruh Asia Tenggara.

Suatu hal yang mustahak diberi perhatian ialah bahawa munculnya begitu banyak "negara-bangsa" (*Nation-States*) yang berdaulat sekarang ada juga keburukannya iaitu timbulnya banyak masalah di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu, dan kerap kali masalah-masalah tersebut melibatkan pula kuasa-kuasa besar. Pada hari ini terdapat sebanyak 156 buah negara yang menjadi anggota di dalam Pertubuhan Dunia itu dan mungkin banyak lagi sedang menyusul. Apakah Nasionalisme akan terus diperjuangkan juga atau pun ada ganti yang lebih baik dari itu? Apakah pula sikap Ummah Islam sendiri terhadap sistem Islam Maha Esa lagi Maha Kuasa, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Perbezaan di Antara Islam dan Nasionalisme

Persoalan

Apabila kita cuba berbincang dari hal Islam dan Faham Kebangsaan, timbullah berbagai persoalan dan tanda tanya, di antaranya ialah:

- (a) Apakah hukum syarak yang dikenakan ke atas Faham Kebangsaan?
- (b) Apakah sikap dan hukuman Islam ke atas orang-orang Islam yang berjuang di atas landasan Faham Kebangsaan?
- (c) Apakah hukum syarak mengenai Perjuangan yang bercorak kebangsaan (*nationalist*) di Malaysia ini?
- (d) Haruskah diwujudkan kerjasama atau pakatan atau apa-apa persefahaman di antara golongan-golongan yang menamakan diri mereka Golongan Islam dengan Golongan-golongan yang menamakan diri mereka Golongan Nasionalis?
- (e) Apakah satu rencana pengganti (*alternatif*) kepada ideologi-ideologi yang sedia diperjuangkan di tanah air kita pada masa ini andaikata kita tidak bersetuju dengannya?

(1) Hukum Syarak

Di dalam bidang ilmu fikah Islam hanya orang-orang yang tertentu sahaja diakui layak memberi fatwa; iaitu di samping keahliannya, seseorang itu bolehlah memberi fatwa dan fatwanya itu hendaklah dipakai dengan persetujuan pemerintah (Kerajaan) yang berkuasa pada sesuatu masa. Jika tidak ada kebenaran serta persetujuan seperti itu maka "fatwa" yang diberi tadi bukanlah dikira satu fatwa yang sah akan tetapi hanyalah sebagai satu pendapat ijtihad biasa sahaja.

Walau bagaimana pun, untuk memberi pendapat yang bersumberkan fikah Islam terhadap "*faham kebangsaan*" atau apa jua perkara, hendaklah terlebih dahulu kita mengetahui hakikat perkara

tersebut dan juga mengetahui kedudukan perkara itu pada satu-satu masa yang tertentu. Ada kalanya hukum syarak itu boleh berubah menurut berubahnya keadaan dan masa jika perkara yang dihukum itu adalah perkara cabang (*furu'*) yang boleh dilakukan ijtihad padanya. Tidak boleh diijtihad pada perkara-perkara pokok atau sebab usul atau perkara pokok itu adalah tetap dan qati'e hukumnya.

Masalah yang ada di hadapan kita ialah "Faham Kebangsaan". Kita telah pun sentuh sedikit sebanyak mengenai hakikat "faham kebangsaan" itu. Jika itulah hakikat faham kebangsaan seperti yang dihuraikan tadi maka adalah amat nyata dan jelas bahawa ia bukanlah ciptaan Islam. Nasionalisme ialah ciptaan Barat dan ia berkembang subur berikutan pemberontakan pada tahun 1789 Masihi, iaitu pemberontakan yang melahirkan Piagam Hak-hak Manusia yang menjadi ilmu utama bagi kelahiran faham kebangsaan. Faham kebangsaan telah menempuh suatu proses yang panjang termasuklah peringkat "*ethnic*", *race*, *nationality*, *nation*, *barulah tiba ke peringkat nasionalisme* seperti yang telah disentuh tadi.

Nyatalah sudah bahawa faham kebangsaan itu bukan suatu istilah yang pernah diguna oleh para ahli fikah Islam, mahupun pada zaman salaf saleh atau pada zaman moden sekarang; oleh itu amatlah sukar bagi saya memberi pendapat mengenainya. Walau bagaimanapun ada dua kaedah yang besar bagi memahami kedudukan satu-satu perkara yang dibawa ke hadapan kita:-

- (a) dalam apa jua perkara yang bukan ibadat, maka hukum asalnya ialah *ibahah* (harus) melainkan apa-apa yang ditegah; dan
- (b) dalam apa juga perkara ibadat, maka hukumnya adalah haram melainkan apa-apa yang diperintah.

Bagi saya, perjuangan kebangsaan adalah termasuk dalam bahagian yang pertama iaitu termasuk ke dalam kategori "harus" pada asalnya melainkan jika ada nas-nas yang layak untuk "menegah" atau "mengharamkan"nya. Jika sekiranya faham kebangsaan yang dimaksudkan itu mengenyepikan dasar-dasar Islam atau akidah Islam atau akhlak Islam maka sudah tentu ia adalah ditegah sebab ia boleh membawa bencana terhadap manusia.

(2) Sikap dan Hukuman

Sebelum kita menyentuh dairihal sikap dan hukuman oleh Islam terhadap orang-orang yang memperjuangkan faham kebangsaan, perlulah kita sama-sama cuba memerhati beberapa kalimat yang tersebut di dalam Quran untuk dibandingkan dengan perkataan-perkataan

seperti: *Race, tribe, community, kinship, nationality, nation-state, nation, dan akhirnya kalimat nasionalisme itu sendiri.*

Di dalam kitab Al-Quran ada tersebut kalimat-kalimat yang berikut:-

Raht, sebanyak 3 kali yang ertinya "kumpulan" (group, flock, bevy).

'Asyirah, sebanyak 3 kali yang ertinya "clan, tribe".

Qabilah, sebanyak 1 kali dalam bentuk jama' (plural)

Qaba-il, - yang ertinya sama dengan "tribe".

Sha'b, dan jamanya (pluralnya) ialah

shu'ub 1 kali, yang ertinya "bangsa" atau "people, nation".

Qaum, 381 kali yang ertinya "kaum" atau juga "people, nation".

Ummah, yang jama'nya (plural) ialah al-immah tersebut sebanyak 64 kali iaitu ummah: 51 kali dan a-immah: 13 kali. Ertinya "umat" (nation, followers).

Bagi saya setiap kalimat yang tersebut di dalam kitab Quran itu mestilah ada hukumnya dan ada juga hukumannya. Hukum ialah nilai manakala hukuman pula ialah balasan. Jika sesuatu perkara itu hukumnya "*halal*" maka tiadalah "*hukuman*" atau "*uqubah*" yang dikenakan ke atas orang yang melakukannya. Lainlah jika sesuatu perkara itu "*haram*" hukumannya maka sudah semestilah "*hukuman*" (balasan) buruk akan dikenakan ke atas orang yang berkenaan.

Jadi, apakah "*salah*" atau "*haram*" atau apakah dia "*hukum*" yang munasabah bagi orang-orang yang berjuang di atas dasar kebangsaan atau ke atas orang-orang yang memperjuangkan dasar nasionalisme itu? Marilah kita mencari apa yang boleh kita kaitkan dengan "*hukum*" terhadap "*Faham Kebangsaan*" sebelum kita terburu-buru mencari "*hukuman*" untuk dikenakan ke atas orang-orang yang berkenaan.

Marilah kita bersama-sama memerhatikan beberapa firman Tuhan di dalam kitab Quran supaya kita mendapat suatu jalan menuju ke arah suatu penyelesaian atau sekurang-kurangnya ke arah suatu cara mengurangkan ketegangan di kalangan sesama umat Islam sendiri.

Maksud ayat Quran:

Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan kamu dari tanah, kemudian kamu menjadi manusia yang berkembang biak.

Dan dari antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu jua supaya kamu cenderung

kepada mereka dan merasa tenteram. Dan dijadikannya di antara kamu rasa kasih sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan petala langit dan bumi dan peri berlainan bahasa kamu dan warna kamu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang yang mengetahui.

Terjemahan dalam bahasa Inggeris:

And His signs is this: He created you of dust, and behold you human beings, rising widely.

And of His signs is this: He created you help meets from yourselves that you might find rest in them, and He ordained between you love and mercy. Lo', herein indeed are portents for folk who reflect.

And of His signs is the creation of heavens and earth, and the *differences of your languages and colours*. Lo', herein indeed are portents for men knowledges.

Surah al-Rum – 30:20-22

Hai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan; dan Kami telah jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu pada sisi Allah itu ialah orang paling bertakwa di kalangan kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

O mankind! Lo' We have created you male and female, and have made you nations and tribes that you may know one another. Lo" the noblest of you, in the sight of Allah, is the best in conduct (taqwa) Lo", All is Knower, Aware.

Surah al-Hujurat – 49: 13

Maksud ayat al-Quran:

"Dan setelah Musa cukup umur dan sempurna akalNya Kami pun berikan kepadanya hikmah dan pengetahuan. Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang membuat baik.

Surah al-Qasas – 28: 14

Maksud ayat Al-Quran:

Dan Musa masuk ke kota (Memphis) ketika penduduknya sedang lengah (tertidur tengah hari) maka didapatinya di dalam kota itu dua orang lelaki berkelahi; yang seorangnya dari *golongannya (syi'ah)* Bani Israil dan yang seorang lagi dari musuhnya (kaum Fir'aun). Maka orang yang dari golongannya itu meminta pertolongan daripadanya untuk mengalahkan orang yang dari musuhnya lalu Musa meninjunya dan matilah musuhnya itu. Musa berkata, "Ini adalah perbuatan syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang menyesatkan lagi nyata (permusuhannya).

Al-Qasas - 28: 15

Maksud ayat Al-Quran:

"Musa berkata, "Ya Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menganiayai diriku sendiri; oleh itu ampunilah aku". Maka Allah mengampuninya, sesungguhnya Allah itu Dialah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Al-Qasas - 28: 16

Maksud ayat Al-Quran:

"Musa berkata, "Ya Tuhanku! demi nikmat yang telah Engkau anugerahkan kepadaku, aku sekali-kali tidak akan menjadi penolong bagi orang-orang yang berdosa".

Surah Al-Qasas - 28: 17

Maksud ayat Al-Quran:

"Oleh itu jadilah Musa di kota itu merasa takut menunggu-nunggu dengan bimbang (akibat perbuatannya) maka tiba-tiba orang yang tadinya meminta pertolongan daripadanya berteriak meminta pertolongan daripadanya. Musa berkata kepadanya, "Sesungguhnya kamu adalah orang sesat yang nyata (kesesatannya).

Surah Al-Qasas - 28: 18

Maksud ayat Al-Quran:

"Maka tatkala Musa hendak berlaku keras terhadap orang yang menjadi musuh kepada keduanya, musuhnya itu berkata, "Hai Musa! Apakah kamu hendak membunuhku sebagaimana kamu membunuh seorang manusia kelmarin? Kamu tidak bermaksud melainkan hendak menjadi seorang yang bengis dengan sewenang-wenang di negeri ini dan tidaklah kamu bermaksud hendak menjadi salah seorang dari orang-orang yang mengadakan perdamaian".

Surah Al-Qasas - 28: 19

Maksud ayat Al-Quran:

"Dan datanglah seorang lelaki dari ujung kota itu tergesa-gesa lalu berkata, "Hai Musa, sesungguhnya para pembesar negeri ini sedang berunding tentang kamu untuk membunuhmu; oleh itu keluarlah kamu dari kota ini, sesungguhnya aku ini adalah dari orang-orang yang memberi nasihat kepadamu jua."

Surah Al-Qasas - 28: 20

Maksud ayat Al-Quran:

"Dan lemparkanlah tongkatmu. Maka apabila tongkatnya itu menjadi seekor ular dan Musa melihatnya bergerak-gerak seolah-olah seekor ular jin larilah Musa ke belakang tanpa menoleh. Kemudian Musa diseru, "Hai Musa! datanglah kepada-Ku dan janganlah kamu takut; sesungguhnya kamu adalah dari orang-orang yang aman."

Surah Al-Qasas - 28: 31

Maksud ayat Al-Quran:

"Masukkanlah tanganmu ke dalam leher bajumu nescaya ia keluar bercorak putih bukan kerana penyakit, dan dakaplah kedua-dua tanganmu ke dadamu kerana ketakutan, maka kedua-dua hal tersebut adalah merupakan mukjizat dari Tuhanmu - yang akan kamu membawanya - kepada Fir'aun dan para pembesarnya; sesungguhnya mereka adalah kaum yang fasik".

Surah Al-Qasas - 28: 32

Maksud ayat Al-Quran:

"Dan kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka itu; maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki (menurut undang-undang fitrah), juga memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Dialah Yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana."

Surah al-Ibrahim - 14: 4

Maksud ayat Al-Quran:

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Musa dengan membawa mukjizat-mukjizat Kami sambil Kami berfirman, "Hendaklah engkau mengeluarkan kaummu daripada kegelapan kekufuran kepada cahaya keimanan; dan ingatkanlah mereka itu dengan hari-hari Allah". Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah bagi tiap-tiap seorang yang kuat bersabar lagi kuat bersyukur."

Surah Ibrahim 14: 5

Dengan firman-firman Tuhan yang dikemukakan tadi, jelaslah bahawa Islam tidak melarang wujudnya kaum, bangsa, dan ummah malah qabilah dan 'asyirah dengan syarat mereka janganlah membelakangi hukum-hukum Tuhan. Sebanyak mana manusia merenggangkan diri dari mengamalkan hukum-hukum Tuhan maka sebanyak itulah dosa yang mereka pasti tanggung dan seberat itulah pula balasan yang mesti kita menerimanya di dunia dan akhirat kelak.

Orang-orang yang didapati kurang mengamalkan suruhan Tuhan akan jatuh ke dalam salah satu kumpulan yang berikut seperti yang ditegaskan oleh Al-Quran:-

- (a) A-si;
- (b) A-thim;
- (c) Mujrim atau pesalah;
- (d) Munafik;
- (e) Maghdub' alaih atau yang dimurkai;
- (f) la'natul-Lah alaih atau la'nat Allah ke atasnya;
- (g) Fasiq;
- (h) Dzalim; dan
- (i) Kafir atau musyrik.

Kita orang-orang Islam hendaklah mengelakkan diri dari amalan-amalan yang boleh mendedahkan kita kepada salah satu dari golongan yang tidak disukai oleh Allah itu.

Rujukan:

1. Hans Kohn, "The Idea of Nationalis", p. 16.
2. Mill, J.S., "Representative Government", ch. 16.
3. Kapur A.C., "The Principles of Political Science", New Delhi, 1981, p. 123
4. Baker, E. "Principal of Social and Political Theory", p. 53.

IDEOLOGI, ISLAM, DAN POLITIK KEBANGSAAN MASA KINI

Kassim Ahmad*

Pendahuluan

Di dalam keadaan dunia dan negara kita hari ini, ideologi-ideologi humanisme sekular sedang dipersoalkan dan Islam sebagai politik alternatif diperkatakan, memang tepat kita membincangkan soal kedudukan dan hubungan ideologi Islam dengan politik kebangsaan kita. Apakah peranan Islam di dalam politik negara kita dan cita-cita bangsa kita? Adakah Islam bertentangan dengan faham kebangsaan? Bolehkah Malaysia, sebuah negara moden yang majmuk, dijadikan sebuah "negara Islam"? Inilah di antara soalan-soalan yang akan kita bincang.

Saya membahagikan kertas kerja ini kepada tujuh bahagian iaitu (a) Pendahuluan, (b) Asal-usul Ideologi, (c) Hubungan Islam dengan Ideologi, (d) Aliran-aliran Ideologi dalam Masyarakat Islam Sekarang, (e) Politik Kebangsaan di Malaysia Kini, (f) Gerakan Islam di Malaysia dan Masalah-masalahnya, dan (g) Kesimpulan dan Cadangan.

Asal-usul Ideologi

Ideologi sebagai satu sistem idea sesuatu golongan atau kelas, telah wujud sejak dahulu kala. Tetapi sebagai satu cabang ilmu politik, ia muncul di Eropah pada awal abad kedua puluh. Ia berdasarkan kepada pandangan sektarian sesuatu golongan, bangsa, atau kelas. Apabila masyarakat bersatu Islam awal berpecah kepada puak-puak ortodoks, Syiah, dan Khawarij dengan fahaman masing-masing, maka beransur-ansur timbullah kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan yang dipegang oleh puak-puak itu, masing-masing mendakwa merekalah

* Kassim Ahmad adalah bekas Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia yang kini telah pun menyertai UMNO.

yang mengikut ajaran-ajaran Islam tetapi sebenarnya fahaman-fahaman mereka dibina oleh mereka untuk menghuraikan dan memisahkan perbuatan-perbuatan mereka. Inilah ideologi. Setelah kebangkitan Eropah dalam abad kelima belas dan keenam belas, falsafah sektarian Eropah, dan humanisme sekular, mencetuskan ideologi-ideologi nasionalisme, liberalisme, Marxisme, Nazisme, dan Fasisme. Ideologi-ideologi ini, khususnya nasionalisme, liberaslisme, dan Marxisme telah merebak ke seluruh dunia dalam abad kedua puluh dan telah turut mempengaruhi perkembangan politik negara kita sebelum dan selepas Perang Dunia Ketiga.

Namun demikian, oleh kerana kelemahan asas ideologi itu sendiri dan beberapa perkembangan politik baru di dunia selepas Perang Dunia Kedua maka pengaruh ideologi dalam pemikiran politik dunia sudah mengurang. Hal ini mendorong sesetengah ahli sains politik menyatakan bahawa zaman ideologi sudah berakhir, digantikan dengan zaman perlumbaan teknik. Kenyataan ini tidak sepenuhnya benar. Apa yang telah berlaku ialah perubahan *asas* pergeseran atau sengketa politik dari kelas atau bangsa kepada pandangan hidup atau *world-view*. Di sinilah bermulanya peranan Islam sebagai satu pandangan hidup alternatif yang lebih utuh daripada pandangan hidup humanisme sekular yang telah mencetuskan ideologi sektarianisme dalam zaman moden.

Harus diingat bahawa humanisme sekular telah muncul di Eropah di dalam abad-abad ketujuh belas dan kelapan belas sebagai reaksi dan pengganti kepada pandangan hidup sempit dan mengongkong yang dipaksa oleh Gereja Kristian ke atas Eropah di dalam zaman pertengahannya. Sebagai satu gerakan pemberontakan terhadap satu kekuasaan yang zalim, gerakan pembaharuan ini memang positif dan progresif, tetapi sebagai satu reaksi yang melampaui batas (dari penyelewengan '*spiritual*' kepada penyelewengan '*sekular*', gerakan ini membawa kepada akibat negatif yang merosakkan. Inilah yang dikatakan dilema atau krisis tamadun moden. Tidak perlulah kita senaraikan butir-butir krisis besar ini yang telah pun banyak dicatatkan.¹

Hubungan Islam dengan Ideologi

Islam, satu agama Tuhan yang telah disempurnakan, merangkumi ajaran-ajaran tentang pandangan hidup dan amalan untuk kehidupan manusia di dunia. Dengan demikian, ajaran-ajaran Islam termasuklah politik, ekonomi, dan sosial. Barang siapa yang menyatakan Islam hanya ibadat-ibadat agama dalam pengertiannya yang sempit (seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya) dan tidak kena mengena dengan urusan-urusan keduniaan (golongan sekular) tidak memahami

Islam sebenarnya dan telah menyeleweng. Di sinilah letaknya hubungan antara Islam dengan ideologi atau politik. Namun demikian, kita harus membezakan antara teori politik atau falsafah politik yang telah dibina oleh ahli-ahli fikir Islam seperti al-Mawardi (m. 1058) atau al-Ghazzali (m. 1111) atau Ibn Jama'a (m. 1331) atau Ibn Khaldun dengan ajaran-ajaran politik yang terdapat di dalam Quran. Ajaran-ajaran Al-Quran adalah pokok dan asas sedangkan teori-teori politik dan falsafah-falsafah politik ahli-ahli fikir adalah ijihad dan tafsiran mereka mengikut sesuatu keadaan tertentu dan mengikut fahaman mereka. Kita tertakluk kepada ajaran-ajaran Al-Quran, tetapi kita tidak tertakluk kepada falsafah-falsafah dan teori-teori ahli fikir, termasuk tokoh-tokoh agama.

Pembezaan ini penting dan harus dibuat kerana ada satu golongan politik di dalam masyarakat Islam yang menganggap pendapat dan praktik tokoh-tokoh juga *perlu* diikuti (golongan tradisional). Harus ditegaskan di sini dengan jelas bahawa bagi umat Islam tidak ada sebuah buku lain selain Al-Quran yang harus mereka pegang. Tuhan telah menerangkan di dalam Al-Quran bahawa Al-Quran lengkap dan sempurna, dan kita tidak memerlukan buku-buku lain untuk melengkapkan Al-Quran. Apa yang tidak diterangkan di dalam Al-Quran adalah disengajakan untuk membolehkan umat Islam melakukan apa yang sesuai dengan kehendak dan keadaan mereka. Umpamanya, salah satu prinsip yang diberikan oleh Al-Quran untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial ialah syura atau perundingan. Tetapi kaedah-kaedah perundingan ini tidak diterangkan dan dibebaskan untuk sesuatu masyarakat atau negara menentukan kaedah-kaedah yang sesuai baginya. Seolah-olah seperti siapakah yang harus dibawa ke dalam perundingan ini - rakyat keseluruhannya atau sebahagian saja - dan apakah cara-caranya perundingan ini dilaksanakan, harus diputuskan oleh masyarakat itu sendiri?

Dapat dilihat dari atas bahawa Islam melengkapkan umatnya dengan satu rangka idea yang asas - yang universal - tetapi yang juga memberikan mereka kelonggaran dan kebebasan yang perlu untuk menyesuaikan dengan keadaan zaman dan tempat. Tentulah di sini letaknya kesempurnaan ajaran-ajaran Islam dan bukan pada peraturan-peraturan terperinci dalam semua hal seperti yang disangka oleh sesetengah kalangan dalam masyarakat Islam.

Aliran-aliran Ideologi dalam Masyarakat Islam Sekarang

Kegagalan masyarakat Islam sekarang, termasuk apa yang dikatakan Republik Islam Iran untuk mengemukakan dan memperjuangkan satu teori politik Islam moden yang dapat diterima oleh seluruh masyarakat Islam merupakan halangan yang terbesar untuk Islam

menjadi alternatif kepada ideologi-ideologi dan sistem-sistem yang berkuasa di dunia sekarang. Kegagalan ini disebabkan oleh perpecahan umat Islam sekarang kepada tiga golongan ideologi - golongan tradisional, golongan sekular, dan golongan pertengahan.

Golongan tradisional ialah golongan yang berpegang kepada kitab-kitab zaman pertengahan - hadis, qias, dan ijma'ulama - dan ingin kembali kepada sejarah zaman silam. Melalui penguasaan mereka ke atas pendidikan tradisional seperti pondok dan madrasah, dan ke atas bidang ibadah umat Islam, golongan ini merupakan golongan yang paling berpengaruh dan dominan dalam masyarakat Islam sekarang.

Golongan sekular ialah golongan yang membataskan agama kepada ibadah-ibadah formal seperti solat dan sebagainya yang meletakkan keseluruhan aktiviti sosial masyarakat di bawah pentadbiran falsafah humanisme sekular, sama ada liberalisme atau Marxisme. Golongan ini, oleh kerana kebolehan mereka di dalam bidang pentadbiran masyarakat moden, ialah golongan yang berkuasa di kebanyakan negara Islam di zaman lepas merdeka dan masih berkuasa sekarang, walaupun mereka sedang dicabar oleh golongan tradisional.

Golongan ketiga ialah golongan yang kedudukan ideologinya ialah pertengahan di antara golongan-golongan tradisional dan sekular. Mereka berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Quran, menolak faham taqlid, mempelopori pembukaan semula pintu ijtihad serta menyuarakan penerimaan sains, teknologi, dan pemikiran moden yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Quran. Inilah golongan yang berada pada jalan Islam yang betul. Boleh dikatakan sebaik saja penyelewengan secara meluas berlaku dalam masyarakat Islam, gerakan pembersihan ini berlaku, dengan kritikan-kritikan Ibn Taimiyah (m. 1328), Sheikh Ahmad Sirhindi (m. 1624) dan Shah Waliyullah Delhi (m. 1767) di India dan Muhammad Abdul Wahhab (m. 1787) di Arab Saudi, tetapi boleh dikatakan mencapai bentuk ideologi yang jelas dengan ajaran-ajaran Sayyid Jamaluddin al-Afghani (m. 1897) dan Muhammad Abduh (m. 1905), iaitu kembali kepada ajaran-ajaran Islam yang asal, penolakan taqlid dan pembukaan ajaran-ajaran Islam yang asal, penolakan taqlid dan pembentukan pintu ijtihad dan penerimaan rasionalisme dan sains dan teknologi moden yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam. Golongan ini, walaupun berpotensi, masih belum begitu berpengaruh di seluruh dunia Islam.

Di negara kita, golongan pertengahan ini muncul dalam dekad pertama abad ke-20 dan bergerak aktif hingga dekad ketiga dengan tokoh-tokoh seperti Syed Sheikh al-Hadi, Sheikh Mohammad Tahir Jalaluddin, Yunus Abdul Hamid al-Hadi dengan majalah-majalah dan akhbar-akhbar mereka, *Al-Imam*, *Al-Ikhwani*, *Saudara*, *Seruan Azhar*, *Edaran Zaman*, dan *Pilihan Timur*. Menjelang dan selepas Perang Dunia

Kedua golongan ini berpecah dan disedut masuk ke dalam aliran sekular di satu pihak dan aliran tradisional di pihak lain. Golongan sekular sekarang diwakili oleh UMNO dan golongan tradisional oleh PAS.

Adalah jelas bahawa penyelewengan golongan-golongan sekular dan tradisional dalam masyarakat Islam berpunca dari penyelewengan mereka dari ajaran-ajaran Al-Quran kerana kepentingan-kepentingan material - kuasa, pangkat, dan kekayaan. Bila masyarakat Islam pertama berpecah dalam Perang Siffin (T.M. 657) antara Ali Abu Talib dan Muawiyah, muncullah konsep pemerintahan sekular dan muncullah pula sebagai pelengkapnyanya satu kasta ulama yang mengendalikan hal-hwal agama untuk ummah. Dengan demikian hubungan dinamik antara agama dan politik dipisahkan, menyebabkan kemunduran umat Islam. Proses ini tidak berlaku dengan tiba-tiba, tetapi melalui sengketa-sengketa yang sengit dan lama, hingga akhirnya dalam abad-abad ke-12 dan ke-13 keadaan pemisahan ini menjadi stabil hinggalah garis ideologi Islam tulen mulai muncul semula pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 mencantumkan semula politik dan agama. Garis ini ialah garis islah Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh yang telah kita sebutkan dulu.

Politik Kebangsaan di Malaysia Kini

Semasa dan selepas Perang Dunia Kedua semangat nasionalisme meluap-luap di seluruh Asia. Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dari kuasa-kuasa penjajah bernyala dan merebak di mana-mana. Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan pada tahun 1945; India mencapai kemerdekaan pada tahun 1948; dan Tiongkok pada tahun 1949. Semangat dan perjuangan kebangsaan ini, di negara kita, menenggelamkan buat sementara waktu semangat Islamisme yang telah kita lihat bergelora antara dekad-dekad pertama dan ketiga. Kegagalan golongan Islamis untuk memberi jawapan dan pimpinan yang terang dan tegas kepada perjuangan kebangsaan dan kemerdekaan nasional (dan sebahagian daripada kegagalan ini berpunca dari muslihat penjajah) menyebabkan pimpinan gerakan ini jatuh ke tangan golongan-golongan Sekular Kanan (UMNO) dan Kiri (KMM-PKMM-PRM) dan akhirnya memberikan kejayaan kepada golongan Sekular Kanan (UMNO-MCA-MIC). Memang benar golongan Islamis membentuk partai politiknya sendiri, Pas, dalam 1951 tetapi hingga sekarang gerakan ini gagal meletakkan dirinya sebagai pemimpin rakyat. Kegagalan ini bukan saja berpunca dari tekanan oleh pihak penjajah (sebelum merdeka) dan oleh pihak pemerintah sekular (selepas merdeka), tetapi lebih-lebih lagi dari kelemahan teori dan strategi PAS sendiri.

Walaupun saya telah mensifatkan UMNO pada peringkat awal sebagai golongan sekular, ini tidak bermakna UMNO sentiasa akan bersifat sekular. Pada tahun 1959, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman menolak konsep Malaya sebagai sebuah negara Islam dan mempelopori konsep negara sekular berdasarkan ijtihad masyarakat Islam di dalam urusan-urusan keduniaan. Pendirian ini ditegaskan lagi pada tahun 1968. Tetapi dalam dekad ketujuh, perubahan sikap sudah mulai berlaku. UMNO mulai disifatkan oleh pemimpin-pemimpinnya sebagai sebuah parti Islam, malah sebuah parti Islam yang terbesar di Malaysia. Perubahan sikap ini tidak menghairankan kerana dalam dekad ini, disebabkan oleh beberapa perkembangan yang berlaku di dalam politik dunia dalam dekad keenam, satu gelombang baru dalam gerakan Islam mulai dirasa di negara kita dan di seluruh dunia. Pada waktu inilah gerakan dakwah mula berkembang dan aktif. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang ditubuhkan dalam 1971 mula menganjurkan formal Islam untuk menyelesaikan masalah-masalah masyarakat majmuk Malaysia. Perkembangan-perkembangan ini mempengaruhi UMNO sendiri serta menyebabkan UMNO bergerak ke arah politik keislaman. Ini terbukti dalam langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir, seperti pengenalan kursus tamadun Islam di universiti-universiti tempatan, penubuhan Bank Islam, dan Universiti Islam Antarabangsa, dan penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara.

Gerakan Islam di Malaysia dan Masalah-masalahnya

Perubahan-perubahan ini juga mempengaruhi PAS dan PSRM. Memang dari asalnya PAS telah ditubuhkan untuk memperjuangkan Islam dengan matlamat akhir untuk menubuhkan sebuah negara Islam. Tetapi di bawah pimpinan Dr Burhanuddin dan Datuk Mohd Asri Hj Muda, teori politik PAS menyelaraskan faham keislaman dengan faham kebangsaan. Walau bagaimanapun, sejak Revolusi Iran (1979) dan sejak penyingkiran Datuk Asri dari pimpinan dan kenaikan apa yang dinamakan "pimpinan ulama" (1981) yang dipengaruhi oleh ideologi Khomeini, faham kebangsaan mulai ditolak oleh PAS sebagai perkauman yang tidak sesuai dengan fahaman *internasionalisme Islam*, dan dasar UMNO dan Kerajaan disifatkan sebagai sekular, anti-Islam dan patut ditentang oleh gerakan Islam.

UMNO dan PAS, tidak syak lagi, merupakan dua buah partai politik rakyat Islam Malaysia yang besar dan berpengaruh. Bahawa dasar UMNO sekarang masih dasar "sekular" dalam erti kata ia bertunjang pada teori politik humanisme sekular ialah gerakan pimpinan UMNO sekarang kepada faham keislaman. Teori politik

Islam sendiri tidak sama sekali menolak keduniaan, pembangunan material, dan kerjasama dengan golongan-golongan bukan Islam. Oleh yang demikian, sikap anti-sekular melulu tidak sesuai dengan ajaran-ajaran Islam. Sebaliknya, teori politik PAS yang sekarang menolak faham kebangsaan yang sah dan menolak kerjasama dengan UMNO dan Kerajaan, tidak sesuai dan bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam. Pendirian mereka dalam banyak hal bertentangan; umpamanya, mereka mendakwa perlembagaan Malaysia diciptakan oleh "orang kafir", tetapi mereka sendiri menyertai pilihanraya-pilihanraya di bawah perlembagaan ini serta menjadi anggot-anggota Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri di bawah perlembagaan ini! Adalah rahsia umum bahawa PAS sekarang tidak mempunyai satu dasar dan satu program politik yang jelas.

Walau bagaimanapun, pengalaman-pengalaman kita sejak merdeka telah membuktikan bahawa dasar kebangsaan yang berasaskan falsafah humanisme liberal yang telah dijalankan oleh Kerajaan selama ini telah tidak begitu berjaya. Rusuhan 13 Mei dan keadaan polarisasi kaum yang terus wujud membuktikan bahawa masalah perpaduan bangsa dan rakyat masih belum dapat diselesaikan. Kemelesetan ekonomi dunia sedang mengancam ekonomi kita. Korupsi berlaku di dalam semua bidang kehidupan - politik, ekonomi, dan sosial. Senarai masalah-masalah besar yang dihadapi oleh negara dan bangsa kita panjang. Harus diakui bahawa masalah-masalah ini bukan dihadapi oleh negara kita saja. Boleh dikatakan semua negara di seluruh dunia - Kapitalis, Komunis, dan Dunia Ketiga - sedikit sebanyak menghadapinya. Sesungguhnya, kita sedang melalui satu zaman krisis dunia yang besar. Walau bagaimanapun, hal ini tidak boleh membebaskan kita dari tanggungjawab menyelesaikan masalah-masalah itu *seberapa yang boleh*.

Di sinilah letaknya peranan Islam di dalam politik negara kita. Islam, sebagai satu ajaran sempurna yang dijamin oleh Tuhan sendiri di dalam Quran, tidak syak lagi boleh menyelesaikan masalah-masalah bangsa dan negara kita. Yang menjadi kesulitan ialah: Apakah politik Islam yang sebenarnya bagi Malaysia moden ini? Kita tidak harus mengangap bahawa ini satu soalan yang aneh. Seperti yang telah diterangkan di atas, telah wujud tiga golongan ideologi dalam masyarakat Islam di seluruh dunia dan di negara kita sekarang: golongan-golongan sekular, tradisional, dan pertengahan. Seperti telah kita lihat, teori politik golongan sekular telah gagal kerana ia berpegang kepada ajaran-ajaran falsafah humanisme sekular yang salah dan bercanggah dengan Al-Quran. Teori golongan tradisional juga tidak akan berjaya oleh kerana mereka berpegang kepada tradisi kolot yang bercanggah dengan Al-Quran dan tidak sesuai dengan masyarakat

moden. Hanya golongan pertengahan saja mampu berbuat demikian oleh kerana mereka, berbeza dari golongan tradisional, tidak dikongkong oleh ajaran-ajaran ahli-ahli fiqah, hadith, dan teologi zaman pertengahan. Ketiga-tiga golongan ini patutlah kembali kepada jalan Islam memperbaharukan semula ikatan mereka kepada Islam dan, di atas dasar persaudaraan Islam, memutuskan semua urusan masyarakat Islam dan masyarakat Malaysia melalui syura Islam.

Sebenarnya, ajaran-ajaran Al-Quran mengenai masyarakat tidaklah banyak dan tidaklah mustahil bagi umat Islam di negara kita menganjurkan sebuah pemerintahan berdasarkan ajaran-ajaran Al-Quran. Ajaran-ajaran Al-Quran mengenai politik, ekonomi, dan sosial berdasarkan keadilan, kebajikan, dan persamaan bagi manusia. Nilai-nilai pokok seperti keadilan, kebajikan, dan persamaan adalah nilai-nilai universal. Umpamanya, dalam pemerintahan, arah dalam Al-Quran ialah sebuah pemerintahan yang berdasarkan undang-undang keadilan; yang melindungi kebebasan beragama dan kebebasan befikir; yang terdiri dari orang-orang yang layak; yang memerintah melalui perundangan; rakyat mestilah mentaati sebuah pemerintah demikian; dan yang umumnya menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan. Dalam bidang ekonomi, arahan-arahan Al-Quran ialah pemilikan sementara kekayaan oleh masyarakat; hakmilik individu berdasarkan usahanya sendiri yang sah; larangan terhadap riba dan bentuk-bentuk penindasan ekonomi yang lain, seperti monopoli, sorokan, dan penipuan; dan pembahagian kekayaan yang saksama kepada semua anggota masyarakat, termasuk yang cacat dan yang terhalang. Dalam pendidikan, Al-Quran menyuruh mendidik individu-individu beriman, berakhlak, berilmu, dan berkebolehan. Dalam kebudayaan, Islam membenarkan aneka kebudayaan dan cara hidup dengan syarat mereka tidak melanggar arahan-arahan Al-Quran dan tidak melanggar undang-undang negara.

Ajaran-ajaran sosioekonomi Al-Quran di atas adalah ajaran-ajaran universal yang bukan saja disokong oleh orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam yang adil. Oleh yang demikian, masalah penentangan rakyat bukan Islam di negara kita sebenarnya tidak timbul. Yang timbul ialah salah faham yang disebabkan oleh kekeliruan. Kekeliruan ini boleh dihapuskan dengan mudah dengan syarat masyarakat Islam sendiri muafakat di atas sebuah teori politik Islam yang sesuai dengan keadaan negara kita sekarang. Muafakat yang penting ini tidak akan dicapai kecuali umat Islam sendiri kembali kepada ajaran-ajaran Quran serta membuat ijthad untuk melaksanakan ajaran-ajaran itu di dalam keadaan negara kita sekarang.

Kesimpulan dan Cadangan

Sebagai penutup, saya ingin menegaskan bahawa Islam tidak dapat dipisahkan dari kehidupan bangsa kita dan dari politik kebangsaan kita. Jika pada masa lalu, kita mendasarkan kehidupan politik kita kepada falsafah Barat humanisme sekular, kita tidak boleh berbuat demikian terus-menerus kerana falsafah humanisme sekular sudah terbukti gagal. Namun demikian, kita tidak harus tergesa-gesa hendak mendirikan sebuah "negara Islam" di dalam keadaan umat Islam di negara kita muafakat tentang konsep "negara Islam" itu sendiri. Walau bagaimanapun, kesulitan ini tidak harus pula dijadikan alasan untuk melambatkan atau menghalang proses mewujudkan sebuah sistem sosial yang adil yang berdasarkan ajaran-ajaran Universal Al-Quran.

Untuk mencapai matlamat di atas, kita cadangkan supaya cerdik-pandai Islam di negara kita mengkaji dan mewujudkan seberapa segera sebuah teori sosial moden Islam yang lengkap dan saintifik yang sesuai dengan masyarakat moden dan dengan masyarakat Malaysia. Kita juga mencadangkan supaya gerakan Islam di negara kita (parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan awam Islam) menubuhkan sebuah Jawatankuasa Umum dan sebuah Jawatankuasa Pakar untuk menggubal sebuah Draf Perlembagaan Islam yang sesuai untuk Malaysia. Saya yakin jika langkah-langkah ini diambil dari sekarang dan bekerja dengan jujur, gigih dan cermat, dalam masa lima atau selewat-lewatnya sepuluh tahun, kita akan mendapati kita telah menyelesaikan semua masalah besar yang sekarang menghalang kita daripada mencapai cita-cita kita.

Nota dan Rujukan:

1. Lihat khasnya P.A. Sorokin, *The Crisis of Our Age* (1941) dan *Man and Society in Calamity* (1942).
2. "Kami tidak meninggalkan sesuatu pun dari kitab ini". (Al-Quran, 6:38) "Apakah akan kucari selain Allah sebagai sumber undang-undang, sedangkan Dialah yang menurunkan kitab ini kepadamu dengan terperinci?" (Al-Quran, 6: 114)
"Perkataan Tuhanmu telah sempurnalah dengan benar dan adilnya. Tiada suatu pun yang boleh meroboh kata-katanya". (Al-Quran, 6:115)
3. "Wahai kamu yang beriman, janganlah bertanya tentang hal-hal yang jika diwahyukan kepada kamu, akan menyusahkan kamu. Jika kamu menimbangkannya dari segi Quran, kamu akan sedar bahawa Tuhan meninggalkannya untuk meringankan. Allah pemaaf, penimbang rasa". (Quran, 5: 101)

4. Pelbagai macam peraturan, termasuk tentang kelakuan seperti tidur, makan dan sebagainya, telah direka oleh perkara-perkara hadis dan sunnah, tetapi Quran telah mengutuk perbuatan ini sebagai menyeleweng. "Patutkah kami perlakukan orang-orang beriman seperti orang-orang berdosa? Betapa hal kamu? Bagaimanakah kamu menghukum? Adakah kamu sebuah buku lain yang kamu pakai? Yang memberi kepada kamu apa-apa yang kamu kehendaki?" (68: 35-38)
5. Lihat kenyataan Tunku Abdul Rahman dalam *Straits Times*, Mei 1, 1959 dan sebuah rencana dalam Merdeka keluaran Ogos 15, 1968.
6. "Dialah yang menghantar pesuruh-Nya dengan bimbingan dan agama yang benar supaya ia mengatasi semua agama". (Quran, 48: 28)
7. "Orang-orang beriman itu bersaudara". (Quran, 49: 10) "Kamu hendaklah berpegang teguh kepada tali Allah, kesemuanya, dan jangan berpecah-belah". (Quran, 3: 103)

KEPIMPINAN POLITIK DI NEGARA MEMBANGUN : TOKOH UKURAN DAN TOKOH SIARAN

Syed Hussein Al-Atas*

Pendahuluan

Pengertian ketokohan dalam masyarakat kita dewasa ini merupakan persoalan yang penting sekali, yang perlu disadari oleh kita semua. Dalam sejarah masyarakat yang bertamadun dan berkebudayaan maju, terdapat dua macam tokoh, yang akan saya jelaskan dengan konsep '*tokoh ukuran*' dan '*tokoh siaran*'.

Tokoh Ukuran dan Tokoh Siaran - Maksudnya

Yang dimaksudkan dengan *tokoh ukuran* ialah seseorang yang dianggap sebagai tokoh dengan mempunyai sifat-sifat ketokohan yang jati, yang menjelmakan akibat-akibatnya dalam jangka waktu yang panjang, semasa tokoh itu hidup ataupun setelah kematiannya. Sifat ketokohan itu timbul dari akar peribadinya, tidak dipupuk dari luar andaikan perhiasan.

Tokoh ukuran ini menghasilkan pencapaian yang boleh dijadikan ukuran bagi generasi-generasi kemudian. Dalam bidang ketokohnya, apa sahaja, politik, sukan, muzik, sastera ataupun ilmu pengetahuan, hasil-hasil ketokohnya itu membawa ciri-ciri tertentu. Ianya timbul dari bakat dan usaha tersebut, dengan kebolehnya yang tertentu. Ianya menambah mutu pencapaian yang ada, kesedaran, dan pemikiran yang berlaku pada masanya. Usaha dan pencapaiannya memberi panduan pada masyarakat. Ianya memimpin jejak langkah masyarakat dalam bidangnya masing-masing.

* Dr Syed Hussein Al-Atas adalah bekas Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura dan juga bekas Naib Canselor Universiti Malaya.

Nasib yang dialaminya, apakah ianya diterima atau ditolak oleh golongan-golongan tertentu; apakah ia mendapat kedudukan atau hilang kedudukan; dihalangi atau tidak semua ini tidak memadamkan semangat perjuangannya. Ianya terus berusaha seumur hidupnya. Contoh ketokohan yang paling nyata sekali di Nusantara ini adalah peribadi Jose Rizal, pahlawan kebangsaan Filipina yang masyhur itu.

Di lapangan politik juga banyak tokoh-tokoh ukuran di Nusantara kita ini. Nama-nama semenjak kurun kesembilan belas termasuk Pangeran Diponegoro, Haji Omar Said Tjokroaminoto, Sukarno, Hatta, Syahrir, Tan Malaka, Dato Onn bin Jaafar, serta beberapa lainnya. Ketokohan mereka ini hasil daripada tenaga gerak-jiwanya masing-masing. Demikian juga mereka terkenal kerana usaha mereka dengan sendirinya menarik perhatian masyarakat.

Lain kiranya dengan *tokoh siaran*. Mereka ini dianggap sebagai tokoh kerana siaran media massa semata-mata. Sifat ketokohan yang asli tidak ada pada mereka. Waktu ketokohan mereka sangat singkat. Ianya bergantung kepada kedudukan bukan kepada bakat dan keahlian. Sifat mereka pada apa yang menjadi tujuan tidak sungguh-sungguh. Pengalaman berjuang mengatasi rintangan-rintangan tidak ada. Biasanya mereka ini terlambung ke atas kerana kesilapan sejarah; ataupun yang mengangkatnya ke atas oleh kerana kekeluargaan ataupun sebab-sebab lain.

Jika hilang kedudukannya, maka lenyaplah ketokohnya. Orang tidak ingat lagi padanya dan tidak mengharap apa-apa panduan lagi daripadanya. Peninggalannya juga tidak ada, baikpun yang berupa pemikiran tertulis ataupun perbuatan yang menjadi panduan bagi masyarakat. Contoh yang nyata sekali ialah presiden-presiden Amerika yang jumlahnya berpuluhan. Yang diperhatikan oleh masyarakat Amerika hanya beberapa sahaja, seperti George Washington, Abraham Lincoln, Thomas Jefferson, Woodrow Wilson, dan Franklin D. Roosevelt.

Persoalan tokoh ukuran dan siaran penting kita bangkitkan kerana peranan masing-masing dalam masyarakat akan menentukan nasib masyarakat tersebut. Jika jumlah tokoh siaran sangat jauh melebihi tokoh ukuran, dan jika mereka yang memegang tampuk kekuasaan, maka masyarakat itu akan susah maju. Jika sekiranya yang memegang kekuasaan itu tokoh-tokoh ukuran, maka masyarakat itu mudah maju, dengan syarat bahawa tokoh-tokoh itu tidak menjalankan rasuah dan tidak bertujuan buruk. Tokoh ukuran yang bertujuan buruk adalah Adolf Hitler.

Lebih-lebih lagi kalau tokoh-tokoh siaran menjalankan rasuah. Ketokohan yang palsu dicampuri pula oleh akhlak yang rosak, maka tokoh siaran itu sudah jadi pula tokoh sialan. Jika tokoh ukuran ataupun siaran melanggar dasar-dasar moral, maka ketokohnya itu membawa

bencana kepada masyarakat. Ini sebabnya kita namakan tokoh semacam itu tokoh sialan.

Kalau sekiranya nanti terjadi pembongkaran sehabis-sehabis peristiwa BMF dan terdapat ada korupsi beberapa tokoh-tokoh yang terlibat, maka mereka inilah yang akan kita anggap tokoh sialan. Dewasa ini di Asia, di Afrika, dan di Amerika Latin, banyak sekali tokoh-tokoh sialan yang telah berkuasa menghancurkan negerinya dan bangsanya. Sebagaimana biasanya terjadi, tindak-tanduk mereka akan dibongkar setelah mereka jatuh kekuasaannya atau meninggal dunia disertai oleh hilang pengaruh.

Tokoh Ukuran

Baiklah kita semak lebih lanjut sifat-sifat ketokohan yang sejati dan sebab-sebab tokoh-tokoh yang sejati ini dapat menjalankan perannya. Seluruh hidup seorang tokoh dipandu oleh tujuan perjuangannya. Segala peristiwa hidupnya terkait kepada tujuan perjuangannya dalam lapangan apa sahaja. Perhatiannya selamanya dikendalikan oleh tujuan perjuangannya tadi. Jika kita ambil Dato' Onn b. Jaafar sebagai contoh, tujuan memajukan masyarakat Melayu telah menjadi dorongan baginya semenjak zaman beliau masih muda. Ini nyata daripada tulisan-tulisan beliau walaupun kedudukannya dalam kerajaan berubah, daripada Menteri Besar menjadi orang biasa. Tetapi walaupun demikian, kegiatannya tidak berhenti dengan tiadanya kedudukan dalam kerajaan. Seorang lagi yang baik sekali menjadi contoh adalah Jose Rizal, penganjur kebangsaan Filipina yang telah dihukum mati oleh kerajaan Sepanyol pada akhir kurun ke-19. Rizal adalah seorang doktor mata, penyair, penulis novel, dan peminat sejarah. Rakyat Filipina menghargai dan mendengar nasihat-nasihat Rizal tanpa memandang jabatan atau kedudukan profesional Rizal. Ianya dihormati bukan kerana duitnya, bukan kerana kedudukannya dalam kerajaan, bukan kerana gelaran-gelaran, tetapi kerana keikhlasannya, keahliannya dan keazamannya dalam memperjuangkan cita-cita kebangsaan Filipina. Seluruh penghidupan Rizal berkisar kepada matlamat tersebut. Inilah sifat utama daripada ketokohan yang jati: bahawa seluruh hidupnya berkisar kepada tujuan perjuangannya.

Oleh kerana tujuan perjuangan tadi, maka seorang tokoh yang jati itu akan berterusan bertahun-tahun menyumbangkan pemikiran dalam bidang-bidang sekitar tujuan perjuangannya.

Ia tidak menyatakan pendapat-pendapat, berucap di sana sini, kalau sudah mendapat jabatan. Lama sebelumnya seharusnya ia mengeluarkan pendapat-pendapat. Contoh yang baik sekali lagi kita adalah Presiden Sukarno daripada Indonesia. Sukarno mula berpidato

dan mula memikirkan soal-soal kebangsaan Indonesia bukan semasa beliau menjadi presiden. Belasan tahun sebelum itu beliau sudah mula berpidato di sana sini, majlis di sana sini, memecahkan soal-soal kebangsaan, memimpin pemikiran rakyat Indonesia dalam beberapa lapangan. Hidupnya berkisar kepada tujuan perjuangannya. Pemikiran dan keahliannya digunakan ke arah itu. Inilah sifat ketokohan yang asli. Kita namakan tokoh yang demikian ini sebagai tokoh ukuran kerana perjuangan dan pencapaiannya dapat dijadikan panduan bagi masyarakat. Mereka itu menjadi ukuran daripada masa yang akan datang. Di Indonesia, orang menilai kepandaian berpidato atas dasar kepandaian Presiden Sokarno. Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa cara berpidato Presiden Sukarno itu belum diatasi oleh siapa pun di Indonesia. Ini hanya dari segi pidato. Dari segi pemikiran tokoh-tokoh itu juga menjadi ukuran. Rizal umpamanya telah menjadi ukuran di Filipina. Demikian juga Mahatma Gandhi, Mohd. Ali Jinnah, dan lain-lain tokoh di Asia telah menjadi ukuran bagi masing-masing sifat yang diperlukan oleh masyarakat dalam memperjuangkan cita-cita yang lebih tinggi. Sebaliknya apakah sifat-sifat tokoh siaran?

Tokoh Siaran

Tokoh-tokoh siaran adalah mereka yang dianggap menjadi tokoh bagi sementara waktu. Ketokohan mereka itu berdasarkan atas saluran-saluran propaganda seperti akhbar, radio, dan televisyen. Tokoh-tokoh yang demikian ini boleh menjadi presiden, perdana menteri, dan menteri dalam keadaan-keadaan tertentu. Ketokohan yang sejati bukanlah sifat mereka. Jika jabatannya hilang dan mereka ini tidak lagi dibesarkan oleh siaran-siaran akhbar dan televisyen, maka dengan serta-merta mereka akan dilupakan oleh masyarakat. Biasanya ada tokoh-tokoh ukuran yang mengangkut mereka dan menempatkan mereka dalam kedudukan-kedudukan tertentu. Dari mereka ini tidak ada keluar buah pemikiran yang mendalam tentang persoalan-persoalan. Mereka biasanya mengulang ucapan-ucapan dan pendapat-pendapat tokoh ukuran yang menjadi pemimpin mereka. Peranannya cuma sebagai tukang gendang. Apa yang dinyanyikan oleh tokoh ukuran yang menjadi ketua mereka akan disambutnya dengan gendang. Jika pemimpin mereka mengatakan perlu kita menanam ubi kayu, mereka akan mengulangi ucapan ini berkali-kali melalui saluran media. Tokoh siaran ini biasanya menduduki juga jabatan-jabatan penting. Jabatan inilah yang memancarkan sifat-sifat ketokohnya, bukan sifat-sifat peribadinya sendiri. Umpamanya seorang dijadikan menteri terus disiarkan dalam akhbar bahawa orang ini cerdik dan sangat bijaksana. Pada hal tidak ada apa-apa yang dia telah perlakukan bagi mengukur

kecerdikan dan kebijaksanaannya. Gambaran ketokohnya dibentuk oleh akhbar-akhbar dan televisyen. Dalam menghadapi tugasnya di kementerian, kemampuannya kurang tetapi kekurangan ini tidak ditonjolkan. Beberapa tahun setelah menduduki jabatan itu tidak ada buah-buah fikiran yang keluar daripadanya berkenaan perumusan masalah yang dihadapi oleh kementeriannya. Jika dia berpidato, naskahnya ditulis oleh orang lain. Dia sendiri tidak mampu berpidato membahaskan soal-soal kementeriannya secara mendalam tanpa naskah yang dipersiapkan oleh kakitangannya. Segala ucapannya berupa naskah-naskah yang disusun oleh orang lain yang isinya sama sekali tidak mendalam dan tidak menunjukkan sesuatu pemikiran.

Ada pun persoalan bagi negara membangun adalah keadaan tidak seimbang antara jumlah dan kedudukan tokoh ukuran dan tokoh siaran. Tokoh-tokoh siaran ini juga diperlukan oleh masyarakat untuk membantu tokoh ukuran dalam menjalankan peranannya. Tetapi kalau jumlah mereka terlalu banyak dalam sesuatu masyarakat dan jumlah tokoh ukuran terlalu sedikit maka akhirnya kekuasaan pimpinan masyarakat akan jatuh ke tangan mereka. Ini selalu terjadi dalam sejarah. Di Amerika Syarikat sahaja berapa banyak tokoh-tokoh siaran yang pernah naik ke atas dan menduduki tempat-tempat yang penting. Jika yang menjadi presiden itu seorang tokoh siaran maka dengan sendirinya ia akan memperbesar jumlah-jumlah tokoh siaran sekelilingnya. Kalau dianya tidak diangkat kembali menjadi presiden, maka pengaruhnya dan tokoh-tokoh siarannya akan lenyap. Yang menjadi persoalan dasar bagi masyarakat jika tokoh-tokoh ini bergiat ke arah yang merosakkan masyarakat. Biasanya yang dimaksudkan itu tokoh-tokoh yang menjalankan rasuah, yang tidak dengan sungguh mementingkan pentadbiran negara, yang tidak suka memikirkan persoalan-persoalan negara, yang banyak menggunakan waktu di dalam usaha politik dan menguatkan kedudukan sendiri.

Dalam keadaan demikian sukar sekali bagi tokoh ukuran yang jati untuk tampil ke muka memainkan peranan semestinya. Kekuasaan sudah jatuh ke dalam tangan tokoh-tokoh yang mempunyai sifat-sifat yang akan membawa kesengsaraan terhadap masyarakat. Ini sebabnya kita namakan tokoh yang demikian ini sebagai tokoh sialan. Pemikiran tentang tokoh sialan berakar dalam tradisi kebudayaan Melayu dan kebudayaan Nusantara seluruhnya. Dalam kebudayaan Nusantara terdapat anggapan bahawa sifat buruk sesuatu raja atau pemimpin daerah akan mengakibatkan kesusahan-kesusahan terhadap masyarakat. Umpamanya dalam kepercayaan rakyat terjadinya bencana alam seperti air bah, adakalanya dikaitkan dengan tingkah laku orang yang memerintahnya. Dalam tradisi kebudayaan Bugis, kezaliman raja dianggap akan membawa bencana kepada masyarakat. Ertinya mereka

yang berkuasa jika buruk perangnya akan membawa sial bagi masyarakat. Peristiwa BMF adalah satu yang membawa sial kepada masyarakat. Tindakan-tindakan rasuah dalam berbagai lapisan kerajaan dan dalam berbagai-bagai bidang membawa sial kepada masyarakat.

Di sini kita akan membahaskan kesan-kesan buruk yang berlaku pada satu masyarakat sebagai akibat daripada tindakan rasuah. Ini akan saya bahaskan secara panjang lebar dalam buku saya berkenaan dengan rasuah yang sedang dipersiapkan penerbitannya di Jakarta. Yang perlu dibahaskan di sini apakah keadaan-keadaan masyarakat yang akan mengurangi pengaruh tokoh-tokoh siaran tadi? Apakah keadaan-keadaan masyarakat yang dapat membangkitkan tokoh-tokoh ukuran yang sejati hingga mereka dapat memegang kekuasaan politik? Tenggelam-timbulnya sesuatu golongan dan jenis tokoh ditentukan oleh sifat masyarakat yang menerima pimpinannya.

Sebetulnya sejarah manusia dapat dilihat sebagai pertarungan antara dua jenis tokoh tadi, yang berpandu kepada ajaran-ajaran moral dan yang menentang ajaran-ajaran ini. Jika tokoh-tokoh siaran yang berhasil menguasai negara, ini disebabkan oleh kerana masyarakat tidak cukup usaha untuk mencegah mereka ataupun masyarakat tidak sedar tentang sifat-sifat ketokohan yang diperlukan. Sudah beberapa kurun kita dihidangkan makanan budaya yang beracun dan merosakkan kesihatan kita. Yang saya maksudkan di sini adalah nilai yang dipaparkan oleh hikayat-hikayat dalam masa beberapa kurun lampau. Nilai-nilai ini ditonjolkan sebagai nilai kebudayaan Melayu. Sebetulnya nilai yang ditonjolkan itu adalah nilai yang menentang kebudayaan Melayu, nilai yang mencemarkan jiwa, yang mematikan perasaan suci, yang memutarbelitkan kebenaran yang tidak ada maruah, yang hanya memalukan. Nilai yang kotor ini telah diukirkan kepada konsep kepahlawanan, yakni ketokohan. Yang keluar daripada hikayat-hikayat ini adalah tokoh-tokoh siaran, bukan tokoh-tokoh ukiran yang sejati.

Tokoh Sejati?

Dalam konvensyen Kebudayaan Melayu Tradisi yang diselenggarakan oleh Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 23 September 1984, telah saya huraikan pencemaran budaya di dalam ceramah saya Kebudayaan Melayu Tradisi Dari Kacamata Islam. Saya mula bangkitkan soal ini dua puluh tahun yang sudah dalam satu ceramah di Kota Bahru, Kelantan, diselenggarakan oleh PAS, Ogos 1965. Di sini saya nyatakan ada tiga hubungan antara Islam dan Kebudayaan Melayu iaitu pertama yang sesuai dengan Islam; kedua yang sifatnya tidak ke mana-mana, tidak menentang walaupun tidak langsung timbul dari Islam. Tokoh-tokoh

yang dikemukakan seperti Hang Tuah, Hang Nadim, Sultan Mahmud dan banyak yang lain-lain bukanlah mereka yang sifatnya suci dan membangun peradaban. Apakah yang diperbuat oleh tokoh ini? Mari kita tinjau peristiwa Singapura diserang todak yang dilukiskan pada Sejarah Melayu. Budak yang menyelamatkan Singapura melalui satu nasihat yang baik akhirnya dihukum bunuh oleh raja; dibisikkan kepada raja bahawa budak itu sangat cerdik, nanti kalau dia besar bertambah lagi kepandaiannya. Kecerdikan budak itu merupakan satu bahaya bagi petualang-petualang yang berkuasa. Mereka takut kalau budak itu nanti akan menjadi pemimpin dan menggantikannya. Raja pun berpendirian sempit. Budak itu dibunuh oleh tokoh-tokoh pada masa itu. Ini merupakan satu kejadian yang khusus dalam sejarah dunia yang seorang manusia di hukum bunuh kerana dia pandai. Bukan hanya tindakan ini bersifat buas, ianya juga bersifat bebal kerana anggapan tokoh-tokoh siaran itu bahawa kecerdikan itu satu hal yang ditakuti, yang perlu dengan serta-merta dibasmi.

Dalam peristiwa ini bukan raja pembunuh yang mewakili nilai kebudayaan Melayu, bukan mereka yang menghasut yang mewakili kebudayaan Melayu, bukan mereka yang menonton kejadian ini tanpa pemberontakan jiwa yang mewakili kebudayaan Melayu tetapi budak yang dibunuh, keluarganya, dan selainnya yang merasa sedih dan marah terhadap kezaliman itu. Jelas di sini bahawa kejadian sejarah semuanya itu tidak boleh ditelan tanpa dirasa dan dikunyah terlebih dahulu. Yang menelan tanpa mengunyah adalah buaya dan biasanya buaya itu menelan bangkai. Mereka menonjolkan tokoh-tokoh yang tidak bermoral, menelan unsur-unsur sejarah sebagaimana buaya menelan bangkai.

Satu lagi contoh, seorang raja Melaka, iaitu Sultan Mahmud. Kalau kita baca riwayat hidup Sultan Mahmud ini, tidak ada satu yang membanggakan kita, malahan makin lama kita membaca riwayat hidupnya makin bangkit perasaan malu. Apa perkhidmatannya? Mengganggu anak perempuan orang, merampas harta orang, memberi gelaran di sini sana kepada penjilat-penjilat, memperolehi isteri melalui penculikan. Tun Teja di Pahang diculik dijadikan isterinya. Apa yang kita banggakan daripada hidup yang demikian ini? Golongan Sultan, penculik, golongan Hang Nadim atau orang-orang Melayu Pahang yang menentang penculikan itu. Kalau dalam jiwanya Tun Teja tidak setuju diculik, apakah dia yang harus kita anggap yang mewakili hasrat masyarakat Melayu atau yang menculik yang sudah itu diberi gelaran?

Kekacauan nilai dalam Sejarah Melayu ini luar biasa. Nilai yang biadab dianggap sebagai nilai tamadun dan nilai yang tamadun dianggap sebagai nilai yang biadab. Semuanya terbalik! Dan terbaliknya nilai ini bukan kerana mereka itu terbalik dalam hati masyarakat

Melayu. Dalam hati masyarakat Melayu nilai ini tidak terbalik. Kalau kita tanya orang Melayu masa itu kebanyakan mereka akan mengatakan tidak setuju, sebab adanya kesedaran benar atau salah, dan ada yang menjadi mangsa dari tindakan sewenang-wenang oleh pihak berkuasa atau raja.

Kembali kepada Sultan Mahmud dari kerajaan Melaka, di kurun ke-15. Beliau mencuba memutarbelitkan agama Islam. Selain daripada membunuh, merampas harta orang, menyinggung kehormatan isteri orang, menculik tunangan orang, Sultan Mahmud mencuba melanggar perintah Al-Quran yang melarang dua adik-beradik dijadikan madu. Beliau mencuba mengahwinkan seorang puterinya lagi kepada Sultan Husain dari Haru yang sudah beristeri puterinya Sultan Mahmud, Raja Pateh. Kebetulan Sultan Husain tidak setuju menerimanya sebagai isterinya.¹

Kekacauan nilai jelas sekali muncul dalam peristiwa Tun Beraim Bapa pada masa Sultan Ahmad Perumadal Perumal, sebagaimana diterangkan oleh Hikayat Raja-Raja Pasai. Tun Beraim Bapa dan Tun Abdul Jalil keduanya putera Sultan Ahmad; dan Tun Peria dan Tun Tekiah Dara keduanya puteri daripada Sultan Ahmad. Kedua puteri ini sangat cantik rupanya, hingga kononnya, tiada bandingannya pada zaman itu. Rupanya Sultan Ahmad berkehendakkan kedua anak gadisnya itu, satu keinginan yang dikancam keras oleh agama Islam. Tun Beraim Bapa, setelah mengetahui tentang hal ini datang ke istana Sultan Ahmad di Pasai dan membawa kedua saudara perempuannya itu ke tempat kediamannya di Tukas.

Setelah itu Sultan Ahmad berusaha membunuh anaknya sendiri iaitu Tun Beraim Bapa. Untuk meringkaskan cerita ini, setelah beberapa kali ada percubaan membunuh Tun Beraim Bapa dan setelah Tun Abdul Jalil pun dibunuh, maka akhirnya Tun Beraim Bapa terbunuh juga. Sultan Ahmad telah mengirinkan racun yang dikatakannya ubat kepada Tun Beraim Bapa. Sebelum benda yang beracun itu dimakan oleh Tun Beraim Bapa, dilemparkannya sedikit kepada anjing. Sesudah memakan racun itu anjing itu segera mati. Selanjutnya demikian tertulis dalam hikayat:

Maka Tun Beraim Bapa pun bertikir di dalam hatinya "jikalau aku makan makanan ini, nescaya matilah aku, tetapi baiklah aku mati daripada nama derhaka."²

Sesudah itu Tun Beraim Bapa bertindak untuk menelan makanan beracun itu tetapi tidak sampai, ini terjadi kerana makanan itu dirampas oleh saudara perempuannya, Tun Peria, lalu ditelannya. Maka Tun Peria pun segera meninggal dunia. Dicuba lagi oleh Tun

Beraim Bapa menelan sisanya makanan yang beracun itu. Kali ini Tun Tekiah Dara yang merebut makanan itu dan dia pun segera meninggal dunia. Dua saudara perempuannya telah mengorbankan diri untuk menyelamatkan Tun Beraim Bapa. Walaupun ini telah terjadi, Tun Beraim Bapa tetap meneruskan tindakannya itu. Sisa makanan beracun yang masih ada padanya terus ditelannya. Tubuhnya langsung gatal. Akhirnya, dia pun meninggal dunia.

Yang menarik hati bagi kita adalah sikap Tun Beraim Bapa. Kenapa dia tidak melarikan diri? Kenapa dia menerima hukuman mati daripada seorang ayah yang zalim dan bertujuan berbuat sesuatu yang keji terhadap anak perempuannya sendiri? Dia telah menyebabkan pengorbanan kedua saudara perempuannya. Pengorbanan ini sia-sia belaka kerana Tun Beraim Bapa terus bertindak menelan makanan beracun itu. Dirinya serta diri kedua saudara perempuannya dikorbankan kerana anggapan derhaka. Di sini yang dimaksudkan derhaka bukan melawan raja yang zalim; lebih dari itu, mengelakkan diri daripada menjadi mangsa kezaliman.

Nyata di sini bahawa diri perseorangan itu tidak dihormati. Hak manusia hidup tanpa penindasan, hak manusia hidup atas landasan moral. Hak manusia memelihara dirinya, ini semua tidak menjadi perhitungan Tun Beraim Bapa. Keperibadiannya sebagai manusia yang berkedaulatan itu dihapuskan. Tidak ada kekuatan rohani untuk memperjuangkan kebenaran. Walaupun pada mulanya Tun Beraim Bapa telah bertindak mempertahankan kebenaran tetapi pada terusannya tenaga rohaninya untuk mempertahankan kebenaran makin lama makin lemah sehingga dia rela mengorbankan dirinya serta kedua saudara perempuannya.

Sultan Ahmad telah membunuh anaknya Tun Abdul Jalil kerana seorang puteri Majapahit telah jatuh cinta kepada Tun Abdul Jalil. Dia sendiri berkehendakkan puteri itu. Mayat Tun Abdul Jalil dibuang ke dalam laut Jambu Ayer. Puteri Majapahit itu telah mati tenggelam di laut Jambu Ayer itu, kononnya, kerana dia berdoa kepada Allah supaya dia dapat bertemu dengan Tun Abdul Jalil. Betapa keruhnya jiwa seorang anak yang takut mengelakkan diri daripada kezaliman seorang bapa seperti Sultan Ahmad. Belum lagi kita persoalkan masalah memberontak terhadap bapa yang sezalim demikian.

Oleh kerana kekacauan nilai tadi maka siapa yang dianggap tokoh itu bukanlah tokoh yang sejati. Mereka ini tokoh-tokoh siaran yang dipaparkan sebagai tokoh oleh kerana kepentingan-kepentingan tertentu. Keadaan kekacauan nilai ini dan proses menonjolkan tokoh-tokoh siaran masih terus berlaku dewasa ini. Pengaruh yang nyata terhadap keadaan ini telah bangkit dengan lebih kuat melalui faham kedewaan raja sebelum Islam masuk ke Asia Tenggara.

Mari kita ambil ucapan-ucapan Prapanca dari Majapahit dalam karyanya *Nagara-Kertagama* di kurun ke-14 Masihi. Menurut Prapanca raja itu adalah alat yang tepat untuk mengambil nyawa makhluk. Siapa yang dibunuh oleh raja dosanya akan lenyap. Lebih baik dibunuh oleh raja daripada membunuh diri.³ Ini sebabnya Prapanca juga menerima kelakuan raja lainnya seperti menghiburkan diri melalui gadis-gadis. Fahaman bahawa raja itu, sebagai makhluk, mesti hidup di bawah hukum sebagaimana makhluk-makhluk lain, tidak ada dalam pandangan Prapanca. Sikap demikian ini tidak terbatas kepada beberapa orang ataupun tempat tetapi merata di Asia Tenggara. Malahan di Siam dan di Burma kekacauan nilai ini hebat sekali. Ambillah peristiwa sekitar raja Siam, Phra Naret Rachathirat (sekitar 1590 - 1650 Masihi). Adalah satu peraturan yang keras bahawa yang membawa perahu diraja mesti memberhentikan perahu tanpa melanggar tebing. Pada suatu hari Phra Naret berangkat dengan perahu ke tempat beliau akan ditabalkan. Pendayung perahu berbuat salah waktu tiba berhenti di pantai. Pada masa itu mereka tidak dikenakan hukuman apa-apa tetapi setelah Phra Naret ditabalkan semua pendayung diraja itu dan mereka dari perahu-perahu di raja lainnya ditaksir jumlah 1600 orang, dibakar hidup-hidup di tempat mereka berlabuh tadi. Phra Naret ingin menjadikan peristiwa ini sebagai satu peringatan pemerintahannya.

Menurut van Vliet, seorang pesuruhjaya Belanda ke Siam di kurun ke-17, Phra Naret ini adalah raja Siam yang paling dahsyat pemerintahannya. Dalam 20 tahun dia telah membunuh menurut hukum dan tanpa hukum lebih 80,000 orang, tidak termasuk mangsa peperangan. Kezalimannya demikian rupa hingga terjadi beberapa orang dipaksa memakan buang airnya sendiri. Ada yang daging badannya dipotong dan dipaksa memakannya. Selamanya dia duduk dengan panah. Jika dia melihat seseorang yang berbuat sesuatu yang dia tidak suka, orang itu segera dipanah dan dipaksa orang itu menghadapnya membawa anak panahnya kembali.⁴

Phra Naret dianggap raja yang pertama meletakkan adat merangkak menghadap raja dan baring di atas lantai dengan muka menghadap ke lantai. Orang-orang asing tidak dikenakan adat ini. Phra Naret juga telah menyatakan satu pandangan yang sangat mempengaruhi suasana di zaman feudal. Pemerintahannya yang keras dan kejam itu dikatakannya, perlu bagi merubah kemerosotan rakyat Siam. Terhadap rakyat Siam beliau berkata bahawa mereka itu adalah rumput yang tumbuh atas tanah subur, lebih pendek ditebas lebih cantik tumbuhnya.⁵

Dalam suasana demikian ini, iaitu segala rumput-rumput akan dipendekkan, sudah terang sukar bagi tokoh-tokoh ukuran yang jati

timbul memainkan peranan yang penting. Yang bangkit adalah rumput-rumput yang sudah ditebas bukan bunga-bunga yang muncul daripada kekuatan pertumbuhan dirinya.

Dengan bermaharajalelanya tokoh-tokoh demikian ini, mereka akan membesarkan jumlah dan peranan tokoh-tokoh siaran yang mengikut mereka. Jika jumlah tokoh-tokoh ukuran kecil sekali untuk menentang tokoh-tokoh ukuran lainnya yang zalim maka susahlah terjadinya perubahan masyarakat ke arah kemajuan. Ditambah pula oleh kekacauan nilai yang digalakkan oleh tokoh-tokoh siaran tadi. Yang dimaksudkan di sini adalah kejadian di dalam suatu masyarakat yang telah lama dan mendalam dipengaruhi oleh unsur-unsur feudalisme yang merosak, yang penuh dengan kekacauan nilai, dan yang lemah tekad perjuangannya.

Kekacauan nilai ini tampak dalam segala bidang di sepanjang sejarah. Ambillah peristiwa di Siam pada masa Raja Pra Cao Sua (meninggal 1709 Masihi). Menurut hukum yang diletakkan oleh Raja Trailok pada tahun 1450, jurumudi perahu diraja yang membiarkan perahu itu melanggar tebing akan dihukum mati. Pada musim air bah, dan sewaktu arus sungai sangat deras dan pantai tidak terang kelihatan, perahu diraja melanggar tebing. Jurumudinya melompat ke atas tebing dan memohon kepada raja supaya ianya dihukum bunuh. Raja Pra Cao Sua ingin menyelamatkannya kerana pelanggaran tebing itu adalah soal kecil dan tidak dapat dielakkan. Tetapi jurumudi itu tetap memohon kepada raja supaya ianya dihukum bunuh untuk menyelamatkan kehormatan pekerjaannya. Jurumudi itu dihukum bunuh, setelah itu lingkungan sungai tempat perahu melanggar itu diluruskan dengan menggali tanah, membuat saluran seterusnya. Hal ini memerlukan tenaga 30,000 pekerja paksa.⁶

Kekacauan nilai di sini berupa hukum dan sikap terhadap hukum. Hukum yang demikian ini, yang tidak masuk akal, setelah diterima selama 2 1/2 kurun tanpa dipersoalkan. Sepatutnya Pra Cao Sua tidak menjalankan hukum itu dengan alasan bahawa kejadian langgar tebing itu tidak dapat dielakkan bukan daripada kurang tanggungjawab si jurumudi. Dari pihak jurumudi, kekacauan nilai itu berupa salah faham terhadap nilai bangga karier, kebanggaan pekerjaan, ataupun dalam bahasa Inggeris dikatakan 'professional pride'. Selain daripada itu, walaupun terdapat kejadian demikian itu, tidaklah memadai bahawa hukumannya itu dibunuh. Hukuman bunuh semestinya bagi satu kejahatan. Jika perahu raja melanggar tebing, ini tidaklah bererti kejahatan si jurumudi.

Hukum-hukum lain yang diletakkan oleh Raja Trailok (meninggal 1488 Masihi) juga bersifat kacau nilai. Demikianlah hukuman-hukuman yang diletakkan:

1. hubungan asmara dengan perempuan istana, bunuh untuk keduanya;
2. menggoncangkan perahu diraja, mati;
3. petugas istana yang membiarkan binatang liar masuk ke istana, mati;
4. perajurit yang menjaga istana, matanya dicabut;
5. menendang pintu istana, kaki dipotong;
6. mencaci maki mereka, mulut dipotong; berbisik dalam majlis raja, bunuh.

Dalam tahun 1536, terjadi perundangan berkenaan dengan hukum melalui ujian. Hukum ini menentukan siapa yang salah dan benar dalam perbicaraan sesuatu hal. Satu cara adalah berjalan atas bara yang panas dan merah. Yang kakinya terbakar dianggap kalah perkara. Satu cara lagi menyelam ke dalam air. Yang lebih lama menyelam dialah yang menang. Di balik pandangan ini adalah pandangan bahawa kebenaran itu berdasarkan atas kekuatan. Dengan sendirinya yang lebih kuat menyelam dialah yang benar. Pandangan ini meliputi seluruh masyarakat feodal. Ini juga dikaitkan dengan kekuasaan jabatan. Yang berkuasa menduduki jabatan merekalah yang benar. Walaupun kesalahannya sudah nyata tetapi cara merubah sikap atau pendapat yang salah itu demikian rupa sehingga setelah terjadi perubahan kesalahan yang sebelumnya itu tidak menonjol.

Dengan direndahkannya sifat-sifat keperibadian seseorang dan dibesarkannya sifat-sifat jabatan maka dengan sendirinya tokoh-tokoh yang timbul itu adalah tokoh-tokoh siaran. Dalam masyarakat feodal Asia Tenggara, dan juga di tempat-tempat lain, yang merdeka untuk menyatakan sifat-sifat keperibadiannya tanpa kongkongan adalah raja. Kemerdekaan pertumbuhan peribadi besarnya itu ditentukan oleh jarak hubungan antara diri orang itu dengan raja. Makin besar jarak itu makin kurang kemerdekaan pertumbuhan peribadi. Yang dimaksudkan dengan pertumbuhan peribadi bukan makan minum semata-mata tetapi pertumbuhan bakat-bakat terdapat dalam diri seseorang. Dalam masyarakat feodal pertumbuhan seorang sebagai pelukis umpamanya lebih besar jika dapat sokongan dari istana. Jika tidak dapat sokongan dari istana, pertumbuhannya itu akan terbatas. Dan juga dalam lapangan seni muzik, segala seni, dan kecantikan terkumpul di istana. Tiap-tiap detik dalam penghidupan seseorang terdapat kesedaran bahawa ianya itu makhluk yang kurang harga dirinya dibandingkan dengan raja dan pembesar-pembesar lainnya. Harga dirinya itu ditentukan oleh jabatan. Makin besar jabatan makin besar harga diri. Hilang jabatan hilang harga diri.

Penghapusan harga diri seseorang itu telah berlaku dengan berbagai-bagai corak. Pengembara Muslim yang termasyhur, Ibn Battuta, telah menyaksikan satu kejadian yang sangat mengejutkan baginya. Sewaktu dia diterima oleh raja di negeri yang dinamakan oleh Ibn Battuta Mul-Jawa (negeri ini dijangka di batas Tanah Melayu dengan Siam), beliau telah menyaksikan seorang menghadap sultan dengan pisau di tangannya. Pisau itu diletakkan atas lehernya, sambil orang itu berucap dengan panjang. Setelah itu kedua tangannya memegang pisau dan dengan serta merta lehernya dipotong. Demikian tajam pisau itu dan demikian kuat genggamannya hingga kepalanya langsung jatuh ke bumi. Ibn Battuta ditanya oleh raja apakah beliau pernah menyaksikan hal yang demikian. Jawab Ibn Battuta, "Tidak pernah". Setelah itu raja ketawa dan berkata, "Mereka ini hamba kita dan mereka membunuh diri kerana cinta terhadap kita. Mayat si hamba itu dibakar dengan ucapan yang besar. Keluarganya mendapat tunjangan hidup dan dianggap dengan hormat yang tinggi kerana perbuatan memotong leher tadi. Ucapan yang panjang itu adalah pernyataan cinta dan taatnya terhadap raja, bahawa ia akan membunuh dirinya kerana cinta dan taatnya ini sebagaimana ayahnya telah berbuat demikian di hadapan ayah raja dan datuknya juga telah berbuat demikian di hadapan datuk raja ini."

Diri seorang manusia dikorbankan demikian sahaja tanpa sebab yang mendesak hanya untuk kemegahan jiwa seorang raja. Hamba yang membunuh diri itu tidak mempunyai harga diri. Pembunuhan diri dengan sia-sia atas alasan cinta dan taat adalah satu tindakan yang sangat keliru yang timbul dari kekacauan nilai. Jika si hamba itu cinta dan taat kepada rajanya lebih masuk di akal jika umurnya panjang untuk memperbesar khidmatnya terhadap raja.

Yang lebih mengganggu lagi adalah pembunuhan diri Bendahara Seri Wak Raja. Bendahara ini yang hidup pada masa Sultan Muzaffar Shah dari Melaka, telah membunuh diri kerana pintu tertutup di tiup angin. Pintu itu bukan sembarang pintu. Pintu itu pintu istana. Bendahara Seri Wak Raja datang ke istana hendak mengadap sultan. Sebelum Bendahara masuk ke dalam ruangan, Sultan berangkat meninggalkan bilik tanpa mengetahui bahawa Bendahara Seri Wak Raja sedang menuju ke ruangan mengadap. Waktu bendahara tiba, pintu tertutup di tiup oleh angin. Terfikir oleh Bendahara Seri Wak Raja, "Yang di-Pertuan ini murka kepada aku. Serta aku datang, Raja masuk dan pintu pun ditutup." Setelah itu Bendahara Seri Wak Raja pun kembali ke rumahnya lalu menelan racun. Betapa sempit akal seorang bendahara yang sangat dipengaruhi oleh jiwa feudalisme. Belum diperiksa sebab pintu itu tertutup dia sudah mengambil keputusan membunuh diri. Selain daripada itu, sekiranya benar sultan

tidak ingin menerimanya apakah ini patut dijadikan sebab dia membunuh diri? Bendahara Seri Wak Raja juga tidak mempunyai harga diri. Dirinya dihapuskan kerana dia sangka sudah ditolak oleh sultan. Pembunuhan diri Bendahara Seri Wak Raja ini lebih mengecamkan fikiran daripada yang disaksikan oleh Ibn Battuta. Tindakan Bendahara Seri Wak Raja sia-sia belaka dan tidak tepat dan juga tidak diingini oleh raja. Ini adalah satu pembunuhan diri yang bersifat bebal, digerakkan oleh pintu tertiu angin.

Peribadi seperti Bendahara Seri Wak Raja ini tidak akan dapat menjadi tokoh ukuran. Ini adalah peribadi tokoh siaran yang bergantung kepada jabatan dan lantikan daripada punca kebesaran. Memang sistem masyarakat feudal Asia Tenggara menekan timbulnya peribadi-peribadi yang tokoh dan merdeka, peribadi-peribadi yang dapat menjadi tokoh ukuran. Ingatlah apa yang dikatakan oleh Phra Naret, bahawa rakyat itu sebagai rumput yang selamanya perlu ditebas supaya nampak cantik. Penekanan atas pertumbuhan peribadi selalu disebut oleh pemerhati-pemerhati luar berkenaan dengan Siam. Quaritch Wales menulis bahawa dalam pemerintahan pegawai-pegawai itu lebih diketahui dengan nama gelarannya daripada nama peribadinya. Nama peribadi pegawai itu tidak dipakai setelah ia menerima jawatan. Yang dipakai nama gelaran dari jawatan itu. Akibat dari ini pegawai-pegawai yang berkebolehan mudah sekali dilupakan rakyat setelah mereka berhenti kerja.

Ini yang dikehendaki oleh sistem kerajaan itu kerana peribadi-peribadi yang terkenal di kalangan rakyat tidak dikehendaki oleh sistem beraja yang mengatasi hukum (absolute monarchy). Pembesar-pembesar yang jatuh dari kedudukannya oleh kerana sesuatu perbuatan yang tidak baik, serta dihukum dan dihina, mudah sekali kembali kepada kedudukannya dan tempat terhormat; kembali kepada kedudukan, menghapuskan cacat yang sebelumnya, sebab sifat keperibadian orang itu tidak penting dibandingkan dengan sifat kedudukannya.¹⁰ Inilah pengaruh yang besar sekali dalam sejarah negara-negara Asia Tenggara yang telah menyebabkan bangkitnya tokoh-tokoh siaran, memberikan peranan penting kepada mereka dan menyekat tampilnya tokoh-tokoh ukuran yang sejati. Oleh kerana maharajalelanya tokoh-tokoh siaran ini maka berbagai-bagai macam perbuatan telah dinyatakan yang sifatnya menguatkan kedudukan tokoh-tokoh siaran itu.

Teringat saya kepada kebiasaan seorang Jeneral, Ja'far Khan namanya, pada kurun ke-18 di India. Ja'far Khan adalah seorang hartawan yang sangat menarik budi bahasanya. Ja'far Khan mempunyai satu kebiasaan yang sangat menarik perhatian. Seluruh India mengetahui bahawa zat minyak wangi air mawar itu tidak mudah didapati dan tetapi Ja'far menggosok kudanya dengan zat air mawar ini.

Pada suatu ketika zat air mawar ini susah didapati dan berapa pun akan dibayar. Seorang penjaga kuda telah mendapat untung dengan mengumpulkan peluh kuda itu pada masa yang lampau dan menyimpannya hingga dibeli kembali oleh Ja'far Khan.¹¹ Ja'far Khan perlu mencurahkan air mawar ke atas kudanya supaya dia dapat memancarkan sinar keperibadiannya. Sinar ini merupakan cahaya api sekitar satu benda yang berasal luar daripada diri benda itu. Ini bukanlah sinar yang memancar daripada batu permata. Sinar permata ini berasal daripada hakikat wujudnya sendiri. Inilah sinar tokoh-tokoh ukuran yang sejati.

Yang mencurahkan air mawar ke atas kuda banyak sekali di antara kita. Walaupun baunya harum maknanya kosong. Walaupun bijaksana dan menarik peribadi tuan empunya kuda tetapi perbuatannya itu tidak patut diikuti. Pada zaman sekarang aliran mencurahkan air mawar ke atas kuda makin lama makin terasa. Mudah-mudahan aliran ini tidak akan besar pengaruhnya di masyarakat kita.

Dengarlah riuh tokoh siaran
Membawa kecuah, roboh landasan
Dengarlah seru tokoh ukuran
Membawa mutu, tokoh sandaran.

Memang biasa tokoh siaran
Memimpin bangsa dengan jeritan
Memanglah jasa tokoh ukuran
Menjamin bangsa dengan fikiran.

Rujukan:

1. Windtedt, R.O., 'The Malay Annals of Sejarah Melayu', JMBRAS, Vol. XVI, Part III, hal. 208. (Ejaan telah disesuaikan)
2. Hill, A.H., 'Hikayat Raja-raja Pasai', JMBRAS Vol. XXXIII, Pt. 2, June 1960, hal. 90. (Ejaan telah disesuaikan).
3. Theodore G. Th. Pigeaud, *Java in the 14th Century*, hal. 58-59. Jil. III. Martinus Nijhoff, The Hague, 1960. Terjemahan dalam bahasa Inggeris Nagarakertagama
4. Jeremias van Vliet, *The Short History of the Kings of Siam* (Tr. Leonard Andaya and ed. David K. Wyatt).
5. Sama, hal. 83.
6. Chula Chakrabongse, *Lord of Life*, London: Alvin Redman. 1967. hal. 66-7



UMNO DALAM ARUS PERDANA POLITIK KEBANGSAAN

7. Wood W.A.R., *A History of Siam*, Bangkok: Chlerrmitt Book Shop. 1924. hal. 86, 101
8. Ibn Battuta, *Travels in Asia and Africa 1325 - 1354*. London: Routledge and Kegan Paul. 1929. hal. 227 - 8
9. Winstedt, R.O., *Sama*. Hal. 93
10. H.G. Quatritch Wales, *Ancient Siamese Government and Administration*. New York: Paragon Book Reprint Corp. 1965. hal. 39-8
11. Niccolao Manucci, *storia Do Mogor*, Jilid III, hal. 416-7. Diterjemahkan oleh William Irvine. London: John Murray. 1907

PERANAN WANITA UMNO DALAM POLITIK KEBANGSAAN

Aishah Ghani*

Pendahuluan

Di Malaysia masyarakat telah lama mengiktiraf dan mengakui tentang bagaimana pentingnya sumbangan wanita di dalam pembangunan negara. Wanita pernah digambarkan sebagai "tiang negara" dan bergerak "seiring jalan" dengan kaum lelaki dalam berjenis-jenis kegiatan. Gambaran ini sungguh jelas dilihat apabila kita kaji sumbangan wanita di bidang politik kebangsaan. Sejak tahun 1846 lagi apabila masyarakat Melayu mula menentang ura-ura British hendak menghapuskan Raja-raja dan keistimewaan orang-orang Melayu menerusi konsep "Malayan Union", kaum wanita telah tampil ke hadapan. Mereka digerakkan oleh keazaman dan semangat yang bersungguh-sungguh untuk bersama-sama berganding bahu dengan kaum lelaki di arena politik dan lain-lain sektor pembangunan.

Esei ini bertujuan untuk membentangkan sejarah dan corak penglibatan wanita di bidang perkembangan politik kebangsaan sejak akhir tahun 40-an hingga ke akhir tahun 70-an. Pengertian wanita di sini adalah dihadkan kepada wanita Melayu walaupun kita akui bahawa wanita asing juga telah lama menglibatkan diri dalam politik. Berasaskan definisi ini, maka esei ini adalah tertumpu kepada kisah penglibatan Wanita UMNO sahaja. Saya berpendapat bahawa kemajuan Wanita UMNO mencerminkan juga kemampuan wanita secara keseluruhan.

* Tan Sri Hajah Aishah Ghani adalah bekas Menteri Kebajikan Am dan juga bekas Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Robiah Sidin yang telah membantu beliau mengumpul data untuk menyiapkan rencana ini.

Penubuhan Pergerakan Wanita UMNO

Wanita UMNO yang dahulunya dikenali sebagai Pergerakan Kaum Ibu UMNO, telah ditubuhkan pada 25 Ogos 1949, iaitu tiga tahun selepas wujudnya badan induk UMNO. Idea untuk menubuhkan sebuah pergerakan bagi ahli-ahli UMNO telah disuarakan oleh tiga orang wakil wanita yang turut hadir di dalam persidangan UMNO 1946. Mereka ialah Puan Sri Datin Puteh Mariah, wakil Perikatan Melayu Perak; Puan Zainab Ab. Rahman, wakil Persatuan Melayu Seberang Perai; dan Puan Saleha Mohd. Ali wakil Persatuan Melayu Selangor. Mereka berpendapat kaum wanita di dalam UMNO perlu disatukan dalam UMNO supaya UMNO dapat sokongan penuh dari semua anggota masyarakat Melayu. Puan Sri Datin Puteh Mariah telah dilantik menjadi ketuanya yang pertama.

Pergerakan Wanita UMNO bermula sebagai gabungan dari bahagian-bahagian Kaum Wanita yang telah ada pada Persatuan-persatuan Negeri yang bergabung dengan UMNO. Tidak semua dari persatuan-persatuan ini merupakan pertubuhan politik, malahan kebanyakannya adalah bercorak kebajikan atau sosial yang bertujuan membuat kerja-kerja amal atau yang mementingkan keperluan-keperluan wanita, rumahtangga, dan keluarga. Objektif penubuhan Wanita UMNO ini ialah untuk sebuah pertubuhan wanita yang kuat lagi berkesan di peringkat negeri dan kebangsaan yang boleh bersuara sebagai satu badan. Umumnya ia bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dan penglibatan ahli-ahli di bidang politik, pendidikan, kebudayaan, sukan, aktiviti-aktiviti sosial dan agama, dan mencari kemajuan sosial.¹

Suasana persekitaran dan isu-isu politik semasa Wanita UMNO ini ditubuhkan menjadikan badan ini lebih dari hanya sebuah badan sosial, dan kebajikan yang biasa. Dari segi struktur, Wanita UMNO ini ialah sebahagian dari UMNO dan dari itu ahli-ahlinya sama-sama mendukung perjuangan dan cita-cita UMNO iaitu untuk memperjuangkan hak-hak dan kedaulatan Raja-raja Melayu, menentang Malayan Union dan kemudiannya menuntut kemerdekaan. Wanita UMNO dipertanggungjawabkan khusus untuk melahirkan semangat kesedaran terhadap perjuangan UMNO di kalangan golongan wanita khususnya di samping menguruskan hal-hal kewanitaan bagi parti UMNO.

Wanita Menentang Penjajahan

Salah satu sumbangan penting yang diberikan oleh Wanita UMNO ialah menentang penjajahan di negara ini. Wanita telah bersama-sama mengembleng seluruh tenaga dan semangat menentang

Malayan Union. Timbulnya kesedaran yang sedemikian secara tidak langsung adalah berkait dengan kedatangan penjajahan Jepun di negara ini. Penduduk Jepun telah memupuk semangat nasionalisme di kalangan penduduk tempatan. Mereka menyedarkan orang-orang Melayu bahawa negara-negara barat tidaklah terlalu gagah seperti yang disangkakan oleh kebanyakan orang. Jepun juga menyebabkan wanita-wanita Melayu pandai keluar rumah untuk berniaga dan berdikari.

Apabila rancangan Malayan Union diisytiharkan, wanita sama-sama tampil ke hadapan menentanginya dengan hebat. Sungguhpun pertubuhan Wanita UMNO belum lagi diwujudkan tetapi wakil dari Pertubuhan Kaum Ibu adalah sama-sama aktif. Misalnya apabila Kongres Se-Tanah Melayu (Pan-Malaya Congress) diadakan pada 1 April 1946, di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, wakil dari Persatuan Kaum Ibu Selangor hadir bersama-sama. Dalam pada itu wanita-wanita lain juga turut hadir sebagai pemerhati bersama suami dan kawan-kawan mereka.

Demikianlah seterusnya dalam perjumpaan-perjumpaan untuk menyorok bantahan, wanita turut sama memberi ucapan yang bersemangat dan berapi-api atau berarak beramai-ramai menyuarakan bantahan mereka terhadap niat British itu. "Kaum-kaum ibu Melayu, buat pertama kalinya dalam sejarah kebangkitan nasionalisme Melayu, telah turut keluar beramai-ramai dalam setiap perhimpunan dan perarakan tunjuk-tunjuk perasaan."² Penyertaan wanita juga membuktikan bagaimana bulatnya perasaan tidak puas hati di kalangan orang-orang Melayu terhadap Malayan Union pada masa itu.

Wanita UMNO dalam Menuntut Kemerdekaan

Perjuangan Wanita UMNO adalah mengikut rentak irama kehendak politik pada satu-satu zaman. Dalam usaha untuk menuntut kemerdekaan kita dapati Wanita UMNO turut sama menyuarakan pandangan mereka dan menyokong slogan UMNO yang telah bertukar dari "Hidup Melayu" kepada "Merdeka". Tetapi, memandangkan bahawa masa itu ahli-ahli pertubuhan adalah masih kecil dan begitu ramai pula dari kaum wanita yang masih buta huruf, dapat kita jangkakan bahawa sumbangan wanita adalah lebih bercorak memberi semangat atau moral kepada lelaki menyatupadukan kemerdekaan. Pernah disuarakan oleh Dato' Onn bahawa "*The voice of the Kaum Ibu will be as powerful as the men - the voice of both will determine the shape of the administration of the country*".³

Mungkin satu bidang penting yang dimainkan oleh Wanita UMNO dalam mencapai kemerdekaan ialah dalam membuka mata rakyat,

kaum wanita khususnya akan erti kemerdekaan. Semasa itu masih ramai dari golongan rakyat yang kurang faham dengan perjuangan politik UMNO untuk mendapat kemerdekaan dan pemerintahan kerajaan sendiri. "Tugas wanita ialah menyokong UMNO".⁴ Pemimpin-pemimpin Wanita termasuklah Hajjah Zain bt. Sulaiman (Ibu Zain), Puan Khadijah Sidek dan Tan Sri Fatimah Hashim, bersama-sama dengan pemimpin lelaki melawat kampung-kampung untuk memberi syarahan tentang kepentingan menyokong perjuangan politik UMNO dalam menuntut kemerdekaan negara. Boleh dikatakan bahawa fungsi Wanita UMNO waktu itu ialah untuk membukakan mata rakan-rakan mereka di seluruh pelusuk negara akan perubahan dalam struktur pemerintahan negara di samping mengajak mereka bersama-sama ke hadapan memajukan dan menyiapkan diri untuk perubahan-perubahan yang akan datang. Pemimpin-pemimpin Wanita UMNO adalah contoh bagi kaum wanita Melayu.

Wanita UMNO Menyatupadukan Rakyat

Walaupun sejak awal lagi pemimpin-pemimpin Wanita UMNO telah sedar betapa perlunya wanita menonjolkan diri dan tampil ke hadapan memimpin negara⁵ tetapi prioriti tindakan dalam tahun-tahun 50-an dan 60-an nampaknya adalah terhadap menyebarkan pengaruh dan menguatkan keahliannya. Dari segi usaha untuk membanyakkan ahli dan menyokong perjuangan UMNO, Wanita UMNO telah memberikan sumbangan yang besar dalam politik kebangsaan. Hasil dan kegigihan pemimpin-pemimpin di peringkat kebangsaan dan negeri, Wanita UMNO telah mendaftarkan lebih dari 20,000 ahli pada tahun 1960 dan lebih kurang 190,000 orang pula di akhir 1968. Hasil dari jumlah ahli-ahli inilah dan sokongan yang mereka beri tiap-tiap kali pilihanraya diadakan, maka Wanita UMNO diakui sebagai tangan dan tulang belakang kepada UMNO.

Wanita UMNO hari ini merupakan satu pertubuhan wanita yang terbesar dengan ahli-ahli yang terdiri lebih kurang 375,000 (1980). Jumlah ini lebih besar dari keahlian bagi kaum lelaki. Pernah ditulis bahawa penglibatan wanita dalam pertubuhan ini telah, "membawa pembaharuan dari segi pemikiran dan menyedarkan wanita-wanita Melayu akan pentingnya mereka turut memainkan peranan dalam politik terutama melalui UMNO."⁶

Sambutan golongan wanita dalam pertubuhan ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Mungkin yang paling utama ialah kerana Wanita UMNO ini pada asasnya tidak menghadkan aktiviti hanya kepada perkara-perkara politik. Dalam tahun-tahun awal ia ditubuhkan, dapat dilihat bahawa dari segi matlamatnya Wanita UMNO

adalah juga merupakan sebuah pertubuhan sosial yang menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan terutama di bidang membenteras buta huruf, meninggikan kesihatan keluarga, hal masak memasak, dan menjaga hak dan keselamatan wanita. Aktiviti-aktiviti begini yang berkait rapat dengan peranan tradisi wanita mengekalkan minat kaum ibu dan wanita di dalam pergerakan UMNO. Lagi pun dengan adanya orientasi ini, maka Wanita UMNO sentiasa mendapat perhatian ramai sebagai sebuah pertubuhan yang dapat membantu kerajaan meninggikan taraf hidup orang-orang Melayu dan membangunkannya.

Struktur parti juga saya percaya menyebabkan Wanita UMNO ini berjaya menyatupadukan rakyat. Usaha untuk menambahkan ahli membawa pemimpin-pemimpin ke desa dan umumnya mereka ini adalah tradisi dari wanita yang berpelajaran atau yang berpangkat seperti Ibu Zain, Datin Halimah isteri Allahyarham Dato' Onn, dan Puan Khadijah Sidek. Dengan cara ini, mereka dapat merapatkan lagi wanita Melayu dari berbagai-bagai kelompok atau kelas sosial dan sedikit sebanyak mereka menjadi contoh kepada wanita di luar bandar.

Penganalisan yang teliti terhadap aktiviti-aktiviti Wanita UMNO hari ini menunjukkan bahawa prestasi yang sama masih dikekalkan sejak tahun 70-an apabila saya mengambil alih teraju kepimpinan. Wanita UMNO menubuhkan beberapa biro seperti biro Ekonomi, Pelajaran, Politik, Agama, Buruh dan Gunatenaga, Kebudayaan, dan Kebajikan. Tujuan ditubuhkan biro ialah untuk menyesuaikan penglibatan Wanita UMNO dengan zaman dan merapatkan lagi kepimpinan wanita di peringkat kebangsaan dengan pemimpin dan anggota-anggota di peringkat tempatan. Menerusi biro-biro ini, Wanita UMNO dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kilang misalnya dan menyalurkan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan yang sewajarnya. Cara inilah Wanita UMNO terus bertugas menjaga hak dan kepentingan golongan wanita di negara ini.

Wanita UMNO sebagai Suara Politik

Wanita telah lama mengambil bahagian dalam perbincangan politik dan pentadbiran negara. Misalnya dalam perbincangan menentukan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, wakil-wakil wanita bersama-sama wakil-wakil lelaki menghadiri mesyuarat dengan Sultan-sultan dan Pemerintah British. Sejak tahun 1948 hinggalah Pilihanraya 1955, beberapa orang Wanita UMNO telah diberi penghormatan menjadi ahli dalam beberapa Majlis Negeri (State Council). Antaranya ialah Puan Azizah di Perak dan Puan Saleha bt. Mohamed Ali di Selangor.

Dalam Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council) seorang wanita telah dipilih sebagai calon. Beliau ialah Puan Halimahton Abdul Majid yang bertanding di Ulu Selangor. Di peringkat negeri pula tiga orang wanita dipilih menjadi wakil untuk Dewan Undangan Negeri.

Perwakilan wanita yang dipilih dari Wanita UMNO dari awal lagi telah membuktikan bahawa wanita diiktiraf sebagai rakan sejawat (partner) yang boleh dibawa ke tengah dan diajak berunding untuk menentukan dasar kerajaan dan pelaksanaan pentadbiran negara. Tetapi bila dikaji dari segi ramainya ahli-ahli Wanita UMNO dan dibandingkan dengan bilangan mereka yang terpilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli EXCO Negeri, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dan lain-lain lagi yang memegang jawatan di peringkat Kerajaan Pusat - maka apa yang nyata ialah bilangan perwakilan suara wanitanya adalah masih jauh dari memuaskan. Sesungguhnya ini merupakan satu-satunya matlamat perjuangan wanita yang masih belum tercapai sepenuhnya.

Bilangan calon-calon Wanita UMNO yang bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas dapat kita lihat dalam Jadual I di bawah ini.

Jadual I

Pencalonan dan Perlantikan Wanita UMNO dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri

Tahun	Persekutuan	Negeri
1986 Dicalonkan	1	2
Menang	1	2
1959 Dicalonkan	3	10
Menang	2	5 + 1*
1964 Dicalonkan	2	8
Menang	2	8
1969 Dicalonkan	3	13
Menang	3	7
1974 Dicalonkan	5	14
Menang	2	9
1978 Dicalonkan	6	13
Menang	4	10
1982 Dicalonkan	5	7
Menang	5	6

Sungguhpun suara-suara protes dari wanita mengenai perwakilan ini telah lama kedengaran, namun nampaknya parti induk UMNO seolah-olah masih berpegang dengan pendiriannya yang pertama kali didengar dalam tahun 1954; "bahawa wanita hanya akan dipilih bertanding jika dianggap sesuai". Adalah jelas bahawa pucuk pimpinan tidak sanggup mengeneppikan wanita sama sekali. Dalam tiap-tiap pilihanraya mulai 1959 hinggalah sekarang, kita dapati beberapa nama Wanita UMNO akan diketengahkan untuk pertimbangan. Mungkin inilah satu cara mereka dapat mengelakkan diri dari dikedam di samping dapat menjaga hati ahli-ahli wanita.

Semasa saya menjadi Ketua Pergerakan Wanita, saya telah pun menarik perhatian ramai tentang kurangnya perwakilan wanita. Dalam tahun 1977 misalnya, dalam ucapan saya di Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita UMNO, saya menyatakan bahawa pilihanraya ialah kemuncak aktiviti satu-satu pertubuhan politik. Memandangkan bahawa Wanita UMNO telah mempunyai pengalaman yang luas serta kematangan dalam tugas-tugas menghadapi pilihanraya, saya berpendapat wanita telah cukup sedia dengan barisan yang hendak bertugas sebagai pekerja pilihanraya mahupun sebagai calon untuk merebut kerusi-kerusi yang dipertahankan. Jadi adalah patut perwakilan wanita dalam Dewan-dewan Undangan Negeri dan Parlimen ditambah supaya lebih berkesan. Dengan cara ini, nisbah calon dengan bilangan penduduk yang diwakili, tidaklah terlalu berbeza di antara lelaki dengan perempuan. Dalam tahun 1977-78 misalnya nisbah itu ialah 1 : 30, 000 bagi rakyat lelaki dan 1 : 730,000 bagi wakil rakyat wanita. Sayugia diingatkan yang penduduk wanita hari ini ialah lebih kurang 40% dari jumlah penduduk sementara pengundi-pengundi wanita pula berjumlah 42%.⁷

Selain meminta tambahan kerusi dalam pilihanraya, Wanita UMNO juga telah menuntut supaya lebih ramai wanita dilantik ke dalam kabinet. Walaupun permintaan telah disuarakan sejak 1964 lagi, hanyalah dalam bulan Mei 1969 Tan Sri Fatimah Hashim dilantik sebagai Menteri Kebajikan Masyarakat. Saya mengambil alih portfolio ini apabila saya memegang pucuk pimpinan Wanita UMNO dalam tahun 1972. Bilangan Menteri Wanita bertambah seorang apabila Datin Paduka Rafidah Aziz diberi portfolio Menteri Perusahaan Awam dalam tahun 1981. Sayangnya kekosongan yang terdapat apabila saya bersara dalam politik dalam tahun 1984 tidak diisi menyebabkan wakil wanita dalam kabinet masih tinggal seorang sahaja. Jika disenaraikan jumlah perwakilan Wanita UMNO bagi tahun 1985, kelemahan dari segi perwakilan sudah pasti dapat dilihat dengan terang sekali. Lihat Jadual II.

Jadual II
Perwakilan Wanita dalam Kerajaan
Persekutuan dan Negeri, 1985

Menteri	-	1
Timbalan Menteri	-	3
Ahli Parlimen	-	8
Ahli Dewan Negara	-	7
Ahli Dewan Undangan Negeri	-	13
Ahli EXCO Negeri	-	1
Anggota M.K.T.	-	1

Isu-isu Perjuangan Wanita UMNO

Skop dan kesan penglibatan Wanita UMNO dalam politik kebangsaan dapat juga kita lihat dengan mengkaji isu-isu yang diketengahkan oleh Wanita UMNO selalunya menerusi usul-usul yang dibuat di Perhimpunan-perhimpunan Agung UMNO. Usul-usul ini bermula sebagai isu yang dibincangkan terlebih dahulu di Perhimpunan-perhimpunan Wanita UMNO di peringkat bahagian.

Banyak isu yang telah dibangkitkan oleh Wanita UMNO semenjak 1949. Isu-isu ini yang bercorak kebajikan, sosial, pendidikan, organisasi dan politik kadangkala telah diberi sambutan yang sewajarnya oleh kerajaan, tetapi adakalanya ditinggalkan sepi begitu sahaja. Namun demikian, saya suka menarik perhatian akan isu yang pada hemat saya telah pun membawa sedikit sebanyak perubahan kepada status dan nasib kaum wanita di negara ini secara keseluruhan.

Dalam tahun 60-an, sumbangan besar yang dibuat oleh Wanita UMNO ialah menubuhkan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (National Council of Women). Usaha ini telah didahului dengan inisiatif untuk mengiktiraf 25hb. Ogos 1962 sebagai Hari Wanita untuk memperingati sumbangan wanita kepada tanah air. Bulan Ogos sengaja dipilih sempena tercapainya kemerdekaan negara.

Penubuhan Majlis Kebangsaan Wanita dalam tahun 1963 adalah penting kerana melaluinya pertama kali segala tenaga wanita di Malaysia, bukan sahaja wanita-wanita Melayu dapat digabungkan. Melalui pertubuhan ini, sekurang-kurangnya golongan wanita mempunyai satu lagi saluran atau 'avenue' untuk bertindak mendapatkan hak-hak dan meninggikan status wanita dalam masyarakat dan menjaga kebajikan dan kepentingan wanita dan kanak-kanak. Misalnya Wanita UMNO, bersama-sama Majlis ini dan badan-badan

sekerja telah berjaya mendesak kerajaan untuk memperbaiki status Wanita sebagai pekerja. Tuntutan-tuntutan yang telah mendatangkan faedah kepada wanita hari ini ialah tuntutan untuk mendapatkan gaji yang sama, pencen untuk kaum wanita dan meluluskan undang-undang 'Nafkah Sara Hidup Anak dan Isteri' untuk wanita yang bukan Islam.

Wanita UMNO juga telah menggerakkan wanita-wanita Melayu memasuki lapangan perniagaan dan koperasi. Koperasi Dermajaya Wanita Berhad (Ko-op Jayanita) telah ditubuhkan dalam tahun 1975 untuk mengumpulkan modal di kalangan wanita supaya boleh dilaburkan. Menerusi Biro Buruh dan Gunatenaga, Wanita UMNO telah berusaha memberi perlindungan kepada pekerja buruh wanita dari segi hak-hak mereka.

Kemuncak kepada perjuangan dan tuntutan Wanita UMNO pada hemat saya ialah tuntutan untuk memindah peraturan pelaksanaan Mahkamah Syariah dan menggubal Undan-undang Keluarga Islam yang bertujuan untuk menjadikan lebih berkesan peruntukan-peruntukan mengenai perkahwinan, penceraian, nafkah, penjagaan anak dan lain-lain. Undang-undang ini yang telah siap drafnya tidak bertujuan menyekat poligami dan tidak juga mengubah hukum-hukum Islam. Matlamat yang hendak dicapai ialah supaya pelaksanaan undang-undang keluarga berjalan mengikut lunas Islam dan adil kepada semua pihak. Yang paling penting, ia membawa kestabilan keluarga.

Menerusi isu-isu seperti yang tersebut di atas, Wanita UMNO telah membuktikan bahawa ia berfungsi sebagai satu kumpulan pendesak, untuk menentu, meninggi, dan meluaskan lagi hak dan status wanita. Sebagai satu badan yang disokong oleh lebih dari 50% wanita-wanita Melayu, ianya dapat dianggap sebagai jentera penting yang menyedar dan membangunkan wanita-wanita Melayu khususnya. Sesungguhnya sumbangan ini adalah selari dengan nilai murni UMNO yang bertujuan "memelihara bangsa dan tanah air Melayu supaya menjadi setaraf dengan lain-lain umat yang bebas merdeka di seluruh dunia ini."⁷

Cabaran dan Perjuangan Masa Depan

Sebagai satu pertubuhan politik, Wanita UMNO mementingkan keahlian kerana dari keahlian inilah kita dapat menentukan sokongan bagi menjamin hidup atau matinya pergerakan ini. Kebanyakan ahli wanita sekarang adalah terdiri daripada suri-suri rumahtangga yang sebahagian besarnya berada di luar bandar. Sokongan dari wanita yang bekerja, terutamanya di bandar semakin bertambah tetapi boleh dipertingkatkan lagi. Satu cabaran yang dihadapi oleh Wanita UMNO hari ini ialah lebih ramai lagi wanita muda, yang berpelajaran dan

bekerja terutama di bandar menyertai pertubuhan ini. Perkara yang perlu dikaji dengan halus ialah bagaimana kita boleh menimbulkan kesedaran dan minat untuk berpolitik di kalangan wanita-wanita yang sudah sememangnya sibuk dengan tugas-tugas kerja dan urusan rumahtangga mereka.

Cabaran yang lebih besar saya rasa ialah dalam meningkatkan kualiti atau mutu kepimpinan dan pengaruh Wanita UMNO ini. Tadi telah saya sebutkan bahawa perwakilan wanita dalam Kabinet, Parlimen, Dewan Undangan Negeri dan lain-lain masih kecil. Salah satu sebabnya ialah kerana Wanita UMNO masih berkurangan perwakilan dan pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian. Kita dapati bahawa Wanita masih tidak menceburkan diri dengan seluas-luasnya di peringkat negeri. Biasanya wanita hanya aktif sebagai ahli biasa dan menjadi pemimpin untuk bahagian wanita dalam satu-satu cawangan. Tidak ramai yang berjaya memimpin pertubuhan badan induk UMNO sebagai Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Setiausaha dan sebagainya. Sebenarnya perkara ini bukanlah mustahil dilakukan. Pengalaman saya sendiri telah membuktikan bahawa wanita boleh jadi pemimpin jika kita hendak dan berusaha dengan kuat. Yang penting ialah menimbulkan kesedaran dan semangat di kalangan wanita supaya di semua peringkat pertubuhan, perwakilan wanita adalah lebih ramai dan kesannya lebih dirasai.

Berhubung dengan meluaskan lagi kesan dan pengaruh kepimpinan dan penglibatan wanita, satu lagi cabaran pada pandangan saya ialah bagaimana kita boleh menarik lebih ramai lagi golongan intelek dan profesional wanita untuk menceburkan diri dalam pergerakan ini. Mungkin dengan lebih ramai lagi golongan wanita ini, Wanita UMNO boleh meningkatkan kualiti keahlian dan kepimpinan parti ini. Pada permulaannya kaum intelek perlu melibatkan diri dari bawah sebagai ahli-ahli biasa sebelum menyandang jawatan ketua. Tetapi syarat ini kadangkala boleh merupakan halangan bagi mereka.

Kalau kita teliti dengan halus, untuk memenuhi cabaran di atas, jawapan terletak di atas kemahuan dan sikap wanita sendiri. Kita akan dapat memenuhi kehendak-kehendak kualiti, penglibatan yang lebih dan sebagainya jika wanita sanggup sama-sama tampil ke hadapan dan berusaha bersungguh-sungguh. Ada wanita dalam mesyuarat kita hari ini yang tidak mahu memberi sokongan. Mereka masih berpendapat bahawa politik adalah hak lelaki dan tempat mereka bukanlah di hadapan atau seiring dengan lelaki. Mereka lebih suka bermula setapak di belakang. Sikap ini sesungguhnya amat mengecewakan dan semestinya dihapuskan demi memastikan kemajuan dan kejayaan pergerakan ini.

Rujukan:

1. Lihat misalnya huraian dalam Manderson, *Women, Politics and Change*, O.U.P. Kuala Lumpur 1980, bab 5 m.s. 65.
2. Lihat Tan Sri Syed Ja'afar Albar 'Sa-Layang Pandang Sejarah Perjuangan UMNO 20 tahun', UMNO 20 Tahun, m.s. 39
3. Lihat Manderson m.s. 60
4. Wawancara Dengan YB Tan Sri Fatimah Hashim, rakaman Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
5. Lihat misalnya perjuangan pemimpin ketiga Puan Khadijah Sidek dengan tuntutan-tuntutannya.
6. Lihat rencana Faridah Idris, "wanita UMNO dalam menghadapi Tahun 80-an yang lebih mencabar," dalam *Wanita Ogos*, 1980.
8. Datin Fatimah bt. Abdul Majid kalah di Johor tetapi menang dalam pilihanraya Kecil yang diadakan dalam tahun 1959.
9. Lihat Penyata UMNO 77/78 Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur 1978, m.s. 412